



كوليكسي أوجاقتن رسمي

**KOLEKSI
UCAPAN RASMI
MENTERI BESAR KELANTAN
SIRI 2**



**YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB
(DATO' BENTARA KANAN)**

KOLEKSI
UCAPAN RASMI
MENTERI BESAR KELANTAN
SIRI 2

YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB
(DATO' BENTARA KANAN)

SUSUNAN
MOHD ASRI MAT DAUD

Cetakan Pertama 2019

HAKCIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada UKMB Resources.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Koleksi Ucapan Rasmi Menteri Besar Kelantan Siri 2, YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob (Dato' Bentara Kanan) / (disusun oleh) Mohd Asri Mat Daud—Kota Bharu : Azkia Advertising and Printing, 2019. 398 p. : ill. ; 25 cm.

ISBN 978-967-16008-1-8 1. Ahmad Yakob, Dato' Bentara Kanan
Adresses 2. Kelantan – Politics and government – Adresses

i. Mohd Asri Mat Daud

Penerbit

UKMB Resources
Tingkat 1, Bangunan PAS, Jalan Dato' Pati,
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel/Fax: 09-7470497
Emel: ukmbkelantan@gmail.com

Penyunting

Mohd Asri Mat Daud

Reka letak/Reka atur

Nor Zuriana Mokhtar
Nik Mohamad Azreen Nik Yahya

Dicetak oleh:

Azkia Advertising and Printing
Kota Bharu, Kelantan.

KANDUNGAN

TAHUN 2015	M/S
Prakata	I
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Dan Khidmat Lama Serta Bantuan Sukarelawan Banjir PKINK 2015	1
Festival Bio-K Dan Tenologi Hijau Negeri Kelantan 2015	6
Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2015	11
Perasmian Pameran Fotografi Kaligrafi Islam	17
Majlis Perasmian Pameran “Tok Guru Dato’ Bentara Setia” Tuan Guru Dato’ Hj. Nik Abdul Aziz Bin Hj. Nik Mat	20
Majlis Mula Kerja Pembinaan Baharu Masjid Bunut Susu	24
Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Projek Tijani Raja Dewa	28
Majlis Perasmian Pejabat Cawangan Usahasama PKINK/Pulai Mining Sdn Bhd	32
Majlis Penyerahan Bantuan Kepada Mangsa Banjir	37
Majlis Perasmian Ramah Mesra Bersama Kaum Siam Anjuran Majlis Daerah Tumpat	40
Majlis Bersama Perakan Sungai Buloh	44
Majlis Pemimpin Bersama Rakyat Sempena Sambutan Perayaan Deepavali 2015	49

Majlis Graduasi Tahfiz Yayasan Islam Kelantan Bagi Tahun 2015	53
Majlis Perasmian Himpunan Alumni Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK)	58
Majlis Perasmian Bazar Siti Fatimah Rantau Panjang	65
Seminar Tertutup Perbandaran Islam Pencapaian MPKB-BRI Berdasarkan Pelan Induk 2006-2015	71
Majlis Perasmian Penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan	75
Majlis Menandatangani Perjanjian Bekalan Air Terawat Secara Pukul di antara AKSB dan SATU Terengganu	82
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam Kelantan Tahun 2014, Penyampaian Sijil Tasawur Islam Siri II dan Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2014	87
Majlis Penyerahan Kunci (Rumah Kekal) Mangsa Banjir Negeri Kelantan	93
Majlis Penyerahan Kunci (Rumah Kekal) Mangsa Banjir Negeri Kelantan	96
Majlis Kesyukuran dan Penyerahan Kunci (Rumah Kekal) Mangsa Banjir Sumbangan Ikatan Mantan Adun dan MP Terengganu (IMAM)	99
Majlis Penyampaian Hadiah Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan Kali Ke-36 Tahun 1436H/2015M	102

Majlis Makan Malam Tabung Pemulihan Bencana Banjir	106
Majlis Meletak Kerja Bantuan Rumah Kekal	112
Majlis Ucaptama Bengkel Membina Masyarakat Dan Penempatan Yang Berdaya Tahan (Anjuran MERCY Malaysia)	117
Majlis Perasmian Pelancaran Tabung Kebajikan Pasca Banjir Bachok	125
Majlis Penyampaian Watakah Perlantikan Penghulu Negeri Kelantan 2015	129
Majlis Pecah Tanah Pembinaan Rumah Kekal Mangsa Banjir Di Batu Jong Kuala Krai	134
Majlis Perasmian 'Kg Angkat Ku'	137
Majlis Perasmian Tilawah Al-Quran Peringkat Jajahan Tumpat Kali Ke-58 Bagi Tahun 1436/2015	142
Majlis Perasmian Pecah Tanah Tapak Pembinaan Kilang Simen	147
Majlis Ucaptama CEO Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)	152
Perasmian Bangunan Baru Maahad Tahfiz Daril Naim	158
Majlis Perasmian Bagi Penyerahan Kunci Rumah Dhuafa' Dun Melor	162
Majlis Perletakan Batu Asas Penempatan (Rumah Kekal) Mangsa Banjir Negeri Kelantan	166
Majlis Perasmian Pasaria Sarang Burung Walit; Bantuan Banjir Kelantan	171

Majlis Upacara Angkat Sumpah Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2015	177
Majlis Pelancaran Tabung Amanah Bencana Banjir Negeri Kelantan	181
Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar KTD Sesi 1 2014/15	187
Majlis Adilfitri YAB Menteri Besar Bersama Mahasiswa Kelantan 2015	195
Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pengetua-Pengetua YIK	202
Perasmian Bangunan Akademik Maahad Muhammadi Rantau Panjang	206
Majlis Penyampaian Bantuan Dan Berbuka Puasa Warga Kelainan Upaya (OKU) Kelantan Bersama Kerajaan Negeri Kelantan	210
Majlis Mesra Aidilfitri 1436H/2015M	215
Perasmian Pameran dan Pertandingan Seni Khat Kelantan 2015	218
Sempena Perasmian Persidangan Geosains Kebangsaan 2015	221
Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kekal Pasca Banjir	225
Majlis Sambutan 25 Tahun Membangun Bersama Islam (Zon Selatan)	228
Majlis Perasmian Wacana Sunnah Nabi Sempena Program Ihya' Ramadhan 1436H	235

Majlis Penyampaian Sumbangan Sempena Program Ihya' Ramadhan	240
Majlis Penyerahan Bantuan Banjir Kelantan	244
Majlis Penyerahan Sumbangan Kuih Raya Aidilfitri oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada Pasukan Keselamatan	247
Majlis Menteri Besar Bersama Pelajar-Pelajar ke Timur Tengah 2015	253
Majlis Bubur Asyura Karangkrak Bersama Anak Kelantan di Perantauan	258
Majlis MoU Penempatan Rumah Teres di Kg Belian Antara Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat Dengan Pertubuhan Buddhist Tzu-Chi Merits Malaysia	263
Ramah Mesra dengan Anggota Pentadbiran Negeri Dan Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri	266
Majlis Sambutan Ambang Ramadhan Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1436H/2015M	270
Perasmian Mesyuarat Agung Jawatankuasa Pengelola Kemajuan Sekolah (JPKS) Cherang Ruku	275
Majlis Perasmian Pembukaan Koperasi Tengku Muhammad Faris Petra 2015	279
Perasmian Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Tasik Pergau	283
Majlis Penyelarasan Program Kerjaya Dan Temuduga Terbuka Skim Latihan 1 Malaysia (SLIM) Peringkat Zon Pantai Timur	288

Majlis Tadarus Ramadhan 1436H Bersama Warga YIK	291
Majlis Perasmian Pecah Tanah Bangunan Baru 3 Tingkat Syarikat Rohm-Wako Electronic Sdn Bhd	295
Majlis Perasmian Kolokium Dasar Berkebajikan Dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan	299
Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci Rumah Bantuan Banjir Desa Darul Ehsan	307
Majlis Perasmian Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan Kali Ke-58	310
Majlis Sambutan Jubli Perak Membangun Bersama Islam	314
Majlis Jalinan Mesra Penggiat Sukan Negeri Kelantan	323
Majlis Perasmian Laman Persahabatan Bandar Kota Bharu-Kasoka City (Laman Kabutogani)	327
Kelantan Melangkah Ke Hadapan: “Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan”	330
Majlis Pelancaran Dana Masjid Dan Perluasan Tapak Sekolah	349
Majlis Pembukaan Thai Festival 2015	353
Majlis Perasmian Perkampungan Bicara Musibah (Mengenang Jasa Sukarelawan Membantu Mangsa Banjir)	356
Sempena Perasmian Majlis Festival Gendang Antarabangsa Negeri Kelantan 2015	362

Karnival Pemakanan Dan Perubatan Sunnah Nabi S.A.W	366
Majlis Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan Tahun 2015	372
Ucapan Dasar YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan "Kelantan Mendepani Cabaran"	376

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala pujian bagi Allah S.W.T, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat serta mereka yang mengikuti jalan menegakkan hukum Allah di muka bumi.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya jualah maka Koleksi Ucapan YAB. Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob (Dato' Bentara Kanan) Siri 2 ini dapat diterbitkan.

Sesungguhnya, ucapan rasmi YAB. Menteri Besar sangat penting untuk dibukukan agar menjadi rujukan untuk masa-masa akan datang. Sepanjang saya berkhidmat sebagai Setiausaha Akhbar kepada YAB. Menteri Besar Kelantan, begitu banyak idea-idea baharu yang disampaikan kepada saya untuk dimasukkan ke dalam teks ucapan beliau.

Ketelitian YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan dalam ucapannya dapat kita perhatikan setiap kali beliau berucap. Menariknya, ucapan beliau sentiasa dimulai dengan sepotong ayat atau hadis Nabi berkaitan program yang dianjurkan. Konsep ucapan yang sentiasa diselarikan dengan nasihat agama ini dan disertakan dengan fakta akademik menjadi pegangan beliau sama ada dalam persembahan ucapan di hadapan Sultan, ucapan rasmi atau ceramah politik beliau.

Semoga koleksi ucapan beliau ini dapat menjadi bahan rujukan bahkan kajian bagi pihak penyelidik. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan kepada semua yang menjayakan usaha pembukuan Koleksi Ucapan YAB. Menteri Besar Kelantan ini. Semoga Allah mengganjari dengan sebaik-baik ganjaran.

Sekian, *Wassalam*.

MOHD ASRI MAT DAUD

Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan.

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN
KHIDMAT LAMA SERTA BANTUAN SUKARELAWAN BANJIR
PKINK 2015**

Kelantan Trade Centre (KTC)

Firman Allah Taala:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى
عَلِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: *dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Bekerjalah kamu dengan segala perkara yang diperintahkan, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui perkara-perkara ghaib dan yang nyata, kemudian Dia tunjukkan semula kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.* (Al-Taubah: 105)

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin-Nya sahaja, kita dapat berkumpul dalam anugerah perkhidmatan cemerlang dan khidmat lama serta sumbangan kepada sukarelawan banjir PKINK pada malam yang berbahagia ini.

Dalam ayat yang dibacakan tadi, jelas dinyatakan tentang etika kerja yang telah diperintahkan oleh Allah agar kita sebagai orang beriman bekerja dengan ikhlas sebagai salah satu cara pengabdian diri kepada Allah SWT. Di posisi mana sahaja kita bekerja, di situ kita qasadkan seluruh gerak kerja kita kerana Allah tanpa meletakkan niat untuk perkara keduniaan semata-mata.

Saya yakin dan percaya pihak pengurusan tertinggi PKINK telah memilih kakitangan yang telah dinilai dengan telus untuk beroleh anugerah perkhidmatan cemerlang yang berprestij ini. Saya dari pihak kerajaan negeri sangat menghargai kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang kerana secara tidak langsung kakitangan PKINK ini merupakan aset modal insan yang mengetengahkan imej kerajaan negeri. Apabila kakitangan PKINK mampu mengetengahkan hasrat kerajaan negeri dengan menghasilkan begitu banyak penambahan hasil dalam perbendaharaan negeri dengan cara yang betul, efektif dan beretika, maka saya berpendapat, adillah dengan penghargaan serta anugerah yang diberikan pada malam ini.

Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab untuk mencari peluang-peluang pelaburan dan mengadakan program-program latihan, kemudahan dan prasarana yang memberi input kepada sosio ekonomi rakyat, kehadiran kakitangan yang bermutu sangatlah ditagih bagi memenuhi dasar dan tanggungjawab ini. Dasar budaya kerja yang diterapkan melalui konsep Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan dilihat mampu pergi lebih jauh lagi dengan adanya kakitangan yang penuh dedikasi ini. Jadi saya mengharapkan dengan adanya anugerah perkhidmatan cemerlang dan khidmat lama ini menjadi pemangkin semangat kepada seluruh kakitangan PKINK yang lain meningkatkan kualiti kerja, gerak kerja yang lebih tersusun dan kesungguhan dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Kerajaan negeri juga berharap agar kumpulan PKINK dapat memastikan setiap projek dan program yang dirancang dapat dipantau dengan sebaiknya bagi memastikan pencapaian hasil yang terbaik dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Sudah tentu harapan ini perlu dipikul secara bersama dalam keluarga PKINK tanpa membezakan jawatan-jawatan yang dipegang. Kita mestilah sentiasa beringat bahawa, semakin tinggi kedudukan kita, semakin besar tanggungjawab dan rintangan yang perlu dihadapi. Usaha mesti

diteruskan bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan dan setiap daripada kita mestilah mempunyai nilai keperibadian dan integriti yang tinggi. Sifat keperibadian dan nilai integriti yang tinggi ini menjadi asas kerja kita di PKINK ini.

Selain itu, saya juga meletakkan hasrat agar kita juga dapat berusaha meningkatkan ilmu dan kemahiran, kerajaan negeri Kelantan telah memperkenalkan skim pinjaman dan bantuan pengajian kepada mana-mana pegawai yang berhasrat untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Untuk itu, pihak pegawai dan kakitangan boleh berhubung dengan pihak YAKIN untuk mendapatkan maklumat lanjut dari sudut teknikal pelaksanaan.

Tujuan kerajaan ialah untuk menjadikan pegawai dan kakitangan peka dengan perkembangan ilmu yang sentiasa berkembang dari masa ke semasa. Saya yakin dan percaya, jika para pegawai juga kakitangan di Kelantan ini dipenuhi dengan pegawai dan kakitangan yang mempunyai nilai kesarjanaan yang tinggi ditambah pula dengan pengalaman yang matang, budaya kerja di dalam bidang perkhidmatan awam kerajaan negeri Kelantan akan terus bertambah positif, dan pentadbiran negeri semakin membangun insyaAllah.

Banjir yang berlaku pada penghujung tahun lepas telah membuka mata hati setiap orang di kalangan kita bahawa begitu besarnya kehebatan Allah ke atas seluruh hambanya dengan hanya menghantar makhluknya yang bernama air. Begitu ramai yang kehilangan harta benda dan tempat tinggal dalam sekelip mata. Namun kita sebagai hamba dan khalifah di atas muka bumi ini tidak seharusnya berpeluk tubuh sahaja. Harus ada gerak kerja bersama untuk menyelesaikan masalah ini dengan seberapa segera yang mungkin. Justeru, saya sangat bersyukur dan memuji inisiatif yang telah diambil oleh pihak PKINK yang telah menggerakkan ramai kakitangannya sebagai sukarelawan

dalam membantu mangsa-mangsa banjir di seluruh Kelantan. Kecil atau besar sumbangan sukarelawan ini tidak menjadi persoalan kerana yang paling penting ada penglibatan dalam membantu mangsa-mangsa banjir ini.

Hanya Allah dapat membalas segala kebajikan yang telah dilakukan oleh sukarelawan dari PKINK. Tanpa kita sedari kehadiran sukarelawan ini sebenarnya menjadi suatu kekuatan dalam membantu segala bentuk pergerakan dan segala bentuk bantuan daripada kerajaan-kerajaan luar dan juga badan-badan bukan kerajaan. Oleh itu, sedikit sebanyak mengurangkan bebanan kerajaan negeri dalam mendepani musibah banjir yang kita tidak jangka ini. Kepada sukarelawan-sukarelawan dari PKINK diharapkan agar dapat terus memberikan khidmat-khidmat kesukarelawan jika diperlukan dalam masa-masa yang akan datang. Lebih elok lagi sekiranya menjadi barisan hadapan dalam mendepani musibah-musibah yang tidak di jangka seperti banjir baru-baru ini. Sekalung penghargaan dan *jazakumullah* diucapkan sekali lagi.

Akhir sekali, saya berharap agar kumpulan PKINK dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta melaksanakan amanah rakyat Kelantan dengan jayanya dalam membangunkan ekonomi negeri. Saya berkeyakinan dengan adanya kakitangan-kakitangan yang cemerlang dan berjiwa sukarelawan ini dan juga dengan kerjasama semua pihak, kita dapat memajukan lagi kumpulan PKINK terutama dalam semua sektor utama seperti perladangan, hartanah dan juga sektor perkhidmatan yang telah menjana pulangan yang besar kepada kumpulan PKINK.

Saya juga amat berharap agar pihak pengurusan PKINK dan juga kumpulan dapat berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan syarikat-syarikat kumpulan PKINK yang terlibat dalam sektor penting ini kekal teguh dan utuh

serta lebih berdaya saing di masa hadapan. Saya yakin, dengan komitmen semua pihak, kita akan berjaya dengan lebih cemerlang lagi di tahun-tahun akan datang.

**FESTIVAL BIO-K DAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI
KELANTAN 2015**

10 Rejab 1436H / 29 April 2015
Kelantan Trade Centre (KTC)

Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَلَكَهُ يَنْبِيعَ فِي الْأَرْضِ ثُمَّ
خَرَجُ بِهِ زُرْعًا مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ ثُمَّ يَهِيَجُ فَتَرَهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَجْعَلُهُ
حُطَمًا ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *Tidakkah kamu memerhatikan, bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu dialirkanNya menjadi mata air di bumi; kemudian Dia menumbuhkan dengan air itu tanaman-tanaman yang pelbagai jenis dan warnanya; kemudian tanaman-tanaman itu bergerak segar kehijauan, selepas itu ia bertukar menjadi kuning; kemudian ia pun hancur. Pada yang demikian itu sebagai peringatan kepada orang yang mempunyai akal fikiran yang waras. (Al-Zumar: 21)*

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah kerana dengan keizinanNya dapat kita menjayakan Festival Bio-K dan Teknologi Hijau kali ini. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah atas inisiatif mengadakan festival yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai bio-K dan teknologi hijau agar dapat meminimumkan impak negatif kepada persekitaran, dan memulihara alam sekitar untuk jangka masa panjang.

Festival Bio-K dan Teknologi Hijau ini sememangnya amat penting bagi menarik minat masyarakat setempat dan pemain industri di samping memberi

kefahaman yang jelas tentang pentingnya dua komponen ini dalam meningkatkan sumber ekonomi masyarakat setempat dan dalam masa yang sama tidak mengeneppikan kepentingan menghargai alam sekitar. Teknologi Hijau telah dijadikan sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi baharu yang menawarkan peluang perniagaan yang banyak dan potensi yang luas dalam menjana ekonomi, inovasi, dan pulangan hasil negeri. Saya kira dengan adanya festival ini, promosi dan sebaran maklumat berkaitan potensi, peluang dan produk sektor bioteknologi kepada usahawan dan masyarakat di negeri Kelantan lebih meluas sekaligus menarik pelabur dan mengembangkan industri bioteknologi peringkat negeri.

Apabila sesebuah negara semakin pesat membangun, populasinya semakin meningkat. Ini menyebabkan kadar permintaan terhadap sesuatu keperluan adalah tinggi. Gaya hidup manusia yang mahukan kehidupan lebih baik seperti rumah, bekalan elektrik dan air, kereta dan lain-lain menyebabkan permintaan terhadap sumber semula jadi semakin meningkat. Pengurusan sumber semula jadi yang tidak terancang seperti penerokaan tanah secara berleluasa, pelepasan gas karbon dioksida ke atmosfera, pembuangan sisa pepejal dan sebagainya menyebabkan pencemaran. Jika pengurusan sumber semula jadi ini tidak diuruskan dengan baik, ia turut menjejaskan kualiti hidup manusia dan alam sekitar.

Justeru, masyarakat dunia kini menghadapi suatu cabaran yang utama, iaitu isu perubahan iklim dan keselamatan tenaga. Kedua-dua isu ini harus ditangani secara kolektif dan efektif. Satu pendekatan yang kritis amatlah penting. Berdasarkan keperluan ini, peranan teknologi hijau mestilah digarap sebaik mungkin. Teknologi hijau mempunyai peranan strategik yang lebih jauh daripada setakat mencapai autonomi tenaga dan menangani perubahan cuaca.

Pada hari ini, dengan perkembangan pembangunan sosio-ekonomi yang semakin meningkat, penerokaan sumber semulajadi juga semakin meningkat dan hal ini telah menghasilkan produk sampingan seperti bahan buangan dan pencemaran alam sekitar. Akibatnya, keadaan negara kita sedang menghadapi kemelut perubahan iklim dan pemanasan global. Oleh itu, aplikasi teknologi hijau amatlah diperlukan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar yang kian meruncing.

Teknologi hijau juga dapat membantu memulihara dan meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar. Pencemaran udara, air, bunyi dan sebagainya akan menjejaskan kualiti hidup rakyat jika dibiarkan berterusan. Apabila kita menggunakan teknologi hijau, kesan negatif terhadap alam sekitar adalah minimum. Ia dapat meningkatkan dan melindungi ekosistem dan kepelbagaian hidup, meningkatkan kualiti udara dan air, mengurangkan pembuangan bahan tercemar dan melindungi sumber semula jadi. Dari aspek ekonomi, teknologi ini mampu meningkatkan pembangunan ekonomi negeri melalui penggunaan teknologi dan meningkatkan kualiti hidup untuk semua kehidupan.

Allah telah mencipta alam sekitar dengan segala kemudahan sebagai kelangsungan manfaat kepada manusia dan kesejahteraan mereka. Al-Quran dan sunnah memberikan penekanan yang serius mengenai penjagaan alam sekitar di mana kedua-dua sumber perundangan ini menyeru manusia untuk mengekalkan pemeliharaannya sebagai satu kurniaan atau nikmat Allah yang agung. Sebab itu, Islam melarang pencemaran di samping menggesa manusia untuk memanfaatkan khazanah alam di mana usaha murni ini di anggap sebagai ibadat yang agung di sisi Allah SWT.

Alam semesta ini pada asalnya adalah bersifat *nasim* atau segar ianya sebagai lambang rahmat Allah kepada kehidupan. Di dalam al-Quran terdapat

beberapa ayat yang menyatakan bagaimana Allah melimpahkan rahmatnya kepada kehidupan melalui tiupan angin dan penurunan hujan. Sifat kesegaran itu turut digambarkan oleh al-Quran melalui penjelasan tentang kesuburan tumbuh-tumbuhan yang mempunyai kepelbagaian jenis dan sifat. Lebih daripada itu, al-Quran juga turut menampilkan suasana kehijauan yang merupakan simbol kesegaran. Apabila hijau sudah lenyap, maka itu petanda kehancuran kepada alam ini. Hal ini telah dinyatakan dalam ayat yang telah saya bacakan di awal tadi.

Jika alam sekitar rosak dan musnah, sudah tentu sistem ekologi juga akan terjejas. Ia bukan saja akan menyebabkan kehilangan spesies alam dan fauna yang amat berharga, malah haiwan liar serta unggas turut diancam kepupusan. Di samping kesan ke atas ekologi, pembangunan yang tidak terkawal boleh memberi kesan terhadap topografi sesuatu tempat. Bukit-bukau ini juga perlu dijaga dan pada hakikatnya ia adalah tiang-tiang seri muka bumi yang menjadi pasak kepada bumi seperti yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah an-Naba' ayat ketujuh:

وَالْجِبَالِ أَوْتَادًا

Maksudnya: *Dan gunung-ganang sebagai pasak bumi.*

Perbuatan mencemar dan merosakkan alam sekitar ini adalah salah satu pencabulan kita kepada fungsi kekhalifahan yang telah ditaklifkan kepada manusia. Ini kerana bumi bukan milik manusia untuk dia berbuat sesuka hati tetapi bumi ini adalah milik Allah yang dipinjamkan kepada manusia yang kemudiannya dituntut untuk menjalankan segala perintah Allah di atasnya. Rasulullah SAW juga bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ، وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا، فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: *Dunia ini cantik lagi menghijau, dan Allah telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan.* (Hadis riwayat Muslim)

Kesimpulannya, menjaga alam sekitar ini bukanlah menjadi tugas individu atau kerajaan semata tetapi menjadi tanggungjawab kita semua secara bersama. Semua makhluk yang bernama manusia, tidak kira apa bangsa dan agama harus bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar agar dapat merealisasikan dunia ini menjadi sebuah taman kehidupan yang indah, aman, sejahtera, harmoni dan terhindar dari sebarang bencana yang boleh menghancurkan spesies kehidupan bernyawa di atasnya. Khususnya selepas kita dilanda banjir besar baru-baru ini memerlukan kepada pengurusan alam sekitar yang lebih baik lagi.

Akhir sekali, saya amat berharap agar festival yang diadakan selama beberapa hari ini dapat memugar idea baru serta mencari jalan bagi menjayakan perancangan kita dalam memberi kesedaran berkenaan bioteknologi dan teknologi hijau kepada masyarakat negeri ini khususnya di samping bagaimana cara untuk kita melihat peluang dan ruang serta cabaran Kelantan dalam memajukan teknologi hijau secara berkesan. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada penganjur dan terima kasih juga kepada agensi, syarikat-syarikat swasta dan para hadirin yang menyokong penuh festival ini. Dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya dengan ini merasmikan Festival Bio-K dan Teknologi Hijau Kelantan 2015, semoga berjalan dengan lancar.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HUTAN
ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN
2015**

7 Rejab 1435 / 26 April 2015
Pengkalan Ibrahim Pencen, Rantau Panjang, Kelantan

Firman Allah SWT:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ
بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: “Telah berlaku kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali kepada Allah”.
(Al-Rum : 41)

Pertama sekali saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun di Pengkalan Ibrahim Pencen, Rantau Panjang, pada pagi ini sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2015. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Dato’ Sri Dr. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia di atas kesudian berkunjung ke Negeri Kelantan untuk sama-sama kita meraikan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2015.

Saya juga ingin menyampaikan rasa terima kasih kepada Gabenor Narathiwat Encik Nattapom Siritchanak serta delegasi rombongan daripada Daerah Sg. Golok, Narathiwat Thailand yang dapat meluangkan masa bersama-sama kita semua di majlis ini dan bersama-sama nanti akan menanam pokok-pokok di

pesisiran Sungai Golok sebagai satu tanda komitmen bersama menjaga alam persekitaran dan penghijauan kawasan yang mempunyai kepentingan bersama di antara masyarakat di Rantau Panjang dan Sungai Golok. Dalam hubungan ini, saya sangat berbangga dan mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan Majlis Daerah Pasir Mas kerana telah memilih kawasan berhampiran sungai di Pengkalan Ibrahim Pecen, Rantau Panjang sebagai tempat pelancaran bagi sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri tahun ini.

Bandar Rantau Panjang adalah di antara bandar-bandar di negeri Kelantan yang telah ditimpa musibah banjir besar baru-baru ini. Pemilihan tapak ini adalah satu titik permulaan ke arah usaha-usaha untuk memelihara dan menghijaukan kembali kawasan dengan penanaman pokok terutamanya kawasan-kawasan di sepanjang sungai utama bagi menjaga kestabilan alam sekitar. Saya juga difahamkan majlis sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri ini dibuat secara besar-besaran di seluruh dunia sebagai satu usaha simbolik masyarakat dunia kepada usaha-usaha ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan dan kepentingan dalam pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan hutan secara berkekalan.

Islam secara amnya sangat menitikberatkan berkenaan dengan permasalahan sekitar. Oleh yang demikian, sebarang aktiviti manusia yang boleh mengancam dan memusnahkan kehidupan alam ini adalah dilarang sama sekali dan ia bertentangan dengan tuntutan agama. Sebagai contoh, aktiviti pemusnahan hutan yang tidak terkawal, membuang bahan-bahan toksid dalam sungai atau laut, pencemaran asap oleh kilang-kilang tanpa pemantauan dan sebagainya, hal ini perlu diberi perhatian sewajarnya. Manusia perlu mengingati bahawa setiap kejadian yang diciptakan oleh Allah di atas muka bumi adalah makhluk Allah. Sekiranya manusia melakukan

pencerobohan demi untuk kepentingan diri maka perbuatan tersebut dikategorikan sebagai zalim. Dengan itu melakukan kebaikan terhadap alam sekitar yang menjadi elemen utama alam ini adalah sebahagian daripada tuntutan untuk menjadi hamba Allah yang bertakwa dan diredhaiNya.

Oleh sebab itu, menjadi kewajipan kita semua untuk mengelakkan daripada sebarang masalah kepada alam sekitar seperti pencemaran, penebangan hutan secara berleluasa, pengurangan sumber bumi dan sebagainya yang akan mengakibatkan hilangnya keseimbangan kepada alam. Islam sendiri telah meletakkan etika berkaitan penjagaan alam sekitar, contohnya, ketika peperangan, Rasulullah SAW melarang umatnya menebang pokok atau membakar tanaman kecuali keadaan benar-benar memaksa berbuat demikian. Jika dalam peperangan, alam sekitar mempunyai hak ke atasnya untuk dijaga, apatah lagi dalam suasana tiada peperangan. Malangnya, kemusnahan alam sekitar di beberapa tempat di negara kita, adalah akibat kerakusan nafsu manusia semata-mata dan mengejar mencari kemewahan dunia. Inilah sebenar punca boleh berlakunya kerosakan di muka bumi sebagaimana dalam ayat yang telah saya bacakan di awal tadi.

Sejajar dengan itu, sukacita ingin saya menyatakan hasrat dalam program pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan adalah sebenarnya sehaluan dengan wawasan lima tahun kerajaan negeri Kelantan daripada tahun 2013 hingga 2018 iaitu; **Menjadikan Kelantan negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan urus tadbir kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan visi, misi dan objektif dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam.**

Untuk makluman para hadirin dan hadirat sekalian, selaras dengan wawasan tersebut, kerajaan negeri Kelantan adalah komited dan memberi komitmen sepenuhnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Sektor perhutanan di negeri ini dijangka akan terus kekal sebagai salah satu sektor terpenting yang mampu menjana pendapatan yang lumayan dan menyumbangkan secara berterusan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Sekarang ini, hutan tidak lagi menjadi perkara asing di kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Isu-isu globalisasi sering dikaitkan dengan perhutanan khususnya dalam isu perubahan iklim. Hutan bukan sahaja penting untuk pengeluaran kayu-kayan semata-mata, malahan hari ini, hutan dikaitkan dengan peranan dan sumbangannya kepada satu spektrum penggunaan yang amat luas mencakupi aspek-aspek bukan ekonomi. Ini merupakan beberapa cabaran baru yang sedang dihadapi oleh pembangunan sektor perhutanan negeri ini.

Sungguh pun begitu, di samping kepentingan sektor perhutanan dalam pembangunan sosio-ekonomi negeri ini, kerajaan negeri terus komited dalam memastikan kawasan tanah negeri masih lagi berhutan untuk menjamin fungsi dan peranan hutan terus dilaksanakan bagi menjamin kestabilan dan kesejahteraan rakyat negeri Kelantan. Di sini saya ingin menyatakan bahawa kawasan tanah berhutan di negeri Kelantan adalah seluas 865,017 hektar di mana hampir 57.6% kawasan tanah di negeri ini adalah kawasan berhutan.

Manakala, keluasan kawasan berstatus Hutan Simpan Kekal di Kelantan adalah seluas 623,849 hektar bersamaan dengan 42% dari keluasan tanah negeri. Kerajaan negeri akan terus komited mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi untuk kesejahteraan hidup masyarakat sejagat. Atas dasar itu, kerajaan negeri telah mengenalpasti kawasan tanah berhutan tanah kerajaan

yang berada di kawasan sensitif alam sekitar terutamanya kawasan beraltitud 1,000 m dari paras laut dan tadahan air akan diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal seluas lebih kurang 88,609 hektar.

Tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan tahun ini iaitu “**Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat**” dan pemilihan lokasi sambutan di Pengkalan Ibrahim Pecen, Rantau Panjang ini amatlah bertepatan dengan kesungguhan dan hasrat murni serta komitmen kerajaan negeri Kelantan untuk mewujudkan suasana persekitaran hijau melalui aktiviti penanaman pokok. Adalah diharapkan dengan penghijauan kawasan ini dapat menjadikan pekan Rantau Panjang satu tarikan sebagai tempat membeli-belah dan rekreasi di kalangan masyarakat tempatan dan luar.

Hutan bukan sahaja membekalkan sumber kayu-kayan, malahan ia turut membekalkan hasil bukan kayu termasuklah pelbagai spesies herba yang mampu menghasilkan ubat-ubatan serta bahan makanan kepada kita semua. Di samping itu, hutan juga mampu menyediakan tempat perlindungan serta menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna. Hutan turut berperanan untuk tujuan riadah dan menjana kitaran hidrologi serta udara sehingga membolehkan kelangsungan kehidupan makhluk di bumi ini.

Kesan daripada musibah banjir besar baru-baru ini masih terasa dan kita masih dalam tempoh pemulihan termasuklah kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah-langkah penambahbaikan dalam aktiviti pembangunan tanah agar dilaksanakan dengan memberi keutamaan terhadap kestabilan dan kesejahteraan alam sekitar seterusnya dapat mengurangkan impak kemusnahan apabila berlaku sebarang bencana dan malapetaka alam semulajadi. Pihak kerajaan negeri mengalu-alukan khidmat bantuan teknikal daripada pihak kementerian terutama projek-projek yang berkaitan dengan

eko-pelancongan dan bioversiti hutan yang menjurus ke arah aspek kestabilan dan pengekalan alam sekitar bagi meningkatkan hasil dan perkhidmatan hutan melalui pelbagai aktiviti perhutanan.

Saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan khususnya kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Narathiwat dan pelbagai jabatan serta agensi yang tidak sempat saya nyatakan di sini. Terima kasih kepada Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman Hj. Abd. Rahim Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang sudi melapangkan masa bersama-sama di Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2015 ini.

Dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan bagi Tahun 2015. Semoga beroleh keberkatan.

PERASMIAN PAMERAN FOTOGRAFI KALIGRAFI ISLAM

25 Rejab 1436 / 14 Mei 2015
Muzium Islam, Jalan Sultan Kota Bharu

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Dan Salam sejahtera

Firman Allah SWT:

ن وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ

Maksudnya: *Nuun. Demi pena dan apa yang mereka tuliskan.* (Al-Qalam: 1)

Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita mengucapkan kalimat syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama menjayakan perasmian pameran Fotografi Kaligrafi Islam pada hari ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Perpustakaan Rampur Raza, India dan juga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang telah menjayakan pameran yang sangat bermakna ini dalam menghidupkan suasana kegemilangan kaligrafi dalam Islam. Saya difahamkan bahawa pameran ini diadakan bersempena Festival of India in Malaysia 2015 yang julung kali diadakan di Malaysia. Sudah tentu pameran ini akan memberi suatu pengalaman baru dan banyak fotografi kaligrafi yang akan dipamerkan khususnya yang didatangkan khas dari Perpustakaan Rampur Raza, India.

Al-Quran telah menjadi panduan utama dalam perkembangan tulisan Arab termasuk jawi. Setelah Rasulullah SAW wafat, tiada lagi penurunan wahyu dan penyebaran ayat-ayat al-Quran mula disebarkan melalui para huffaz al-Quran ketika itu. Setelah ramai para huffaz syahid dalam peperangan, Saidina Abu Bakar Al-Siddiq telah memberi pandangan agar dihipunkan ayat-ayat

al-Quran dan ternyata ia disempurnakan pengumpulannya pada zaman Saidina Usman ibnu Affan.

Penulisan dan penyusunan ayat-ayat atau kaligrafi ini banyak ditulis di atas kulit dan juga pelepah tamar. Penyusunan ini disalin semula ke dalam empat atau lima edisi yang serupa dan dikirim ke wilayah-wilayah Islam untuk digunakan sebagai naskah kitab al-Quran. Dengan adanya naskah yang bertulis ini memudahkan umat Islam ketika itu untuk membuat rujukan kembali kepada ayat-ayat al-Quran khususnya dalam agenda pendidikan al-Quran yang dijadikan sebagai pengajian utama dalam sistem pemerintahan khilafah di masa itu.

Seni kaligrafi Islam atau lebih sinonim dengan nama seni khat merupakan khazanah tertua di dunia yang masih dimiliki oleh umat Islam. Penulisan khat yang pertama di dunia dipercayai dihasilkan di Kufah, Iraq pada kurun ke tujuh Masihi. Pada kurun ke sepuluh, seni kaligrafi Islam tersebar ke Parsi dengan gabungan-gabungan huruf yang lebih seni. Tulisan kaligrafi Islam ini terdiri daripada beberapa jenis iaitu khat Kufi, khat Nasakh, khat Diwani, khat Thuluth, khat Farisi dan khat Riq'ah. Tulisan kaligrafi dari jenis Nasakh dijadikan asas dalam mempelajari sistem tulisan Arab di negara Arab dan menjadi penulisan utama dalam hal-hal kerasmian.

Sementara khat Kufi dikatakan sebagai khat yang paling popular di dunia. Ia digunakan sebagai tulisan dalam al-Quran selama tiga kurun lamanya. Sistem khat Kufi yang tidak mengalami banyak perubahan semasa, menjadi asas untuk dikekalkan sebagai tulisan di dalam naskah al-Quran. Pada kurun ke-16 dan 17, seni khat ini juga pernah menjadi medium komunikasi terpenting dalam menyampaikan mesej diplomatik.

Pada awal perkembangan seni khat, sejenis pokok yang dikerat serong hujungnya dan dicelup dengan cecair dakwat, ditulis pada kepingan kulit-kulit tamar, kulit kambing yang dikeringkan dan daun-daun papyrus yang dijadikan kertas. Kini, seni khat bukan sahaja terlakar pada kepingan kertas malahan menjadi hiasan bercorak Islamik apabila ia ditulis pada kepingan cermin, diukir pada mimbar-mimbar masjid dan turut dijadikan cenderamata untuk kenangan. Nafas baru dalam penghasilan seni khat ini secara tidak langsung meningkatkan martabat seni khat sebagai unsur seni yang cukup tinggi sehinggalah ke hari ini.

Kita di Kelantan ini, sangat mengutamakan tulisan jawi walaupun penggunaan tulisan jawi pada hari ini sudah mulai berkurangan. Kita telah menguatkuasakan di peringkat MPKB-BRI supaya hanya memberi pelepasan untuk *banner* atau *backdrop* yang terdapat tulisan jawi padanya. Jika papan-papan tanda dan penunjuk arah di jalan raya dapat kita sertakan bersama beberapa tulisan jawi adalah sangat wajar bagi memartabatkan kaligrafi Islam untuk bertapak dengan kukuh di bumi Kelantan ini.

Akhir kata, sekali lagi saya mengalu-alukan kehadiran para tetamu di majlis ini secara khususnya Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Mr Shri T.S Tirumurti dan tetamu-tetamu lain dari India, semoga terhibur dan ceria di bumi Serambi Mekah ini. Seterusnya dengan kalimah:

Bismillahirrahmanirahim

Saya merasmikan Pameran Fotografi Kaligrafi Islam pada kali ini, semoga berjalan dengan lancar.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN
“TOK GURU DATO’ BENTARA SETIA”
TUAN GURU DATO’ HJ. NIK ABDUL AZIZ BIN HJ. NIK MAT

8 April 2015
Muzium Islam, Jalan Sultan Kota Bharu Kelantan

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين
وبعد:

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا
إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang datang kemudian daripada mereka berdoa dengan ungkapan: "Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang telah mendahului kami dengan beriman kepada Allah, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan hasad dengki serta dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami, Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan kurniaan rahmat". (Al-Hasyr: 10)*

Alhamdulillah marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinnya dapat kita bersama-sama jayakan Majlis Perasmian Pameran “Tok Guru” Dato’ Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Mat pada pagi hari ini.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pengurus dan ahli-ahli Lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan di atas kejayaan

mengadakan pameran yang sangat bermakna kepada rakyat negeri ini khususnya ia melibatkan seorang Murabbi Ummah yang sangat dikasihi oleh semua masyarakat. Terima kasih juga di atas jemputan perasmian pameran Tok Guru ini.

Saya difahamkan bahawa pameran yang akan dirasmikan sebentar lagi adalah hasil usaha Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan komitmen yang tinggi dari keluarga Allahyarham Tok Guru sendiri, pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, pihak NGO dan lain-lain. Itulah yang dikehendaki oleh kerajaan supaya semua agensi kerajaan, swasta, NGO tampil memberi kerjasama dan sokongan sebagai satu pasukan demi menjadikan muzium sebagai tempat tarikan pelancong. Saya percaya dan menaruh keyakinan yang tinggi bahawa muzium yang dipengerusikan oleh YB Dato' Haji Mohd Anizam Ab Rahman dapat melahirkan satu tenaga yang padu demi kemajuan muzium yang setaraf dan dapat bersaing dengan muzium lain di Malaysia.

Diharap Perbadanan Muzium Negeri Kelantan agar merancang lebih banyak aktiviti-aktiviti pameran dan lain-lainnya di masa akan datang untuk menarik lebih ramai pelancong dari luar ke Kelantan. Untuk makluman semua bahawa sektor pelancongan masih kekal sebagai sektor utama dalam menjanakan ekonomi negeri Kelantan serta memberi peluang pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat tempatan. Sebagai contoh, pada tahun 2013, seramai 4.84 juta orang pelancong telah mengunjungi negeri ini yang menyumbang sebanyak RM 1.69 bilion kepada ekonomi negeri.

Sehingga bulan Julai 2014, seramai 2.96 juta pelancong telah melawat Kelantan termasuk 770,816 orang pelancong antarabangsa. Bagi bajet 2015 kerajaan negeri menyediakan peruntukan sejumlah RM 2.2 juta bagi Program Pembangunan Pelancongan, Pembangunan Seni dan Budaya dan Galakan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta RM 800 ribu bagi

Pembangunan Infrastruktur Pelancongan. Ini bermakna kerajaan negeri amat mementingkan soal promosi negeri Kelantan bagi pelawat-pelawat negara luar. Pihak muzium boleh mengambil peranan yang proaktif dalam hal ini.

Kepada seluruh masyarakat dan rakyat Kelantan khususnya generasi anak-anak muda pada hari ini, manfaatkanlah pameran yang bersejarah ini sebagai contoh kepimpinan yang bersejarah telah wujud di Kelantan dan juga sejarah pentadbiran Kerajaan Kelantan yang berteraskan Membangun Bersama Islam dapat dijadikan contoh pentadbiran di mata masyarakat negeri atau negara lain.

Insan seperti YB Tok Guru sangat sukar dicari ganti dalam dunia hari ini, apa yang diusahakan oleh kerajaan negeri sama ada melalui institusi pendidikan iaitu kita wujudkan Maahad Tahfiz Sains Tok Guru di Pengkalan Chepa adalah salah satu usaha untuk melahirkan pelapis Tok Guru yang ramai di negeri ini. Anak-anak kita di peringkat kecil lagi kita telah asuh di bawah sekolah PASTI bagi melengkapkan pemahaman, perilaku dan suasana Islamik yang mencerminkan jiwa orang beriman. Saya ambil peluang di sini mengucapkan tahniah kepada guru-guru PASTI seluruh Kelantan yang berusaha dengan sedaya mungkin memberi didikan Islam kepada anak-anak bumi Serambi Mekah ini. Walaupun boleh jadi elaanunya tidak terlalu besar tetapi pengorbanan mereka sangat dibanggakan.

Mengakhiri ucapan saya hari ini, sekali lagi saya bagi pihak kerajaan negeri Kelantan mengucapkan tahniah kepada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan semua pihak yang terlibat menjayakan pameran Tok Guru ini. Semoga usaha ini juga mendapat tarikan masyarakat luar dalam mengenangi insan mulia seperti Allahyarham Tok Guru yang dikasihi ini.

Dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya merasmikan pameran “Tok Guru” Dato’ Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Mat. Siiru Ala Barakatillah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS MULA KERJA PEMBINAAN BAHARU MASJID
BUNUT SUSU**

4 Rejab 1436 / 23 April 2015
Mukim Kiat, Bunut Susu

Firman Allah Taala lagi:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ
وَأَتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ
الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang-orang yang suka memakmurkan masjid hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan percaya kepada hari akhirat, mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan orang yang tidak takut selain daripada Allah. Mudah-mudahan itulah orang-orang yang akan mendapat petunjuk Ilahi*”. (Al-Taubah: 18)

Alhamdulillah, syukur kepada Allah, pada pagi ini kita dapat memberi khidmat untuk membina sebuah rumah Allah di atas muka bumi di mana projek ini ganjarannya akan berkekalan sehingga ke akhirat nanti. Masjid adalah tempat yang paling disukai Allah di atas muka bumi sebagaimana Nabi SAW bersabda:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا

Yang bermaksud : “*Tempat yang paling dikasihi oleh Allah di sesuatu negeri itu ialah di masjid-masjid*”. (Riwayat Muslim)

Oleh yang demikian Allah memberi ganjaran yang besar kepada orang yang membina masjid semata-mata kerana Allah. Besar ganjaran dan kelebihan bagi sesiapa yang membina masjid sebagaimana dinyatakan dalam hadis:

مَنْ بَنَى مَسْجِدًا يَبْتَغِي بِهِ وَجْهَ اللَّهِ بَنَى اللَّهُ لَهُ مِثْلَهُ فِي الْجَنَّةِ مَتَّفِقٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: *Barangsiapa yang mendirikan masjid semata-mata kerana Allah, maka Allah akan membina baginya kediaman seperti yang dibinanya di syurga kelak.* (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Allah SWT sendiri telah menyatakan dalam al-Quran bahawa masjid adalah tempat khas bagiNya dan hendaklah disebut namaNya serta memohon apa sahaja ketika beribadat di masjid.

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

Maksudnya: *"Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk ibadat kepada Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun bersama-sama Allah.* (Al-Jin: 18)

Masjid dalam sejarah Islam adalah pusat dakwah dan pemerintahan sebagaimana peranannya di zaman nabi. Masjid di zaman Rasulullah merupakan pusat kegiatan jamaah muslimin. Ia bukan setakat tempat beribadat dan sembahyang bahkan sebagai markaz ilmu, parlimen, tempat perkenalan, tempat berkumpulnya rombongan-rombongan yang datang dari seluruh pelusuk Semenanjung Tanah Arab, tempat Rasulullah membuat pertemuan dengan mereka dan tempat Rasulullah menyampaikan khutbah dan tunjuk ajarnya tentang kehidupan sama ada urusan keagamaan, kemasyarakatan dan pentadbiran.

Di dalam kehidupan Rasulullah tidak ada pemisahan di antara urusan agama dan politik. Baginda tidak mempunyai satu tempat yang lain bagi mengurus politik negara Madinah dan permasalahannya selain daripada masjid. Masjid di zaman Rasulullah masjid itulah markaz dakwah, tarbiah dan siyasah.

Pada hari ini, zaman ramai manusia mula menjauhi diri dari masjid, amat penting dikembalikan peranan masjid secara menyeluruh iaitu bukan tertumpu kepada ibadat badaniyah semata-mata akan tetapi dilebarkan peranannya sebagai tempat menyelesaikan permasalahan ummah. Hilangnya fokus umat Islam terhadap masjid ini akan menyebabkan hilangnya budaya sayangkan masjid dalam jiwa masyarakat Islam, maka muncullah beraneka penyakit kemanusiaan yang kronik dan sukar untuk diselesaikan seperti budaya penyalahgunaan dadah, budaya jenayah berat, budaya penyalahgunaan kuasa dan korupsi, budaya lepak dan pesta maksiat.

Sebab itu, saya mengharapkan agar agenda pemerksaan aqidah dan membangunkan generasi solat di semua DUN dan kawasan di negeri ini perlu diambil tanggungjawab oleh semua pihak terutamanya Bahagian Dakwah Halaqat di bawah JAHEIK agar memperkemaskan segala modul pengajian di semua masjid dan surau agar merangkumi bidang-bidang ilmu Islam secara syumul. Kita tidak mahu lagi ada orang mengatakan terdapat masjid di Kelantan yang hanya mengajar Feqah dan Tauhid sahaja, namun ilmu Sirah Nabi yang penting tidak didedahkan. Begitu juga kita tidak mahu hanya sebahagian bidang Feqah sahaja diajar dan ada masyarakat kita yang masih tidak tahu tentang ilmu jenayah Islam serta ekonomi Islam. Setelah kerajaan negeri meluluskan semula pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015 pada 19 Mac baru-baru ini, kita harap pengkuliah dan para imam boleh mengambil peluang untuk memberi penerangan lengkap tentang ilmu Islam berkaitan jenayah dalam Islam. Kita bimbang umat Islam masih lagi

keliru dengan agenda pelaksanaan ini yang sebenarnya usaha kita untuk melaksanakan kanun ini sudah bermula pada awal 90an lagi.

Dengan jumlah masjid yang mencecah 542 buah masjid ini sudah memampukan kita memberi kesedaran kepada seluruh rakyat negeri ini jika penerangan yang berstrategi diambil oleh semua pihak. Medan kuliah, khutbah jumaat, kem solat dan lain-lain boleh diambil inisiatif untuk memasukkan agenda ini bersama. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang menjayakan pembinaan baharu masjid Bunut Susu ini mudah-mudahan diberi keberkatan oleh Allah dan masjid ini dapat dimakmurkan sebaiknya apabila siap nanti.

**MAJLIS PERASMIAN DAN PECAH TANAH PROJEK TIJANI
RAJA DEWA**

3 Rejab 1436 / 22 April 2015
Symphony Life Studio, Jkr 272 Jalan Raja Dewa Kota Bharu

Firman Allah Taala:

لَا يَلْفُ قُرَيْشٍ ۝١ إِذْ لَفِيهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ ۝٢ فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ
هَذَا الْبَيْتِ ۝٣ الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَآمَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ ۝٤

Maksudnya: *Dengan sebab kebiasaan aman tenteram bagi kaum Quraisy iaitu perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman) dan pada musim panas (ke negeri Syam). Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan Yang Menguasai Kaabah ini, Dialah Tuhan yang menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan. (Quraisy: 1- 4)*

Alhamdulillah, kita panjatkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah keizinanNya, kita dapat menjayakan majlis perasmian dan Pecah Tanah Projek Tijani pada hari ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Symphony Life Berhad di atas penganjuran majlis ini yang bagi saya sangat-sangat bermakna khususnya di dalam membangunkan pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Ucapan terima kasih saya rakamkan kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan perasmian projek Tijani pada pagi ini yang bagi saya projek ini adalah satu pembangunan mewah di Telipot ini yang melibatkan strata dan juga *landed residential*s.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang kepada Y.Bhg. Tan Sri Azman Yahya, pengerusi eksekutif, Symphony Life Berhad yang juga merupakan anak watan negeri Kelantan yang telah mencipta nama di persada negara, begitu juga dengan kakitangan beliau yang turut serta di dalam merealisasikan acara pada petang ini.

Islam sendiri pada hakikatnya sudah menggariskan panduan-panduan asas di dalam kita menguruskan agenda ekonomi serta pelaburan agar umat Islam dilihat sebagai ummah yang kukuh ekonomi mereka. Bahkan Allah SWT sendiri telah menceritakan sikap orang-orang Quraisy sebelum kedatangan Islam yang suka menguruskan urusan niaga dan menguruskan aktiviti ekonomi sebagaimana dalam ayat yang saya bacakan tadi. Ini menunjukkan amalan pengurusan perniagaan yang merupakan nadi kepada keutuhan ekonomi tidak ditegah oleh Islam, cuma diperintahkan agar jangan lupa untuk bersyukur kepada Allah SWT di atas nikmat yang dikurniakan.

Ibn Khaldun, di dalam kitabnya yang terkenal, iaitu al-Mukaddimah, menyentuh banyak perkara tentang projek ekonomi dan pelaburan seperti nilai, buruh, sistem harga, hukum permintaan dan penawaran, penggunaan dan pengeluaran, wang, modal, kewangan negara dan lain-lain. Beliau yang berasal dari Hadramaut dan berpindah ke Andalus merupakan seorang tokoh ekonomi yang banyak mengenengahkan teori ekonomi penting yang mendahului Adam Smith dengan jarak waktu 400 tahun. Di antara perkara asas yang dinyatakan oleh beliau ialah beberapa prinsip dan falsafah ekonomi seperti *fairness* (keadilan), *hardworking* (kesungguhan), *cooperation* (kerjasama) dan kesederhanaan dalam mengurus kewangan. Justeru, amalan ekonomi yang tidak ditunjang dengan diskriminasi perlu menjadi amalan di dalam merancang dan membentuk model ekonomi dan urusan niaga yang berkesan.

Model ekonomi yang berteraskan konsep langit terbuka pada hari ini perlu disantuni dengan lebih telus dan gigih. Dari sudut ekonomi, Kelantan insyaAllah sedang berusaha menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih mantap dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Kerajaan negeri sebenarnya serius dengan pelbagai usaha untuk menarik pelabur bagi melabur di Kelantan sama ada pelabur dari dalam atau luar negara.

Sejumlah peruntukan telah diperuntukkan untuk misi pelaburan luar negara bagi menarik lebih banyak pelaburan asing langsung ke negeri kita. Ini termasuklah kita adakan pelaburan ke China dan timur tengah bagi melabur dalam industri berasaskan sumber mineral yang terdapat dalam negeri seperti industri simen, petroleum, gas dan juga dalam industri halal. Dalam menjayakan siri-siri pelaburan tersebut kerajaan mengunjurkan nilai pelaburan yang dapat dijana sekitar RM 12 billion bagi tempoh 3 tahun bermula tahun lepas.

InsyaAllah, kita mengharapkan selepas ini Kelantan sebagai sebuah negeri di Malaysia yang paling hampir dengan China dari sudut geografinya boleh menjadi pintu masuk kepada pelbagai produk khususnya produk halal yang mempunyai pasaran yang amat berpotensi di Malaysia pada hari ini. Mengambil pengajaran daripada surah Quraisy tadi di mana Allah SWT menjelaskan sikap bangsa Quraisy yang sering berulang-alik ke Syam dan Yaman untuk berniaga, maka hari ini kita perlu berusaha lebih serius dalam membuka pintu perdagangan di peringkat antarabangsa.

Projek Tijani ini adalah salah satu pemangkin kepada ekonomi setempat dan ini adalah satu perkara yang membanggakan pihak kerajaan negeri dalam usaha kita membangunkan zon-zon komersial di negeri ini. Kita di peringkat kerajaan negeri telah bersetuju menerima pelaburan yang cukup bernilai yang dimajukan oleh Symphony Life Berhad dengan usaha sama Euro Saga Sdn

Bhd di bawah projek Tijani Raja Dewa yang menyediakan kawasan kediaman berprestij yang berkonsepkan resort, kawasan komuniti berpagar, berkawalan yang diinspirasikan dari suasana kampung tradisional Melayu. Tahniah saya ucapkan atas usaha yang sangat baik ini. Penglibatan serta kesungguhan pihak Symphony Life Berhad dalam menjadi salah satu ejen pembangunan di negeri Kelantan adalah amat dialu-alukan.

Saya juga berharap agar penglibatan Symphony bukan sahaja setakat menyumbang ke arah perkembangan prasarana di persekitaran Tijani Raja Dewa tetapi turut sama di dalam menjanakan ekonomi negeri Kelantan dan juga penglibatan secara langsung di dalam aktiviti-aktiviti korporat sosial.

Alhamdulillah, perancangan-perancangan ekonomi yang rakyat kita telah usaha dan akan laksanakan membuktikan bahawa Kelantan dan rakyatnya tidak pernah ketinggalan di dalam arus kemajuan. Saya yakin insyaAllah, jika perancangan yang ada disertai dengan pelaksanaan berbekalkan iman dan taqwa kepada Allah SWT, Kelantan dan rakyatnya akan sentiasa dilimpahi dengan segala macam keberkatan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Symphony Life Berhad dan syarikat usaha samanya iaitu Euro Saga Sdn Bhd serta seluruh warga kerja yang telah mengusahakan satu projek yang sangat strategik dalam masa yang sama memberi imej yang baik dari sudut pembangunan ekonomi negeri ini. Dengan lafaz :

Bismillahirrahmanirrahim

Saya rasmikan Projek Tijani Raja Dewa ini, mudah-mudahan diberi keberkatan.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT CAWANGAN USAHASAMA
PKINK/PULAI MINING SDN BHD**

Lembah Sireh Jalan Sultanah Zainab Kota Bharu.

Firman Allah SWT :

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ تَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۗ وَالَّذِي خَبثَ لَا تَخْرُجُ إِلَّا
نَكْدًا ۗ كَذَلِكَ نُنصِرُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: *Dan negeri yang baik, maka tanaman-tanamannya tumbuh subur dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik maka tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan layu. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda kekuasaan Kami dengan pelbagai cara bagi orang-orang yang bersyukur. (Al-A'raf: 58)*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya, dapat bersama-sama kita berada di dalam Majlis Perasmian Pejabat Cawangan Usahasama PKINK dan Pulai Mining Sdn Bhd ini. Saya ucapkan terima kasih dan menyambut baik pembukaan pejabat ini bagi memudahkan urusan pentadbiran dengan pejabat-pejabat jabatan kerajaan untuk pengurusan lebih cekap dan mesra pelanggan serta menambahkan hasil perlombongan kerajaan negeri.

Kerajaan negeri sentiasa memastikan 'kesejahteraan rakyat' agar tidak terabai, dan kita sentiasa pastikan negeri Kelantan ini berada di bawah lembayung rahmat Allah dan Allah membuka segala pintu rezeki yang luas untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat kita. Sebab itulah tema Belanjawan Negeri Kelantan 2015 yang lalu adalah 'Kesejahteraan Rakyat

Keutamaan Negeri' ini sesuai dengan hasrat kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat. Antara strategi untuk mencapai hasrat ini antaranya kerajaan telah mengenalpasti dan memberi tumpuan khusus kepada program dan projek yang dapat membangunkan ekonomi rakyat. Oleh itu, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh mengadakan aktiviti ekonomi ke arah memaksimumkan pendapatan negeri seperti mendapatkan punca-punca hasil dalam aspek pengurusan dan pemajuan khazanah asli yang ada.

Setakat ini kita telah mengenalpasti serta memilih program dan projek yang betul-betul dapat merancakkan ekonomi dan taraf hidup rakyat. Semua aspek pembangunan negeri yang dapat mengurangkan keadaan ketidakseimbangan sosio-ekonomi diberi fokus yang baik. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang sederhana serta kedudukan kewangan yang terhad, kerajaan negeri akan terus memberi penekanan dalam memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negeri melalui pelbagai program pembangunan yang dirancang.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kelantan adalah negeri yang kaya dengan sumber mineral. Pada tahun 2004, jabatan perangkaan telah mengeluarkan data bahawa Kelantan adalah negeri pengeluar minyak utama di Malaysia. Bagaimanapun minyak bukan satu-satunya yang terdapat di bumi Serambi Mekah ini tetapi ianya juga kaya dengan sumber galian seperti emas, bijih besi, feldspar, batu marmar, granite dan barit. Alhamdulillah, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melalui anak syarikatnya, Kelstone Sdn Bhd yang menjadi peneraju utama dalam sektor ini telah menjana pendapatan kerajaan negeri melalui kerja cari gali dan perlombongan hasil bumi yang terdapat di negeri ini. Tahun 2011 lagi, perlombongan emas dan lain-lain mineral yang terdapat di Blok Pulai, Gua Musang telah pun diusahakan oleh Kelstone secara usahasama dengan syarikat Pulai Mining Sdn Bhd.

Sektor perlombongan ini menjadi sumber utama dalam penjana ekonomi dan pelaburan negeri. Kita hendaklah menggalakkan pelaburan dalam sektor ini, khususnya industri hiliran yang mempunyai nilai tinggi. Ia juga memerlukan kecekapan dalam tadbir urus industri perlombongan, bagi tujuan mendatangkan hasil yang maksima. Kerajaan negeri menggesa agensi-agensi yang terlibat untuk meneroka dan mengeksploitasi sumber-sumber mineral baru yang bernilai tinggi, supaya dapat dimajukan secara lebih optima dan mampan.

Sebelum ini, kita telahpun menerima royalti bernilai RM 2.2 juta melalui hasil perlombongan emas di tiga blok berbeza dan dijangka meningkat memandangkan hasil pengeluaran akan bertambah apabila kerja-kerja mencari gali di kawasan lain juga dilaksanakan. Pada tahun 2013 lalu, kerajaan negeri juga telah meluluskan dua kawasan seluas 179.70 hektar (444 ekar) dan 180 hektar (445 ekar) untuk dijalankan kerja-kerja perlombongan bijih besi. Ini beberapa usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam mendapatkan perolehan hasil yang optima.

Saya mengharapkan agar semua agensi, badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat dapat berperanan dalam bidang kerja masing-masing untuk menjana hasil dan pulangan. Agensi-agensi dan anak syarikat ada yang telah diberi milik kawasan pembalakan, tanah pertanian, kawasan lombong dan seumpamanya, yang memerlukan usaha yang keras dan bersungguh-sungguh bagi mengurus dan memproses aset-aset tersebut. Baki lagi, beberapa aspek penguatkuasaan dan kawalan perlu ditingkatkan khususnya terhadap pencerobohan mineral, hasil hutan dan hasil tanah. Hasil tanah ini dianggarkan akan menjadi penyumbang terbesar iaitu dengan jumlah RM 129.57 juta atau 24.40% daripada keseluruhan jumlah hasil. Ia menunjukkan

peningkatan sebanyak RM 24.13 juta jika dibandingkan anggaran belanjawan tahun 2014 iaitu sebanyak RM 105.44 juta.

Dalam membangunkan agenda ekonomi untuk negeri ini selain daripada agenda-agenda yang telah saya nyatakan, kita juga menumpukan aspek-aspek yang lain umpamanya dalam hubungan perdagangan dengan negara lain. Kita telah mengadakan MoU dengan Wilayah Linxia China tahun lalu yang mana MoU tersebut berkonsepkan kerjasama atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama, juga untuk menggalakkan hubungan rakyat dan ekonomi perdagangan antara Kelantan dan China, dalam menjalankan kerjasama di bidang industri, pendidikan, kebudayaan dan pelancongan.

Antara yang terpenting juga kita telah bersetuju untuk jalankan kerjasama dalam industri halal dan pensijilan dari segi makanan, ubat-ubatan, pakaian, produk biologi dan penternakan. Untuk itu, kita telah capai persetujuan antara Shanghai Al-Amin Biotech dan Golden Triangle Worldwide Sdn Bhd. bagi membina kilang pengeluaran gelatin halal di negeri Kelantan untuk pasaran tempatan juga luar negara. Kita sangat mengharapkan usaha ini berjalan dengan jayanya.

Pentadbiran negeri pada masa ini, telahpun memasuki fasa kedua Membangun Bersama Islam yang kita masyhurkan dengan 'Merakyatkan Membangun Bersama Islam'. Penerapan dasar ini tidak hanya terhad dalam perkara ubudiyah malah ia termasuk hal pembangunan ekonomi negeri, melebarkan kebajikan rakyat dan juga membasmi gejala mungkar dan jenayah dengan penerapan hukum Islam.

Oleh itu, kerajaan negeri terus komited untuk memastikan tahun 2015 ini sebagai tahun pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah yang kita tumpukan ini adalah semata-

mata kita inginkan keredhaan Allah dan kita ingin didik seluruh rakyat agar menerima serta mengemblengkan tenaga untuk menjayakan pelaksanaannya. Semoga Rang Undang-Undang Persendirian bagi meminda Akta 355 Mahkamah Syariah yang akan dibawa pada bulan Mei nanti berjaya disokong oleh ahli Parlimen beragama Islam. Doakan semoga ianya dipermudahkan dan berjaya untuk dilaksanakan.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan pembukaan pejabat cawangan Pulau Mining di sini dan saya rasmikannya dengan lafaz :

Bismillahir Rahmanir Rahim

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR

4 April 2015
SMU(A) Al-Ihsan Tanah Merah

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ
وَمَنْ يَسِّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسِّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya: *Barangsiapa yang melepaskan kesusahan seseorang mukmin daripada kesusahan dunianya, maka Allah akan melepaskan baginya kesusahan di hari kiamat dan barangsiapa yang mempermudah orang yang dalam kesukaran Allah akan mempermudah urusannya di dunia dan di akhirat.* (Riwayat Imam Muslim)

Alhamdulillah, syukur dapat hadir ke Majlis Penyerahan Bantuan kepada mangsa banjir Kelantan yang diselikan oleh Perakan Malaysia. Pada hakikatnya sokongan dari pelbagai pihak untuk meringankan bebanan kepada mangsa banjir adalah suatu yang utama buat masa ini. Sokongan seperti ini penting bagi mengembalikan semula semangat rakyat Kelantan khususnya yang menjadi mangsa musibah banjir baru-baru ini.

Kerosakan dan kesan banjir baru-baru ini adalah antara yang terbesar dan sudah tentu ia memerlukan komitmen dan bantuan daripada semua pihak. Sumbangan-sumbangan amat diharapkan sebagai membuktikan kebersamaan di dalam usaha pembinaan semula kesemua kerosakan yang berlaku.

Ujian banjir ini kita anggaplah sebagai suatu cubaan Allah untuk menambahkan kasih sayang kepada kita kerana dalam agama Islam

dinyatakan apabila Allah mengasihi sesuatu kaum maka akan diuji sebagaimana hadis Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ

Maksudnya: *Sesungguhnya apabila Allah suka kepada sesuatu kaum, maka Allah akan menguji mereka.* (Riwayat Tirmidzi)

Dalam mengurus hal ehwal pasca banjir, kerajaan negeri Kelantan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Task Force Pasca Banjir Peringkat Negeri yang di pengaruhi sendiri oleh saya sendiri dengan matlamat untuk membuat penilaian dan pemantauan serta kerja-kerja susulan untuk khidmat kebajikan rakyat yang menjadi mangsa banjir. Dalam usaha kebajikan kepada mangsa banjir tersebut, kerajaan negeri telah menubuhkan satu tabung bencana banjir bagi membantu semua mangsa-mangsa banjir khususnya yang kehilangan keseluruhan kediaman mereka.

Pasca banjir ini juga, kerajaan negeri telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Program Pemulihan Ekonomi Rakyat Pasca Banjir Negeri Kelantan. Penubuhan ini adalah semata-mata untuk membantu rakyat menjana pendapatan isi rumah melalui bidang pertanian, keusahawanan dan perniagaan dengan menyediakan Pusat Ekonomi Setempat serta modal peralatan kepada mereka bagi memulakan aktiviti pertanian serta perniagaan.

Selain itu, kerajaan negeri dengan penubuhan jawatankuasa ini akan dapat membantu mangsa banjir daripada golongan petani dan peniaga serta bakal usahawan dengan memberi latihan pengurusan perniagaan secara efektif melalui latihan bina usahawan, usahawan tani, strategi pemasaran dan sebagainya.

Jawatankuasa ini juga akan segera merancang program-program pemulihan ekonomi rakyat serta menyelaras program-program pemulihan ekonomi

pasca banjir. Antara projek yang dilaksanakan termasuklah membaikpulih infrastruktur yang rosak terutama jalan-jalan kampung, jalan industri dan jalan pertanian.

Di kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perakan Malaysia dan Perakan Relief juga semua pihak, semua dermawan yang telah memberikan pelbagai bentuk bantuan serta bekalan kepada semua mangsa-mangsa banjir sepanjang rakyat negeri ini dilanda musibah banjir. Pada hari ini insyaAllah beberapa bantuan seperti 60 biji kerusi, 6 biji meja makan, 50 unit tilam termasuk sebuah komputer akan disalurkan. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada yang menyumbang.

Sama-samalah kita menyumbang untuk mengurangkan bebanan mereka yang susah bahkan dalam agama Islam, Allah menyuruh hamba-Nya agar menyumbangkan sebahagian harta yang telah dikurniakan apatah lagi dalam keadaan saudara-saudara kita yang dilanda musibah besar dengan kehilangan semua harta benda mereka yang meninggalkan kesan besar serta bebanannya perlu dipikul bersama oleh kita. Doakanlah agar usaha kerajaan negeri diberkati Allah dan segala gerak kerja pemulihan berjalan dengan lancar. Terima kasih sekali lagi.

جزاكم الله خير الجزاء

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN RAMAH MESRA BERSAMA KAUM
SIAM ANJURAN MAJLIS DAERAH TUMPAT**

6 Rabiul Awwal 1437 / 18 Disember 2015
Dewan Wat Phikulthong, Terbak, Tumpat

Firman Allah SWT:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَالِدَاتُ
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالِمِينَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: *Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. (Al-Rum: 22)*

Alhamdulillah, pada petang ini saya melahirkan rasa syukur kerana dapat bersama-sama dengan masyarakat Siam di Tumpat dan saya rakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Majlis Daerah Tumpat yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ramah mesra pada petang ini.

Pihak kerajaan negeri mengutamakan masyarakat bukan Islam sebagaimana masyarakat Islam yang lain, tidak ada perbezaan antara satu sama lain. Di Majlis Daerah Tumpat ini, ada dua orang ahli Majlis Daerah dan empat orang penghulu di Tumpat yang mewakili masyarakat bukan Islam.

Islam mengiktiraf setiap manusia tanpa mengira etnik. Oleh itu, tidak boleh berlaku perbezaan atau penafian hak berdasarkan etnik. Hal ini menjelaskan

manusia secara fitrah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecah-belah dan bermusuhan. Seharusnya kita perlu kenal-mengenal dan membantu antara satu sama lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai.

Islam mengambil pendekatan yang amat inklusif dan meraikan kepelbagaian bangsa dan agama yang wujud, demi untuk menghasilkan suasana perpaduan yang aman damai. Islam menggalakkan sikap hormat-menghormati dan rasa kasih sayang untuk disemai dengan subur di kalangan kelompok yang berlainan agama. Umat Islam dilarang mencemooh dan menghina sembahsan serta ritual agama yang lain, kerana dibimbangi tindakan sebegitu akan mencetuskan reaksi balas yang negatif, seterusnya membawa kepada persengketaan dan permusuhan yang berpanjangan.

Jika kita melihat kepada sejarah Nabi Muhammad, Baginda sangat menghormati masyarakat bukan Islam, hak-hak kepada mereka dipenuhi sebagaimana umat Islam bahkan Nabi Muhammad sendiri pernah berhutang dengan non Muslim atau Yahudi walaupun umat Islam yang lain ada pada masa itu. Ini membuktikan bahawa masyarakat Islam dan bukan Islam sejak zaman Nabi Muhammad lagi sudah hidup secara tolong-menolong.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa wilayah-wilayah yang diperintah oleh pemerintah Islam di zaman Khulafa ar-Rashidin iaitu di zaman selepas nabi, zaman Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Osman dan Saidina Ali telah memberi kebebasan kepada masyarakat bukan Islam mengguna pakai undang-undang peribadi mereka. Masyarakat bukan Islam tidak dikenakan zakat tetapi dikenakan cukai yang dinamakan jizyah sebagai jaminan keselamatan dan perlindungan kepada mereka.

Masyarakat bukan Islam juga diberikan layanan yang baik dan tidak dipinggirkan daripada menikmati kekayaan negara. Satu peristiwa telah berlaku apabila Khalifah Umar bertemu dengan seorang Yahudi tua yang meminta sedekah. Khalifah sangat terharu melihat keadaan Yahudi itu lalu baginda bertanya akan hal keadaan yang menyebabkan demikian. Yahudi itu menjelaskan bahawa keadaan fizikal yang tua dan tidak lagi berkemampuan untuk bekerja menyebabkan dia terpaksa meminta sedekah. Setelah mendengar jawapan itu, Khalifah terus membawa Yahudi itu ke rumahnya dan kemudian menghantarnya ke Baitulmal dan mengeluarkan perintah supaya diberi bantuan kepadanya. Kata Khalifah Umar "Tidak ada keadilan, kita kutip jizyah dari mereka ketika masa muda dan meninggalkan mereka apabila mereka tua."

Dalam konteks kepelbagaian kaum dan agama di Malaysia, masyarakat bukan Islam perlu diberi perhatian dan dijaga. Malah setiap tindak tanduk kita hendaklah tidak menimbulkan rasa tidak selesa hingga menjejaskan ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat. Keupayaan pelbagai kaum untuk duduk semeja dalam merancang pembangunan negara dan negeri adalah satu perkara yang dituntut oleh setiap agama dan memberi manfaat serta faedah kepada pembangunan negara dan negeri kita.

Mengikut penulisan sejarah, pertalian Kelantan-Siam dikatakan bermula sejak pertengahan abad ke 13. Waktu itu orang-orang Siam sudah mula menyumbangkan pengaruh kekuasaannya ke Selatan Lembah Sungai Chao Phraya, menurun ke kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu. Walau bagaimanapun pertalian ini berubah menjadi perlindungan apabila Long Muhammad menjadi Sultan Muhammad I pada tahun 1800/1801.

Baginda menghantar Pak Wan Mahmud sebagai utusan menghadap Maharaja Siam dan sebagai tanda perhubungan setia Sultan Muhammad mengirim

bunga mas ke Siam tiga tahun sekali. Kekuatan pengaruh Siam dapat dilihat melalui tindakan Raja Siam yang telah memperkenankan Long Senik Mulut Merah menjadi Raja Kelantan pada tahun 1837 dengan gelaran Sultan Muhammad II apabila Sultan Muhammad I mangkat pada tahun 1835. Maknanya Siam-Kelantan sudah mempunyai pertalian yang sangat lama.

Kerajaan negeri dalam usaha meluaskan kebajikan kepada masyarakat bukan Islam ini, sebelum ini kita telah memberi kebenaran kepada 23 buah wat Siam di Kelantan yang dalam proses digazet untuk diletakkan dibawah Majlis Sangkha Negeri Kelantan. Di Tumpat ini ada 12 wat Siam dan 9 daripadanya sudah berada di peringkat akhir proses untuk gazet. Kerajaan negeri telah memberi kebebasan kepada aktiviti-aktiviti agama lain, ini bermakna dalam usaha kita meningkatkan syiar Islam, kepentingan dan hak kaum-kaum lain tidak pernah diabaikan memandangkan mereka juga adalah rakyat Kelantan.

Selain itu, skim-skim yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri seperti skim rumah dhuafa' atau rumah orang miskin, skim kifalah, skim bantuan beras, skim untuk membantu orang susah berkahwin atau al-Ziwaj juga diberikan sama rata kepada masyarakat bukan Islam di negeri ini. Kerajaan negeri mendengar semua aduan dan permasalahan rakyat dan insyaAllah membantu menyelesaikannya sebaik mungkin.

Saya sangat mengharapkan semua pimpinan di semua peringkat dan rakyat di negeri ini sama ada Islam mahupun bukan Islam agar hidup bertoleransi, kerjasama sepakat dan sama-sama menjaga kemakmuran, keamanan serta keindahan negeri Serambi Mekah ini. Semoga Allah sentiasa memelihara kerajaan negeri ini. Terima kasih kepada semua yang hadir memberi komitmen kepada majlis kerajaan negeri dan pihak penganjur. Dengan ini saya rasmikan Majlis Ramah Mesra Bersama Masyarakat Siam di Tumpat pada hari ini.

MAJLIS BERSAMA PERAKAN SUNGAI BULOH

5 Rabiul Awwal 1437 / 17 Disember 2015
Sungai Buloh, Selangor

Firman Allah SWT:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾ وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَىٰ ﴿٤٠﴾

Maksudnya: *Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan apa yang diusahakannya. Bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan kepadanya pada hari kiamat kelak. (Al-Najmu: 39-40)*

Terima kasih kepada pihak Perakan yang mengadakan majlis penuh bermakna ini, dapat kita bertemu mata dan boleh bertanya khabar keadaan masing-masing. Perakan khususnya sebelum ini banyak kali telah berperanan dalam merealisasikan agenda Kerajaan Kelantan selama ini. Dengan adanya Perakan, ia menjadi jambatan untuk menyalurkan maklumat kerajaan negeri kepada anak-anak Kelantan di perantauan.

Kerajaan negeri telah berusaha untuk menjengok dan beramah mesra dengan anak-anak Kelantan di perantauan ini secara kerap. Insyallah aktiviti Perakan disusun secara lebih kerap dalam tempoh tahun ini dan tahun 2016. Majlis seumpama perjumpaan sesama ahli, dialog, majlis berbuka puasa dan majlis seumpama pada malam ini yang turut dihadiri oleh pemimpin kerajaan negeri sangat perlu diadakan bagi menyalurkan maklumat terkini berkaitan kerajaan negeri.

Kerajaan negeri telah mewujudkan portfolio 'hubungan seranta' sebagai saluran pentadbiran kerajaan negeri untuk merapat hubungan dengan warga Kelantan di perantauan. Dari sudut skop operasional hubungan seranta adalah lebih kepada menganjurkan aktiviti bersama kerajaan negeri dengan warga

Kelantan yang berada luar Kelantan termasuk di Sabah dan Sarawak. Kita akan memanfaatkan sebaik mungkin usaha penyaluran maklumat tepat dari kerajaan negeri kepada anak-anak perantau.

Perakan pada hakikatnya telah banyak membantu kerajaan negeri. Semasa banjir tahun lepas Perakan begitu aktif membantu mangsa-mangsa banjir. Kerajaan negeri sangat hargainya. Apa yang penting, kami amat mengharapkan kepada warga Kelantan di luar agar menjadi agen penyebar berita yang sahih dan benar berkaitan kerajaan negeri. Banyak sekali isu-isu yang perlu difahami dan didengar melalui sumber yang sahih kerana kita bimbang, zaman media baru ini, maklumat tidak benar dan saraf yang pelbagai ini dapat menguasai pengguna-pengguna media sosial khasnya yang berada di luar Kelantan.

Dalam isu lebuhraya perlu di ketahui bahawa setelah kita telah melancarkan 'mula kerja' pada 27 Ogos lalu di Bukit Bakar Machang sehingga ke Dusun Damar, Kuala Krai iaitu sepanjang 30.5 km untuk fasa yang pertama. Dengan perbincangan kerajaan persekutuan, kita akan siapkan 10.5 km dan bakinya akan disiapkan oleh mereka. Lebuhraya ini adalah kerja mereka bukan negeri tetapi atas hasrat janji kita kepada rakyat, maka kita siapkan sebagaimana yang dinyatakan tadi.

Kita doakanlah agar kerajaan persekutuan akan menampung kos-kos tersebut kerana lebuhraya yang dibina ini termasuk dalam jajaran *central spine road* yang menjadi tanggungjawab kerajaan persekutuan siapkannya. Manakala dana wakaf terkumpul sebanyak RM 3.1 juta lebih yang diderma oleh rakyat kita akan pastikan diguna untuk dibina jambatan yang menghubungkan antara lebuhraya yang kita namakan jambatan rakyat nanti.

Berkaitan Kanun Jenayah Syariah pula, setelah kita telah menyiapkan prasarana dan persediaan yang sepatutnya, maka *Private Members Bill* telah diangkat beberapa kali ke Dewan Rakyat. Usaha kita masih belum berjaya pada 2015 ini, kebetulan persidangan akhir parlimen lepas, kes Kanun Jenayah Syariah kita berada di Mahkamah setelah YB Marang, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dan Speaker disaman. Tempoh berakhir parlimen hanya ada lebih kurang seminggu lagi dan kita tidak sempat untuk angkat usul pindaan memandangkan aturan parlimen mestilah diangkat sekurang-kurangnya dua minggu sebelum persidangan parlimen.

Kita sudah membuat persiapan rapi, sebelum ini, kerajaan negeri mengadakan Muzakarah Penyediaan Kaedah-Kaedah Hukuman Kanun Jenayah Syar'iyah yang turut dihadiri oleh mufti-mufti seluruh Malaysia dan pakar perundangan juga pakar perubatan. Untuk makluman, kita adalah kerajaan negeri pertama bukan setakat di Malaysia akan tetapi di dunia ini yang mempunyai kaedah atau undang-undang bertulis tentang tatacara hukuman hudud secara terperinci.

Kita kena bersabar, usaha yang kita lakukan untuk membawa usul persendirian ini masih belum berjaya kerana beberapa halangan daripada pihak lain. InsyaAllah pada persidangan Dewan Rakyat bulan Mac tahun depan, usul pindaan ini akan diangkat semula dan doakan ianya berjaya.

Kerajaan Negeri Kelantan juga sedang berusaha sedaya mungkin dalam operasi menyiapkan keseluruhan rumah kekal bagi mangsa-mangsa banjir lepas. Jumlah keseluruhan rumah kekal yang telah didiami sehingga kini sebanyak 378 unit daripada jumlah keseluruhan 720 unit. Jumlah tersebut adalah hasil pembinaan yang telah diusahakan oleh kerajaan negeri dan NGO.

Kita sudah bina dan dalam pra-bina melebihi target kita iaitu 600 rumah sebagaimana yang dijanji dahulu.

Sebanyak 47 unit rumah kekal di tiga kawasan iaitu Machang, Tumpat dan Pasir Mas telah siap sepenuhnya dan telah diduduki. Di Kota Bharu masih terdapat 5 unit yang dalam pra pembinaan daripada jumlah 16 unit kesemuanya. Sementara di Gua Musang dan Kuala Krai, ada rumah-rumah yang telah siap namun belum boleh diduduki kerana kerja-kerja infrastruktur sedang dijalankan umpamanya sebanyak 44 unit rumah di Mukim Pulau. Baki rumah kekal yang lain akan disiapkan sepenuhnya oleh kerajaan persekutuan sebagaimana dalam persetujuan yang telah diambil.

Berkaitan isu YIK, memang berlaku tunggakan dan ada di selesaikan pada tahun 2012 itupun di sebabkan hasil daripada penjualan ladang milik YIK kepada PMBK Sawit. Jadi, hasil ini di gunakan untuk membayar tunggakan YIK. Beberapa perincian data dan jumlah tunggakan YIK mengikut tahun seperti berikut ;

2007- RM 2, 286, 566
2008- RM 6, 121, 108
2009- RM 5, 028, 903
2010- RM 6, 998, 252
2011- RM 64, 896.12
2012- RM 1, 683, 334.58
2013- RM 5, 544, 963.02
2014- RM 9, 207, 327.45

Tunggakan ini terus meningkat adalah di sebabkan hasil daripada ladang-ladang YIK masih belum diperolehi. Dan satu yang kita perlu fahami, pihak kerajaan dalam proses menyelesaikan masalah ini keseluruhannya. Hakikatnya, perbelanjaan untuk YIK yang di berikan oleh Kerajaan Kelantan adalah sebanyak RM 6.5 juta yang dibayar secara bulanan. Manakala

perbelanjaan yang diperlukan oleh YIK adalah sebanyak RM 8.3 juta iaitu memerlukan tambahan sebanyak RM 1.8 juta bagi setiap bulan. Kita sudah jelaskan tunggakan tersebut RM 2 juta dan saman ke atas syarikat yang tidak membayar hasil kepada YIK juga telah kita menang.

Walaupun menghadapi masalah dari sudut tunggakan kewangan ini di YIK, namun Alhamdulillah dari sudut pencapaian akauntabilitinya kita mendapat penarafan bintang. Baru-baru ini, semasa Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2014, beberapa jabatan juga agensi kerajaan negeri telah menerima anugerah penarafan dan sijil kecemerlangan. Ini bermakna, kita di YIK telah melepasi audit berkaitan ketirisan seperti rasuah, penyelewengan, perbuatan melanggar perundangan, perbuatan yang dapat menimbulkan kerugian kewangan dan bukan kewangan, pelanggaran standard operasi, dan pelanggaran etika.


Semoga dengan sumbangan dan kepakaran yang dimiliki oleh anak-anak Kelantan di perantauan ini akan memberi pulangan dan faedah yang besar kepada kerajaan negeri sama ada dalam bentuk sumbangan idea atau material. Yang penting, walau di mana jua kita berada, kita dapat menjadi tunjang dan kekuatan kepada kerajaan negeri insyaAllah.

**MAJLIS PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT SEMPENA
SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI 2015**

12 Rabiul Awwal 1437/ 25 Disember 2015
Dewan Perniagaan Cina Kota Bharu

Assalamualaikum Warahmatullah dan Selamat Sejahtera

Firman Allah Taala:

 وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۗ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ۚ

Maksudnya: *Dan kalaulah Tuhanmu menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berbeza pandangan dan anutan. (Hud: 118)*

Alhamdulillah, pada malam ini, saya merasa gembira kerana dapat berjumpa dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam Majlis Pemimpin Bersama Rakyat pada malam ini. Saya sangat berharap hubungan kita di Kelantan adalah sebagaimana sebuah keluarga dengan tidak mengira latar belakang kaum, bangsa dan agama.

Jika kita meneliti kepada susur galur masyarakat India, orang-orang India adalah etnik ketiga terbesar di Malaysia, dan juga salah satu kaum yang telah menyumbang ke arah pembentukan sesebuah masyarakat majmuk di negara kita. Seperti masyarakat lain, masyarakat India juga kaya dengan ciri-ciri kebudayaan mereka dan masih mengekalkan kebudayaan tersebut sehingga ke hari ini.

Adat resam yang diamalkan oleh masyarakat India mempunyai banyak persamaan dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Ini jelas dapat dilihat

dalam aspek kelahiran dan perkahwinan. Kalau tidak silap saya, dalam masyarakat India ada upacara *Thirumanam* atau yang bermaksud penyatuan atau ikatan suci melalui perkahwinan antara pasangan suami isteri agar kekal hingga ke akhir hayat. Agama Islam sendiri sangat mementingkan hubungan yang berkekalan sampai akhir hayat apabila seseorang itu berkahwin. Selepas berkahwin, kita kena elakkan daripada berlakunya perceraian kerana ia akan memberi masalah kepada pendidikan dan pembesaran anak-anak di samping masalah keluarga yang lain. Dalam masyarakat India semasa ingin berlangsung perkahwinan, antaranya terdapat adat yang sangat baik umpamanya mencium kaki kedua ibu bapa serta membasuh kaki ibu bapa dan juga memberi hadiah dhoti kepada bapa mertua serta sari kepada ibu mertua. Perkara ini akan menjadikan seseorang itu akan menghormati dan membesarkan ibu bapa. Agama Islam sangat mengutamakan kedua ibu bapa, sehinggakan tidak boleh untuk naik suara atau menyanggah suruhan keduanya. Ayat al-Quran dalam surah al-Israa ayat 23 ada menyebut:

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ
 الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرهُمَا وَقُلْ لَهُمَا
 قَوْلًا كَرِيمًا ﴾

Maksudnya: *Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya kamu tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau keduanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah kamu berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "uhh", dan janganlah kamu menengking serta*

menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yakni yang bersopan santun). (Al-Israa: 23)

Kita yang hidup di Kelantan ini, sangat mengutamakan aspek perpaduan antara kaum, tidak kira orang Islam ataupun orang bukan Islam. Kita bangunkan negeri ini secara bersama dan dengan kepakaran yang ada pada kita. Tidak kurang juga, dalam masyarakat India golongan profesional dan peniaga yang berjaya. Jika kita menyorot perkembangan orang-orang India yang ada di negara ini khususnya, terdapat ramai di kalangan mereka golongan pedagang seperti golongan Chettiar dari Madras, masyarakat Gujarani, Sikh dan Sindhi dari India Utara. Mereka kebanyakannya golongan profesional dan separa professional yang menjadi peniaga, terlibat dalam sektor pengurusan dan pentadbiran, polis, dan tentera.

Suatu ketika dahulu, kedatangan para pedagang India Islam terutamanya dari wilayah Benggala ke Melaka telah membentuk masyarakat campuran hasil daripada perkahwinan mereka dengan wanita-wanita tempatan. Golongan ini memberi impak yang kuat pada perkembangan di Melaka pada masa itu. Zaman kegemilangan Melaka memperlihatkan pengaruh India-Islam dalam hal ehwal politik di dalam kerajaan itu sangat baik. Kedatangan tamadun India juga telah melahirkan masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai kebudayaan dan adat resam. Ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum dan kaya dengan adat resam.

Kita di Kelantan, dalam menyalurkan skim-skim kebajikan kepada rakyat, tidak mengira latar belakang kaum, umpamanya skim sumbangan beras, skim bantuan rumah orang miskin, skim bantuan pelajaran dan lain-lain turut disalurkan kepada orang-orang India yang susah dan memerlukan bantuan. Sebelum ini, saya sendiri turut dikunjungi oleh persatuan Sikh ke pejabat

saya, persatuan peniaga dari kalangan orang India, kita berbincang dan cuba menyelesaikan permasalahan yang ada secara baik.

Kerajaan Kelantan pada tahun hadapan akan menyambut tahun melawat Kelantan 2016, sudah tentu pelbagai persediaan dan agenda yang akan ditumpukan bagi menarik lebih ramai pelancong luar ke Kelantan. Seni dan budaya masyarakat India turut akan menjadi tumpuan para pelancong nanti. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan di kalangan orang India yang telah banyak menyokong usaha Kerajaan Kelantan semenjak zaman Almarhum Tok Guru Nik Aziz sehinggalah ke hari ini, semasa saya dipertanggungjawabkan untuk mentadbir negeri Kelantan. Semoga hubungan kita tetap utuh dan kerajaan negeri kita sentiasa aman dan diberkati tuhan.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS GRADUASI TAHFIZ YAYASAN ISLAM KELANTAN
BAGI TAHUN 2015**

14 Rabiul Awwal 1437/ 26 Disember 2015
Dewan Besar Kompleks Islam Darulnaim, Kota Bharu

Firman Allah Taala:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ
لِّنَفْسِهِ ۗ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ إِذِنَ اللَّهُ ذَٰلِكَ هُوَ
الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: *Kemudian Kami jadikan al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (iaitu tidak mengikut ajaran al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului dalam berbuat kebaikan. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar dari Allah. (Faafir: 32)*

Pertamanya, Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan inayahNya membolehkan kita untuk sama-sama hadir bagi menyempurnakan Majlis Graduasi Tahfiz Yayasan Islam Kelantan bagi tahun 2015 ini. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yayasan Islam Kelantan di atas kejayaan menganjurkan majlis sebegini dan tidak lupa kepada para pelajar yang akan bergelar sebagai graduan tahfiz beserta ibu bapa yang pastinya cukup berbangga dengan kejayaan yang dilakar oleh anak masing-masing.

Negeri Kelantan adalah negeri yang dibangunkan dengan asas ilmu. Sejak sekian lama kita hidupkan pusat-pusat pengajian ilmu Islam, kitab turath, tahfiz al-Quran dan lain-lain agar rakyat kita sentiasa hidup dengan ilmu. Ini sahaja jalan ke arah membina ketamadunan unggul di negeri kita. Islam telah mencatat sejarah yang gemilang di dalam memimpin ketamadunan ilmu. Cahaya ilmu yang dibawa oleh Islam inilah yang menyinari kegelapan dunia pada awal perkembangannya. Gelap pekat jahiliyah ditambah dengan kemajuan tamadun tanpa hidayah akhirnya diselesaikan dengan hadirnya Islam. Dapat dilihat bagaimana Islam memastikan agar budaya ilmu sentiasa berjalan dari masa ke semasa. Islam mengkehendaki umatnya supaya berilmu dan mementingkan ilmu. Sejarah telah membuktikan bahawa keunggulan sesuatu bangsa adalah bergantung kepada ketinggian ilmu masyarakatnya. Mana-mana umat yang mementingkan ilmu akan bangkit sebagai umat yang ulung di mata dunia apatah lagi ilmu tersebut adalah yang bersabit dengan al-Quran atau wahyu daripada Allah. Ini bererti ilmu yang berasaskan wahyu merupakan sumber dan asas utama dalam tamadun Islam. Oleh itu kedudukan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama dalam tamadun Islam tidak boleh dipertikaikan lagi. Kedua-dua sumber ini berfungsi sebagai pembimbing yang sentiasa memberi panduan kepada manusia untuk memperkembangkan lagi ilmu mereka.

Atas hasrat ini, kerajaan negeri sentiasa menjunjung tinggi keilmuan berteraskan wahyu dan membangunkan negeri ini dengan membina sekolah-sekolah tahfiz Quran untuk melahirkan para huffaz. Penubuhan Maahad Tahfiz Wal Qiraat yang pertama ialah pada tahun 1992 iaitu sudah memasuki usia yang ke-23 tahun. Saya masih ingat, ketika Almarhum Tok Guru mencadangkan agar ditubuhkan Maahad Tahfiz al-Quran sejurus selepas diamanahkan mentadbir negeri Kelantan, pihak kepimpinan kerajaan negeri mula berbincang dengan serius usaha ini. Pada masa itu, pendidikan tahfiz

masih menjadi sesuatu yang asing di kalangan masyarakat kita. Alhamdulillah, dengan bantuan Exco Pendidikan dan Dakwah pada masa itu, Dato Haji Yahya Othman dan Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Almarhum Tuan Haji Abdul Samad Mahmood di samping Dato Haji Muhammad bin Daud al-Iraqi, Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan pada masa itu, Maahad Tahfiz al-Quran berjaya ditubuhkan pada awal tahun 1992.

Inilah sekolah peringkat menengah yang pertama di Malaysia yang menggabungkan pengajian tahfiz dan akademik sekaligus dan saya dimaklumkan pada hari ini sudah terdapat lebih 45 buah pusat tahfiz di negeri Kelantan yang ditubuhkan dengan mengambil kurikulum ini menjadi kurikulum pengajian mereka.

Kini, dengan jumlah sekolah maahad tahfiz sebanyak enam buah dengan jumlah pelajar seramai 1,999 orang, kita sudah boleh berbangga dengan ribuan para huffaz yang telah kita lahirkan sebelum ini. Mereka semua kini sedang memegang jawatan-jawatan yang penting di sektor-sektor kerajaan atau swasta dalam pelbagai bidang. Pada hari ini pula kita akan meraikan seramai 375 orang pelajar yang akan menerima sijil khatam al-Quran, ini adalah pencapaian yang sangat memuaskan.

Hasil yang kita lihat pada hari ini, tidak hanya kita bangga di dunia ini, malah anak-anak huffaz al-Quran ini akan menjadi golongan yang dimuliakan di hari akhirat kelak. Ini bermakna, anak-anak yang belajar di bidang tahfiz dalam erti kata lain sebenarnya merupakan aset dan kredit kepada ibu bapa mereka di akhirat kelak. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَعَمِلَ بِمَا فِيهِ أَلْبَسَ وَالِدَاهُ تَأْجِلاً يَوْمَ الْقِيَامَةِ ضَوْءَهُ أَحْسَنُ مِنْ
ضَوْءِ الشَّمْسِ

Yang bermaksud : *Sesiapa membaca al-Quran dan beramal dengan apa yang terkandung dalamnya maka kedua dua ibu bapanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat yang sinaran mahkota itu akan melebihi daripada cahaya matahari* (Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Kerajaan negeri sentiasa peka dan mengambil berat terhadap medium pendidikan agama dan tahfiz, malah menjadi agenda utama kerajaan negeri melalui program-program pengemaskinian dan pengukuhan kurikulum, peningkatan pengetahuan dan kemahiran Agama Islam di bawah Yayasan Islam Kelantan. Kerajaan negeri semasa pembentangan bajet 2016 baru-baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM 78 juta ringgit kepada Yayasan Islam Kelantan berbanding RM 72 juta pada tahun 2015, bagi melaksanakan program-program pendidikan, di samping RM 4 juta ringgit lagi bagi projek pembangunan baru, menaiktaraf dan menyelenggara bangunan sekolah-sekolah YIK. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM 6 juta ringgit bagi pendidikan pra sekolah, aktiviti pelajaran, bantuan pelajaran, dana pendidikan guru YIK dan program pengajian tinggi. Sebenarnya bajet pendidikan ini adalah antara bajet yang paling tinggi kosnya malah pada tahun lepas kerajaan negeri telah memperuntukkan RM 100 juta lebih untuk tujuan pembangunan pendidikan.

Saya merakamkan syabas dan tahniah kepada Yayasan Islam Kelantan kerana telah berjaya merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk melahirkan lebih ramai hafiz dan lebih jauh dari itu mereka dapat berperanan menjana kekuatan ummah dengan sumbangan-sumbangan yang berterusan kepada masyarakat dan agama.

Sempena graduasi tahfiz hari ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kesemua anak-anak pelajar yang bergelar hafiz dan hafizah. Hari ini adalah hari yang bersejarah dalam kehidupan anak-anak semua.

Majlis Graduasi Tahfiz ini adalah suatu pengiktirafan kepada pelajar bidang tahfiz Quran agar mereka membudayakan al-Quran dalam kehidupan dan menyebarkan luaskan ajaran al-Quran ke dalam masyarakat.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan tahniah yang tidak terhingga kepada semua pihak terutama pihak Yayasan Islam Kelantan dan khususnya kepada ibu bapa yang telah membesarkan anak-anak yang muncul sebagai graduan tahfiz pada hari ini, InsyaAllah, kebanggan ini akan lebih dirasai jika kita dapat menumpang doa dan amal anak-anak yang soleh apabila berhadapan dengan Allah SWT nanti. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan juga turut melahirkan rasa bangga dan bersyukur di atas kecemerlangan yang diraih oleh anak-anak pelajar yang telah berjaya menghafal 30 juzuk al-Quran.

Dengan lafaz:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya merasmikan Majlis Graduasi Tahfiz Yayasan Islam Kelantan bagi tahun 2015. Tahniah kepada semua yang berjaya!

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN HIMPUNAN ALUMNI PUSAT
PEMBANGUNAN WANITA KELANTAN (PPWK)**

3 Rabiul Awwal 1437 / 15 Disember 2015
Dewan Besar Balai Islam, Lundang

Firman Allah Taala:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ
اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.* (Al-Taubah: 71)

Marilah kita memanjatkan syukur yang tidak terhingga kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah izinNya dapat kita bersama-sama berada di Majlis Perasmian Himpunan Alumni Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) pada hari ini. Setinggi-tinggi tahniah saya rakamkan kepada pihak Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga & Kebajikan Negeri Kelantan di atas kejayaan menganjurkan program ini, tidak lupa ucapan terima kasih kerana sudi menjemput saya hadir bagi menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan himpunan pada kali ini.

Pepatah ada menyebut, wanita tidak diciptakan dari kepala untuk dijunjung, tidak dari kaki untuk dipijak, tetapi dari tulang rusuk yang dekat dengan hati kerana untuk dikasihi, dekat pula di bahu untuk dilindungi. Demikianlah

hakikat harga dan peranan seorang wanita. Justeru kita menyaksikan bagaimana kehadiran Islam telah meletakkan wanita berada di tempat yang mulia sebaris dengan golongan lelaki. Berbeza dengan zaman jahiliyyah yang mencatat bagaimana golongan wanita dilayan seperti golongan kelas kedua di dalam masyarakat.

Wanita tidak mendapat hak mereka di dalam pembahagian harta pusaka, mereka dinafikan hak untuk membuat keputusan bahkan sebahagian mereka dinafikan hak untuk memiliki dan mengurus harta. Justeru, tidak pelik apabila berlaku kes-kes di mana anak-anak perempuan ditanam hidup-hidup kerana kehadiran mereka dianggap hanya akan menyusahkan keluarga. Berita kelahiran anak perempuan akan menyebabkan ahli keluarga akan merasa malu dan kesal dengan hadiah cahaya mata daripada Allah SWT itu. Ini diceritakan di dalam al-Quran melalui firman Allah :

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِالْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ يَتَوَارَىٰ مِنَ الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ أَيُمْسِكُهُ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُ فِي التُّرَابِ أَلَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ

Yang bermaksud : *Dan apabila seseorang dari mereka diberi khabar dengan (kelahiran) anak perempuan, hitamlah mukanya, dan dia sangat marah. Ia menyembunyikan dirinya dari orang ramai, disebabkan buruknya berita yang disampaikan kepadanya. Apakah dia akan memeliharanya dengan menanggung kehinaan atautakah akan menguburkannya ke dalam tanah (hidup-hidup)?. Ketahuilah, alangkah buruknya apa yang mereka tetapkan itu. (Al-Nahl: 58-59)*

Demikianlah betapa hinanya wanita pada pandangan jahiliyah. Namun, Alhamdulillah, kehadiran Islam merubah segala macam bentuk penghinaan yang dilumurkan kepada kaum wanita. Hadirnya Islam bagaikan cahaya yang menerangi terowong hidup kaum wanita yang digelapkan oleh jahiliyah.

Islam memuliakan wanita sebagai seorang ibu yang perlu ditaati di dalam firman Allah SWT:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ
لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

Yang bermaksud : *Dan kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyapihnya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepadaku dan kepada dua orang ibu bapakmu, hanya kepada-Kulah kembalimu. (Luqman: 14)*

Selain sebagai seorang ibu, wanita adalah golongan yang perlu diberi perhatian dan semangat yang berterusan. Mereka perlu diberi sokongan yang padu dalam kehidupan bermasyarakat. Rasulullah SAW pula memerintahkan supaya kaum wanita dilayani dengan sebaik mungkin. Sabda Rasulullah SAW :

وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا فَإِنَّهُنَّ خُلِقْنَ مِنْ ضِلْعٍ وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلْعِ
أَعْلَاهُ فَإِنْ ذَهَبَتْ نُقِيمُهُ كَسَرْتَهُ وَإِنْ تَرَكَتَهُ لَمْ يَرَلْ أَعْوَجَ فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

Yang bermaksud : *Hendaklah (seorang mukmin) itu menjaga kaum wanita dengan sebaik-baiknya, kerana mereka dicipta dari tulang rusuk, dan sesungguhnya tulang rusuk yang paling bengkok ialah yang paling atas, jika kamu berusaha untuk membetulkannya kamu akan mematahkannya, jika kamu terus biarkan begitu ia akan terus bengkok. Oleh itu dengarlah pesanan supaya menjaga golongan wanita dengan baik. (Hadis riwayat al-Bukhari)*

Jelas sekali melalui nas-nas yang telah disebutkan tadi, Islam meletakkan wanita di tempat yang tinggi dan mulia. Justeru, terdapat surah yang dinamakan al-Nisa' iaitu wanita tetapi tidak ada surah yang dinamakan ar-

Rijal iaitu lelaki. Allah SWT pula memfardhukan kepada lelaki dengan pelbagai kewajipan sebagai syarat untuk ke syurga. Lelaki perlu keluar berjihad, tetapi wanita dibenarkan untuk hanya berada di rumah. Lelaki perlu bekerja menanggung nafkah keluarga, wanita pula tidak diwajibkan demikian. Walaupun begitu, golongan wanita mempunyai tanggungjawab sebaris dengan lelaki dan yang paling utama ialah mereka dapat membentuk keperibadian keluarga yang terdiri daripada suami dan anak-anak agar menjadi rumahtangga yang soleh dan diredhai Allah. Tugas ini sangat penting, kerana pertumbuhan dan pembangunan sesebuah negeri itu adalah melalui sebuah keluarga.

Pada hari ini, kita melihat keterbukaan masyarakat yang tiada batasan dan pendedahan tentang dunia semasa yang bercelaru membuatkan masyarakat khususnya di kalangan wanita mula membuang sifat malu yang kononnya dikatakan sifat malu itu merencatkan pembangunan sosial dan kemajuan dalam dunia wanita. Tidak hairan, kini wanita mula dipandang sebagai golongan yang kini berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki. Wanita mula memegang pelbagai peranan dalam masyarakat, berkerjaya, bebas melontar pendapat dan berani dalam melakukan sesuatu tindakan. Hal ini dibenarkan, namun suasana hari ini dilihat ramai golongan wanita ini yang semakin melampaui batasan syarak. Berkerjaya, berpakaian, berperanan dalam masyarakat ada batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam, hal ini amat perlu difahami dan diikuti oleh para wanita.

Sehari dua ini negara kita gempar dengan kumpulan G25 yang dibarisi oleh golongan intelek dan di kalangan mereka adalah wanita yang mencabar beberapa hukum yang ditetapkan oleh agama. Mereka ingin memansuhkan hukuman ke atas orang yang berkhawat kerana mereka anggap khawat di dalam rumah persendirian adalah hak kebebasan setiap individu yang tidak boleh dicampuri oleh orang lain. G25 mesti jelas dan faham tentang tuntutan

Islam dalam isu khalwat ini, kerana Islam membuat penegasan khusus tentang bahaya dan haramnya perbuatan ini. Dalam hal ini, Nabi SAW menegaskan:

إِيَّاكُمْ وَالْخُلُوةَ بِالنِّسَاءِ ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا خَلَا رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا دَخَلَ الشَّيْطَانُ
بَيْنَهُمَا

Maksudnya: *Berhati-hatilah, jangan sampai kamu berkhawat dengan perempuan, demi yang jiwaku ada di tangan-Nya, tidaklah bertemu seorang lelaki dan perempuan di suatu tempat sunyi kecuali syaitan mendampinginya (menggodanya).* (Hadis Riwayat Tibrani)

Hadis ini menjelaskan tentang larangan berdua-duaan antara lelaki dan perempuan ajnabi atau khalwat kerana yang ketiga selepas mereka ialah syaitan. Syaitan adalah makhluk Allah yang telah bersumpah untuk menggoda keturunan Nabi Adam supaya mengikuti jalan yang direntangnya iaitu ke neraka. Para ulama telah mengklasifikasikan kesalahan khalwat sebagai suatu kesalahan yang haram dan kesalahannya termasuk dalam kesalahan takzir berdasarkan kaedah:

مَا أَدَّى إِلَى الْحَرَامِ فَهُوَ حَرَامٌ

Maksudnya: *Apa sahaja yang membawa kepada perbuatan haram, maka ia adalah haram.*

Mengikut kaedah fiqh ini, khalwat dihukumkan haram kerana ia boleh membawa kepada berlakunya zina. Zina adalah perbuatan yang diharamkan oleh syarak yang wajib dikenakan hukuman hadd dan mengikut kaedah di atas apa sahaja yang membawa kepada perbuatan haram, maka ia adalah haram.

Oleh itu, umat Islam pada hari ini mesti memiliki pemahaman yang jelas mengenai tuntutan Islam. Wanita muslimah khususnya perlu menyedari

bahawa tertegaknya Islam bergantung kepada perjuangan penganutnya termasuklah kaum wanita yang jumlahnya separuh daripada penduduk manusia. Masyarakat Islam tidak mungkin akan terbina dan negara Islam tidak akan tertegak jika kaum wanita tidak memahami Islam, tidak mengamalkan Islam dalam kehidupan, tidak berdakwah ke jalan Islam, tidak melahirkan generasi pejuang Islam dan tidak menyokong suaminya yang berjuang menegakkan Islam.

Alhamdulillah, tertegaknya tiang seri kerajaan negeri yang diasaskan di atas dasar Membangun Bersama Islam sejak sekian lama ini sebahagiannya disumbang oleh pengundi-pengundi wanita. Hasilnya, kita melihat dasar-dasar yang berkait rapat dengan kebajikan kaum wanita dapat dilaksanakan melalui pemikiran yang berasaskan kepada agama. Cuti 60 hari untuk wanita bersalin, perlindungan untuk wanita armalah dan cuti dua hari seminggu yang secara tidak langsung memantapkan instituti keluarga semuanya lahir melalui pentadbiran Kerajaan Kelantan yang berdasarkan kepada Islam sebagai paksi. Harapan kita, agar komitmen untuk mempertahankan kerajaan ini akan terus kekal sampai bila-bila. Sesungguhnya, kaum wanita di Kelantan telahpun menerajui perubahan dan akan mengetuai perubahan ke arah kebaikan insyaAllah.

Kita di Kelantan yang telah memasuki tahun ke 25 pentadbiran Membangun Bersama Islam, ingin saya tegaskan kepada kaum muslimah sekalian agar sama-sama kita meneruskan tekad dan usaha di dalam mempertahankan kepimpinan ulama di negeri Kelantan Serambi Mekah ini. Alhamdulillah, hari ini masih tertegaknya tiang seri kerajaan yang diasaskan di atas dasar Membangun Bersama Islam yang kini telah masuk fasa kedua yang dinamakan 'Merakyatkan Membangun Bersama Islam' agar sekalian rakyat dapat memahami hasrat kerajaan untuk membangunkan negeri dengan hukum Islam.

Sempena genapnya 10 tahun penubuhan PPWK ini yang telah mempunyai seramai 3,299 orang pelajar di bawahnya, saya yakin PPWK akan terus merintis pelbagai kejayaannya selepas ini. Saya telah diberi maklum bahawa bengkel jahitan yang dilaksanakan oleh PPWK di seluruh Dun turut membuka peluang kepada golongan armalah dan wanita tempatan yang telahpun berjaya melahirkan seramai 2,044 orang graduan wanita setelah berjaya menduduki peperiksaan praktikal dan teori mengikut standard persijilan Kemahiran Malaysia dari tahun 2005 - 2015. Tahniah saya ucapkan.

Dengan usaha yang dilaksanakan tersebut termasuk pelbagai aktiviti bagi meningkatkan jati diri dan keyakinan yang tinggi melalui usrah mingguan perlu diteruskan dengan jayanya termasuklah penerangan-penerangan berkenaan agenda yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Akhirnya, tahniah sekali lagi kepada pihak Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri serta PPWK di atas usaha-usaha menjayakan agenda merakyatkan Membangun Bersama Islam di negeri ini. Maka dengan lafaz:

Bismillahirrahmannirrahim

Saya rasmikan, Himpunan Alumni Pusat Pembangunan Wanita Kelantan.
Semoga diberkati Allah.

Akar keladi melilit selasih;

Selasih tumbuh di hujung taman,

Kalungan budi junjungan kasih;

Atas undangan hamba merasmikan.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN BAZAR SITI FATIMAH RANTAU
PANJANG**

7 Rabiul Awwal 1437 / 19 Disember 2015
Bazar Siti Fatimah, Rantau Panjang

Firman Allah SWT:

رَجَالٌ لَا تُلْهِهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ
يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ

Maksudnya: *Orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan daripada mereka menyebut serta mengingati Allah, mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat. Mereka pada hakikatnya takutkan hari kiamat yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan. (Al-Nur: 37)*

Pertamanya, Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya membolehkan kita untuk sama-sama berada di dalam majlis perasmian Bazar Siti Fatimah pada pagi ini. Saya merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis yang sangat bermakna ini. Sekali lagi dengan perasmian bazar ini menjadi satu lagi bukti kecaknaan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap keperluan pembangunan rakyatnya.

Amalan perniagaan hakikatnya telah lama wujud dalam sejarah manusia. Secara asasnya perniagaan ialah amalan pertukaran barang atau disebut sebagai sistem barter. Daripada amalan pertukaran barangan inilah wujudnya amalan perniagaan yang kemudiannya menggunakan besi, tembaga, garam dan juga emas sebagai alat pertukaran sehingga ke hari ini di mana alat pertukaran peranannya diambil alih oleh wang kertas.

Dalam sejarah Islam, Rasulullah SAW sendiri sebelum dilantik menjadi rasul terlibat secara langsung dalam perniagaan. Sejak berumur 12 tahun lagi sejarah mencatatkan baginda sering mengikuti rombongan bapa saudaranya, Abu Talib keluar berniaga di Syam dan apabila dewasa, baginda sendiri menjadi peniaga yang membeli barangan di sebuah pasar dan diniagakan di pasar atau bazar besar yang lain. Kemuncak kepada penglibatan Rasulullah SAW dalam perniagaan ialah apabila baginda menjadi peniaga yang memasarkan barang-barang yang dimiliki oleh Saidatina Khadijah binti Khuwailid R.A ke negara-negara jiran seperti Syria dan Yaman.

Kecenderungan Rasulullah SAW untuk menceburkan diri dalam perniagaan ini juga bukanlah merupakan amalan baru dalam masyarakat Quraisy. Bahkan sebelum baginda, masyarakat Quraisy telah menjalankan perniagaan ke Syam dan Yaman. Mereka berdagang ke Yaman pada musim sejuk dan berniaga di Syam pada musim panas. Rombongan perdagangan ini merupakan satu bentuk perkongsian perniagaan sesama penduduk Mekah melalui mekanisme mudharabah dan musyarakah antara golongan pelabur dengan golongan pengusaha perniagaan yang menjalankan usaha perniagaan. Melalui aktiviti ini hampir semua penduduk Mekah termasuk yang miskin dan mempunyai modal yang sangat terhad dapat melibatkan diri dalam perniagaan yang dijalankan sama ada sebagai pelabur atau peniaga kecil-kecilan.

Selain daripada menghantar rombongan perniagaan ke Syam dan Yaman, kaum Quraisy di Mekah juga turut menggalakkan kedatangan pedagang-pedagang luar yang datang berniaga khususnya di musim haji. Mereka menjalankan perniagaan di pasar yang dikenali sebagai Pasar Ukaz. Sejak sebelum sejarah Islam lagi, pasar ini telah memainkan peranan aktif sebagai pusat perniagaan penting di Timur Tengah. Di dalam sejarah, pasar ini bukan sahaja menjadi lokasi perniagaan, bahkan ia turut menjadi medan pertemuan

pelbagai qabilah yang berbeza dan juga sekaligus sebagai lokasi pertemuan antara tamadun dunia.

Sejarah Pasar Ukaz ini membuktikan bagaimana pentingnya peranan pasar dan juga amalan perniagaan di dalam membina tamadun. Bukan sahaja di dalam sejarah dunia, bahkan di dalam sejarah alam Melayu sendiri, pasar-pasar ini memainkan peranan penting di dalam pembinaan tamadun. Misalnya di zaman Kesultanan Melayu Melaka di mana proses pengislaman Kesultanan Melayu Melaka bermula dengan kedatangan pedagang Arab ke Pasar Melaka pada masa itu. Mereka datang ke Pasar Melaka yang pada masa itu menjadi tempat persinggahan kapal-kapal yang melalui Selat Melaka. Justeru terdapat teori yang menyatakan bahawa nama Melaka terhasil daripada kalimah Malqa' iaitu tempat pertemuan.

Dalam usaha mewujudkan bazar yang hebat dan ternama, kita mestilah merujuk kepada sejarah kejayaan bazar-bazar besar yang ternama di dunia. Antaranya Grand Bazaar Turki yang terbesar di dunia. Bazar ini terletak di Istanbul, Turki adalah termasuk daripada kategori pasar terbesar sekaligus tertua di dunia. Ia mempunyai 61 cabang jalan yang mana jumlah pengunjungnya mencapai 250 ribu-400 ribu tiap harinya. Keduanya Bazar Khan el-Khalili di Mesir yang terletak berhampiran Masjid Hussein dan seberang jalan Universiti Al-Azhar. Bazar ini adalah merupakan pusat perdagangan yang utama dalam Islam di Mesir yang dibina sejak tahun 1511 semasa pemerintahan Sultan al-Ghuri. Kedua-dua bazar ini masih kekal sebagai pusat membeli-belah yang sangat menarik hati dan unik.

Kita di negeri Kelantan, tidak ketinggalan dalam menaikkan imej kerajaan negeri dalam mewujudkan bazar-bazar yang utama dan menarik ramai pengunjung. Umpamanya kita ada Bazar Tok Guru yang merupakan mercu tanda terkini di Kota Bharu. Konsep reka bentuk Bazar Tok Guru adalah

bercirikan seni bina Islam yang diambil daripada elemen reka bentuk masjid di Mekah dan Madinah di antaranya ialah reka bentuk kubah dan gerbang masuk yang diambil daripada Masjid Nabawi. Bazar ini kita bangunkan dengan impian untuk dimartabatkan sebagai mercu tanda bagi bandar Kota Bharu dan seluruh negeri Kelantan. Malah Bazar Tok Guru ini merupakan bazar yang paling besar dan luas di Kelantan, serta penampilan konsep *grand bazaar* yang berada di tengah-tengah pusat bandar raya Kota Bharu. Bagi memastikan bazar ini dikategorikan sebagai premis perniagaan yang mesra pengunjung, pelbagai kemudahan disediakan seperti kaunter penerangan pelancongan, surau, lot parkir, lif, medan makan, kaunter ATM, perhentian pengangkutan awam seperti bas dan teksi serta pelbagai lagi kemudahan untuk pengunjung dan pelancong.

Selain itu, kita sudah bina Pasar Siti Khadijah yang mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan pasar ini ialah para penjualnya dimonopoli oleh golongan wanita sempena situasi dan kesesuaian itulah ia dinamakan sempena nama isteri Nabi Muhammad SAW, Siti Khadijah. Ada dua bazar yang tidak asing bagi orang Kelantan apabila membeli-belah di Kota Bharu iaitu Bazar Buluh Kubu yang terkenal sebagai pusat jualan batik dengan kepelbagaian corak dan berkualiti tinggi serta penjualan songket dan barangan kraftangan dengan harga yang berpatutan. Bazar Buluh Kubu dibuka secara rasmi pada tahun 1985 lagi. Keduanya ialah KB Bazar yang terletak di lokasi perniagaan yang strategik iaitu di Jalan Hamzah, bersebelahan KB Mall. Antara barangan yang ditawarkan termasuklah batik, barangan perak, perabot rumah, pakaian dan barangan antik yang dihasilkan sendiri oleh rakyat Kelantan.

Peranan pasar dan bazar yang ada pada hari ini, adalah luas ianya tidak hanya terhenti setakat menjadi pusat perniagaan semata-mata tetapi juga sebagai pusat pameran nilai-nilai Islam khususnya di dalam berekonomi. Peniaga

yang berniaga mestilah mempamerkan nilai Islam dan begitu juga dengan pelanggan yang berurusan turut mempamerkan nilai Islam. Inilah yang dikehendaki oleh Allah SWT di mana individu-individu yang melibatkan diri dalam perniagaan tidak dilalaikan dari mengingati Allah SWT, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat serta melakukan perkara makruf semasa bermuamalah dan mencegah kemungkaran.

Sekiranya para peniaga yang membekali dirinya dengan zikrullah pastinya akan sentiasa menepati janji, bercakap benar dan berlaku amanah. Seorang peniaga yang sentiasa mengingati Allah SWT juga pastinya sentiasa bekerja bersungguh-sungguh bagi melipatgandakan keuntungannya dan menjadikan keuntungan yang diperolehi sebagai satu cara mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan memperbanyakkan amalan bersedekah dan sebagainya.

Bazar Siti Fatimah atau nama dahulunya Bazar Rantau Panjang yang akan dirasmikan ini pada asalnya telah diserahkan kepada Majlis Daerah Pasir Mas oleh Kementerian Pelancongan pada 10 Oktober tahun 2011. Saya dimaklumkan terdapat lebih kurang 517 buah gerai termasuk 12 gerai makan di bazar ini. Ia sudah beroperasi pada Julai 2014 lalu dan pada hari ini kita akan rasmikan dan berharap semua pihak dapat menjadikan bazar ini setanding bazar-bazar yang lain di Kota Bharu yang sudah lama beroperasi.

Saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan tahniah kepada Majlis Daerah Pasir Mas yang telah berusaha menjayakan operasi bazar ini. Setinggi-tinggi terima kasih di atas kerjasama semua pihak yang telah membantu menjayakan hasrat kerajaan negeri untuk membangunkan negeri ini selaras dengan tuntutan Islam sesuai dengan dasar Membangun Bersama Islam yang menjadi amalan di dalam pentadbiran kita. Semoga apa yang telah kita lakukan pada hari ini diganjar oleh Allah SWT

dengan sebaik-baik ganjaran. Dengan lafaz: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya rasmikan Bazar Siti Fatimah ini, semoga sentiasa diberkati Allah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**SEMINAR TERTUTUP PERBANDARAN ISLAM
PENCAPAIAN MPKB-BRI BERDASARKAN PELAN INDUK
2006-2015**

18 Rabiul Awwal 1437 / 30 Disember 2015
Kelantan Trade Centre (KTC)

Assalaamualaikum Wa Rahmatullaahi Wa Barakaatuh.

Firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: *Dan sekiranya penduduk sesebuah penempatan itu beriman serta bertaqwa, sudah tentulah Kami akan bukakan kepada mereka pintu keberkatan yang melimpah ruah dari langit dan bumi. (Al-A'raf: 96)*

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah kerana dapat sama-sama kita sempurnakan Seminar Tertutup Perbandaran Islam; Pencapaian Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam berdasarkan Pelan Induk 2005.

Banyak sarjana telah mentafsirkan apa itu tamadun atau “civilisation”. Namun sebagai sebuah pemerintahan Islam dalam sebuah negeri yang berteraskan dasar Membangun Bersama Islam, tamadun atau peradaban atau “civilisation” ini hendaklah ditafsirkan menurut acuan Islam. Berdasarkan ayat Quran yang saya bacakan sebentar tadi, pintu atau anak kunci bagi segala punca keberkatan sama ada dari langit mahupun dari bumi ialah penduduk sesuatu penempatan atau perbandaran yang mempunyai keimanan yang mantap dan ketaqwaan yang jitu kepada Allah SWT.

Sejak tahun 1990, Kelantan telah bergerak di atas dasar Membangun Bersama Islam dengan teras Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan. Kini Kelantan telah memasuki fasa Merakyatkan Membangun Bersama Islam dengan falsafah Kelantan Melangkah ke Hadapan berteraskan Tonggak Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

Setelah 15 tahun mengaplikasikan dasar Membangun Bersama Islam dalam pentadbiran dan pemerintahan di peringkat negeri, maka mulai tahun 2005, satu fokus telah dibuat agar dasar Membangun Bersama Islam diaplikasikan pada peringkat perbandaran. Justeru, Pelan Induk Perbandaran Islam 2006-2015 telah dirangka untuk diterapkan pada ibu kota negeri ini iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam dengan tujuan menjadikannya sebagai model bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan dalam negeri ini.

Melalui pelan induk ini kita telah menyaksikan pelaksanaan “5K” dalam pentadbiran dan perkhidmatan MPKB-BRI iaitu Keilmuan, Kepatuhan, Kebajikan, Kebersihan dan Kesejahteraan diterapkan secara dalaman iaitu pada peringkat pegawai dan kakitangan MPKB-BRI dan diterapkan secara luaran dan disebarluaskan meliputi masyarakat awam dan masyarakat peniaga yang menjadi warga kota MPKB-BRI.

Hari ini kita telah seminarkannya secara tertutup kepada wakil-wakil rakyat, jabatan-jabatan yang berkaitan, para ilmuan, golongan professional dan NGO untuk menilai pencapaian MPKB-BRI dalam jangka masa 10 tahun pelaksanaan pelan induk ini. Saya yakin bahawa penemuan-penemuan dalam seminar tertutup ini dapat memantapkan lagi pelaksanaan Pelan Perbandaran Islam agar lebih menyerlahkan ciri-ciri keberkatan dan ketaqwaan dari segenap segi dan untuk segenap lapisan masyarakat.

Dalam persidangan Dewan Negeri Kelantan pada bulan Oktober yang lalu, pihak kerajaan negeri telah mengumumkan bahawa mulai tahun 2016,

Jabatan Pembangunan Islam, yang kini hanya wujud di MPKB-BRI, akan diwujudkan di kesemua Pihak Berkuasa Tempatan. InsyaAllah selepas daripada ini, kesemua Pihak Berkuasa Tempatan lain akan melaksanakan Pelan Induk Perbandaran Islam masing-masing yang akan diselaraskan agar seluruh bandar-bandar utama dalam negeri Kelantan akan berstatus Perbandaran Islam. Diharapkan agar falsafah Perbandaran Islam yang diterapkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan selepas ini akan dapat disebarluaskan ke kawasan-kawasan yang di luar liputan Pihak Berkuasa Tempatan agar seluruh negeri Kelantan akan diberkati dan sentiasa di bawah payungan Ilahi.

Untuk memastikan perkara ini tercapai, saya akan berbincang dengan pihak pentadbiran negeri untuk mewujudkan dua peringkat Jawatankuasa Perbandaran Islam iaitu pertama: satu Jawatankuasa Induk Perbandaran Islam di peringkat negeri yang saya berhasrat untuk menguruskannya sendiri dan kedua: 12 Jawatankuasa Pelaksana Perbandaran Islam di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan yang dipengerusikan sebahagiannya oleh YB Exco Kerajaan Tempatan dan sebahagian lagi oleh YB Timbalan Exco Kerajaan Tempatan.

Diharapkan dengan penubuhan dua peringkat Jawatankuasa ini, pengembangan dan kawalselia dapat dibuat secara berpusat di peringkat Jawatankuasa Induk manakala pelaksanaannya dapat dikembangkan serta manual operasi standardnya dapat dipantau secara tempatan di peringkat Jawatankuasa Pelaksana.

Saya menyeru agar perkara-perkara yang digagaskan melalui resolusi seminar ini yang dibacakan sekejap tadi akan dapat dilaksanakan oleh semua pihak, baik pada pihak kerajaan negeri, pihak kerajaan tempatan mahupun oleh masyarakat sivil. Seminar ini bukannya penyudah, bahkan ia suatu

pengorakan langkah baru untuk menunaikan tanggungjawab kita semua di sisi Allah Ta'ala sebagai khalifah di pelbagai peringkat.

Akhir sekali, saya mengucapkan sekalung penghargaan kepada penganjur seminar ini, setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada pembentang dan pengulas-pengulas dalam seminar ini dan seterusnya kepada semua peserta yang telah menjayakan seminar ini sehingga ia membuahkan hasil sebagaimana yang diaspirasikan. Semoga Allah jualah yang mengurniakan sebaik-baik ganjaran di atas usaha kita semua.

Dengan lafaz "*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*" saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Seminar Tertutup Perbandaran Islam : Pencapaian MPKB-BRI Berdasarkan Pelan Induk 2006-2015. Semoga kita semua dipandu oleh Allah SWT.

**MAJLIS PERASMIAN PENUBUHAN JABATAN PENDAKWAAN
SYARIAH NEGERI KELANTAN**

16 Rabiul Awwal 1437 / 28 Disember 2015
Tingkat 2 Blok A JAHEIK

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sabda Rasulullah SAW :

مَنْ أَعَانَ عَلَىٰ خُصُومَةٍ بَعِيرٍ حَقٌّ ، كَانَ فِي سَخَطِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَنْزِعَ

Maksudnya : *Sesiapa yang menolong seseorang di dalam perseteruan bukan di atas jalan kebenaran, dia dimurkai oleh Allah sehinggalah dia menarik balik pertolongan tersebut.* (Riwayat Al-hakim)

Alhamdulillah, pada hari ini kita diberi keizinan untuk menjayakan Majlis Perasmian Penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan di mana dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kali ke-17 yang bersidang pada 19 Ogos 2015 lalu telah membuat keputusan bagi mengasingkan bahagian Pendakwaan Syariah daripada JAHEIK dan dinaik taraf kepada sebuah jabatan. Dengan pengasingan ini, segala urusan berkaitan dengan pendakwaan akan lebih telus dan ada integriti tersendiri sebagaimana yang dikehendaki dalam asas pendakwaan yang ada dalam Islam.

Saya merakamkan terima kasih dan jazakumullah kepada JAHEIK dan semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan agenda kerajaan negeri untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah. Dengan tertubuhnya Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri ini, ianya akan memacu satu entiti utama dalam mewujudkan proses keadilan berdasarkan hukum syarak dan juga peruntukan

undang-undang. Usaha kita untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah telah kita persiapkan semua sekali, baki lagi hanya berada di kuasa kerajaan persekutuan untuk memberi kebenaran dalam melaksanakannya, Alhamdulillah hasrat untuk kita siapkan persediaan dengan sempurna telah berjaya pada tahun 2015 ini, mudah-mudahan usaha kita ini dipermudahkan untuk fasa pelaksanaan nanti.

Pada hakikatnya, undang-undang syariah adalah yang terbaik kerana ia menekankan kepada keadilan dan ketelusan kepada manusia. Penerimaan undang-undang syariah pada hari ini sudah semakin tersebar bukan setakat di negara umat Islam, akan tetapi sehingga ke negara barat. Pernah satu ketika seorang paderi bernama Dr Rowan Williams telah meminta agar undang-undang syariah dilaksanakan di Barat. Rowan adalah paderi besar yang telah menjadi pemimpin kepada 77 juta pendokong gereja Anglikan di seluruh dunia. Beliau menguasai 38 bishop di bawah kekuasaannya.

Kata Dr Rowan, undang-undang syariah adalah undang-undang yang relevan untuk dilaksanakan bukan sahaja di dalam negara umat Islam, bahkan di Britain dan negara bukan negara umat Islam kerana ia sangat sesuai menjadi pencegah kepada gejala jenayah melampau yang berlaku. Tetapi disebabkan oleh penyakit islamofobia, maka akhirnya pintu cadangan yang telah dibuka oleh Dr Rowan tersebut ditutup tanpa perbincangan dan pengkajian yang lebih mendalam. Oleh itu, sepatutnya kita sebagai sebuah negara merdeka di mana Islam adalah menjadi agama persekutuan, sepatutnya kita bersedia untuk keluar dari kepompong tersebut untuk kita mula memikirkan alternatif kepada undang-undang mencegah jenayah pada hari ini. Antaranya ialah, kita mesti membuka ruang perbincangan terhadap undang-undang jenayah syariah secara lebih luas supaya difahami oleh semua masyarakat Islam dan bukan Islam.

Melaksanakan proses pendakwaan yang adil dan saksama adalah tuntutan agama Islam, terdapat banyak ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis yang memerintahkan kita agar menegakkan keadilan dan tidak sesekali membantu kezaliman dan juga pendakwaan palsu. Hal ini adalah tegahan syarak dan akan dimurkai Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam hadis yang telah saya bacakan di awal tadi. Inilah asas dalam pendakwaan syariah yang wajib dititikberatkan oleh para pendakwa. Dalam hal ini, Allah berfirman:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىَٰ أَن تَعْدِلُوا ۗ وَإِن تَلَوْدَا أَوْ تَعْرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. (Al-Nisa': 135)*

Ayat ini sangat jelas dalam memperuntukkan dasar-dasar utama kepada seseorang pendakwa. Islam sangat mengutamakan proses keadilan dan

keadilan di sini bukan sekadar bermaksud penghakiman yang sama rata antara dua pihak bahkan lebih dari itu iaitu memastikan adanya kesaksamaan yang bermaksud mengenakan hukuman yang tepat dan sesuai seperti yang telah ditentukan oleh Allah dengan melihat dan menilai dari berbagai aspek seperti menilai terhadap jenis kesalahan yang dilakukan, keadaan pesalah dan suasana sekeliling.

Pendakwaan merupakan cara terakhir untuk memutuskan sesuatu pertelingkahan setelah penyelesaian melalui jalan rundingan tidak berjaya. Pada asasnya, tujuan sesuatu dakwaan adalah untuk menyatakan bahawa ia mempunyai hak atau kepentingan dan bertujuan untuk mempertahankan atau menuntut hak atau kepentingan tersebut daripada pihak yang didakwa. Sesuatu kes yang melibatkan hak manusia sama ada melibatkan harta atau kepentingan tertentu, sulh atau perdamaian adalah jalan yang terbaik untuk menyelesaikannya. Jika ia sukar untuk dicapai, barulah boleh dibawa ke muka pengadilan di mahkamah.

Namun begitu, hakim tidak boleh memutuskannya melainkan setelah terdapat dakwaan daripada pihak yang menuntut. Dalam kes-kes yang berkaitan dengan hak Allah SWT yang mutlak, hanya mahkamah akan menentukan keputusannya dan hendaklah melalui dakwaan, tetapi dakwaannya boleh dilakukan oleh orang ramai, sama ada secara individu atau berkumpulan, tidak terhad kepada mereka yang dizalimi atau yang terbabit secara langsung dalam kes berkenaan. Pendakwaan yang sah dan seterusnya berkesan sehingga membolehkan hukuman dibuat hendaklah memenuhi semua syarat yang diperuntukkan pada setiap unsur atau rukun pendakwaan. Pendakwaan yang tidak memenuhi syarat-syarat atau berlaku kepincangan pada rukunnya adalah tidak sah.

Asas-asas keadilan dari segi proses pendakwaan atau tatacara mahkamah dalam Islam adalah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Semasa permulaan Islam, segala bentuk urusan akan dirujuk kepada Rasulullah SAW di mana Baginda memberi panduan dan keputusan berdasarkan wahyu. Pada masa itu tidak berlaku sebarang pertikaian berhubung dengan hukum. Setelah kewafatan Rasul, para sahabat telah menjadi tumpuan dalam segala urusan. Setelah berakhir zaman Khulafa' al-Rasyidin, wujud beberapa perselisihan pendapat berhubung dengan tatacara mahkamah.

Selepas beberapa kurun kemudian, barulah kita dapati beberapa tokoh ulama' menyusun prosedur perbicaraan di mahkamah secara menyeluruh. Walau bagaimanapun kitab-kitab yang ditulis oleh ulama' adalah merupakan bahan rujukan sebagai asas dalam penghakiman dan perbicaraan sahaja, dan ianya sukar bagi para hakim, pendakwa dan peguam di dalam menentukan tatacara yang selari dengan perkembangan semasa dan rujukan yang tepat semasa perbicaraan diadakan. Apapun kewajipan pendakwa ialah untuk melindungi mereka yang tidak bersalah serta untuk mensabitkan mereka yang bersalah, mengawal hak-hak bagi tertuduh serta untuk menguatkuasakan hak-hak bagi orang awam. Dalam menjalankan ketelusan pendakwaan ini, Rasulullah SAW ada bersabda:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَاْعُوَاهُمْ لَادَّعَى رِجَالٌ أَمْوَالَ قَوْمٍ وَدِمَاءَهُمْ، لَكِنَّ الْبَيِّنَةَ عَلَى الْمُدَّعِي، وَالْيَمِينَ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ

Maksudnya: *Andainya semua orang boleh diberikan hukuman semata-mata kerana adanya dakwaan pastilah semua orang akan membuat dakwaan terhadap harta dan darah orang lain tetapi sebaliknya setiap dakwaan mestilah mendatangkan keterangan dan yang engkar mestilah bersumpah.*
(Riwayat Al-Baihaqi)

InsyaAllah dengan adanya organisasi lengkap bagi Jabatan Pendakwaan Syariah yang diketuai oleh Ketua Pendakwa Syarie di mana beliau mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya sendiri yang eksklusif bagi memula dan menjalankan apa-apa prosiding bagi semua kes jenayah dan kesalahan syariah di hadapan mahkamah. Pendakwaan hendaklah mempunyai prinsip dan pengukuran standard yang boleh diterima oleh syariah. Pengukuran ini hendaklah seragam dan selari dan dijalankan dengan penuh tanggungjawab dan mempunyai ketelusan.

Menurut undang-undang Islam yang dikuatkusakan melalui Mahkamah Syariah yang ada pada hari ini, Ketua Pendakwa Syarie yang mengetuai pendakwaan kes-kes jenayah di Mahkamah Syariah adalah terdiri dari suatu jabatan yang dilantik khusus untuk menjalankan tugas pendakwaan di Mahkamah Syariah. Dalam kata lain, jabatan ini ditubuh secara berasingan untuk menjalankan tugas pendakwaan kes-kes syariah. Kemudian di bawah Ketua Pendakwa Syarie dilantik mereka yang berkelayakan untuk melaksanakan tugas pendakwaan dan hanya mereka sahaja berhak untuk mendakwa dalam kes-kes syariah tanpa dibolehkan dengan kuasa mereka memberi keizinan secara lisan mahu pun bertulis untuk membuat pendakwaan tanpa kehadirannya.

Dengan pengasingan yang kita telah laksanakan ini, bermakna, tugas-tugas penguatkuasaan atau penangkapan dan tugas pendakwaan adalah dilaksanakan oleh mereka yang berbeza. Mereka yang melakukan penangkapan di dalam kes-kes jenayah syariah akan tampil menjadi saksi kepada pendakwa untuk kes yang dibicarakan. Hal ini jelas menunjukkan pihak yang menjadi pendakwa dan pihak yang menangkap dan menguatkuasakan undang-undang adalah terdiri dari pihak yang berbeza tetapi mereka bersatu atas satu slogan iaitu amar ma'ruf nahi munkar.

Hakikat yang perlu diketahui bahawa peranan Pendakwa Syariah ini tidak hanya terhad kepada menguatkuasakan undang-undang syariah semata-mata, bahkan turut berperanan sebagai penasihat serta pendidik kepada masyarakat Islam dalam mematuhi hukum agama, bagi menjadikan syariat Islam sentiasa dipatuhi oleh umat Islam yang tertakluk di bawahnya di samping menjadi tunggak tertegaknya agama Allah di muka bumi ini bagi menghalang serta mencegah berlakunya kemungkaratan atau jenayah yang mana jenayah merupakan kesalahan yang menyalahi hak Allah dan hak manusia.

Semoga dengan pengasingan bahagian pendakwaan syariah yang kini diberi nama Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri, akan menjayakan lagi serta menyempurnakan proses-proses untuk pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah yang insyaAllah akan tiba waktunya dengan izin Allah SWT. Saya dengan ini sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus dalam menjayakan penubuhan jabatan ini. Dengan lafaz yang mulia: *Bismillahir Rahmanir Rahim*

Saya dengan sukacitanya merasmikan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan dengan motto ‘Syariah Asas Kebenaran’, semoga diberkati Allah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN BEKALAN AIR
TERAWAT SECARA PUKAL DI ANTARA AKSB DAN SATU
TERENGGANU**

9 Rabiul Awwal 1437 / 21 Disember 2015
Dewan Utama Tok Aman Bali Beach Resort Pasir Puteh Kelantan

Firman Allah SWT:

أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا
وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: *Dan tidakkah orang-orang yang kufur itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi pada asal mulanya bercantum, lalu Kami pisahkan antara keduanya? dan Kami jadikan daripada air, tiap-tiap benda yang hidup, mengapakah mereka tidak mahu beriman? (Al-Anbiya': 30)*

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana pada hari yang berbahagia ini, dapat kita menjayakan suatu majlis Menandatangani Perjanjian Bekalan Air Terawat secara pukal di antara Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) dan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU). Ini adalah satu usaha bersama untuk memenuhi keperluan bekalan air penduduk yang berada di sempadan jajahan Pasir Puteh Kelantan dan Terengganu terutamanya bagi menampung keperluan air bersih di Bukit Yong dan Tok Bali.

Sekejap tadi saya ada membacakan sepotong ayat al-Quran yang menjadi motto kepada Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd. Ayat tadi ada menggesa seluruh manusia agar menghayati tentang peranan dan kelebihan yang ada pada air yang telah diciptakan oleh Allah SWT. Air sangat berfungsi dan berperanan bagi kehidupan makhluk hidup di bumi ini. Penting bagi kita sebagai manusia untuk menjaga air yang kita gunakan supaya tetap terjaga kelestariannya dengan melakukan pengelolaan air yang baik serta mengelakkan pencemaran air sehingga dapat mengganggu ekosistem yang ada.

Air merupakan zat yang paling penting dalam kehidupan setelah udara. Sekitar tiga per empat bahagian dari tubuh kita terdiri daripada air dan tidak seorang pun dapat bertahan hidup lebih dari 4-5 hari tanpa minum air. Bahkan air sebenarnya adalah asas penting untuk keperluan industri, pertanian, pemadam kebakaran, tempat rekreasi, transportasi, dan lain-lain.

Hari ini insyaaAllah kita akan saksikan satu lagi usaha kerajaan negeri bagi membekalkan air terawat kepada rakyat melalui tandatangan perjanjian antara Air Kelantan Sdn Bhd dan Syarikat Air Terengganu atau SATU. Perjanjian bekalan air terawat ini pada asasnya telah dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke 21 tahun 2015 yang telah bersidang pada 13 Oktober 2015 lalu dan meluluskan untuk Perjanjian Bekalan Air Pukul di antara AKSB dan SATU.

Pihak kerajaan negeri mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang memberi kerjasama dalam usaha Kerajaan Kelantan untuk membekalkan air terawat khasnya selepas peristiwa banjir besar yang melanda negeri ini. Permohonan untuk bekalan air sementara ini sebenarnya pernah dibuat pada tahun 2011 semasa Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat menjadi Menteri Besar lagi dan

Alhamdulillah pada hari ini usaha ini mendapat respon yang sangat baik daripada Kerajaan Negeri Terengganu.

Usaha ini dilakukan memandangkan di kawasan sempadan Besut-Semerak penduduk mendapat bekalan air daripada Loji Rawatan Air (LRA) Merbau Chondong, Machang dan dikelaskan sebagai kawasan penghujung. Sementara kawasan sempadan Bukit Yong mendapat bekalan air bergraviti (GFS) di kawasan tadahan Bukit Yong. Jadi pihak AKSB sedikit sebanyak mempunyai masalah tekanan air di kawasan sempadan Besut/ Semerak manakala di kawasan Bukit Yong mempunyai masalah kualiti.

Sebelum ini, pihak AKSB melalui kerajaan negeri telahpun membuat permohonan kepada kerajaan persekutuan untuk menaiktaraf LRA Merbau Chondong daripada 50 juta liter sehari kepada 124 juta liter sehari di dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Projek ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada akhir tahun 2016. Ini bermakna, pembelian air terawat daripada SATU adalah bersifat jangka pendek sahaja sementara menunggu siapnya projek menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Merbau Chondong Machang siap sepenuhnya.

Dalam perjanjian ini, kita tumpukan dua tempat ini untuk bekalan air terawat melalui SATU kerana di sempadan antara negeri Terengganu dan Kelantan ini ada dua lokasi yang mana masing-masing mempunyai paip yang hampir bersambung iaitu di sempadan Besut-Semerak yang mana jarak di antara paip AKSB dan SATU hanyalah 5 meter sahaja dan berada di sebelah jalan yang sama. Satu lagi ialah di sempadan Jerteh-Pasir Puteh di Bukit Yong yang paipnya berada di kiri dan kanan jalan berjarak antara 50-100 meter sahaja.

Jadi, berdasarkan keadaan tersebut, sebagai alternatif, AKSB perlu membeli bekalan air terawat daripada SATU iaitu operator air yang telah dilesenkan

oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang diberi hak oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk membekalkan air terawat di seluruh Terengganu.

Melalui Perjanjian ini, pihak SATU akan membekalkan air terawat kepada 600 pemegang akaun AKSB di kawasan Semerak dan seramai 600 lagi di sempadan Bukit Yong dengan anggaran penggunaan adalah 150 ribu meter padu sebulan dan kadar harga yang dipersetujui adalah tidak berdasarkan keuntungan tetapi di atas semangat tolong-menolong. AKSB telah bersetuju dengan SATU untuk membekalkan air terawat ke kawasan sempadan Bukit Yong sebanyak 2.5 MLD (juta liter sehari) dan di sempadan Kuala Besut sebanyak 2.5 MLD (juta liter sehari).

Pada masa ini, bagi kawasan Semerak yang bersempadanan dengan Besut mendapat bekalan air terawat dari LRA Merbau Chondong (Fasa 1) dan dikelaskan sebagai kawasan penghujung, sementara itu Bukit Yong pula mendapat bekalan air dari sistem bekalan air bergraviti (Tandak). Dengan adanya sambungan paip antara dua negeri ini, secara tidak langsung telah wujudnya bekalan air yang bersambung dan dapat dimanfaatkan terutamanya semasa krisis yang berlaku.

AKSB di Kelantan telah beroperasi di setiap jajahan di Kelantan. Semasa AKSB mengambil alih pengurusan daripada Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB) dahulu jumlah pengeluaran bekalan air bersih bagi semua loji rawatan air di Kelantan adalah sebanyak 184 juta liter air sehari. Setelah beberapa tahun beroperasi di bawah KWSB, pada 29 April 1999, KWSB telah ditukar kepada AKSB setelah Perbadanan Menteri Besar Kelantan memiliki saham sepenuhnya dalam AKSB.

Kerajaan negeri ketika ini telah mempunyai Makmal Pusat Air Kelantan (MPAK) yang mempunyai Sijil Akreditasi daripada pihak Jabatan Standard Malaysia. Aktiviti utama yang dijalankan adalah penganalisan sampel air di samping menangani masalah kualiti air yang dihadapi oleh pengguna dengan melawat premis-premis berkenaan untuk mengenal pasti punca sebenar masalah. Pihak makmal pusat akan memberikan khidmat nasihat teknikal kepada pihak pengurusan bagi memastikan kualiti bekalan air yang disalurkan kepada pengguna mematuhi piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebagai mengakhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang bekerjasama dalam menjayakan perjanjian bekalan air terawat secara pukal antara AKSB dan SATU. Mudah-mudahan usaha ini dapat dikecapi manfaatnya semaksima mungkin oleh rakyat di negeri Kelantan.

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM KELANTAN TAHUN
2014, PENYAMPAIAN SIJIL TASAWUR ISLAM SIRI II DAN
SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT NEGERI
KELANTAN TAHUN 2014**

3 Rabiul Awwal 1437 / 15 Disember 2015
Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ
يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ

Yang bermaksud: *Sesiapa yang mencetuskan amalan yang baik dalam Islam akan mendapat pahala dan juga pahala mereka yang mengamalkan dengannya tanpa mengurangi sedikit pun pahala yang orang mengamalkannya.* (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Pertamanya Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya membolehkan kita untuk sama-sama menjayakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bagi tahun 2014, serta diadakan juga Penyampaian Sijil Tasawwur Islam Siri II dan Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan. Saya mengucapkan terima kasih di atas penyertaan tuan-tuan sekalian di dalam majlis ini. Tidak lupa saya rakamkan tahniah kepada pihak urusetia yang telah berjaya mengadakan tiga agenda serentak sempena majlis pada hari ini.

Kita di Kelantan amat menitik beratkan soal pembangunan syakshiah di peringkat pimpinan dan rakyat lebih khusus dalam perkara-perkara yang melibatkan integriti. Integriti merupakan nilai yang menentukan kualiti seseorang. Dalam konteks pembangunan diri seseorang insan, penanda aras atau indikator perlu lebih objektif agar lebih mudah dan jelas untuk diukur pencapaiannya. Dalam hal ini, kita perlu meninjau kualiti diri Rasulullah SAW pada perspektif ketrampilannya serta melihat aspek integriti peribadi, transparensi diri serta akauntabiliti baginda secara holistik.

Rasulullah SAW merupakan seorang manusia yang agung dan memiliki peribadi unggul yang berkualiti tinggi. Lantas, keperibadian baginda SAW seharusnya menjadi 'benchmark' atau piawaian kepada perbincangan integriti insan sepanjang zaman. Dalam konteks Islam, asas ini perlu dijadikan sandaran kukuh yang diimani sebagai piawaian yang wajib diikuti dalam aplikasi kehidupan setiap umat Islam.

Saidina Ali Radiallahu Anhu suatu ketika menegaskan tentang nilai integriti Rasulullah SAW sebagaimana ucapannya yang bermaksud:

“Rasulullah tidak kasar dan tidak suka perangai yang kasar dan dia tidak pernah menjerit di pasar. Dia tidak membalas kejahatan dengan kejahatan sebaliknya memaafkan dan melupakannya. Dia tidak pernah memukul apa-apa dengan tangannya kecuali ketika berperang. Dia tidak pernah memukul orang suruhan atau wanita, dan aku tidak pernah melihatnya membalas dendam ke atas ketidakadilan ke atasnya melainkan jika larangan Allah dilanggar. Jika larangan dilanggar, dia adalah antara yang paling marah. Dia tidak pernah memberikan pilihan antara dua perkara sebaliknya memilih yang lebih mudah. Jika berada di rumah, dia seperti lelaki lain; membasuh pakaiannya, memerah susu kambingnya dan melayan dirinya. Dia menjaga lidah daripada perkara yang tidak berkaitan dengan dirinya. Dia menerima

(kedatangan) orang ramai dan tidak menolaknya. Dia memuliakan golongan mulia dan memberikan mereka kuasa urusan mereka”.

Sementara dalam konteks akauntabiliti Baginda terhadap Tuhan, Al Mughirah Ibnu Syu’bah menceritakan:

“Rasulullah biasanya berdiri sembahyang sehingga kakinya bengkok dan merekah. Dia ditanya ‘Bukankah Tuhan telah mengampunkan segala kesilapanmu yang lalu dan akan datang?’ Baginda menjawab ‘Apakah tidak boleh aku menjadi hamba yang bersyukur?’”

Manakala dalam konteks akauntabiliti Baginda terhadap amanah kepemimpinan masyarakat dan ummah, Baginda meletakkan umatnya sebagai yang teristimewa dilubuk hatinya. Baginda mendahulukan doa untuk umatnya, para sahabatnya dan orang lain melebihi kepentingan baginda sendiri. Baginda bergurau dengan sahabat sekeliling, berbual seperti manusia kebiasaannya, bermain bersama anak cucu dan kanak-kanak lain. Baginda mendahulukan semua orang tanpa membezakan sesiapaupun. Baginda menziarahi sesiapa sahaja yang sakit atau meninggal. Baginda seorang lemah-lembut pertuturannya, pemurah, peramah dan pemaaf.

Terlalu banyak indikator-indikator integriti diri berkaitan Rasulullah SAW yang perlu digali untuk penghayatan manusia hari ini. Hal inilah yang kita ingin bangunkan di Kelantan dalam diri seluruh anggota perkhidmatan awam dan rakyat. Kita tidak mahu sambutan Hari Integriti hanya menjadi majlis sambutan semata-mata akan tetapi pelaksanaan dan penerapannya tidak dipasakkan dalam diri kita.

Oleh sebab itulah, kita bina bumi Kelantan ini dengan asas ilmu. Asas ilmu inilah juga yang kita telah terapkan dalam diri kepimpinan negeri agar

integriti terjamin dan agenda pembangunan dapat dibangunkan berteras aqidah Islamiah sebagai kunci yang menaungi seluruh aspek perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri. Bagi Kerajaan Negeri Kelantan, melalui kefahaman aqidah Islamiah ini, dapat membawa agenda pentadbiran ke arah pengukuhan keyakinan menyokong dasar pentadbiran yang berteraskan Islam di Kelantan.

Menyedari hakikat tersebut, pihak kerajaan negeri telah menerapkan Program Tasawwur Islam yang diadakan kepada pegawai-pegawai kerajaan negeri yang merupakan tulang belakang dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan. Alhamdulillah, pada hari ini kita berjaya lagi menamatkan program Tasawwur Islam bagi siri kedua yang telah dilancarkan pada 21 Zulhijjah 1435 bersamaan 16 Oktober 2014 lalu.

Tujuan kita adakan Program Tasawwur Islam ini adalah untuk menerapkan nilai-nilai agama Islam dalam sistem pentadbiran dan pengurusan kerajaan di samping dapat membentuk pegawai yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam. Kerajaan negeri benar-benar mengimpikan pegawai-pegawai kerajaan negeri yang tidak hanya cekap dalam pekerjaan semata-mata, bahkan mempunyai ilmu keagamaan yang tinggi. Kita mengharapkan pegawai kita boleh menjadi imam, boleh membaca doa di dalam sesuatu majlis bahkan boleh juga menjadi pengkuliah dalam bidang ilmu agama apabila diminta.

Untuk mempertingkatkan keutuhan ilmu ini juga, kerajaan negeri telah memperkenalkan skim pinjaman dan bantuan pengajian kepada mana-mana pegawai yang berhasrat untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Untuk itu, para pegawai boleh berhubung terus dengan pihak YAKIN untuk mendapatkan maklumat lanjut dari sudut teknikal pelaksanaan.

Tujuan kita adakan skim ini ialah untuk menjadikan pegawai dan kakitangan peka dengan perkembangan ilmu yang sentiasa berkembang dari masa ke semasa. Saya yakin dan percaya, jika para pegawai juga kakitangan di Kelantan ini dipenuhi dengan pegawai dan kakitangan yang mempunyai nilai keserjanaan yang tinggi ditambah pula dengan pengalaman yang matang, budaya kerja di dalam bidang perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Kelantan akan terus bertambah positif, dan pentadbiran negeri semakin membangun insyaAllah.

Baru-baru ini, semasa Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2014, beberapa jabatan juga agensi kerajaan negeri telah menerima anugerah penarafan dan sijil kecemerlangan. Kita sangat berbangga kerana penarafan empat bintang tersebut adalah berdasarkan amalan kerja mengikut prosedur dan arahan yang telah ditetapkan di samping meneruskan budaya kerja baik, biarpun dalam keadaan tuntutan kerja yang semakin meningkat.

Ini bermakna, kita telah melepasi audit berkaitan ketirisan seperti rasuah, penyelewengan, perbuatan melanggar perundangan, perbuatan yang dapat menimbulkan kerugian kewangan dan bukan kewangan, pelanggaran standard operasi, dan pelanggaran etika. Saya rakamkan ucapan tahniah kepada PMBK, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam, Yayasan Kelantan Darulnaim, Majlis Sukan Negeri Kelantan, Majlis Daerah Dabong dan Yayasan Islam Kelantan yang telah berjaya mendapat anugerah tersebut.

Kerajaan negeri juga sangat berharap agar seluruh warga tadbir di dalam sektor perkhidmatan awam di negeri ini khususnya bersikap lebih ke hadapan di dalam mencetuskan kreativiti ke arah peningkatan kerja. Anggota perkhidmatan awam perlu berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan

tanggungjawab dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif dalam semua tugas yang terpikul di bahu kita.

Anggota perkhidmatan awam perlu menumpu kepada usaha mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkeyakinan dan bertanggungjawab selaras dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam bagi mewujudkan janakuasa yang kuat bagi melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan hasrat besar kepada rakyat dengan segera. Persekitaran dan budaya kerja di semua agensi atau jabatan perlu mendorong kepada penyuburan nilai-nilai kebertanggungjawaban ini.

Di peringkat kerajaan negeri, saya telah mengarahkan agar jabatan-jabatan dan agensi yang terlibat memulakan gerak kerja seimbang ke arah merealisasikan wawasan kerajaan negeri, dalam tempoh lima tahun bermula 2013 yang lalu seterusnya mencapai KPI yang telah ditetapkan.

Saya yakin dan percaya, jika kita semua kita yang ada ini memahami erti tanggungjawab, mampu bekerja secara berpasukan, ikhlas dan gigih, Allah akan membantu kita. Saya mengajak semua untuk gembelingkan tenaga, bukan untuk kepentingan pimpinan kerajaan negeri, malah demi kepentingan agama, negeri dan rakyat.

Akhirnya, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Saya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Penyampaian Sijil Tasawwur Islam dan Sambutan Hari Integriti Peringkat Negeri Kelantan ini.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI (RUMAH KEKAL) MANGSA
BANJIR NEGERI KELANTAN**

20 Febuari 2015
Berangan Mek Nab, (Desa Rahmat) Machang Kelantan

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ
الرِّضَا وَمَنْ سَخَطَ فَلَهُ السَّخَطُ

Maksudnya: *Sesungguhnya ganjaran yang besar dikurniakan dengan didahului musibah yang besar, dan apabila Allah suka kepada sesuatu kaum, maka Allah akan menguji mereka. Barangsiapa yang redha maka Allah turut meredhai dan siapa yang marah, Allah pun turut murka kepadanya.* (Riwayat Tirmidzi)

Alhamdulillah, syukur kepada Allah di pagi Jumaat yang mulia ini, masih diberi keizinan untuk kita menyedut udara segar yang Allah kurniakan dan kita turut bersyukur kerana rumah kekal yang telah kita letak batu asas sebulan lepas sudah dapat disiapkan di sini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang menjayakan agenda besar kerajaan negeri ini mudah-mudahan hasrat kita untuk menyediakan rumah kekal kepada semua mangsa yang kehilangan rumah sepenuhnya di berkati Allah SWT.

Kerajaan negeri telah meneliti keseluruhan kemusnahan yang berlaku ekoran banjir baru-baru ini dan rumah yang musnah 100% di seluruh Kelantan sehingga tarikh 18 Febuari 2015 adalah berjumlah 2,601 buah rumah. Di Kuala Krai sahaja bilangan rumah musnah 100% adalah sebanyak 2,030 buah rumah iaitu bilangan yang tertinggi dan kemudian di ikuti di Gua Musang sebanyak 443 buah. Manakala di tempat-tempat lain seperti di Pasir Mas,

Machang, Tumpat, Tanah Merah dan Kota Bharu masing-masing bilangannya angka 50 buah.

Bagi penduduk yang terlibat dengan kerosakan rumah atau kediaman secara keseluruhannya *total lost* ini, pihak kerajaan negeri telah membina rumah-rumah kekal dan sedang meneliti beberapa lokasi lagi untuk menyempurnakan pembinaan keseluruhan rumah kekal yang dinyatakan oleh kerajaan negeri.

Bantuan Rumah Kekal yang diperlukan untuk disiapkan adalah dalam julat RM 40,000.00 hingga RM 48,000.00 dengan keluasan minima 800 kaki persegi (kecuali bertiang 660 kaki persegi) dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Setakat ini pihak kerajaan negeri telahpun membina 10 buah rumah di Berangan Mek Nab ini atau kita masyhurkan dengan nama ‘Desa Rahmat’ di atas tanah kerajaan negeri seluas 12 ekar yang melibatkan 9 ketua isi rumah (KIR) iaitu 6 KIR dari Temangan sementara 3 KIR lagi dari Ulu Sat.

Selepas ini kita akan bina di Temangan/Pangkal Meleret di atas tanah milik dan kita telah kenal pasti iaitu jumlahnya 15 KIR yang akan dibina rumah kekal kepada mereka. Selebihnya akan dibina oleh MAIK juga di Temangan kepada 12 KIR dan kerajaan persekutuan akan bina untuk 12 KIR lagi.

Insyallah di Kuala Krai, dengan segala usaha, kerajaan negeri akan memulakan segera pembinaan bagi 80 buah rumah yang dananya disumbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor di atas tanah kerajaan negeri di Simpang 3 Manek Urai. Sementara di Kampung Keluat di atas tanah kerajaan juga, akan dibina 18 rumah kekal lagi yang diusahakan oleh pihak MAIK.

Kita mengharapkan pihak mangsa dapat bersabar di atas ketentuan Allah yang bukan diminta oleh sesiapa ini, namun kita yakin Allah memberi ganjaran yang berlipat ganda dan pulangan yang terbaik selepas ini.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI (RUMAH KEKAL) MANGSA
BANJIR NEGERI KELANTAN**

25 Februari 2015
Kg Kolam Mas, Gua Musang

Firman Allah Taala:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي
لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: *Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu "Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur serta ingkar, sesungguhnya azabKu amatlah keras". (Ibrahim: 7)*

Alhamdulillah, syukur kerana dengan rahmat Allah dapat kita mengecapi nikmat yang pelbagai walaupun diuji dengan pelbagai ujian dan pada petang ini dapat kita siapkan beberapa rumah kekal yang diletak batu asas pada 5 Januari lepas. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang menjayakan agenda besar kerajaan negeri ini mudah-mudahan hasrat kita untuk menyediakan rumah kekal kepada semua mangsa yang kehilangan rumah sepenuhnya diberkati Allah SWT.

Kerajaan negeri telah meneliti keseluruhan kemusnahan yang berlaku ekoran banjir baru-baru ini dan rumah yang musnah 100% di seluruh Kelantan sehingga tarikh 18 Febuari 2015 adalah berjumlah 2,601 buah rumah. Di Kuala Krai sahaja bilangan rumah musnah 100% adalah sebanyak 2,030 buah rumah iaitu bilangan yang tertinggi dan kemudian di ikuti di Gua Musang

sebanyak 443 buah. Manakala di tempat-tempat lain seperti di Pasir Mas, Machang, Tumpat, Tanah Merah dan Kota Bharu masing-masing bilangannya angka 50 buah.

Alhamdulillah, Jumaat lepas kerajaan negeri telah membuat penyerahan kunci di Kampung Berangan Mek Nab Machang atau Desa rahmat. Dalam tempoh sebulan kita dapat siapkan rumah tersebut dalam keluasan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri. Saya di sini ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus lumus termasuklah pelbagai NGO yang menginap di sini dan turut membina penginapan bagi meringankan beban mangsa-mangsa banjir. Kesepakatan dan saling bantu-membantu ini amat dipuji lebih-lebih lagi dalam suasana rakyat yang dilanda banjir masih lagi bersedih di atas kehilangan rumah-rumah mereka.

Insyallah di Gua Musang ini, di Limau Kasturi berhadapan Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi sebanyak 73 unit rumah akan dibina dan di Galas sebanyak 123 unit juga akan dibina melalui Majlis Agama Islam Kelantan dalam masa terdekat ini. Target kita, rumah dapat disiapkan sebelum Ramadhan ini, mudahan kita dapat beribadat di bulan Ramadhan dengan penuh keselesaan walaupun agak terbatas.

Kita mengharapkan pihak mangsa dapat bersabar di atas ketentuan Allah yang bukan diminta oleh sesiapa pun, namun kita yakin Allah pasti memberi ganjaran yang berlipat ganda dan pulangan yang terbaik selepas ini. Allah apabila mengasihi sesuatu kaum dan hambaNya, kita akan diuji sebagaimana hadis Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ

Maksudnya: *Sesungguhnya apabila Allah suka kepada sesuatu kaum, maka Allah akan menguji mereka.* (Riwayat Tirmidzi)

Semoga kita menambahkan kesyukuran kita kepada Allah walaupun musibah terlalu besar namun jika diukur dari sudut kemalangan jiwa, amat sedikit sekali. Inilah tanda Allah ingin memberi ingatan agar kita sentiasa mengingatiNya kerana biasanya manusia akan rapat dengan Allah di kala susah. Mudahan-mudahan kita dirahmati olehNya.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS KESYUKURAN DAN PENYERAHAN KUNCI (RUMAH
KEKAL) MANGSA BANJIR SUMBANGAN IKATAN MANTAN
ADUN DAN MP TERENGGANU (IMAM)**

28 Februari 2015
Padang Bola Kuala Pertang

Firman Allah Taala:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي

لَشَدِيدٌ

Maksudnya: *Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu "Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur serta ingkar, sesungguhnya azabKu amatlah keras". (Ibrahim: 7)*

Alhamdulillah, syukur kerana dengan nikmat Allah yang terlalu banyak dapat kita mengecapi kehidupan yang selesa lagi walaupun diuji dengan pelbagai ujian dan pada tengahari ini dapat kita serah kunci kepada mangsa banjir untuk beberapa rumah kekal yang ditaja khas oleh Ikatan Mantan Adun dan MP Terengganu (IMAM). Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pengerusi IMAM Haji Ismail Harun yang juga bekas Adun Air Putih Kemaman dan semua yang menjayakan agenda besar kerajaan negeri ini mudah-mudahan hasrat kita untuk menyediakan rumah kekal kepada semua mangsa yang kehilangan rumah sepenuhnya diberkati Allah SWT.

Saya difahamkan sebanyak 10 buah rumah telah dibina oleh IMAM secara bergotong-royong dan dengan menggunakan beberapa tukang rumah yang dibawa sendiri dari Terengganu. 5 buah di Guchil dan 5 buah di Kuala Pertang

ini telah berjaya disiapkan, ada rumah yang dibuat, rumah batu dan ada juga rumah kayu bersesuaian dengan tapak rumah sedia ada. Semua usaha ini sangat dihargai oleh pihak kerajaan negeri kerana selepas banjir ini, aspek-aspek pembinaan rumah kekal dan pembaikan rumah-rumah rosak menjadi agenda utama kerajaan negeri. Kami amat menghargai semua bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh NGO dalam memulihkan lokasi-lokasi banjir di Kelantan.

Kerajaan negeri telah meneliti keseluruhan kemusnahan rumah ekoran banjir baru-baru ini dan rumah yang musnah 100% atau *total loss* di seluruh Kelantan ialah sebanyak 1,828 buah rumah sehingga tarikh 25 Februari 2015 lepas. Pada 18 Februari lalu jumlah *total loss* masih lagi berjumlah 2,601 buah rumah. Di Kuala Krai sahaja bilangan rumah musnah 100% adalah sebanyak 2,030 buah rumah iaitu bilangan yang tertinggi dan kemudian di ikuti di Gua Musang sebanyak 443 buah. Manakala di tempat-tempat lain seperti di Pasir Mas, Machang, Tumpat, Tanah Merah dan Kota Bharu masing-masing bilangannya angka 50 buah. Jadi dengan perubahan demi perubahan angka ini, pihak kerajaan negeri kena menghalusi dan meneliti secara tepat kerana ia melibatkan anggaran kewangan yang besar.

Alhamdulillah, pada Jumaat 20 Februari lepas kerajaan negeri telah membuat penyerahan kunci di Kampung Berangan Mek Nab Machang atau Desa rahmat. Dalam tempoh sebulan kita dapat siapkan rumah tersebut dalam keluasan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri. Manakala pada 25 Februari Rabu lepas juga pihak kerajaan negeri telah membuat penyerahan kunci rumah kekal yang telah dibina sejak sebulan yang lalu di Kolam Mas, Gua Musang.

Di Kuala Krai ini, pihak kerajaan telah meneliti lokasi-lokasi untuk pembinaan rumah kekal dan insyaAllah saya sendiri melalui jawatankuasa

pasca banjir telah menggesa untuk mempercepat pembinaan rumah ini dan target kita dapat disiapkan menjelang Ramadhan nanti. Kita telah bersetuju di beberapa lokasi rumah-rumah akan dibina oleh kerajaan persekutuan dan beberapa lokasi dibina oleh kerajaan negeri dan beberapa NGO. Pihak kerajaan negeri akan membuat pembinaan segera di Simpang 3 Manek Urai iaitu sebanyak 80 unit, di Kampung Keluat 18 unit, di Kuala Nal dan Kampung Dusun Nyior 27 unit melalui NGO yang dipengerusikan oleh Dato' Seri Syed Zainal Abidin dan Bangi Care. Begitu juga di Kuala Pergau Dabong dicadangkan pembinaan sebanyak 104 buah rumah untuk fasa pertama di situ. Lokasi-lokasi lain seperti di Pahi, Guchil, Bukit Sireh, Tualang, Manek Urai akan dibuat urusan pembinaan oleh kerajaan persekutuan nanti.

Kita mengharapkan pihak mangsa dapat bersabar di atas ketentuan Allah yang bukan diminta oleh sesiapa pun, namun kita yakin Allah pasti memberi ganjaran yang berlipat ganda dan pulangan yang terbaik selepas ini. Allah apabila mengasihi sesuatu kaum dan hambaNya, kita akan diuji sebagaimana hadis Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ

Maksudnya: *Sesungguhnya apabila Allah suka kepada sesuatu kaum, maka Allah akan menguji mereka.* (Riwayat Tirmidzi)

Semoga kita menambahkan kesyukuran kita kepada Allah walaupun musibah terlalu besar namun jika diukur dari sudut kemalangan jiwa, amat sedikit sekali. Inilah tanda Allah ingin memberi ingatan agar kita sentiasa mengingatiNya kerana biasanya manusia akan rapat dengan Allah di kala susah. Mudahan-mudahan kita dirahmati olehNya.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH MENGHAFAZ AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI KELANTAN KALI KE-36 TAHUN
1436H/2015M**

27 Rabiul Akhir 1436H / 17 Februari 2015M
Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan

Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ
إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ
شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا ۗ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ ۗ
لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (yakni Agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai, kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu, maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangannya supaya kamu beroleh petunjuk. (Al-Imran: 103)*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan kehadiran Allah SWT, kerana dengan izin, taufik dan inayah-Nya maka Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan kali Ke-36 Tahun 1436H/ 2015M berjaya dilangsungkan dalam suasana yang sangat baik ini.

Majlis menghafaz al-Quran yang dilangsungkan di peringkat negeri merupakan salah satu agenda tahunan kerajaan negeri sejak awal pentadbiran lagi. Ini merupakan komitmen dan keprihatinan kerajaan negeri dalam usaha menyuburkan lagi amalan menghafaz al-Quran di kalangan ahli masyarakat negeri ini ke arah membina generasi al-Quran.

Tema yang dipilih bagi Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri pada tahun ini ialah “Al-Quran Asas Kekuatan Ummah”. Melihat kepada realiti ummah dewasa ini, pemilihan tema ini dirasakan amat bersesuaian dan begitu relevan dengan keadaan semasa. Situasi yang serba mencabar ini menuntut sekalian umat Islam berpegang teguh kepada segala ajaran al-Quran seiring dengan kemajuan dan kecanggihan era globalisasi ini.

Walaupun wahyu al-Quran telah diturunkan lebih 1400 tahun yang lampau, kitab al-Furqan ini sebenarnya telah mencetuskan inspirasi dan memberi motivasi ampuh yang belum pernah dirasai oleh ummat manusia sebelum ini. Nilai-nilai akhlak dan pekerti al-Quran yang dipelopori oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW. telah meletakkan suatu tanda aras kualiti kehidupan manusia yang lebih bernilai dan berharga. Firman Allah SWT:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya al-Quran ini memberi hidayah ke arah jalan yang paling lurus dan memberi berita gembira kepada orang mukmin yang mengerjakan amal kebaikan, bahawa bagi mereka ganjaran yang besar. (Al-Israa': 9)*

Kerajaan Negeri Kelantan melalui pelbagai agensi dan jentera pentadbiran yang dilantik akan sentiasa memberi penekanan yang serius terhadap usaha membangunkan syaksiah islamiyah di kalangan masyarakat, selaras dengan slogan “Merakyatkan Membangun Bersama Islam” yang sekarang ini telah memasuki fasa yang kedua pelaksanaannya.

Kita bukan sahaja memberi galakan kepada usaha membaca, mempelajari, menghafaz dan mengamalkan al-Quran, bahkan memberi penekanan yang seimbang di antara tuntutan mempelajari al-Quran dan penguasaan disiplin ilmu yang lain. Adalah menjadi harapan kerajaan negeri, agar semua huffaz al-Quran akan mampu bergiat secara aktif dalam komuniti setempat, seterusnya muncul sebagai agen perubah atau daie yang memandu masyarakat pelbagai bangsa dan agama.

Selain itu, seluruh ilmuan dan cerdik pandai yang beragama Islam haruslah menjadikan aktiviti menghafaz al-Quran sebagai sebahagian daripada disiplin ilmu mereka. Apabila ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang mampu diintegrasikan dengan ajaran al-Quran, seterusnya dipraktik dan dijadikan asas dalam segenap amalan, maka kita yakin dan percaya bahawa usaha mewujudkan umat yang cemerlang, faham agama dan menjalankan kerja amar makruf nahi mungkar akan mampu direalisasikan sepenuhnya. Firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya: *Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh yang ma'ruf, mencegah kemungkaran, dan beriman kepada Allah.*
(Al-Imran: 110)

Pada kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua ibu bapa agar berusaha mendidik anak-anak mempelajari al-Quran secara lebih serius dan bersungguh-sungguh, seterusnya menjadikan aktiviti menghafaz al-Quran sebagai sukatan pendidikan mereka yang utama di rumah sebelum sekolah. Ia adalah bertujuan untuk mewujudkan generasi umat Islam yang celik al-Quran, seterusnya menjalani rutin kehidupan yang bertepatan dengan kehendak agama Islam dan norma kehidupan manusia secara amnya. Kunci kejayaan ummah adalah bergantung kepada sejauh mana kita berpegang kepada ajaran dan petunjuk al-Quran.

Justeru, bersempena dengan majlis menghafaz al-Quran yang diadakan ini, saya menyeru agar kita semua kembali membuat penilaian dan muhasabah diri dengan merujuk kepada kitab suci al-Quran sebagai asas kekuatan, dalam usaha mencapai kejayaan yang seimbang di dunia dan akhirat. Biar kita menjadi pengikut dan pecinta al-Quran dan al-Quran dijadikan sebagai perlembagaan tertinggi dalam kehidupan bernegara.

Tidak lupa juga, saya bagi pihak kerajaan negeri merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan Kali Ke-36 bagi Tahun 1436H/2015M, serta semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program yang begitu bermakna ini. Semoga kita diberi kekuatan dalam meneruskan kesinambungan perjuangan Islam, dan semoga segala usaha murni yang dilakukan akan mendapat keredhaan dan keberkatan Allah SWT.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم، والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS MAKAN MALAM TABUNG PEMULIHAN BENCANA
BANJIR**

10 Rabiul Akhir 1436 / 10 Febuari 2015
Dewan Sivik, MBPJ

Firman Allah Taala:

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّنْ قَبْلِ أَنْ نَّبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: *Tidak ada sesuatu bala bencana yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada tercatat dalam pengetahuan Kami sebelum Kami menjadikannya; Sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah amat mudah bagi Allah. (Al-Hadid: 22)*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berada dalam Majlis Makan Malam Tabung Pemulihan Bencana Banjir pada malam ini. Pada hakikatnya sokongan dari pelbagai pihak untuk meringankan bebanan kepada mangsa banjir adalah suatu yang utama buat masa ini. Sokongan seperti ini amat penting bagi kami mengembalikan semula semangat rakyat di Kelantan khususnya yang menjadi mangsa musibah banjir besar baru-baru ini.

Banjir yang melanda negeri Kelantan baru-baru ini termasuklah Terengganu, Pahang, Perak serta beberapa tempat di Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak telah mengakibatkan kemusnahan infrastruktur dengan anggaran mencecah hampir RM 2.9 bilion keseluruhannya serta melibatkan sekitar 400,000

mangsa setelah mengambil kira jumlah kerosakan di sektor perladangan, kebun kecil getah, ternakan, masjid dan surau serta bangunan dan harta awam. Sememangnya jika kita mengamati banjir yang berlaku akhir 2014 lepas, ia adalah satu fenomena yang luar biasa.

Perkara ini semuanya termaktub dalam ilmu Allah SWT. Segala bencana dan musibah telah disusun oleh Allah dan dengan kekuasaanNya, Dia boleh turunkan dengan sekelip mata sahaja. Banjir besar di Kelantan bagi kami adalah ujian keimanan daripada Allah kepada kami untuk kami lebih mempertingkatkan iman dan menjalankan tuntutan Allah secara lebih syumul dalam negeri Kelantan.

Kelantan sudah memasuki tahun ke 25 pentadbiran Membangun Bersama Islam, sudah agak lama tempoh kami memerintah dengan dasar Islam, baki lagi pelaksanaan Islam secara syumul perlu digerakkan secara lebih menyeluruh. Oleh sebab itu, pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah yang telah di amanahkan oleh rakyat sejak 20 tahun lebih juga menjadi agenda utama untuk kami laksanakan pasca banjir ini seiring dengan menggerakkan agenda kebajikan mangsa banjir.

Kita di peringkat kerajaan negeri telah menggerakkan jentera kerajaan negeri melalui GLC (Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesihatan (UPWKK), Tabung Amanah Tok Kenali (TATOK), Jabatan Amal Negeri, Majlis Sukarelawan Rakyat (MESRA) dan Nisa bagi menyalurkan bantuan seawal 18 Disember 2014 lagi iaitu hari pertama banjir ke seluruh jajahan terjejas.

Pada ketika itu, pihak kerajaan negeri telah menubuhkan Pengkalan Hadapan Khairat Banjir dan dua Pengkalan Hadapan Khairat utama pada masa itu ialah di bangunan PKINK (kemudian berpindah ke Kelantan Trade Center (KTC)

dan bangunan Majaari akibat banjir) dan satu lagi di Syabab Point (kemudian terpaksa berpindah ke Wisma Imam di Pasir Tumbuh setelah Syabab Point juga dinaiki air). Pada 25 Disember 2014 kerajaan telah membuka lagi Pengkalan Hadapan Khairat di Tunjong dan penyelarasan bantuan dibuat oleh pasukan bomba dan tentera untuk disalurkan bantuan ke pusat-pusat pemindahan.

Tarikh 21 Disember sehingga 27 Disember 2014 adalah tarikh air naik secara mendadak dengan membawa arus deras. Keadaan agak kelam kabut waktu itu, saya telah membuat arahan segera pada 23 Disember 2014 dengan mengarah jabatan-jabatan negeri dan persekutuan untuk turun membantu mangsa-mangsa banjir di pusat pemindahan serta membuat kerahan agar solat hajat dan munajat diadakan di seluruh masjid-masjid negeri Kelantan bagi memohon keselamatan akibat banjir.

Keesokannya pada 24 Disember saya meminta agar digerakkan secara segera 40 buah dapur rakyat bagi membekalkan makanan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan dan mereka yang masih belum berpindah. Pada hari itu juga oleh kerana air naik dengan cepat, jadi saya terus memberi arahan segera agar dikeluarkan penduduk yang tinggal berhampiran dengan sungai dan kawasan tanah rendah dipindahkan sebelum maghrib. Ternyata air naik mendadak dan menenggelamkan banyak rumah di kawasan rendah dan tepi sungai.

Saya berterima kasih kepada Kerajaan Selangor di mana YAB Menteri Besarnya sendiri datang menjenguk situasi getir kami dan menghulurkan sumbangan sebanyak RM 1 juta pada peringkat permulaan iaitu pada 26 Disember. Terima kasih juga kepada Kerajaan Pulau Pinang, YAB Ketua Menterinya sendiri juga turun sendiri memberi bantuan, Negara Thailand

yang beberapa kali datang membawa bekalan dan sukarelawan, NGO yang datang dari seluruh negeri di Malaysia.

Jumlah terkini keseluruhan mangsa banjir yang berpindah di seluruh negeri Kelantan mengikut bilangan ketua isi rumah ialah 87,024 ketua isi rumah. Kita di peringkat kerajaan negeri telah meneliti kerosakan yang berlaku ekoran banjir ini, rumah yang musnah 100% (atau *total loss*) di seluruh Kelantan sehingga kini berjumlah 2,592 buah rumah. Di Kuala Krai sahaja bilangan terkini rumah musnah 100% adalah sebanyak 2,030 buah rumah kemudian di ikuti Gua Musang berjumlah 441 buah rumah, Machang 51 buah, Tanah Merah 38 buah, Kota Bharu 18 buah, Tumpat 11 buah, dan di Pasir Mas 2 buah rumah.

Angka kerosakan ini pada dasarnya adalah hasil penyelarasan banciaan dibuat ke atas penduduk yang berpindah ke pusat pemindahan dan banciaan dibuat oleh Penghulu Mukim dan Penyelia Pembangunan Mukim setelah diselaraskan bersama antara kerajaan negeri dengan MKN.

Ekoran banjir baru-baru ini, sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) turut terjejas teruk di mana jumlah kerugian semuanya ialah RM 2.35 juta. Di Kota Bharu sahaja terdapat 3 buah sekolah dengan kerugian sebanyak RM 863 ribu, 4 sekolah di Tanah Merah mengalami kerugian berjumlah RM 128,320.00, 3 buah sekolah di Tumpat berjumlah RM 174,220.00, 3 sekolah di Rantau Panjang berjumlah RM 85,120.00, 4 Sekolah di Pasir Mas berjumlah RM 146 ribu, 3 di Kuala Krai berjumlah RM 623,600.00 dan sebuah sekolah di Gua Musang kerugian berjumlah RM 330 ribu.

Sementara masjid dan surau turut mengalami kerugian besar juga di mana di Kuala Krai sahaja iaitu tempat yang paling teruk dilanda banjir, kerugian kemusnahan masjid dan surau berjumlah RM 1.99 juta iaitu masjid-masjid dan surau dalam dun Mengkebang sebanyak 19 buah kerugiannya berjumlah

RM 900 ribu, dalam dun Guchil 9 buah kerugian sebanyak RM 370 ribu dan di Manek Urai sebanyak 28 buah kerugian berjumlah RM 720 ribu.

Kesemua kerosakan dan kesan banjir di negeri Kelantan kali ini adalah antara yang terbesar dan sudah tentu ia memerlukan komitmen dan keprihatinan tinggi pihak kerajaan negeri dan persekutuan. Di samping khidmat dan sumbangan orang awam dan pertubuhan sukarelawan amat diharapkan sebagai membuktikan kebersamaan di dalam usaha pembinaan semula kesemua kerosakan yang berlaku.

Kerajaan negeri setelah mengumumkan untuk membina 600 buah rumah kekal secara percuma di tapak tanah yang selamat kepada mangsa banjir yang musnah keseluruhan rumah mereka, rumah yang akan dibina ini bersaiz 800 kaki persegi dan mempunyai 3 bilik setaraf dengan rumah mampu milik yang diusahakan oleh kerajaan negeri. Proses pembinaan rumah-rumah kekal telahpun bermula. Di Machang kita telah mula bina 10 unit, 16 unit di Gua Musang dan penempatan di Kuala Krai kita telahpun mengenal pasti tanah seluas 3.6 hektar di Manek Urai untuk dibina 150 rumah kekal.

Selain pembinaan rumah kekal, kerajaan negeri turut mengambil langkah untuk membantu mana-mana mangsa banjir yang tinggal di rumah saudara mara atau menumpang akan dibayar imbuhan RM 300 sebulan selama tiga bulan sementara siap rumah yang dibina. Kerajaan negeri juga melalui jajahan-jajahan menyediakan rumah untuk sewa yang akan dibayar oleh kerajaan negeri. Setakat yang ada, di Kuala Krai ada 400 unit dan 38 unit di kem Askar Wataniah.

Di sini, saya rakamkan terima kasih dan penghargaan kepada PAS Pusat di atas inisiatif yang sangat bermakna kepada kami dengan menubuhkan Tabung Pemulihan Bencana Banjir ini. Sokongan seperti ini amat diperlukan khususnya dalam suasana pemulihan ini yang menelan belanja begitu besar.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak, semua para dermawan termasuk yang ada di majlis ini, yang telah memberikan pelbagai bentuk bantuan serta bekalan kepada semua mangsa-mangsa banjir sepanjang rakyat negeri Kelantan melalui hari-hari yang tragis semasa banjir melanda.

Sama-samalah kita menyumbang untuk mengurangkan bebanan mereka yang susah bahkan dalam agama Islam, Allah menyuruh hamba-Nya agar menyumbangkan sebahagian harta yang telah dikurniakan apatah lagi dalam keadaan saudara-saudara kita yang dilanda musibah besar dengan kehilangan semua harta benda mereka yang meninggalkan kesan besar serta bebanannya perlu dipikul bersama oleh kita. Doakanlah agar usaha kerajaan negeri diberkati Allah dan segala gerak kerja pemulihan berjalan dengan lancar. Terima kasih sekali lagi

جزاكم الله خير الجزاء

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

MAJLIS MELETAK KERJA BANTUAN RUMAH KEKAL

15 Rabiul Akhir 1436 / 5 Januari 2015
Kampung Kolam Mas, Gua Musang Kelantan

Firman Allah Taala:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالثَّمَرَاتِ ^{قُلْ} وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا
إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. (Al-Baqarah: 155-156)*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk hadir ke Majlis Meletak Kerja bagi Pembinaan Rumah Kekal kepada mangsa-mangsa banjir di Kampung Kolam Mas, Gua Musang pada pagi ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang menjayakan agenda besar kerajaan negeri ini mudah-mudahan hasrat kita untuk menyediakan rumah kekal percuma ini diberkati Allah SWT.

Saya juga turut berdukacita dengan situasi rakyat negeri ini yang telah hilang kediaman juga harta benda mereka. Sejarah banjir besar di negeri kita ini setakat yang direkod bermula tahun 1926, kemudian banjir tahun 1967. Jarak

antara banjir besar tersebut adalah 41 tahun. Pada tahun 2014 berlaku sekali lagi banjir besar setelah 37 tahun berlalu. Banjir besar 2014 yang berlaku ini sememangnya tidak dijangkakan dan ia berlaku dalam tempoh 10 tahun daripada banjir besar yang turut berlaku pada tahun 2004 lepas.

Dengan keadaan fenomena alam yang tidak menentu pada hari ini, InsyaAllah, pihak kerajaan negeri akan membuat persiapan untuk banjir besar seandainya berlaku dalam tempoh 10 tahun atau lebih awal dari itu. Apapun kita mendoakan agar Allah tidak mendatangkan ujian banjir besar yang sememangnya tidak mampu dihadapi oleh kudrat kita.

Jika kita meneliti beberapa ramalan cuaca daripada Jabatan Meteorologi juga beberapa pihak yang lain sememangnya berlaku fenomena luar biasa seperti taburan hujan yang agak tinggi. Keamatan hujan yang sangat tinggi dan luar biasa berbanding banjir-banjir yang terdahulu ini, tidak pernah berlaku dalam tempoh 10 tahun ini. Hujan lebat yang berlaku kali ini tertumpu di hulu kawasan tadahan Sungai Kelantan yang bermula dari tanah tinggi ke kawasan landai. Kawasan tadahan Sungai Kelantan adalah sangat luas di bahagian hulu berbanding keluasan di bahagian hilir yang menyebabkan sungai tidak dapat menampung kuantiti air hujan yang banyak.

Hujan lebat secara berterusan di Gua Musang mencatatkan taburan hujan tertinggi untuk 3 hari berturut-turut iaitu pada kadar 1,295mm atau bersamaan jumlah bagi 64 hari hujan pada 21 hingga 23 Disember 2014, ini menyebabkan peningkatan mendadak paras air Sungai Lebir yang seterusnya turut menyumbang kepada peningkatan paras air sungai di Tangga Krai pada kadar 34.17 meter tarikh 25 Disember 2014.

Di katakan kitaran hujan sedemikian hanya berlaku setiap 100 tahun, 50 tahun dan 10 tahun sekali. Akibat hujan yang lebat ini menyebabkan kawasan

tadahan menjadi tepu dan tidak menyerap air. Hujan yang turun inilah menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir di negeri kita. Selain itu, fenomena *new moon* atau bulan hampir dengan bumi turut memberi kesan kepada peningkatan air laut setinggi 2 meter. Akibat hujan lebat tersebut, lembangan Kelantan menjadi lebih landai tambahan air turun secara mendadak dari kawasan tinggi Gunung Gagau dan Gua Musang.

Kemusnahan akibat kesan banjir di negeri Kelantan kali ini adalah antara yang terbesar dan sudah tentu ia memerlukan komitmen dan keprihatinan tinggi pihak kerajaan negeri dan persekutuan. Di samping khidmat dan sumbangan orang awam serta pertubuhan sukarelawan amat diharapkan sebagai usaha bersama di dalam agenda pemulihan semula kesemua kerosakan yang berlaku akibat banjir.

Bagi penduduk yang terlibat dengan kerosakan rumah atau kediaman secara seratus peratus atau *total loss*, pihak kerajaan negeri sedang meneliti data dan maklumat menerusi ketua jajahan untuk mendapat jumlah yang tepat bagi merangka pembinaan rumah kekal ini.

Kerajaan negeri telahpun membuat langkah-langkah segera dengan:

- i. Berusaha menyediakan khemah penempatan sementara yang juga disediakan oleh pihak MKN.
- ii. Mengenalpasti Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), quarters kerajaan, kem tentera, rumah kedai untuk disewa kepada mangsa banjir dan dibayar oleh kerajaan negeri.
- iii. Kerajaan negeri telah meluluskan bantuan segera sebanyak RM 1.8juta untuk kebajikan mangsa-mangsa banjir serta meluluskan peruntukan sebanyak RM 50 ribu kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan (10 PBT semuanya) bagi tujuan menangani kekotoran, pencemaran, sampah-sarap akibat banjir.

Kerajaan negeri juga telah merangka tindakan terkini dan jangka masa panjang dengan:

- i. Mengenalpasti bilangan mangsa (Ketua Isi Rumah) yang kehilangan rumah (*total loss*) dan setakat ini jumlah mereka ialah 2,592 buah akibat banjir dan telah merangka pelan tindakan penempatan.
- ii. Kerajaan negeri menyediakan tapak / tanah untuk penempatan kekal yang dibincang dan diputuskan sumber kewangan dan kaedah pembinaan dalam Jawatankuasa Khas Pasca banjir.
- iii. Membuat tindakan pemulihan terhadap kerosakan harta awam seperti bangunan kerajaan, peralatan, sekolah, jalan dan lain-lain (anggaran ini melebihi RM 1 billion)

Kerajaan negeri bersetuju membuat pembinaan rumah atau penempatan baru kepada penduduk yang rumah mereka *total lost* menerusi pembinaan rumah percuma bersaiz 800 kaki persegi, 3 bilik dan ini hanya kepada mangsa banjir yang benar-benar mengalami kemusnahan keseluruhan rumahnya. Bagi mereka yang ada tanah sendiri, dan kedudukan tempat tersebut selamat untuk dibina kediaman, kerajaan negeri akan membantu untuk membina rumah kekal dengan peruntukan kerajaan negeri.

Setakat ini pihak kerajaan negeri telahpun mengenalpasti bilangan rumah-rumah yang rosak serta telah mengenalpasti tapak-tapak rumah untuk didirikan penempatan kekal. InsyaAllah komitmen kita setakat ini akan bina sebanyak 600 unit rumah kekal untuk mangsa-mangsa banjir yang akan dibina seberapa segera sama ada di tapak asal rumah yang musnah dengan persetujuan pemilik tanah atau sekiranya lokasi tersebut tersenarai dalam tempat yang tidak lagi selamat maka kerajaan mengusahakan lokasi lain yang lebih selamat.

Semoga ujian Allah melalui banjir besar ini, kita dapat hadapi dengan penuh sabar dan redha kerana sudah pasti ia mempunyai hikmahnya tersendiri. Sekiranya kita redha kepada qadha' dan qadar Allah, maka sudah pasti Allah akan meredhai kita dan menunjukkan laluan yang mudah untuk kita selepas ini. Kita akan dibimbing oleh Allah untuk menyelesaikan segala kesulitan dengan penuh ketenangan dan mudah.


Mudah-mudahan usaha kerajaan negeri ini diberi inayah oleh Allah dan pihak kerajaan negeri berterima kasih kepada kerajaan persekutuan termasuk semua pihak dan orang perseorangan yang membantu mangsa-mangsa banjir Kelantan.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS UCAPTAMA BENGKEL MEMBINA MASYARAKAT
DAN PENEMPATAN YANG BERDAYA TAHAN
(ANJURAN MERCY MALAYSIA)**

5 Mac 2015
Dewan Sri Guchil, Kuala Krai

Firman Allah Taala:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالثَّمَرَاتِ ^{طه} وَدَشِيرِ الصَّابِرِينَ 

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.* (Al-Baqarah: 155)

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berada dalam Majlis Bengkel Membina Masyarakat Dan Penempatan Yang Berdaya Tahan anjuran Mercy Malaysia. Saya merakamkan ucapan terima kasih di atas usaha pihak Mercy yang menganjurkan bengkel yang amat bermakna ini. Pada hakikatnya sokongan dari pelbagai pihak untuk pemulihan pasca banjir ini yang meliputi pelbagai bantuan sama ada material dan juga psikologi amat penting khasnya bagi meringankan bebanan kepada mangsa banjir.

Saya percaya, melalui bengkel pengurusan bencana dan pembinaan masyarakat ini akan lebih memotivasikan kita semua untuk lebih bersemangat walaupun telah dilanda musibah yang memeritkan. Di sini saya sedikit sebanyak berkongsi untuk mengutarakan peranan yang telah dan akan

dilaksana oleh kerajaan negeri khasnya dalam mengurus bencana. Asasnya bencana dapat disimpulkan sebagai suatu kejadian yang berlaku secara mengejut, bersifat kompleks dan mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda dan alam sekitar serta menjejaskan aktiviti masyarakat setempat.

Pengurusan bencana ini sememangnya memerlukan kecekapan untuk menggembeling serta menyelaraskan keperluan yang diperlukan oleh rakyat yang menjadi mangsa banjir. Sudah tentu ia memakan masa dan memerlukan jangka masa yang panjang untuk diselesaikan.

Negara kita sering menghadapi bencana akibat kejadian banjir dan ribut yang menyebabkan kemusnahan kepada harta benda, kehilangan nyawa dan perpindahan penduduk. Kalau kita kenangi insiden-insiden tragis yang meninggalkan trauma serta memerlukan pemulihan besar seperti Ribu Tropika 'Greg' yang pernah melanda Pantai Barat Sabah pada 26 Disember 1996 dahulu, di mana lebih daripada 200 orang terkorban dan 4,925 buah rumah musnah. Selain itu, kejadian banjir besar meliputi seluruh negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak pada Disember 2006 telah menyebabkan kerugian yang amat besar kepada negara. Di dalam catatan sejarah banjir besar yang berlaku di negara kita, antara lain pada tahun 1931, 1947, 1954, 1957, 1967 dan 1971. Adapun di negeri Kelantan ini, setakat yang direkod, banjir besar pernah terjadi pada tahun 1926, kemudian banjir tahun 1967. Jarak antara banjir besar tersebut adalah 41 tahun. Pada tahun 2004 berlaku sekali lagi banjir besar setelah 37 tahun berlalu. Banjir besar 2014 akhir tahun lalu, sememangnya tidak dijangkakan dan ia berlaku dalam tempoh 10 tahun daripada banjir besar yang turut berlaku pada tahun 2004 lepas.

Saya percaya bahawa kerajaan pusat melalui agensi-agensi tertentu telah menyediakan prasarana amaran awal bencana yang terbaik. Jabatan Meteorologi Malaysia umpamanya merupakan agensi utama dalam menyediakan ramalan dan amaran awal terhadap bencana yang terjadi. Selain amaran-amaran yang dikeluarkan, masyarakat juga semestinya berupaya mengenal pasti risiko yang bakal mereka hadapi di persekitaran mereka. Masyarakat yang tinggal di kawasan rendah atau lembah sungai terutamanya telah maklum akan bahaya yang mereka hadapi. Jadi mereka perlu membuat pesediaan awal pada musim banjir.

Masyarakat juga perlu mendapatkan maklumat maklumat seperti langkah-langkah yang perlu diambil ketika kecemasan, sistem amaran banjir setempat dan lokasi pusat-pusat pemindahan yang ada. Mereka juga perlu mengikut arahan pihak berkuasa supaya berpindah ke pusat-pusat pemindahan atau ke kawasan tinggi. Perpindahan di saat-saat akhir akan mengancam nyawa mereka sendiri dan juga nyawa anggota-anggota penyelamat.

Banjir besar yang berlaku ini ada juga dikaitkan dengan fenomena ais di kutub utara yang semakin cair dan ia meningkatkan paras air laut dunia. Faktor perubahan keadaan geografi ini menyebabkan banjir luar biasa boleh berlaku bila-bila masa sahaja di Malaysia. Jika kita merujuk ilmu Islam, al-Quran telah memaparkan bagaimana kuasa hujan boleh mengakibatkan air yang besar dan deras. Allah menyebut dalam Quran perkataan “biqadarin” pada ayat:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّهٗ فِي الْأَرْضِ ۗ

Maksudnya: *Dan Kami turunkan air dari langit menurut suatu ukuran, lalu Kami jadikan air itu menetap di bumi.* (Al-Mukminun: 18)

Istilah ‘biqadarin’ bermaksud saiz atau diameter titisan air hujan yang agak banyak turun ke bumi dan ini sebagaimana pandangan kebanyakan ulamak tafsir. Sememangnya banjir yang berlaku baru-baru ini amat berkait dengan taburan hujan yang tinggi yang turun pada 21 hingga 23 Disember 2014. Taburan hujan 3 hari berturut-turut pada kadar 1,295 mm atau bersamaan jumlah bagi 64 hari ini menyebabkan peningkatan mendadak paras air sungai. Hujan yang turun inilah menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir di negeri Kelantan.

Di sini saya menafikan suara-suara yang tidak bertanggungjawab menuduh Kelantan cuai dalam aktiviti pembalakan sehingga mengakibatkan banjir besar. Kerajaan negeri bertegas bahawa tiada lesen pengusahasilan dan pembalakan haram berlaku secara berleluasa di dalam Hutan Simpan Kekal di Kelantan terutamanya sekitar zon pembangunan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang.

Walau bagaimanapun, aduan berhubung pembukaan kawasan pertanian monokultur berskala besar di Hutan Simpan Sg. Berok, Hutan Simpan Batu Papan, Hutan Simpan Ulu Galas dan Hutan Simpan G. Rabong, sebahagian besarnya adalah ladang hutan TLC dan projek pembangunan pertanian adalah di kawasan tanah milik yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Adapun kegiatan pembalakan di Tanah Tinggi Lojing telah dibekukan sejak tahun 2006 lagi. Manakala berkenaan lesen konsensi pembalakan, hanya sebanyak 41 lesen konsensi pembalakan diluluskan dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) di jajahan Kelantan Selatan pada tahun 2014. Kebanyakan lesen konsensi pembalakan tersebut adalah untuk tujuan tanaman monokultur. Juga dinamakan sebagai Hutan Ladang pada skala yang besar.

Penanaman monokultur atau Hutan Ladang di beberapa jajahan lain ini adalah mematuhi syarat-syarat kelulusan dan peraturan yang ditetapkan oleh Pejabat

Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Jabatan Mineral dan Geosains Kelantan serta Jabatan Alam Sekitar Kelantan. Kesemua Projek Penubuhan Hutan Ladang TLC yang telah diluluskan adalah berada dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan yang telah dimaklumkan dan dipersetujui melalui Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) kali ke-68 pada 9 Ogos 2012.

Kemusnahan yang berlaku ekoran banjir baru-baru ini mengakibatkan rumah yang musnah 100% atau *total loss* di seluruh Kelantan sehingga tarikh 3 Mac 2015 adalah berjumlah 1,828 buah rumah. Di Kuala Krai sahaja bilangan rumah musnah 100% adalah sebanyak 1,257 buah rumah iaitu bilangan yang tertinggi dan kemudian di ikuti di Gua Musang sebanyak 443 buah. Manakala di tempat-tempat lain seperti di Pasir Mas, Machang, Tumpat, Tanah Merah dan Kota Bharu masing-masing bilangannya di bawah jumlah 50 buah.

Selain kemusnahan kediaman, masjid-masjid dan surau juga turut mengalami banyak kemusnahan. Maklumat yang diterima oleh kerajaan negeri setakat ini kerosakan yang paling teruk dan kerugian kemusnahan masjid serta surau di Kuala Krai sahaja sudah berjumlah RM 1.99 juta iaitu masjid-masjid dan surau dalam Dun Mengkebang sebanyak 19 buah kerugiannya berjumlah RM 900 ribu, dalam Dun Guchil 9 buah kerugian sebanyak RM 370 ribu dan di Manek Urai sebanyak 28 buah masjid dengan kerugian berjumlah RM 720 ribu.

Kerajaan negeri semasa banjir lagi telah melakukan langkah segera dan membuat pengumuman-pengumuman segera seperti peruntukan kepada wakil rakyat, PBT, bantuan persekolahan melalu YAKIN. Kerajaan negeri juga telah melancarkan Tabung Amanah Bencana Banjir semasa bencana ini masih berlaku iaitu pada tarikh 29 Disember 2014 dan kita telah membuat pelancaran secara rasmi di Kuala Lumpur pada 18 Januari 2015 dengan pungutan pada malam itu sebanyak RM 8.1 juta ringgit, Alhamdulillah.

Dalam menangani isu banjir besar ini, kerajaan negeri telah bertindak segera dengan menubuhkan Pengkalan Hadapan seawal 18 Disember lagi dan telah menggerakkan bantuan sejak tarikh tersebut ke semua jajahan terjejas di Rantau Panjang, Pasir Mas, Kuala Krai, Machang, juga Tumpat. Bantuan ini digerakkan melalui agensi kerajaan negeri seperti GLC- PKINK, PMBK, Sukarelawan Mesra, Nisa, Jabatan Amal semuanya turun ke lokasi banjir.

Saya sendiri telah mengarahkan semua pihak menganjurkan solat hajat segera pada 23 Disember 2014 dan pada 24 Disember saya telah membuat kenyataan mengarahkan semua agensi, pasukan penyelamat supaya memindahkan penduduk yang tinggal berhampiran dengan sungai sebelum maghrib hari tersebut. Bantuan melalui 40 buah dapur rakyat digerakkan kesemua tempat pemindahan. Kita kesal ada pihak yang masih menyatakan kita di peringkat kerajaan negeri tidak buat kerja.

Pasca banjir ini juga, kerajaan negeri telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Program Pemulihan Ekonomi Rakyat Pasca Banjir Negeri Kelantan. Penubuhan ini adalah semata-mata untuk membantu rakyat menjana pendapatan isi rumah melalui bidang pertanian, keusahawanan dan perniagaan dengan menyediakan Pusat Ekonomi Setempat serta modal peralatan kepada mereka bagi memulakan aktiviti pertanian serta perniagaan.

Selain itu, kerajaan negeri dengan penubuhan jawatankuasa ini akan dapat membantu mangsa banjir daripada golongan petani dan peniaga serta bakal usahawan dengan memberi latihan pengurusan perniagaan secara efektif melalui latihan bina usahawan, usahawan tani, strategi pemasaran dan sebagainya.

Jawatankuasa ini juga akan segera merancang program-program pemulihan ekonomi rakyat serta menyelaras program-program pemulihan ekonomi pasca banjir. Antara projek yang dilaksanakan termasuklah membaikpulih

infrastruktur yang rosak terutama jalan-jalan kampung, jalan industri dan jalan pertanian. Program bantuan pertanian seperti bantuan pampasan, pemberian bantuan benih dalam industri iaitu pelbagai komoditi, sayur-sayuran dan buah-buahan akan diberikan kepada para petani. Manakala bantuan perniagaan seperti bantuan mesin dan peralatan juga akan disalurkan.

Program-program pemulihan bagi pembinaan rumah kekal mangsa banjir telah lama diusahakan oleh pihak kerajaan negeri iaitu bermula 13 Januari 2015 lepas. Kini, pembinaan rumah kekal rancak berjalan sebagaimana jadual yang ditetapkan dan beberapa unit rumah telah siap dibina manakala majlis penyerahan kunci seperti di Berangan Mek Nab Machang, di Kolam Mas Gua Musang, Kuala Pertang Kuala Krai telahpun dibuat.

Selain aspek pembangunan rumah dan pembaikan, pihak kerajaan negeri melalui Halaqat Negeri Kelantan telah menganjurkan program-program yang bersifat membangunkan kekuatan rohani seperti memberi motivasi bagi menguatkan semangat mangsa-mangsa banjir yang trauma dan bersedihan di atas kehilangan serta kemusnahan.

Sementara itu, pihak MAIK telah melancarkan Pusat Trauma bagi mangsa banjir di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, yang telah beroperasi sejak 25 Januari lalu. Pusat ini berfungsi sebagai pusat kaunseling yang membantu memberi harapan baru buat mangsa banjir untuk meneruskan kehidupan. Selain sebagai platform untuk memberi bantuan dan perlindungan, pusat ini juga menyediakan rawatan kesihatan kepada yang memerlukan

Kita mengharapkan, dalam tempoh pemulihan ini semua pihak dapat membantu khususnya dalam membangunkan semangat dan memulihkan ekonomi rakyat. Saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada pihak

Mercy yang telah meringankan beban kerajaan negeri dengan membina penempatan-penempatan serta sumbangan lain kepada rakyat negeri ini yang dilanda musibah. Setakat itu sahaja ucapan dan pembentangan saya pada hari ini, saya sudahi dengan;

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN TABUNG KEBAJIKAN
PASCA BANJIR BACHOK**

17 Rabiul Akhir 1436 / 7 Febuari 2015
Dataran Perahu, Pantai Irama Bachok

Firman Allah SWT: Firman Allah Taala:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَهُ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ
بِهِ لَقَادِرُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *Dan Kami turunkan air dari langit menurut suatu ukuran, lalu Kami jadikan air itu menetap di bumi dan sesungguhnya Kami benar berkuasa menghilangkannya.* (Al-Mukminun: 18)

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berada dalam Majlis Pelancaran Tabung Kebajikan Pasca Banjir Bachok ini. Pada hakikatnya sokongan dari pelbagai pihak untuk meringankan bebanan kepada mangsa banjir adalah suatu yang utama buat masa ini. Sokongan seperti ini penting bagi mengembalikan semula semangat rakyat Kelantan khususnya yang menjadi mangsa musibah banjir baru-baru ini.

Saya membacakan ayat al-Quran tentang kuasa hujan di permulaan ucapan tadi untuk kaitkan kuasa hujan yang kita sudah lalui pada setiap bulan Disember setiap tahun, Cuma kadarnya agak berlainan pada akhir tahun 2014 lalu. Allah menyebut perkataan “biqadarin” dengan ketentuan yang Allah izinkan. Istilah ‘biqadarin’ adalah bermaksud air yang meliputi kira-kira 71% daripada permukaan bumi, sebagaimana beberapa pandangan ulamak.

Terdapat juga mufassirin yang menyatakan ‘biqadarin’ dengan maksud saiz atau diameter titisan air hujan yang agak banyak turun ke bumi.

Banjir yang berlaku baru-baru ini amat berkait dengan taburan hujan yang tinggi yang turun pada 21 hingga 23 Disember 2014. Taburan hujan 3 hari berturut-turut pada kadar 1,295 mm atau bersamaan jumlah bagi 64 hari ini menyebabkan peningkatan mendadak paras air sungai. kitaran hujan seumpama ini hanya berlaku setiap 100 tahun, 50 tahun dan 10 tahun sekali. Akibat hujan yang lebat inilah menyebabkan kawasan tadahan menjadi tepu dan tidak menyerap air. Hujan yang turun inilah menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir di negeri kita. Kita menafikan suara-suara yang tidak bertanggungjawab menuduh Kelantan cuai dalam aktiviti pembalakan sehingga mengakibatkan banjir besar.

Kita di peringkat kerajaan telah meneliti kerosakan yang berlaku ekoran banjir ini, rumah yang musnah 100% di seluruh Kelantan sehingga kini berjumlah 2,592 buah rumah. Di Kuala Krai sahaja bilangan terkini rumah musnah 100% adalah sebanyak 2,030 buah rumah. Adapun jumlah keseluruhan mangsa banjir yang berpindah di seluruh negeri Kelantan ialah 87,024.

Selain dengan pengumuman-pengumuman segera yang telah saya keluarkan sebelum ini seperti peruntukan segera kepada wakil rakyat, PBT, bantuan persekolahan melalui YAKIN, kerajaan negeri juga telah melancarkan Tabung Amanah Bencana Banjir semasa bencana ini masih berlaku dan kita telah membuat pelancaran secara rasmi di Kuala Lumpur baru-baru ini dan pada malam itu kita dapat pungut sebanyak RM 8.1 juta ringgit, Alhamdulillah. Dana ini kita akan guna untuk pemulihan kadar segera dilokasi yang dilanda banjir.

Kita telah menubuhkan Pengkalan Hadapan seawal 18 Disember lagi dan telah menggerakkan bantuan sejak tarikh tersebut ke semua jajahan terjejas di Rantau Panjang, Pasir Mas, Kuala Krai, Machang, juga Tumpat. Bantuan ini digerakkan melalui agensi kerajaan negeri seperti GLC- PKINK, PMBK, Sukarelawan Mesra, Nisa, Jabatan Amal semuanya turun ke lokasi banjir. Saya sendiri telah mengarahkan semua pihak menganjurkan solat hajat segera pada 23 Disember 2014 dan pada 24 Disember saya telah membuat kenyataan mengarahkan semua agensi, pasukan penyelamat supaya memindahkan penduduk yang tinggal berhampiran dengan sungai sebelum maghrib hari tersebut. Bantuan melalui 40 buah dapur rakyat digerakkan kesemua tempat pemindahan. Kita kesal ada pihak yang masih menyatakan kita di peringkat kerajaan negeri tidak buat kerja.

Di sini, saya ucap terima kasih kepada pihak pimpinan Bachok yang turut melancarkan tabung kebajikan kepada mangsa banjir ini. Saya yakin jika usaha dibuat bersungguh-sungguh mencari dana sama ada melalui syarikat-syarikat swasta, NGO dan orang ramai, jumlah yang besar dapat dikumpulkan dalam masa yang cepat kerana orang ramai amat bersimpati dengan banjir yang berlaku di negeri ini.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak, semua dermawan termasuk yang ada di majlis ini, yang telah memberikan pelbagai bentuk bantuan serta bekalan kepada semua mangsa-mangsa banjir sepanjang rakyat negeri ini melalui hari-hari yang tragis semasa banjir melanda.

Sama-samalah kita menyumbang untuk mengurangkan bebanan mereka yang susah bahkan dalam agama Islam, Allah menyuruh hamba-Nya agar menyumbangkan sebahagian harta yang telah dikurniakan apatah lagi dalam

keadaan rakyat negeri ini dilanda musibah yang meninggalkan kesan besar serta bebanannya perlu dipikul bersama.

Dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya rasmikan pelancaran Tabung Kebajikan Pasca Banjir Bachok ini. Semoga diberkati Allah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PERLANTIKAN
PENGHULU NEGERI KELANTAN 2015**

22 Rabiul Akhir 1436 / 12 Febuari 2015
Dewan Balai Islam Lundang

Firman Allah Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ
تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diberikan kepada kamu, sedang kamu mengetahui.*

(Al-Anfal: 27)

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berada di majlis penyampaian watikah perlantikan penghulu pada pagi ini. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat melaksanakan amanat daripada kerajaan negeri kepada para penghulu yang baru dilantik hari ini dan berharap supaya dapat memikul tugas yang diamanahkan nanti dengan jayanya.

Amanah kepimpinan dalam Islam merupakan tanggungjawab berat yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya. Kelalaian dan kegagalan dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah sama ada kecil atau besar akan mengakibatkan penyesalan dan kerugian di akhirat kelak. Justeru, setiap pemimpin di semua peringkat khususnya para penghulu yang dilantik hari ini mestilah berusaha mempertingkatkan kualiti diri dan kualiti kepimpinan ke tahap yang paling cemerlang. Kepimpinan dalam Islam bukanlah wasilah

untuk memperoleh pangkat dan kesenangan hidup di dunia, malah ianya merupakan amanah berat yang dikendong dan wajib ditunaikan serta akan dipersoalkan oleh Allah di akhirat nanti.

Di antara orang yang beruntung dan mendapat bekalan yang banyak untuk hari akhirat ialah orang yang berjaya menunaikan amanat dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. Kalau berjaya ditunaikan dengan baik dan sempurna maka banyaklah pahala yang akan diperolehinya. Oleh sebab itu Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa di antara orang yang akan mendapat naungan atau teduhan di hari yang tidak ada sebarang bahan teduhan yang lain iaitulah pemimpin yang adil yang telah berjaya menunaikan amanahnya dengan sebaik mungkin, ini termasuklah para penghulu. Sementara orang-orang yang mengkhianati amanah yang diberikan kepadanya pula disifatkan oleh Rasulullah sebagai orang yang mempunyai tanda-tanda munafik.

Sebagaimana dinyatakan dalam hadis Nabi SAW iaitu ada tiga sifat yang boleh menjadikan seseorang itu munafik. Kalau ada padanya satu sifat sahaja maka dia sudah memiliki satu daripada sifat munafik tersebut.

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ : إِذَا حَدَّثَ كَذَبًا ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ ، وَإِذَا أُؤْتِيَ خَانَ

Sifat-sifat itu ialah apabila bercakap dia berbohong, apabila berjanji dia mungkir dan apabila diberi amanah dia mengkhianati. Jadi apabila seseorang daripada kita tidak menjalankan amanah dengan sengaja, maka sudah tentu kita dengan sendiri tergolong dalam golongan munafik ini, *waliyazubillah*.

Ini bermakna perbuatan pecah amanah atau mengkhianati kepercayaan dan tanggungjawab yang diberikan oleh orang lain kepada kita adalah satu perbuatan yang boleh menjadikan seseorang itu munafik. Sementara

kedudukan orang-orang munafik pula sewaktu di akhirat adalah berada di bahagian bawah sekali daripada neraka. Dalam struktur organisasi kerajaan negeri, para pemimpin yang terdiri daripada menteri besar, exco, pegawai-pegawai sehinggalah kepada para penghulu adalah sebahagian daripada orang-orang yang telah diberi amanah untuk menjaga imej agama dan kebajikan rakyat di tempat masing-masing serta menguruskan orang ramai dengan amanah. Dalam istilah agama tanggungjawab yang dilaksanakan itu disebut sebagai tanggungjawab khalifah.

Tugas ini perlu saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain di mana para penghulu adalah jentera kerajaan yang turut membantu kerajaan negeri di dalam mengurus tadbir negeri ini, sekalipun dipisahkan dengan bidang tugas yang berbeza, namun kesemuanya bertujuan untuk melancarkan urusan pentadbiran seterusnya memberikan khidmat yang terbaik dan menyediakan kemudahan yang paling selesa kepada rakyat. Hakikatnya kesemua lapisan pentadbiran negeri termasuklah para penghulu yang dilantik pada hari ini bekerja bersama-sama seiring untuk menjayakan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam dan menjaga semua penjurong negeri kita agar tidak ada kemungkaran yang berleluasa.

Persoalan halal-haram hendaklah di dahulukan sebelum melaksanakan urusan di kalangan rakyat. Sebagai orang yang memiliki sedikit kuasa yang diamanahkan ini, kita kena lebih berhati-hati agar tidak terlibat dalam amalan salah laku dan penyelewengan. Penghulu adalah *role model* atau dalam bahasa syariat, qudwah hasanah. Qudwah yang baik ini mesti ada pada semua kita sebagai kepimpinan masyarakat kerana penghulu adalah golongan yang paling hampir dengan rakyat terbanyak. Pelbagai peranan yang positif boleh dimainkan oleh para penghulu sebenarnya. Dalam suasana golongan muda mudi dilanda oleh gejala sosial, jenayah tembak-menembak semakin

menjadi-jadi pada hari ini, peranan penghulu sangat-sangat diperlukan, sebagai orang yang dihormati dan disegani oleh orang-orang kampung, para penghulu bukan sahaja boleh menjadi mata telinga kepada agensi kerajaan, tetapi juga boleh menjadi penasihat kepada ibu bapa supaya mereka lebih memberi perhatian dan mengawal kegiatan anak-anak mereka supaya tidak terjebak dengan kegiatan jenayah dan kegiatan yang tidak bermoral.

Pasca banjir ini memerlukan gerak kerja yang sepadat yang padu daripada seluruh penghulu. Di peringkat kerajaan negeri, kita telah bertindak awal sejak banjir fasa pertama lagi dengan mengagihkan bekalan ke pusat-pusat pemindahan dan kerajaan negeri seawal 18 Disember 2014 telah meluluskan peruntukan RM 1.8 juta untuk gerak kerja dan kebajikan membantu mangsa banjir.

Kerajaan negeri juga telah merangka tindakan terkini dan jangka masa panjang dengan mengenalpasti bilangan mangsa mengikut bilangan Ketua Isi Rumah yang kehilangan rumah seratus peratus atau *total loss* dan setakat ini jumlah rumah ialah 2,592 buah. Kerja-kerja pemulihan beberapa sekolah di bawah YIK, Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) sudah dilaksanakan selain agenda yang menjadi tumpuan utama kerajaan negeri iaitu menyediakan rumah kekal kepada mangsa banjir yang hilang keseluruhan rumahnya.

Rumah-rumah yang *total loss* telah dikenalpasti begitu juga dengan tapak-tapak rumah untuk didirikan penempatan kekal ini. Komitmen kerajaan negeri akan bina sebanyak 600 unit rumah kekal untuk mangsa-mangsa banjir di tapak yang selamat sama ada di tapak asal rumah yang musnah atau sekiranya lokasi tersebut tersenarai dalam tempat yang tidak lagi selamat maka kerajaan mengusahakan lokasi lain yang lebih selamat. Para penghulu hendaklah dari semasa ke semasa mendapatkan maklumat yang tepat bagi menyampaikan kepada anak-anak mukim khususnya berkaitan agenda kerajaan

negeri dalam isu pasca banjir ini. Pihak pengurusan hal ehwal penghulu hendaklah mendapatkan maklumat jadual kegiatan pemulihan pasca banjir ini bagi diselaraskan ke peringkat penghulu-penghulu untuk maklumat yang sebenar.

Kita sama-sama berdoa agar usaha kerajaan negeri dalam mengurus tadbir agenda-agenda yang telah ditetapkan berjalan dengan sebaiknya seumpama pengurusan mangsa-mangsa banjir, pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah, pembinaan Rumah Mampu Milik dan lain-lain lagi. Sekali lagi saya rakamkan terima kasih kepada Majlis Penghulu Negeri Kelantan yang telah banyak memainkan peranan menjayakan agenda kerajaan negeri dan selamat bertugas kepada penghulu-penghulu yang baru diberi watakah perlantikan.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PECAH TANAH PEMBINAAN RUMAH KEKAL
MANGSA BANJIR DI BATU JONG KUALA KRAI**

28 Februari 2015

Firman Allah Taala :

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّنْ
قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: *Tidak ada sesuatu bala bencana yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada tercatat dalam pengetahuan Kami sebelum Kami menjadikannya; Sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah amat mudah bagi Allah. (Al-Hadid: 22)*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk hadir ke Majlis Pecah Tanah bagi Pembinaan Rumah Kekal kepada mangsa-mangsa banjir pada pagi ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang bertungkus-lumus dalam menjayakan agenda kebajikan rakyat ini diberkati Allah SWT.

Kemusnahan kediaman akibat kesan banjir di negeri Kelantan kali ini adalah antara yang terbesar dan sudah tentu ia memerlukan komitmen dan keprihatinan tinggi pihak kerajaan negeri termasuk kerajaan persekutuan. Di samping khidmat dan sumbangan orang awam dan pertubuhan sukarelawan amat diharapkan sebagai membuktikan kebersamaan di dalam usaha pembinaan semula kesemua kerosakan yang berlaku.

Di Kuala Krai ini, pihak kerajaan negeri telah meneliti lokasi-lokasi untuk pembinaan rumah kekal dan insyaAllah kita berusaha mempercepatkan pembinaan rumah ini dan target kita dapat disiapkan menjelang Ramadhan nanti. Kita telah bersetuju di beberapa lokasi rumah-rumah akan dibina oleh kerajaan persekutuan dan beberapa lokasi dibina oleh kerajaan negeri dan beberapa NGO.

Pihak kerajaan negeri akan membuat pembinaan segera di Simpang 3 Manek Urai iaitu sebanyak 80 unit, di Kampung Keluat 18 unit, di Kuala Nal dan Kampung Dusun Nyior 27 unit melalui NGO yang dipengerusikan oleh Dato' Seri Syed Zainal Abidin dan Bangi Care. Begitu juga di Kuala Pergau Dabong dicadangkan pembinaan sebanyak 104 buah rumah untuk fasa pertama di situ. Lokasi-lokasi lain seperti di Pahi, Guchil, Bukit Sireh, Tualang, Manek Urai akan dibuat urusan pembinaan oleh kerajaan persekutuan nanti.

Selain kemusnahan kediaman, masjid-masjid dan surau di Kuala Krai ini banyak mengalami kemusnahan yang teruk. Maklumat yang di terima oleh kerajaan negeri setakat ini kerosakan yang paling teruk dan kerugian kemusnahan masjid dan surau Kuala Krai sahaja berjumlah RM 1.99 juta iaitu masjid-masjid dan surau dalam Dun Mengkebang sebanyak 19 buah kerugiannya berjumlah RM 900 ribu, dalam Dun Guchil 9 buah kerugian sebanyak RM 370 ribu dan di Manek Urai sebanyak 28 buah masjid dengan kerugian berjumlah RM 720 ribu.

Selain usaha kerajaan negeri dan persekutuan, NGO termasuk para dermawan boleh turut menyumbang untuk mengurangkan bebanan mereka yang susah dan prasarana yang musnah bahkan dalam agama Islam, Allah menyuruh hamba-Nya agar menyumbangkan harta-harta yang telah dikurniakan. Firman Allah SWT:

وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ

Maksudnya: *Dan dermakanlah sebahagian dari harta kamu yang Allah telah jadikan kamu menguasainya*” (Al-Hadid: 7)

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak, semua dermawan termasuk yang ada di majlis ini, yang telah memberikan pelbagai bentuk bantuan serta bekalan kepada semua mangsa-mangsa banjir sepanjang rakyat negeri ini melalui hari-hari yang tragis semasa banjir melanda.

Akhirnya dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya rasmikan Majlis Pecah Tanah atau perletakan batu asas rumah kekal di Batu Jong ini, semoga dipermudahkan oleh Allah SWT.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

MAJLIS PERASMIAN 'KG ANGKAT KU'

16 Rabiul Akhir 1436 / 6 Febuari 2015
Kampung Manjur, Manek Urai

Firman Allah Taala :

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ
وَالثَّمَرَاتِ ^{قُلْ} وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا
إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. (Al-Baqarah: 155-156)*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk hadir ke Majlis Perasmian 'Kampung Angkat Ku' pada pagi ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang menjayakan program yang sangat bermakna ini khususnya kepada ANAK dan juga Tabung Amanah Tok Kenali sebagai penyelaras utama kepada program ini. Mudah-mudahan hasrat kita untuk memberi kemudahan dan mengurangkan bebanan mangsa-mangsa banjir ini diberkati Allah SWT.

Saya juga turut berdukacita dengan situasi rakyat negeri ini yang telah hilang kediaman juga harta benda mereka. Sejarah banjir besar di negeri kita ini setakat yang direkod bermula tahun 1926, kemudian banjir tahun 1967. Jarak antara banjir besar tersebut adalah 41 tahun. Pada tahun 2014 berlaku sekali lagi banjir besar setelah 37 tahun berlalu. Banjir besar 2014 yang berlaku ini sememangnya tidak dijangkakan dan ia berlaku dalam tempoh 10 tahun daripada banjir besar yang turut berlaku pada tahun 2004 lepas.

Dengan keadaan fenomena alam yang tidak menentu pada hari ini, insyaAllah, pihak kerajaan negeri akan membuat persiapan untuk banjir besar seandainya berlaku dalam tempoh 10 tahun atau lebih awal dari itu. Apapun kita mendoakan agar Allah tidak mendatangkan ujian banjir besar yang sememangnya tidak mampu dihadapi oleh kudrat kita.

Jika kita meneliti beberapa ramalan cuaca daripada Jabatan Meteorologi juga beberapa pihak yang lain sememangnya berlaku fenomena luar biasa seperti taburan hujan yang agak tinggi. Keamatan hujan yang sangat tinggi dan luar biasa berbanding banjir-banjir yang terdahulu ini, tidak pernah berlaku dalam tempoh 10 tahun ini. Hujan lebat yang berlaku kali ini tertumpu di hulu kawasan tadahan Sungai Kelantan yang bermula dari tanah tinggi ke kawasan landai. Kawasan tadahan Sungai Kelantan adalah sangat luas di bahagian hulu berbanding keluasan di bahagian hilir yang menyebabkan sungai tidak dapat menampung kuantiti air hujan yang banyak.

Hujan lebat secara berterusan di Gua Musang mencatatkan taburan hujan tertinggi untuk 3 hari berturut-turut iaitu pada kadar 1,295 mm atau bersamaan jumlah bagi 64 hari hujan pada 21 hingga 23 Disember 2014, ini menyebabkan peningkatan mendadak paras air Sungai Lebir yang seterusnya turut menyumbang kepada peningkatan paras air sungai di Tangga Krai pada kadar 34.17 m tarikh 25 Disember 2014.

Dikatakan kitaran hujan sedemikian hanya berlaku setiap 100 tahun, 50 tahun dan 10 tahun sekali. Akibat hujan yang lebat ini menyebabkan kawasan tadahan menjadi tepu dan tidak menyerap air. Hujan yang turun inilah menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir di negeri kita. Selain itu, fenomena *new moon* atau bulan hampir dengan bumi turut memberi kesan kepada peningkatan air laut setinggi 2 meter. Akibat hujan lebat tersebut, lembangan Kelantan menjadi lebih landai tambahan air turun secara mendadak dari kawasan tinggi Gunung Gagau dan Gua Musang.

Kemusnahan akibat kesan banjir di negeri Kelantan kali ini adalah antara yang terbesar dan sudah tentu ia memerlukan komitmen dan keprihatinan tinggi pihak kerajaan negeri dan persekutuan. Di samping khidmat dan sumbangan orang awam serta pertubuhan sukarelawan amat diharapkan sebagai usaha bersama di dalam agenda pemulihan semula kesemua kerosakan yang berlaku akibat banjir.

Bagi penduduk yang terlibat dengan kerosakan rumah atau kediaman secara seratus peratus atau *total loss*, pihak kerajaan negeri sedang meneliti data dan maklumat menerusi ketua jajahan untuk mendapat jumlah yang tepat bagi merangka pembinaan rumah kekal ini.

Kerajaan negeri telahpun membuat langkah-langkah segera dengan:

- i. Berusaha menyediakan khemah penempatan sementara yang juga disediakan oleh pihak MKN.
- ii. Mengenalpasti Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), quarters kerajaan, kem tentera, rumah kedai untuk disewa kepada mangsa banjir dan dibayar oleh kerajaan negeri.
- iii. Kerajaan negeri telah meluluskan bantuan segera ketika awal banjir sebanyak RM 1.8 juta untuk kebajikan mangsa-mangsa banjir serta meluluskan peruntukan sebanyak RM50 ribu kepada setiap Pihak

Berkuasa Tempatan (10 PBT semuanya) bagi tujuan menangani kekotoran, pencemaran, sampah-sarap akibat banjir.

Kerajaan negeri juga telah merangka tindakan terkini dan jangka masa panjang dengan:

- i. Mengenalpasti bilangan mangsa (Ketua Isi Rumah) yang kehilangan rumah *total loss* dan setakat ini jumlah mereka ialah 2,592 buah akibat banjir dan telah merangka pelan tindakan penempatan.
- ii. Kerajaan negeri menyediakan tapak / tanah untuk penempatan kekal yang dibincang dan diputuskan sumber kewangan dan kaedah pembinaan dalam Jawatankuasa Khas Pasca banjir.
- iii. Membuat tindakan pemulihan terhadap kerosakan harta awam seperti bangunan kerajaan, peralatan, sekolah, jalan dan lain-lain (anggaran ini melebihi RM 1 billion)

Kerajaan negeri bersetuju membuat pembinaan rumah atau penempatan baru kepada penduduk yang rumah mereka *total loss* menerusi pembinaan rumah percuma bersaiz 800 kaki persegi, 3 bilik dan ini hanya kepada mangsa banjir yang benar-benar mengalami kemusnahan keseluruhan rumahnya. Bagi mereka yang ada tanah sendiri, dan kedudukan tempat tersebut selamat untuk dibina kediaman, kerajaan negeri akan membantu untuk membina rumah kekal dengan peruntukan kerajaan negeri.

Setakat ini pihak kerajaan negeri telahpun mengenalpasti bilangan rumah-rumah yang rosak serta telah mengenalpasti tapak-tapak rumah untuk didirikan penempatan kekal. InsyaAllah komitmen kita setakat ini akan bina sebanyak 600 unit rumah kekal untuk mangsa-mangsa banjir yang akan dibina seberapa segera sama ada di tapak asal rumah yang musnah dengan persetujuan pemilik tanah atau sekiranya lokasi tersebut tersenarai dalam

tempat yang tidak lagi selamat maka kerajaan mengusahakan lokasi lain yang lebih selamat.

Sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada ANAK, Tok Kenali dan seluruh NGO yang turut sama menjayakan program Kampung Angkat Ku ini yang terdiri daripada NGO KERABAT atau Kebajikan Rangkaian Bekas Angkatan Tentera, Jabatan AMAL, NGO Royalti (R), Gabungan Mahasiswa Islam SeMalaysia (GAMIS) dan juga Badan Prihatin Orang Asal (BATIN). Dengan lafaz:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya merasmikan program 'Kampung Angkat Ku' pada pagi ini. Semoga diberkati Allah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT
JAJAHAN TUMPAT KALI KE-58 BAGI TAHUN 1436/2015**

28 Rabiul Akhir 1436H / 18 Febuari 2015M
Masjid Putra, Taman Desa Sbj Putra, Pasir Pekan

Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِّأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِن تَصْدِيقَ
الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, juga sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.* (Yusuf: 111)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya membolehkan kita untuk sama-sama hadir ke Majlis Perasmian Tilawah Al-Quran Peringkat Jajahan Tumpat kali ke-58 pada malam ini. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat yang telah berjaya mengadakan program sebegini yang merupakan agenda yang penting di dalam menerap dan menyuburkan budaya membaca al-Quran di kalangan masyarakat agar al-Quran sentiasa hidup dan berlegar bacaannya sekaligus menepati maksud penurunan al-Quran iaitu untuk dibaca serta diamalkan.

Al-Quran adalah kalamullah yang diwahyukan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Di dalamnya terkandung risalah Islam yang merangkumi konsep ketuhanan, sistem perundangan Islam, pengetahuan tentang alam ghaib, sistem akhlak,

fakta-fakta sains, sejarah dan lain-lain lagi. Al-Quran juga merupakan mukjizat kepada Nabi Muhammad SAW. yang mana mukjizatnya berkekal sepanjang zaman. Al-Quran juga menjadi sumber rujukan dan perlembagaan tertinggi umat Islam.

Jika dikaji di dalam al-Quran, kita akan mendapati bagaimana banyaknya saranan al-Quran yang menyentuh agar setiap Muslim mengkaji, meneliti, memerhati, memikir, menganalisis dalam pelbagai bidang ilmu terutama sekali mengenai konsep ketauhidan dan ketaqwaan. Al-Quran telah memaparkan tentang sejarah umat terdahulu seperti Fir'aun, bani Israel dan sebagainya bahkan jauh sebelum itu kisah penciptaan manusia juga dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran.

Semua kisah dan sejarah ini diutarakan agar kita generasi terkemudian dapat mengambil pengajaran dan iktibar daripada peristiwa yang berlaku. Demikian juga di dalam bidang ilmu yang lain. Biologi contohnya, Allah SWT menggesa manusia mengkaji bidang biologi yang berkaitan dengan tumbuhan, haiwan dan kehidupan seni. Firman Allah SWT :

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِنْ مَّاءٍ فَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَى بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مَّنْ يَمْشِي عَلَى رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَّنْ يَمْشِي عَلَى أَرْبَعٍ يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
Yang bermaksud: *Dan Allah telah menciptakan semua jenis haiwan dari air, maka sebahagian dari haiwan itu ada yang berjalan di atas perutnya dan sebahagian berjalan dengan dua kaki sedang sebagian (yang lain) berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (An-Nur: 45)*

Hakikatnya, carilah apa jua bidang ilmu yang ada pada hari ini, secara asasnya akan didapati ayat al-Quran yang menyentuh tentangnya. Sama ada bidang tersebut berkaitan dengan ilmu geografi, astrologi, astronomi semuanya

disebut di dalam Al-Quran. Justeru, tepat sekali jika dinyatakan bahawa al-Quran merupakan sumber pembangunan tamadun manusia.

Walaupun demikian, sebagai seorang Muslim, kita membaca al-Quran bukan hanya setakat mahu menimba ilmu-ilmu yang ada di dunia, tetapi lebih jauh dari itu kita ingin meneropong ke alam akhirat.

Sebagaimana kudrat kita yang terbatas dan memerlukan alat bantuan untuk menolong melaksanakan tugas yang di luar kemampuan tenaga kita, maka demikianlah juga akhirat, kita tidak mampu melihat akhirat dengan mata kita, tidak mampu mendengar dengan telinga kita dan tidak mampu melangkah ke sana pada hari ini dengan kaki kita. Justeru, kita berhajat kepada al-Quran sebagai panduan untuk menuju ke akhirat.

Maka inilah intipati daripada tilawah al-Quran yang kita adakan pada hari ini. Kita tidak hanya sekadar mahu ia berlalu sekadar sedapnya tarannum dan indahnya bacaan semata-mata dengan pelbagai kaedah tarannum seperti Bayati, Nahwan, Rast dan Soba akan tetapi hendaklah bacaan tadi dihayati untuk dilaksanakan tuntutanannya di dalam kehidupan seharian. Hari ini betapa banyak fitnah dan kemungkaran yang berlaku di negara kita hasil daripada kurang penerapan ajaran al-Quran. Timbulnya budaya fitnah memfitnah, mengaib serta menelanjatkan maruah orang lain dalam media sosial adalah hasil daripada kegagalan kita untuk memahami tuntutan sebenar al-Quran.

Jika diteliti di dalam banyak ayat al-Quran, kita dapati bahawa al-Quran menekankan kepada peranan manusia untuk memakmurkan muka bumi ini secara komprehensif. Usaha ini meliputi tanggungjawab membangunkan masyarakat manusia yang sejahtera serta memperkuat tamadun manusia secara menyeluruh. Tugas ini disebut sebagai tugas membangunkan khilafah sebagaimana Firman Allah SWT :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Yang bermaksud: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi".* (Al-Baqarah: 30)

Khalifah sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Imam Al-Mawardi di dalam kitabnya Ahkamul Sulthoniah sewaktu mentakrifkan perkataan khalifah ialah:

خلافة النبوة في حراسة الدين، وسياسة الدنيا به

Yang bermaksud: *Pengganti para Nabi di dalam menjaga agama dan menguruskan pentadbiran dunia berasaskan agama.*

Di negeri Kelantan, kita telah berusaha setakat ruang kuasa yang kita mampu untuk mendaulatkan al-Quran di dalam pentadbiran. Terkini ialah usaha kita untuk membawa undang-undang persendirian (private bill) ke sidang parlimen yang terdekat bagi mendapat kebenaran untuk Kelantan melaksanakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (2) 1993 untuk tahun 2015 seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 76 (A) Perlembagaan Persekutuan.

Ini kerana sebahagian besar dari kesalahan jenayah hudud dan qisas seperti mencuri, merompak, merogol, mencedera dan membunuh terletak dalam bidang kuasa kerajaan persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan (Panel Code). Agenda yang utama ini pihak kerajaan negeri akan bawa semula dalam istiadat pembukaan penggal ketiga Dewan Negeri Kelantan ke-13 tahun 2015 pada Mac ini setelah ditangguh seketika ekoran banjir besar tempoh hari.

Harapan saya agar semua pihak dapat memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Usaha ini bukan untuk kepentingan politik mana-mana pihak, tetapi ia merupakan kewajipan kita semua terhadap al-Quran. Sebagaimana wajib untuk kita bersolat dan berpuasa, demikianlah wajibnya kita berusaha untuk menegakkan undang-undang Allah SWT di muka bumi ini khasnya di negeri Kelantan untuk peringkat permulaan ini.

Saya yakin dan percaya, jika aspek ilmu dan pengamalan isi kandungan al-Quran ditekankan di kalangan masyarakat dan berjaya dilaksanakan, kita akan melihat kemunculan generasi al-Quran yang menghayati al-Quran sepenuhnya dan menjadi berusaha membangunkan tuntutan al-Quran dalam diri, masyarakat, negeri serta negara. Akhir kata, sekali lagi saya rakamkan tahniah kepada pihak Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat di atas kejayaan mengadakan majlis tilawah pada kali ini. Kepada semua peserta yang mengambil bahagian, mudahan dipermudahkan dan berjaya mengenengahkan minat masyarakat terhadap al-Quran insyaAllah.

Seterusnya saya rasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Jajahan Tumpat kali ke-58 ini dengan lafaz yang mulia: *Bismillahir Rahmanir Rahim*.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم، والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN PECAH TANAH TAPAK PEMBINAAN
KILANG SIMEN**

6 Jamadil Awwal 1436 / 25 Februari 2015
Chiku, Gua Musang

Firman Allah SWT:

﴿ ۞ ﴾ أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهْدًا ﴿ ۞ ﴾ وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿ ۞ ﴾

Maksudnya: *Tidakkah Kami telah menjadikan bumi yang terbentang luas sebagai hamparan? Dan Kami jadikan bukit-bukau sebagai pengukuhnya?*
(Al-Naba': 6-7)

Alhamdulillah marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita jayakan juga hasrat besar kita bagi membina kilang simen bersepadu terbesar di Chiku, Gua Musang ini. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan syabas khasnya kepada pihak Majlis Daerah Gua Musang dan juga syarikat pemaju ASN Cement Sdn Bhd yang telah bertungkus-lumus berusaha sejak daripada awal lagi bagi memastikan pembinaan kilang ini berjaya dan ini adalah satu usahasama antara PBT Majlis Daerah Gua Musang dan syarikat swasta yang pertama sedemikian di negara ini.

Negeri Kelantan ini pada hakikatnya telah membangun dengan beridentitikan Islam sebagai teras, maka setiap pembangunan yang akan ditempa nanti juga tidak akan terpisah dari dasar-dasar yang digariskan oleh tuntutan Islam. Segala perancangan membangunkan ekonomi Kelantan yang telah diusahakan oleh kerajaan negeri juga membuktikan bahawa Kelantan dan rakyatnya tidak pernah ketinggalan di dalam arus kemajuan bahkan sama

dengan pembangunan-pembangunan yang terdapat di negeri-negeri lain yang membangun.

Model ekonomi yang berteraskan konsep langit terbuka pada hari ini perlu disantuni dengan lebih gigih. Dari sudut pembangunan ekonomi, Kelantan insyaAllah telah dan sedang berusaha menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih mantap dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Kerajaan negeri amat serius dengan pelbagai usaha untuk menarik pelabur bagi melabur di Kelantan sama ada pelabur dari dalam atau luar negara.

Moto yang kita gariskan di bawah Merakyatkan Membangun Bersama Islam untuk dilaksanakan di semua peringkat ialah Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Ianya perlu diberi kerjasama oleh semua pihak. Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan ini pada asasnya bermaksud penerapan nilai Membangun Bersama Islam di dalam kehidupan rakyat seharian termasuklah dalam mengurus hal ehwal pembangunan serta memastikan kemajuan dalam sesebuah negeri itu menepati ciri-ciri yang telah digariskan oleh agama.

Apa yang kita mahu di Kelantan ini, aspek-aspek pembangunan berjalan seiring dengan tuntutan syariat. Jika syariat Allah SWT diketepikan, biarpun bangunan yang dibina mencakar langit, pelbagai kemudahan bangunan dan prasarana dapat disediakan, namun ia tetap tidak mempunyai apa-apa harga di sisi Allah SWT sekiranya aspek syariat dan pembangunan berlandaskan agama diketepikan.

Pembangunan sosio ekonomi di Kelantan adalah merupakan keutamaan kerajaan negeri dan pihak kerajaan negeri telah menyatakan hal ini dalam strategi kerajaan untuk memastikan bahawa penyelenggaraan segala kemudahan infrastruktur asas secara teratur dan menyeluruh bagi menjamin tahap sosio-ekonomi dan kebajikan rakyat direalisasikan sebaik mungkin bagi menjadikan negeri Kelantan sebagai Negeri Berkeadilan.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 281.61 juta bagi memberi fokus dan penekanan kepada usaha mempertingkatkan penyediaan prasarana dan kemudahan demi memajukan tahap sosio-ekonomi rakyat jelata berasaskan kepada kemampuan kewangan kerajaan negeri.

Walaupun dalam keadaan ekonomi yang sederhana serta kedudukan kewangan yang terhad, kerajaan akan terus memberi penekanan dalam memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negeri melalui pelbagai program pembangunan yang dirancang. Program pembangunan kemudahan infrastruktur asas kepada rakyat akan tetap menjadi pilihan utama kerajaan negeri, kerana bagi kerajaan negeri, pembangunan infrastruktur akan menjadi pemangkin kepada pembangunan fizikal dan pembangunan sosial yang lain. Oleh itu, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sejumlah RM 54.50 juta bagi menjayakan penyediaan kemudahan infrastruktur asas kepada rakyat ini.

Projek kilang simen terbesar yang kita usahakan ini di mana merangkumi sebahagian dari kawasan Felda dan tanah negeri adalah salah satu usaha kerajaan negeri untuk membangunkan Bandar Chiku kerana di sini kedudukannya yang amat strategik serta mempunyai banyak gua batu kapur. Keadaan ini akan memudahkan lagi usaha penghasilan batu hangus dan untuk mendapatkan bahan mentah utama simen iaitu batu kapur dan tanah liat yang boleh dikuari terus dari bukit batu kapur tersebut.

Projek ini pada asasnya adalah salah satu pemangkin kepada ekonomi di negeri Kelantan dan ia adalah projek perindustrian terbesar di negeri Kelantan dan apabila projek ini siap sepenuhnya saya yakin ia akan dapat menjana peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk setempat dan saya difahamkan projek ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 3,000 penduduk tempatan nanti sama ada secara langsung atau tidak

langsung. Ini adalah satu perkara yang membanggakan pihak kerajaan dalam usaha kita membangunkan zon-zon komersial di negeri ini.

Saya berharap juga agar tahap-tahap pengawalan pencemaran udara khususnya dapat ditingkatkan sebaiknya kerana sudah tentu dengan adanya kilang ini habuk-habuk daripada aktiviti kuari ini akan melebar luas dan jika tiada kawalan ia akan mengganggu kestabilan dan kesihatan hidup penduduk berdekatan khasnya jika berlaku pemendapan dalam sumber air yang digunakan oleh penduduk.

Saya yakin, jika perancangan projek yang ada termasuk lain-lain projek sekiranya disertai dengan pelaksanaan pembangunan sikap yang cemerlang dan bergerak seiring dengan projek ekonomi di negeri ini, sudah tentu negeri Kelantan akan cepat membangun.

Pada hakikatnya, industri simen ini memainkan peranan utama dalam pelaksanaan program pembangunan prasarana yang diusahakan kerajaan negeri dan ia berfungsi sebagai pembekal kepada industri pembinaan. Bukan mudah untuk membina kilang-kilang sebegini kerana beberapa faktor keselamatan, penghasilan bahan mentah dan lain-lain sangat perlu diambil kira.

Sempena Majlis Pecah Tanah Tapak Pembinaan Kilang Simen Bersepadu pada hari ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang berusaha dan bertungkus-lumus membangunkan kilang simen terbesar ini dan sekaligus membangunkan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan yang kita cintai.

Saya dengan ini, merasmikan Tapak Kilang Simen Bersepadu dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Semoga diberkati Allah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS UCAPTAMA CEO PERBADANAN MENTERI BESAR
KELANTAN (PMBK)**

18 Rabiul Akhir 1436 / 8 Febuari 2015
Hotel Perdana, Kota Bharu

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ أَكْثَرَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ مَا يُخْرِجُ اللَّهُ لَكُمْ مِنَ بَرَكَاتِ الْأَرْضِ . فَقِيلَ : مَا بَرَكَاتُ
الْأَرْضِ ؟ قَالَ : زَهْرَةُ الدُّنْيَا

Maksudnya: *Sesungguhnya apa yang sangat aku takuti menimpa kamu ialah bila mana Allah mengeluarkan kamu dari menerima keberkatan bumi. Lalu para Sahabat bertanya; Apakah keberkatan bumi itu? Sabda Nabi; iaitulah segala kemudahan dan kesenangan dunia.*

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dengan kurniaanNya sama-sama kita diberi kelapangan berada dalam Majlis Amanat Sempena Ucaptama CEO PMBK pada kali ini dan sama-samalah kita berdoa segala kerja buat kita direstui Allah SWT.

Saya membacakan satu hadis di permulaan ucapan tadi, pesanan Rasulullah SAW kepada kita selaku khalifah yang mengurus muka bumi sama ada kita berjawatan menteri besar, ahli majlis mesyuarat kerajaan, pegawai kerajaan, staf di pejabat, kita mestilah meraih keberkatan Allah dalam hidup kita. Allah telah menjadikan kepada kita segala macam kesenangan di dunia ini untuk kita hidup. Kalau zaman dahulu boleh jadi lebih susah daripada kehidupan pada hari ini, kini kita ada pelbagai jenis kenderaan, bangunan dengan pelbagai

kelengkapan, rumah yang serba serbi ada kemudahan dan alat-alat elektronik serta media yang sangat mudah digunakan.

Orang dahulu sentiasa bersyukur kepada nikmat Allah yang dikurniakan, jadi kita lebih-lebih lagi kena bersyukur. Jika kita tidak bersyukur, Allah akan keluarkan kita dari keberkatan yang dianugerahkan kepada kita ini. Perkara yang sangat menjadi idaman dan rebutan manusia di dunia ini ialah harta dan wang ringgit, tidak salah kita mengejar dan memiliki kesenangan ini akan tetapi mengikut KPI yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW, sebagaimana dalam sabdanya:

وإن هذا المال حلوة ، من أخذه بحقه ووضعه في حقه فنعم المعونة هو ، ومن
أخذه بغير حقه كان كالذي يأكل ولا يشبع

Maksudnya: *Dan sesungguhnya harta itu terlalu manis dan indah, barangsiapa yang mengambilnya secara hak dan mengurusnya secara hak maka Allah akan beri sebaik-baik pertolongan kepadanya. Sesiapa yang mengambil dan menggunakan harta secara tidak betul seumpamalah dia makan akan tetapi tidak kenyang (iaitu hilangnya segala keberkatan).* (Riwayat Bukhari)

Alhamdulillah kita di Kelantan, walaupun kita dikatakan negeri yang miskin dan hak royalti kita dinafikan, tetapi Allah memberi keberkatan yang berpanjangan. Kita dapat lihat bahawa masyarakat Kelantan dapat melakukan urusanniaga jual beli dalam bentuk tunai yang tinggi dan ini adalah petanda utama dalam mengukur kekuatan ekonomi rakyat Kelantan yang turut menyumbang kepada merencanakan aktiviti perniagaan kecil dan sederhana di Kelantan.

Kita tengok amalan berhutang di kedai runcit amat jarang diamalkan di Kelantan, apatah lagi transaksi jual beli menggunakan kad kredit sebagaimana menjadi amalan biasa warga kota yang dihimpit beban sara hidup yang tinggi. Di samping itu, budaya pemilikan emas di kalangan wanita di Kelantan bukan sekadar untuk tujuan perhiasan dan kecantikan semata-mata, tetapi ia turut menjadi perantara nilai ekonomi sesama mereka, khususnya dalam urusan niaga pajak gadai dan pinjaman modal.

Kalau kita lihat dari sudut urus niaga pembelian tanah atau pecah lot, orang Kelantan memiliki aset-aset utama seperti rumah banglo dan premis perniagaan yang mana lebih 70% pemilikan di tangan anak jati negeri Kelantan, situasi sebegini jarang berlaku di negeri-negeri lain. Usaha kuatnya orang Kelantan ini, bermula daripada urus niaga pembelian tanah yang amat popular dilakukan serta aktiviti pembinaan dan pembelian rumah di kawasan bandar mahupun di luar bandar, sehinggalah kepada sekecil-kecil pemilikan aset seperti haiwan ternakan yang biasanya akan dijual untuk menampung perbelanjaan pendidikan anak-anak. Ini antara hasil keberkatan yang Allah beri kepada masyarakat kita.

Kemelut ekonomi negara kita yang semakin meruncing ini di mana paras hutang Kerajaan Malaysia yang telah mencecah RM 568.2 bilion atau 53% daripada KDNK amat merisaukan kita. Ini ditambah dengan ketirisan yang berlaku di mana kalau kita lihat dalam indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index* yang dijalankan *Transparency International*, Malaysia menduduki tangga ke-53 daripada 177 buah negara. Keadaan ini sangat mendukacitakan kita. Kita di peringkat Kerajaan Negeri Kelantan amat bertegas dalam hal ini dan tidak meredhai mana-mana staff kita terlibat dalam gejala rasuah yang merosakkan negeri dan negara ini.

Sesuai kita di PMBK sebagai peneraju kepada beberapa projek mega kerajaan dan yang mengurus perbadanan ini maka perkara utama kita pastikan bahawa kita semua telah memberi penumpuan kepada peningkatan daya kemahiran dan kepakaran dengan digabungkan dengan sikap yang murni, memahami realiti serta budaya masyarakat dan mengusahakan daya kepakaran yang tinggi di peringkat tahap pekerjaan masing-masing. Tanpa sikap tersebut, kejayaan perbadanan akan berada pada tahap yang rendah.

Kita mestilah meningkatkan daya tanggungjawab sosial korporat secara lebih baik dari setahun ke setahun. Tanggungjawab sosial korporat ini bukan sesuatu benda yang baru malah telah menjadi panduan dalam mengurus hal ehwal perdagangan dan ekonomi sejak dahulu lagi di zaman nabi lagi. Nabi SAW mengurus dunia korporat secara berhemah dan beretika dengan meletakkan sasaran yang jelas.

Lihat sahaja perniagaan yang diceburi oleh Baginda SAW di Mekah telah mengalami keuntungan yang berlipat ganda dan menaikkan imej pengurusan korporat pada masa itu. Apabila Rasulullah berhijrah ke kota Madinah, Rasulullah membawa imej korporat yang berwawasan dengan tenaga pakar yang mahir dalam bidang perniagaan di kalangan sahabat Muhajirin seperti Saidina Abu Bakar Al-Siddiq sendiri, Saidina Osman juga Abdul Rahman bin Auf. Madinah sebagai sebuah negara pertanian dibangunkan oleh Rasulullah SAW sebagai negara membangun dari aspek pembangunan insani dan material.

Sebelum ini, pasaraya di Madinah keseluruhannya dimonopoli oleh kaum Yahudi, setelah Rasulullah mentadbir Madinah, Pasaraya umat Islam dapat dibangunkan dengan jayanya yang mengatasi pasaraya atau Mall Yahudi seperti Pasaraya Qainuqa', Pasaraya Zamahim dan juga Pasaraya Sofsofah yang hebat pada masa itu. Cabaran dan halangan dapat dihadapi dengan baik

sekiranya bermula daripada ketua hinggalah ke staff mengurus bidang tugas secara bertanggungjawab dan berpasukan.

Apabila saya meneliti kepada visi PMBK iaitu menjadi agensi korporat dan peneraju pelaburan strategik kerajaan negeri yang berprestasi tinggi dan berwibawa, maka sudah tentulah perancangan-perancangan serta pengurusan yang baik sudah diambil kira di semua sudut. Kita mahu semua keluarga PMBK mengendalikan pengurusan dan perancangan yang berstrategik. Pengurusan dan perancangan adalah suatu perkara dasar dalam sesebuah organisasi pentadbiran.

Pengurusan terancang amat penting bagi sesebuah organisasi untuk berjaya terutama pada zaman teknologi maklumat di mana segalanya bergerak dengan pantas dan amat kompetitif. Kita di PMBK mesti ada jadual menjalankan kerja secara sistematik serta memerlukan hubungan tertentu antara satu sama lain. Apabila aktiviti organisasi itu berjalan dengan teratur dan berhubung antara satu sama lain, maka matlamat yang ditetapkan akan terhasil.

PMBK telahpun ada pelan strategiknya tersendiri, sedar tidak sedar kita telah melepasi fasa pertama pelan strategik iaitu fasa pengukuhan yang mana target pencapaiannya antara 2011 hingga 2012. Kini kita berada di fasa kedua iaitu fasa pertumbuhan yang disasarkan bermula tahun 2013 dan sehingga tahun ini. Jadi untuk tahun 2015 kita mesti fokus kepada pertumbuhan industri baru dan perniagaan baru.

Jika kita berjaya mengurus dengan baik untuk tahun ini, saya yakin fasa ketiga iaitu fasa pengembangan yang akan bermula tahun hadapan sehingga 2020 dapat dijayakan sepenuhnya. Ini sejajar dengan misi PMBK iaitu “meningkatkan nilai pegangan dan pulangan pelaburan melalui pengurusan

aset dan penglibatan komersial yang efektif berlandaskan syariah, serta menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat”.

Kita doakan agar pasca banjir ini, Allah memberikan kepada kita rahmat dan keberkatan yang berlipat kali ganda dan rezeki yang tidak di sangka-sangka. Banjir besar akhir 2014 lepas sememangnya meninggalkan kesan yang masih terasa sehingga kini, banyak kemusnahan yang dihadapi oleh rakyat dan kerajaan negeri sendiri kena lebih menumpukan kebajikan kepada rakyat yang menjadi mangsa banjir.

Namun keyakinan kita, Allah akan beri gantian yang terbaik insyaAllah. Lihat sahaja kemarau panjang yang berlaku di zaman Nabi Yusuf selama beberapa tahun akan tetapi setelah itu didatangkan dengan hujan rahmat yang menyuburkan tanah dan membuahakan hasil yang pelbagai sebagai rezeki gantian daripada Allah SWT. Firman Allah dalam surah Yusuf:

ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعَصِرُونَ

Maksudnya: *Kemudian akan datang pula sesudah itu (iaitu tahun kemarau) tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan dan padanya mereka dapat memerah hasil anggur, zaitun dan sebagainya.* (Yusuf: 49)

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sepenuh sokongan dan kerjasama kepada PMBK dalam melaksanakan amanah sebagai jentera utama kepada menteri besar untuk sama-sama membangunkan sosio ekonomi negeri Kelantan bagi kesejahteraan semua lapisan rakyat. Semoga usaha kita diterima Allah sebagai amalan soleh insyaAllah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERASMIAN BANGUNAN BARU MAHAD TAHFIZ DARIL
NAIM**

17 Rabiul Akhir 1436/ 7 Febuari 2015
Kompleks Madrasah Darilnaim Mukim Padang Halban Melor Kelantan

Firman Allah Taala:

وَأَنْ أَتْلُوا الْقُرْآنَ ^ط فَمَنْ أَهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ ^ط وَمَنْ ضَلَّ

فَقُلْ إِنَّمَا أَنَا مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: *Dan supaya aku sentiasa membaca al-Quran. Barangsiapa yang menurut petunjuk (al-Quran dan beramal dengannya) maka faedah perbuatannya itu akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat, maka katakanlah kepadanya: Sesungguhnya aku hanyalah seorang pemberi amaran. (Al-Naml: 92)*

Alhamdulillah, pada pagi ini dapat hadir ke majlis perasmian bangunan baru Maahad Tahfiz Darilnaim dan terima kasih atas jemputan merasmikan bangunan baru ini dan kita sama-sama berdoa agar Maahad Tahfiz Darilnaim ini akan menjadi salah sebuah maahad tahfiz yang terbaik di negeri Kelantan.

Saya ucapkan tahniah kepada pihak pentadbiran maahad tahfiz ini yang telah merangka pelan pembangunan serta pengajian yang baik kepada anak-anak pelajar dan saya yakin manhaj pendidikan di maahad ini selaras dengan falsafah pendidikan Islam sekolah-sekolah YIK sesuai dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam yang menjadi tonggak pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam hal ini sukalah saya ingatkan bahawa falsafah pendidikan Islam ialah falsafah yang berteraskan wahyu sebagai sumber, ia berbeza dengan falsafah pendidikan barat. Manakala tujuan

pendidikan pula ialah untuk mencari keredhaan Allah SWT, Perkara ini perlu diberi kefahaman kepada anak-anak pelajar supaya objektif pembelajaran mereka tercapai.

Ayat yang saya baca tadi berkait dengan kita membangunkan falsafah pendidikan Islam dimulai dengan penerapan al-Quran dan pengamalan dengan tuntutannya. Inilah sebenarnya yang menjadi tunjang asas kepada falsafah pendidikan yang telah kita bina di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

Di Barat, falsafah pendidikan yang diperkenalkan ialah falsafah yang berteraskan fakta semata-mata. Akal fikiran semata-mata dijadikan rujukan teras tanpa sebarang bimbingan wahyu menjadikan masyarakat Barat mungkin maju dari sudut pembangunan fizikalnya tetapi hancur dari sudut moral dan akhlak. Lahirlah masyarakat yang berfikiran terlalu terbuka tanpa keterikatan dan menganut bermacam fahaman.

Di Malaysia, diperkenalkan falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Akan tetapi yang menyedihkan ialah penerapan nilai-nilai yang telah dianjurkan oleh al-Quran agak malap dan kurang diamalkan dalam falsafah pendidikan hari ini. Falsafah pendidikan ini mesti kembali kepada ajaran Islam yang telah menggariskan falsafah pendidikannya yang tersendiri iaitu menuntut ilmu dengan sentiasa menyebut nama Allah SWT, ilmu dituntut kerana Allah, penyebaran ilmu juga kerana Allah. Firman Allah SWT :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Yang bermaksud : *Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan.* (Al-Alaq: 1)

Wahyu dengan penegasan agar ‘membaca’ atau mengutamakan asas ilmu inilah yang merupakan muqaddimah kepada perlantikan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul yang terakhir. Ayat yang pertama ini selain memerintahkan kita supaya patuh tunduk kepada Allah SWT, ia juga memberi penekanan agar manusia membaca bagi membuktikan bahawa Islam didirikan di atas ilmu pengetahuan dan bukannya di atas kejahilan. Syarat pembacaan itu pula ialah dengan *bismirabbikallazi khalaq* iaitu dengan nama Tuhanmu yang Menciptakan. Ini menunjukkan setiap usaha untuk menuntut ilmu pengetahuan wajiblah diasaskan di atas nama Allah SWT. Ini bagi membolehkan ilmu tersebut dimanfaatkan untuk kepentingan manusia sejagat.

Selain para guru menyediakan manhaj pendidikan yang bertepatan dengan tuntutan al-Quran, perlu di utamakan juga aspek pembangunan ruh Islam agar hidup di dalam jiwa para pelajar. Maahad Tahfiz Darilnaim perlu berperanan ke arah membentuk generasi yang bukan hanya sekadar seorang hafiz yang cemerlang akan tetapi seorang hafiz yang muttaqin dan menjadi qudwah kepada orang lain.

Saya juga amat berharap agar Maahad Tahfiz Darilnaim ini dapat memainkan peranan lebih aktif ke arah membentuk generasi ulama yang mampu muncul sebagai pemimpin masyarakat. Pelajar-pelajar perlu dilatih terus menerus di dalam aktiviti gerak kerja berorganisasi kerana ini amat membantu meningkatkan keupayaan seorang pelajar yang bakal terjun ke tengah masyarakat. Alhamdulillah, kepercayaan masyarakat semakin tinggi terhadap golongan ulama yang berpengetahuan agama di dalam bidang urus tadbir. Jika 23 tahun lepas, ada suara yang curiga kepada Tok Guru Dato’ Bentara Setia dalam mentadbir kerajaan dengan serban dan pakaian yang dikatakan hanya sesuai di masjid, kini Alhamdulillah tanggapan itu semakin

berkurangan, bahkan generasi ulamak ini dapat memimpin negeri dengan baik.

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua semoga dengan siapnya bangunan baru ini memudahkan lagi semua urusan pelajaran dan pembelajaran. Dengan lafaz:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya rasmikan Bangunan Baru Maahad Tahfiz Darilnaim. Semoga diberkati Allah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN BAGI PENYERAHAN KUNCI RUMAH
DHUAFAs' DUN MELOR**

17 Rabiul Akhir 1436 / 7 Februari 2015
Kampung Permatang Pusu Melor

Firman Allah Taala :

وَاللّٰهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ جُلُودِ الْاَنْعَامِ بُيُوتًا تَسْتَخِفُّونَهَا يَوْمَ
ظَعْنِكُمْ وَيَوْمَ اِقَامَتِكُمْ وَمِنْ اَصْوَابِهَا وَأَوْبَارِهَا وَأَشْعَارِهَا اَنَّا وَمَتَاعًا اِلَىٰ حِيْنٍ

Yang bermaksud: *Dan Allah menjadikan bagimu rumah-rumah sebagai tempat tinggal dan Dia menjadikan bagi kamu rumah-rumah dari kulit binatang ternak yang kamu merasa ringan membawanya di waktu kamu berjalan dan waktu kamu bermukim serta dijadikan juga dari bulu unta dan bulu kambing akan kelengkapan rumah dan perhiasan sehingga ke waktu yang ditetapkan. (Al-Nahl: 80)*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk hadir ke Majlis Penyerahan Kunci Rumah Dhuafa' bagi Dun Melor ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang menjayakan agenda besar kerajaan negeri ini mudah-mudahan hasrat kita untuk menyediakan rumah kepada golongan dhuafa' atau yang tidak berkemampuan diberkati Allah SWT.

Kita masih lagi dalam suasana pemulihan kediaman dan bangunan-bangunan sekolah, masjid dan lain-lain akibat banjir besar baru ini. Saya juga turut berdukacita dengan situasi rakyat negeri ini yang ramai di kalangan mereka hilang kediaman juga harta benda mereka. Kerajaan negeri pada masa ini

menumpukan kepada usaha-usaha pembersihan juga pemulihan di lokasi-lokasi yang telah ditentukan.

Kerajaan negeri telahpun mengenalpasti jumlah kerosakan sama ada rumah, masjid, sekolah khasnya sekolah YIK serta telah mengenalpasti tapak-tapak rumah untuk didirikan penempatan rumah kekal kepada mereka yang musnah keseluruhan rumahnya. InsyaAllah kerajaan negeri akan bina sebanyak 600 unit rumah kekal untuk mangsa-mangsa banjir yang rumahnya *total loss* dan kita sebenarnya telah memulakan pembinaan rumah kekal ini di tempat-tempat yang teruk dilanda banjir.

Sememangnya menjadi dasar kerajaan negeri, kita mentadbir mengikut prinsip-prinsip yang digariskan oleh Islam, dan kita meletakkan keutamaan yang tinggi dalam memberi pembelaan terhadap rakyat negeri ini terutamanya yang miskin dan dhaif termasuklah mereka yang mempunyai masalah penempatan. Oleh kerana itu, kerajaan negeri juga telah meluluskan hak milik tanah atau lot-lot tanah dan diberikan kepada mereka yang dhaif dan ini adalah sebahagian daripada program kerajaan negeri iaitu sebuah rancangan Kerajaan Kelantan untuk membantu rakyat susah demi mendapat tapak rumah yang sesuai selain dari kemudahan-kemudahan infrastruktur lainnya yang akan disediakan oleh kerajaan negeri.

Pihak Kerajaan Kelantan tidak pernah mengamalkan sikap bermuka-muka atau memilih kroni dalam urusan membantu rakyat susah, jauh sekali untuk jadikan ia sebagai isu politik. Sebab itulah dalam pilihan raya, untuk pemberian bantuan, semua rakyat yang layak dan memenuhi syarat tanpa mengira fahaman politik, tetap mereka akan mendapat pembelaan. Semua penduduk negeri Kelantan adalah rakyat negeri ini dan tidak ada sebab untuk kerajaan mengasingkan rakyat dengan sebab pelbagai fahaman yang berbeza. Islam mengajar agar kita berkebahjikan untuk semua, Muslim dan non Muslim,

begitu juga yang seialiran dengan pandangan kita dan yang berlawanan dengan pandangan kita, kehidupan dalam sesebuah negeri perlu diutamakan dari sudut membentuk rasa kasih sayang dan saling bantu membantu.

Saya bersama dengan exco-exco kerajaan negeri akan terus memberi perhatian yang utama kepada golongan daif dan miskin, orang kurang upaya, armalah dan warga emas. Oleh sebab itu, kerajaan negeri terus menyediakan peruntukan-peruntukan secukupnya untuk program-program pembelaan rakyat miskin dan mereka yang memerlukannya. Dalam pembentangan bajet 2015 yang lepas, kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 5.5 juta ringgit khusus bagi program bantuan Rumah *Dhuafa*' yang diperuntukkan bagi tujuan penyenggaraan rumah-rumah dan pembinaan rumah di setiap Dewan Undangan Negeri, termasuk bagi membantu meringankan beban rakyat yang kurang berkeupayaan dengan cara membaiki dan mendapatkan rumah sendiri.

Kerajaan negeri akui betapa harga pasaran rumah sentiasa meningkat dari tahun ke tahun, dan sebagai sebuah kerajaan yang prihatin akan permasalahan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, golongan yang tidak berkemampuan, kerajaan negeri akan sentiasa memberi tumpuan khusus untuk skim rumah *dhuafa*' ini. Sebenarnya apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri ini adalah atas seruan tuntutan berkeabajikan yang dituntut oleh Islam dan dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam ini, saya dan seluruh pimpinan kerajaan negeri telah sedaya upaya berusaha untuk memastikan hal-hal kebajikan rakyat yang susah diurus dengan sebaiknya dan kita yakin Allah akan mengurniakan kepada kerajaan negeri keberkatan juga kemakmuran dengan dasar Membangun Bersama Islam yang sejak tahun 1990 lagi kita perjuangkan. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya; *Siapa yang menghilangkan kesusahan seseorang mukmin dari pelbagai kesusahan dunia, nescaya Allah akan menghilangkan kesusahan semasa di hari kiamat.* (Riwayat Muslim)

Semoga Allah memberkati negeri kita sebagai *Baldah Toyyibah* yang menanungi rakyat dan *Rabbun Ghafur* atau Allah sebagai Pengampun kepada seluruh masyarakat yang beriman di negeri kita. Dengan lafaz:

Bismillahir Rahmanir Rahim

Saya rasmikan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Dhuafa' di kampung Permatang Pusu ini. *Siiru 'Ala Barakatillah.*

**MAJLIS PERLETAKAN BATU ASAS PENEMPATAN (RUMAH
KEKAL) MANGSA BANJIR NEGERI KELANTAN**

30 Rabiul Awwal 1436 / 21 Januari 2015
Tapak Cadangan Berangan Mek Nab, (Desa Rahmat) Machang Kelantan

Firman Allah Taala :

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّنْ قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: *Tidak ada sesuatu bala bencana yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada tercatat dalam pengetahuan Kami sebelum Kami menjadikannya; Sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah amat mudah bagi Allah. (Al-Hadid: 22)*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk hadir ke Majlis Perletakan Batu Asas atau Majlis Mula Kerja bagi Pembinaan Rumah Kekal kepada mangsa-mangsa banjir pada petang ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang menjayakan agenda besar kerajaan negeri ini mudah-mudahan hasrat kita untuk menyediakan rumah kekal percuma ini diberkati Allah SWT.

Saya juga turut berdukacita dengan situasi rakyat negeri ini yang telah hilang kediaman juga harta benda mereka. Yakinlah, ujian Allah ini pasti mempunyai hikmah yang baik kepada kita. Hidup kita memang penuh dengan dugaan dan ujian. Tanpa ujian dan dugaan, sudah tentulah hidup kita yang cuma sementara sahaja ini akan menjadi hambar.

Apa sahaja yang ditakdirkan menimpa diri kita, mempunyai tujuan atau hikmahnya yang tertentu. Hikmah itu pula kadang kala kita sedari setelah sesuatu ujian yang menimpa kita itu berlalu atau boleh jadi kita tidak mengetahuinya. Dalam mendepani ujian atau musibah yang melanda ini, kita hendaklah hadapinya dengan bersabar dan menerimanya dengan hati yang terbuka serta penuh redha. Inilah panduan yang cukup berharga untuk diri kita agar kita dapat mengatasi setiap dugaan dengan penuh ketakwaan.

Sekiranya kita redha kepada qadha' dan qadar Allah, maka sudah pasti Allah akan meredhai kita dan menunjukkan laluan yang mudah untuk kita. Akhirnya, kita akan dibimbing untuk menyelesaikan segala kesulitan dengan penuh ketenangan dan mudah. Akan tetapi sekiranya kita kecewa dan tidak redha dengan apa yang telah ditimpakan Allah ke atas kita, hal ini akan menyebabkan Allah murka. Tanpa kita sedari, kita sebenarnya telah mencampakkan diri kita ke dalam kemurkaan Allah.

Tanpa keredhaan Allah, bagaimana mungkin kita dapat melayari hidup ini dengan sebaik-baiknya. Apatah lagi untuk menghadapi segala musibah dan dugaan yang juga datang daripada-Nya. Sudah pastilah jiwa kita tidak akan tenteram, langkah kita akan pincang dan hidup kita, secara keseluruhannya, hilang arah tujuan.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz pernah berkata: *“Keredhaan terhadap sesuatu musibah merupakan kedudukan yang tinggi bagi seseorang hamba Allah. Namun, Allah telah menjadikan kesabaran sebagai jalan pilihan yang baik untuk menghadapi musibah-Nya.”* Jadi hanya dengan kesabaran dapat mengangkat kedudukan kita di sisi Allah.

Banjir yang melanda negeri kita baru-baru ini termasuklah Terengganu, Pahang, Perak serta beberapa tempat di Johor, Kedah, Sabah dan terkini di

Sarawak telah mengakibatkan kemusnahan infrastruktur dengan anggaran mencecah hampir RM 2.9 bilion keseluruhannya serta melibatkan sekitar 400,000 mangsa. Sememangnya jika kita lihat, banjir yang melanda akhir 2014 lepas adalah satu fenomena yang luar biasa.

Kemusnahan akibat kesan banjir di negeri Kelantan kali ini adalah antara yang terbesar dan sudah tentu ia memerlukan komitmen dan keprihatinan tinggi pihak kerajaan negeri dan persekutuan. Di samping khidmat dan sumbangan orang awam serta pertubuhan sukarelawan amat diharapkan sebagai membuktikan kebersamaan di dalam usaha pemulihan semula kesemua kerosakan yang berlaku.

Bagi penduduk yang terlibat dengan kerosakan rumah atau kediaman secara seratus pertaus *total lost*, pihak kerajaan negeri sedang meneliti data dan maklumat menerusi ketua jajahan dan ketua jajahan telah mengarah penghulu dan penyelia pembangunan mukim membuat bancian siapa yang menghadapi rumah-rumah *total lost*.

Berasaskan jumlah kerosakan rumah-rumah tersebut, sebelum ini saya ada menganggarkan sejumlah RM 52.5 juta diperlukan untuk pembinaan semula dan membaiki kerosakan rumah-rumah. Sementara anggaran bagi membaiki kerosakan jalan raya pula sekitar RM 100 juta. Ini belum termasuk kerosakan jambatan kereta api di Kemubu, Gua Musang dan beberapa jambatan lain.

Kerajaan negeri bersetuju membuat pembinaan rumah atau penempatan baru kepada penduduk yang *total lost* menerusi pendekatan iaitu:

Pertama: Mengenal pasti tanah kerajaan – setakat ini telah ada di Gua Musang, Manek Urai (9 ekar dekat kuari) dibina dengan sumbangan RM 6 juta pihak Kerajaan Selangor, di Machang 8 ekar sumbangan PKINK, dan juga di Tumpat.

Kedua: Bagi mereka yang ada tanah sendiri, kerajaan negeri akan membantu dengan peruntukan yang telah diumumkan sebelum ini iaitu anggaran RM 52.5 juta. Apa pun kerajaan negeri sedang menggalak sumbangan pelbagai pihak bagi membantu pembinaan atas tanah sendiri.

Ketiga: Rumah yang akan dibina adalah bersaiz 24 X 34 kaki atau 816 kaki persegi dengan tiga bilik setaraf dengan rumah mampu milik.

Kerajaan negeri sedang dalam usaha menyediakan rumah untuk sewa yang akan dibayar oleh kerajaan negeri. Setakat yang dikenalpasti, di Kuala Krai ada 400 unit dan 38 unit di kem Askar Wataniah.

Setakat ini pihak kerajaan negeri telahpun mengenalpasti bilangan rumah-rumah yang rosak serta telah mengenalpasti tapak-tapak rumah untuk didirikan penempatan kekal. InsyaAllah komitmen kita setakat ini akan bina sebanyak 600 unit rumah kekal untuk mangsa-mangsa banjir yang akan dibina seberapa segera sama ada ditapak asal rumah yang musnah dengan persetujuan pemilik tanah atau sekiranya lokasi tersebut tersenarai dalam tempat yang tidak lagi selamat maka kerajaan mengusahakan lokasi lain yang lebih selamat. Pada petang ini kita telahpun memulakan pembinaan rumah kekal di lokasi ini yang kita masyhurkan dengan “Desa Rahmat” insyaAllah sebuah perkampungan yang sentiasa diturunkan rahmat oleh Allah SWT.

Selain kemusnahan kediaman, kerosakan teruk juga turut dialami oleh sekolah-sekolah di bawah kementerian, Yayasan Islam Kelantan dan juga Pusat Asuhan Tunas Islam PASTI. Sebagaimana yang di anggarkan jumlah kerugian di sekolah YIK setakat ini sebanyak RM 2.1 juta dan Pusat Asuhan Tunas Islam PASTI sebanyak RM 1.8 juta. Jadi, selain penumpuan kepada pembinaan rumah kekal kepada mangsa banjir, pemulihan semula sekolah-sekolah khususnya di beberapa buah sekolah YIK menjadi keutamaan kerajaan negeri.

Kerajaan Negeri Kelantan terus menggalakan penyertaan NGO bagi meringankan beban kerajaan negeri atau mana-mana badan korporat yang menggunakan peruntukan CSR masing-masing. Apapun kita cadangkan supaya berpandukan keluasaan dan pelan yang kerajaan cadangkan iaitu tiga bilik dan keluasan 816 kaki persegi.

Fokus utama dalam tempoh pasca banjir ini ialah kepada semua pihak, lebih-lebih lagi kerajaan negeri dan persekutuan hendaklah bersama-sama berusaha ke arah pembinaan semula segala kerosakan yang berlaku. Mudah-mudahan semua usaha dapat dilakukan dengan seberapa segera demi masa hadapan seluruh rakyat di negeri ini.

Dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya merasmikan Perletakan Batu Asas bagi rumah kekal di Desa Rahmat ini. Semoga ianya dipandu oleh Allah SWT.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN PASARIA SARANG BURUNG WALIT;
BANTUAN BANJIR KELANTAN**

30 Januari 2015
Dewan Perniagaan Dan Industri China Jalan Kebun Sultan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Allah Berfirman:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَفَّتْ وَيَقْبِضْنَ مَا يُمَسِّكُهُنَّ إِلَّا الرَّحْمَنُ
إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ

Maksudnya: *Apakah mereka tidak memerhatikan pada burung-burung yang terbang di atas mereka, siapakah yang mengawalinya ketika burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? tidak ada yang mengawalinya melainkan kekuasaan Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Dia Maha melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (Al-Mulk: 19)*

Alhamdulillah, pada pagi ini dapat saya hadir untuk bersama-sama berada di dalam majlis perasmian Pasaria Sarang Burung Walit pada kali ini. Ucapan terima kasih saya rakamkan kepada pihak penganjur kerana menjemput saya hadir untuk menyampaikan ucapan perasmian seterusnya dapat bertemu mata dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Sempena majlis yang dikaitkan dengan burung walit ini, sedikit sebanyak suka saya nukilkan huraian kitab suci al-Quran tentang makhluk burung ini. Burung adalah makhluk Allah yang terbang diciptakan oleh Allah berkaki dua, bersayap, bertelur dan berdarah panas. Ini merupakan ciptaan Allah yang mampu mengingatkan manusia terhadap kekerdilan diri manusia berhadapan

dengan kuasa Allah SWT. Burung ciptaan Allah ini telah terbang di angkasa beribu-ribu tahun sebelum manusia menciptakan kapal terbang. Menurut kajian sains, terdapat lebih 8,600 spesis burung di dunia yang ditemui sehingga hari ini. Ini menunjukkan bagaimana hebatnya Pencipta langit dan bumi ini berbanding dengan manusia yang serba kekurangan.

Burung walit pula adalah sejenis burung yang istimewa dari pelbagai sudut. Biasanya burung walit akan berada pada ketinggian 1,500 kaki dari paras laut dan kehidupan asalnya adalah di dalam gua-gua yang mempunyai kelembapan antara 80 hingga 90 peratus. Untuk bersarang, burung walit juga memerlukan suhu sekitar 26 hingga 31 darjah celsius dan kebiasaannya ia hidup berpasang-pasangan. Anak burung walit yang baru menetas akan buta selama 20 hari. Apabila berusia tujuh hingga sembilan hari ia akan mula makan serangga dan mula minum pada usia 10 hari.

Anak burung akan diasuh oleh ibu burung selama lima minggu di dalam sarang sebelum meninggalkan sarang pada usia tiga bulan. Sementara pemakanan burung walit adalah serangga dan segala aktiviti dilakukan semasa terbang kerana spesies ini tidak dapat bertenggek. Aktiviti tersebut termasuklah aktiviti makan, minum, dan mengawan semuanya dilakukan di udara dan ia hanya akan pulang ke sarang pada waktu senja untuk berehat dan bertelur. Usaha yang ada pada burung walit ini seakan sama dengan urusan seharian manusia, bahkan keazaman dan usaha tawakalnya melebihi tawakal manusia dari sudut mencari rezeki dalam kehidupan. Oleh sebab itu, Nabi Muhammad SAW sentiasa membuat perumpamaan kerja buat manusia khususnya dalam bertawakal ini dengan burung kerana kekuatan burung ini dalam bertawakal dan berusaha. Sabda Nabi Muhammad SAW:

لَوْ أَنَّكُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللَّهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرَزَقْنَاكُمْ كَمَا يَرْزُقُ الطَّيْرَ تَغْدُو خِمَاصًا
وَتَرُوحُ بِطَانًا

Maksudnya: *Sekiranya kamu bertawakkal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakkal, nescaya kamu akan diberi rezeki sepertimana burung diberi rezeki, ini disebabkan burung keluar mencari rezeki sebelah pagi dalam keadaan perutnya kempis dan pulang sebelah petang dengan kekenyangan dan membawa makanan.* (Riwayat Muslim)

Bercakap mengenai sarang burung walit ini, saya kira tuan-tuan sekalian lebih tahu dalam hal ini. Beberapa fakta yang saya dapat tahu bahawa sarang burung walit begitu terkenal suatu ketika dahulu kerana makanan tersebut hanya dimakan oleh maharaja China serta pembesarnya sahaja. Pada ketika itu, masyarakat China mempercayai dengan memakan sup sarang burung mampu memanjangkan usia di samping melambatkan proses penuaan. Tambahan pula, sarang burung walit itu sendiri sukar untuk diperolehi dan produknya menjadi begitu eksklusif dan harganya amat tinggi. Manakala dari segi saintifik, burung walit mempunyai banyak kebaikan khususnya kepada kesihatan kulit. Penyelidikan terhadap sarang burung walit juga banyak dilakukan. Di Jepun misalnya, kajian terhadap kandungan 'sialic acid' pada sarang burung walit dapat membantu dalam kesihatan saraf otak.

Pada hari ini, industri sarang burung walit mengalami peningkatan mendadak apabila bilangan pengusaha bertambah dari semasa ke semasa. Jika dahulu perusahaan produk sarang burung walit tidak begitu dikenali, kini makanan berkhasiat yang popular sejak zaman berzaman lamanya itu menjadi tumpuan di negara kita. Bagaimanapun, mengusahakan perusahaan burung walit bukanlah suatu pekerjaan yang mudah. Tanpa teknik yang betul, pelaburan yang dilakukan mungkin boleh rugi dan menjadi sia-sia. Saya kira perusahaan yang dilakukan oleh pengusaha sarang burung walit hari ini sudah cukup

berpengalaman dalam industri ini dan sudah banyak hasil serta keuntungan yang diperolehi.

Kita di Kelantan ini, masih lagi terasa dengan suasana tragis akibat banjir besar tempoh hari. Kemusnahan akibat kesan banjir di negeri Kelantan kali ini adalah antara yang terbesar dan sudah tentu ia memerlukan komitmen dan keprihatinan tinggi daripada semua pihak. Di samping khidmat dan sumbangan orang awam serta pertubuhan sukarelawan amat diharapkan sebagai membuktikan kebersamaan di dalam usaha pemulihan semula kesemua kerosakan yang berlaku.

Bagi penduduk yang terlibat dengan kerosakan rumah atau kediaman secara seratus peratus *total loss*, pihak kerajaan negeri sedang meneliti data dan maklumat menerusi ketua jajahan dan ketua jajahan telah mengarah penghulu dan penyelia pembangunan mukim membuat bancian siapa yang menghadapi rumah-rumah *total lost*.

Berasaskan jumlah kerosakan rumah-rumah tersebut, sebelum ini saya ada menganggarkan sejumlah RM 52.5 juta diperlukan untuk pembinaan semula dan membaiki kerosakan rumah-rumah. Sementara anggaran bagi membaiki kerosakan jalan raya pula sekitar RM 100 juta. Ini belum termasuk kerosakan jambatan keretapi di Kemubu, Gua Musang dan beberapa jambatan lain.

Kerajaan negeri bersetuju membuat pembinaan rumah atau penempatan baru kepada penduduk yang *total loss* menerusi pendekatan iaitu:

Pertama: Mengenal pasti tanah kerajaan – setakat ini telah ada di Gua Musang, di Manek Urai (9 ekar dekat kuari) di Machang 8 ekar sumbangan PKINK, dan juga di Tumpat.

Kedua: Bagi mereka yang ada tanah sendiri, kerajaan negeri akan membantu dengan peruntukan yang diusahakan oleh kerajaan negeri. Apa pun kerajaan

negeri sedang menggalak sumbangan pelbagai pihak bagi membantu pembinaan atas tanah sendiri. Pihak pengusaha burung walit dan lain-lain dialu-alukan menyumbang kepada tabung bencana banjir untuk disalurkan kepada mangsa banjir nanti.

Ketiga: Rumah yang akan dibina adalah seluas 800 kaki persegi dengan tiga bilik setaraf dengan rumah mampu milik.

Kerajaan negeri sedang dalam usaha menyediakan rumah untuk disewa yang akan dibayar oleh kerajaan negeri. Setakat yang dikenalpasti, di Kuala Krai ada 400 unit dan 38 unit di kem Askar Wataniah.

Setakat ini pihak kerajaan negeri telahpun mengenalpasti bilangan rumah-rumah yang rosak serta telah mengenalpasti tapak-tapak rumah untuk didirikan penempatan kekal. InsyaAllah komitmen kita setakat ini akan bina sebanyak 600 unit rumah kekal secara percuma untuk mangsa-mangsa banjir yang akan dibina seberapa segera sama ada di tapak asal rumah yang musnah dengan persetujuan pemilik tanah atau sekiranya lokasi tersebut tersenarai dalam tempat yang tidak lagi selamat maka kerajaan mengusahakan lokasi lain yang lebih selamat.

Selain kemusnahan kediaman, kerosakan teruk juga turut dialami oleh sekolah-sekolah di bawah kementerian, Yayasan Islam Kelantan dan juga Pusat Asuhan Tunas Islam PASTI. Sebagaimana yang dianggarkan jumlah kerugian di sekolah YIK setakat ini sebanyak RM 2.1 juta dan Pusat Asuhan Tunas Islam PASTI sahaja tidak masuk tadika lain berjumlah sebanyak RM 1.8 juta. Jadi, selain penumpuan kepada pembinaan rumah kekal kepada mangsa banjir, pemulihan semula sekolah-sekolah khususnya di beberapa buah sekolah YIK menjadi keutamaan kerajaan negeri. Ini memerlukan bantuan semua pihak.

Fokus utama dalam tempoh pasca banjir ini ialah kepada semua pihak, lebih-lebih lagi kami di peringkat kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan hendaklah bersama-sama berusaha ke arah pembinaan semula segala kerosakan yang berlaku. Mudah-mudahan semua usaha dapat dilakukan dengan seberapa segera demi masa hadapan seluruh rakyat di negeri ini.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada penganjur dan semua pihak yang memberi komitmen hadir dalam majlis pada pagi ini. Seterusnya dengan sukacitanya saya rasmikan majlis Pasaria Sarang Burung Walit pada pagi ini, semoga berjaya.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS UPACARA ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS PIHAK
BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2015**

17 Rabiul Awwal 1436H / 8 Januari 2015M

Firman Allah Taala:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ
رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُمْ بَلَدَهُ طَيِّبَةً وَرَبُّ غَفُورٌ

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk Kerajaan Saba' satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) di mana terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kawasan kebun yang luas lagi subur, terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri negeri mereka. (Lalu dikatakan kepada mereka) "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadanya; negeri kamu ini adalah negeri yang aman lagi makmur dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun. (Saba': 15)*

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang menganugerahkan kepada kita nikmat yang terlalu banyak sekalipun negeri kita baharu dilanda musibah banjir. Pada pagi ini kita akan meneruskan majlis angkat sumpah ahli-ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Majlis Daerah termasuk Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI. Mudah-mudahan majlis pagi ini diberi inayah oleh Allah SWT untuk kita memikul amanah ini.

Seluruh saff kepimpinan negeri bermula daripada menteri besar, ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan dan semua kakitangan kerajaan adalah penjaga amanah negeri ini. Di sebalik amanah, ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan adalah kekuatan bagi kerajaan negeri dalam menyumbang idea kepada

kerajaan ke arah memajukan negeri ini. Sekalipun, masing-masing ahli majlis mempunyai kepakaran yang berbeza, namun pihak kerajaan tetap mengharapkan agar pengalaman dan kepakaran yang berbeza-beza dapat digembeleng ke arah memberikan khidmat yang terbaik. Pengembelengan ini penting dalam memastikan majlis daerah masing-masing dapat menyediakan kemudahan yang paling selesa kepada rakyat. Hakikatnya kesemua kita merupakan pengemudi amanah Allah SWT untuk mentadbir dan mengurus mandat rakyat dengan kehendak-Nya.

Sehubungan dengan itu, dalam melaksanakan tanggungjawab pula, sebarang keputusan yang bakal dibuat, haruslah didahului dengan dua peringkat. Pertama, dibincangkan semua fakta dengan teliti dan keduanya, dilaksanakan dengan berhemah. Semasa melaksanakan keputusan, sudah pasti kita berdepan dengan banyak situasi yang perlu kadang-kadang kita raikan. Ada keadaan yang memerlukan kita bertindak segera, ada juga keadaan yang memerlukan perbincangan lebih lanjut malah adakalanya memerlukan pertimbangan politik. Pengalaman kita di dalam mentadbir negeri Kelantan banyak mengajar kita, apa yang penting kita perlu bersikap bijak di dalam melaksanakan keputusan. Saya ingin menukilkan kata-kata Khalifah Umar bin Abdul Aziz kepada anaknya sewaktu mula-mula dilantik menjadi khalifah:

لَا تَعْجَلْ يَا بُنَيَّ، إِنَّ اللَّهَ ذَمَّ الْخَمَرَ فِي الْقُرْآنِ مَرَّتَيْنِ وَحَرَّمَهَا فِي الثَّلَاثَةِ وَإِنِّي لَا أُرِيدُ أَنْ أَحْمِلَ النَّاسَ عَلَى الْحَقِّ جُمْلَةً فَيَكُونُ مِنْ ذَا فِتْنَةٍ

Maksudnya: *Janganlah terlampau tergesa-gesa wahai anakku, sesungguhnya Allah sendiri telah mencela arak sebanyak dua kali di dalam al-Quran, kemudian mengharamkannya pada kali yang ketiga, sesungguhnya aku bimbang untuk memaksa manusia menerima kebenaran sekaligus, lalu ia menjadi punca kepada fitnah.*

Langkah berhati-hati serta tadarruj ataupun melakukan gerak kerja mengikut SOP dan profesional. Sebagaimana kita di Kelantan telah mentadbir selama 24 tahun dengan panduan Membangun Bersama Islam, sudah tentu banyak perkara yang telah melalui proses tadarruj ini, ada yang telah sempurna dilaksanakan dan ada yang tertangguh serta ada yang masih belum terlaksana seumpama pelaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah. Apapun kita tetap berazam dan berusaha sedaya upaya agar setiap langkah yang dilakukan adalah langkah yang berhemah dan tidak memberikan ruang kepada pihak musuh untuk melakukan manipulasi fakta.

Inilah hakikatnya tugas yang kita pikul. Melaksanakannya tidak semudah sebutan di bibir. Justeru, jawatan yang dipikulkan di atas bahu kita bukanlah satu kemegahan, bukan juga satu kebanggaan. Ia adalah amanah yang perlu dilaksanakan. Saya dan tuan-tuan akan berdiri di hadapan Allah SWT satu hari nanti untuk menjawab setiap persoalan yang timbul. Saya dan tuan-tuan akan berada pada hari yang tidak ada lagi rahsia yang tertutup. Semuanya akan didedahkan dan semuanya akan dipersoalkan. Oleh yang demikian, jagalah amanah yang digalas pada hari ini sebaik mungkin.

Bertitik tolak dari keadaan inilah, kerajaan negeri sedang berusaha meningkatkan penghayatan kepada dasar Membangun Bersama Islam yang kini kita telah berada di fasa kedua dengan pemasyhuran Merakyatkan Membangun Bersama Islam. Ini sesuai dengan tahun 2015 ini adalah tahun sambutan Jubli Perak dan pihak PBT perlu mengemukakan program-program yang menyokong usaha selari dengan program merakyatkan dasar Membangun Bersama Islam ini. Kita ingin membangunkan negeri ini di atas cita-cita untuk meraih hasanah di dunia dan hasanah di akhirat. Kita berusaha sedaya mungkin untuk menerapkan budaya Ubudiah, Masuliyah dan Itqan bagi memandu setiap warga kerja untuk meyakini bahawa setiap gerak kerja ini akan dinilai oleh Allah SWT. Justeru, kita mentadbir berdasarkan petunjuk

wahyu dari Allah dan bukan berkiblatkan nafsu semata-mata. Apa yang halal kita halalkan, apa yang haram tidak akan kita lesenkan sebagai halal.

Bagi menghadapi tuntutan amanah ini, sudah tentulah ahli-ahli majlis perlu memiliki sifat tabah dan sabar serta pro-aktif untuk menyusun, mengatur tindakan dan bertindak berasaskan maklum balas dengan segera. Saya menaruh keyakinan dengan kebolehan dan pengalaman ahli-ahli majlis dalam menjalankan kerja-kerja pentadbiran, kita boleh meningkatkan fungsi dan aktiviti dengan lebih cemerlang bagi tahun 2015 ini.

Fokus kerajaan negeri pada tahun ini agar pihak PBT dapat meningkatkan tahap kebersihan serta pemungutan sampah di negeri ini sebaiknya khasnya pasca banjir yang melanda negeri ini. Rekod sehingga kini kerajaan negeri telah mengenalpasti sejumlah 1,890 buah rumah yang musnah seratus peratus. Selain itu, Pihak PBT juga perlu membuka kemudahan untuk peluang perniagaan yang disertai oleh peniaga setempat serta diberi keselesaan untuk mereka berniaga. Walaupun tindakan undang-undang, pendakwaan, menyita bangunan boleh dilakukan, tetapi hendaklah diletakkan sebagai pilihan terakhir.

Saya mengharapkan agar sejarah kegemilangan Kerajaan Saba' di negeri Yaman yang dicatatkan dalam surah Saba' yang dibacakan di awal ucapan tadi dapat diulangi kecemerlangannya di negeri Kelantan kita di bawah prinsip kecekapan tadbir urus dan kebijaksanaan ahli-ahli majlis sekalian. Selamat bertugas dan menjadikan negeri Kelantan sebagai 'Baladatul Tayyibatun' dan seterusnya Allah mengampuni kepimpinan dan rakyatnya.

سيروا علي بركة الله

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PELANCARAN TABUNG AMANAH BENCANA
BANJIR NEGERI KELANTAN**

27 Rabiul Awwal 1436 / 18 Januari 2015
Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur

Assalamualaikum Warahmatullah dan salam sejahtera.

Firman Allah Taala:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَهُ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ
بِهِ لَقَدِيرُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *Dan Kami turunkan air dari langit menurut suatu ukuran, lalu Kami jadikan air itu menetap di bumi dan sesungguhnya Kami benar berkuasa menghilangkannya.* (Al-Mukminun: 18)

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk hadir ke Majlis Pelancaran Tabung Amanah Bencana Banjir Negeri Kelantan pada petang ini dan saya mengalu-alukan kehadiran semua khususnya para dermawan dari dalam dan luar negara yang sanggup menyumbang untuk mangsa-mangsa banjir Kelantan. Sokongan daripada semua pihak ini mengembalikan semula semangat rakyat Kelantan khususnya yang menjadi mangsa musibah banjir baru-baru ini.

Apabila mengingatkan peristiwa banjir yang melanda negeri Kelantan akhir tahun 2014 lepas, ianya turut mengingatkan kita kepada sejarah banjir besar yang berlaku di zaman Nabi Nuh yang menenggelamkan seluruh bandar. Semasa zaman Nabi Muhammad SAW, banjir besar telah memusnahkan dinding-dinding Kaabah dan begitu juga di zaman Saidina Umar Al-Khattab

banjir turut memusnahkan bahagian dinding kaabah. Sudah tentulah bencana ini meninggalkan kesan serta hikmahnya yang perlu dihayati oleh kita.

Sudah tentulah banjir yang berlaku ini, ada hubungannya dengan penurunan hujan. Asas yang kuat berlakunya banjir apabila Allah menurunkan hujan yang lebat dan berturutan beberapa hari walau bagaimanapun semua perkara tersebut di bawah kuasa dan kehendak Allah sebagai Tuhan yang mengendalikan dunia ini.

Saya membacakan ayat al-Quran tentang kuasa hujan di permulaan ucapan tadi, di mana Allah menyebut perkataan “biqadarin” dengan ketentuan yang Allah izinkan. Terdapat di kalangan ulamak tafsir yang merujuk istilah ‘biqadarin’ kepada air yang meliputi kira-kira 71% daripada permukaan bumi. Terdapat juga beberapa pandangan mufassirin atau ulamak tafsir kontemporari yang melihat ‘biqadarin’ dari beberapa sudut sudut lain iaitu ia berkaitan dengan saiz atau diameter titisan air hujan yang turun ke bumi.

Banyak sekali ayat-ayat al-Quran yang membincangkan asas-asas ilmu Meteorologi. Meteorologi yang diungkapkan oleh al-Quran merupakan kajian saintifik tentang atmosfera dan pelbagai proses yang berlaku di dalamnya, ianya tidak hanya terhad kepada ilmu ramalan cuaca semata-mata.

Sebelum ini ada ramalan kadar hujan di negeri Kelantan dan Terengganu akan mengalami kadar hujan yang luar biasa iaitu julat hujan yang melebihi 500 mm bermula November dan Disember 2014. Secara umumnya, cuaca dan kadar hujan yang luar biasa telah diramalkan oleh pihak kaji cuaca Malaysia.

Pada amnya, taburan hujan yang normal di jangka berlaku di semua negeri di Semenanjung Malaysia pada bulan November dan Disember 2014. Walau bagaimanapun, jangkakan jumlah hujan bulanan sehingga melebihi 500 mm di kawasan timur Kelantan dan Terengganu pada bulan November dan

Disember boleh mengakibatkan banjir di kawasan berkenaan. Namun banjir yang berlaku ini memang tiada siapa yang menjangkanya.

Banjir besar tersebut yang melanda Kelantan sejak lebih seminggu adalah disebabkan daripada taburan hujan yang lebat dan tinggi selama tiga hari berturut-turut di sekitar Gua Musang bermula 21 hingga 23 Disember 2014. Jabatan pengairan dan saliran negeri merekodkan taburan hujan tinggi, iaitu 1,295 milimeter yang bersamaan dengan taburan hujan bagi 64 hari. Termasuklah jabatan meteorologi juga telah mengemaskini amaran jingga iaitu hujan lebat di semua daerah bermula 20 hingga 24 Disember ekoran peningkatan paras air di hampir semua sungai utama di Kelantan.

Berikutan taburan hujan yang tinggi tersebut, paras air di tiga sungai utama iaitu Sungai Galas (Dabong), Sungai Lebir (Tualang) dan Sungai Kelantan yang mempertemukan Sungai Galas dan Sungai Lebir di Kuala Krai mengalami peningkatan 8 hingga 9 meter melebihi paras maksima sehingga mengakibatkan banjir di kawasan sepanjang Sungai Kelantan yang meliputi Kuala Krai, Tanah Merah, Machang, Pasir Mas dan Kota Bharu. Ini termasuk juga Sungai Golok di sempadan Malaysia-Thailand juga mengalami limpahan yang turut mengakibatkan banjir di beberapa daerah Narathiwat dan Rantau Panjang. Keadaan ini agak mengejutkan seluruh penduduk Kelantan dan ramai yang tidak sempat untuk mempersiapkan barangan bernilai, ramai yang berpindah sehelai sepinggang ke pusat-pusat pemindahan.

Ujian Allah ini perlu kita hadapi dengan sabar dan meletakkan kepercayaan yang teguh kepada Allah bahawa musibah banjir ini adalah ujian keimanan dan ianya adalah tanda Allah mengasihi hambaNya. Akibat banjir ini, kita dapati seluruh sukarelawan dari pelbagai negeri datang membantu, mereka menganggap kita keluarga mereka, berkampung di sini, makan apa yang kita makan dan menetap sama dengan tempat yang kita menetap. Bahkan

masyarakat antarabangsa turut membantu kita, sukarelawan dari Thailand, Palestin, Singapura, Emirates, Turki, China, India turut datang, ini adalah suatu hubungan yang baik ditunjukkan sesama kita.

Kerajaan negeri telah meneliti kemusnahan yang berlaku ekoran banjir ini, rumah yang musnah 100% di seluruh Kelantan sehingga kini berjumlah 2,374 buah rumah. Di Kuala Krai sahaja bilangan terkini rumah musnah 100% adalah sebanyak 1,850 buah rumah. Anggaran ini adalah angka terkini sehingga 15 Januari 2015 lepas. Setakat ini jumlah mereka yang berpindah ke pusat pemindahan paling tinggi ialah di pusat pemindahan di bandar Kota Bharu iaitu sejumlah 19,136 orang kemudian diikuti dengan Tumpat 11,213 orang, manakala di Kuala Krai sudah semakin menurun iaitu 3,375 dan Gua Musang 3,780 orang. Jumlah keseluruhan mangsa banjir di seluruh negeri Kelantan ialah 70,138 orang sehingga 15 Januari 2015.

Kerajaan negeri telah membuka tabung amanah bencana banjir ini semasa bencana ini masih berlaku dan pada hari ini kita melancarkan secara rasmi serta meraikan para dermawan yang sentiasa bermurah hati menderma ke tabung ini. Tabung Amanah Bencana Banjir Negeri Kelantan ini bertujuan untuk mengumpul dana bantuan segera daripada pelbagai sumbangan kewangan seperti kerajaan persekutuan, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat swasta, NGO dan orang ramai. Semua hasil sumbangan ini akan digunakan bagi membantu mangsa-mangsa banjir dari sudut bantuan segera berupa makanan, pakaian dan keperluan asas harian termasuklah bagi membina rumah yang telah rosak akibat banjir.

Kerajaan telahpun mengenalpasti bilangan rumah-rumah yang rosak serta juga mengenalpasti tapak-tapak rumah untuk didirikan penempatan kekal ini. InsyaAllah pada hari Khamis 22 Januari 2015 terdekat ini saya akan membuat perasmian tapak rumah kekal di Manek Urai. Kerajaan negeri insyaAllah

akan menasarkankan sebanyak 600 unit rumah kekal untuk mangsa-mangsa banjir nanti.

Di kesempatan ini juga, saya amat mengalu-alukan para dermawan untuk membantu bebanan mangsa-mangsa banjir negeri Kelantan begitu juga saya alu-alukan sukarelawan dari dalam dan luar Kelantan untuk membantu mangsa-mangsa banjir. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak, semua dermawan termasuk yang ada di majlis ini, yang telah memberikan pelbagai bentuk bantuan serta bekalan kepada semua mangsa-mangsa banjir sepanjang kami melalui hari-hari yang tragis semasa banjir melanda baru-baru ini.

Sama-samalah kita menyumbang untuk mengurangkan bebanan mereka yang susah bahkan dalam agama Islam, Allah menyuruh hamba-Nya agar menyumbangkan sebahagian harta yang telah dikurniakan. Firman Allah SWT:

وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ

Maksudnya: *Dan dermakanlah sebahagian dari harta kamu yang Allah telah jadikan kamu menguasainya*” (al-Hadid: 7)

Imam al-Qurthubi dalam mentafsir ayat al-Quran ini berkata; “*ayat ini menjadi bukti bahawa pemilik yang sebenarnya terhadap harta ialah Allah dan hambaNya tidak mempunyai hak untuk berbuat terhadap apa yang dimilikinya kecuali yang diizinkan Allah dan ia sebagai bukti bahawa kedudukan kita tidak lain hanya sebagai wakil sahaja, demikian itu pergunakanlah ke jalan yang baik sebelum pemilikan itu berpindah dari tangan kita*”. (Tafsir al-Qurtubi)

Ayat-ayat al-Quran mengenai infaq fisabilillah ini terlalu banyak yang menyeru kita agar cepat-cepat mengeluarkan harta di kala ramai orang susah yang memerlukannya.

Semoga dengan bantuan dan sokongan semua pihak dalam usaha memulihkan penempatan serta mangsa-mangsa banjir ini diberkati, dan sekali lagi terima kasih kepada semua yang memberi sokongan penuh dan sentiasa prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh kerajaan dan rakyat Kelantan masa ini.

Dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya lancarkan Tabung Amanah Bencana Banjir Negeri Kelantan, Terima kasih semua.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR KTD SESI
1 2014/15**

Firman Allah SWT:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan. (Al-Mujadilah: 11)

Alhamdulillah syukur kepada Allah dengan keiznannya dapat kita menjayakan majlis Makan Malam 1 Dekad Kolej Teknologi Darulnaim pada malam ini dengan kehadiran warga KTD dan tokoh akademik dari pelbagai latar belakang pendidikan.

Saya tadi membacakan sepotong ayat al-Quran dari surah al-Mujadilah bersesuaian dengan falsafah yang diterapkan oleh pihak KTD yang bersumberkan daripada ayat ini. Falsafah ini adalah amat tepat dengan dunia pendidikan dalam apa jua institusi kerana institusi pendidikan adalah satu jalan untuk membawa manusia kepada jalan lurus dan memandu pemikiran manusia agar tidak terjebak dengan perkara mungkar dengan itulah institusi pendidikan ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Cita-cita kita untuk membangunkan hal ehwal pendidikan di negeri ini dan memartabatkan institusi pengajian sebaris dengan institusi pengajian di tempat lain, maka pihak kerajaan di bawah PKB (Permodalan Kelantan Berhad), sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menubuhkan Kolej Teknologi Darulnaim (KTD) pada tahun 1997 lagi dengan nama Institut Teknologi Darulnaim pada masa itu.

Sebagai langkah permulaan, KTD pada masa itu telah menandatangani MoU dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi mengendalikan program pengajian diploma di bawah Sistem Kolej Kerjasama. Hasil dari persetujuan ini KTD telah dilantik sebagai Pusat Program Kerjasama Pengajian Diploma UTM bagi Negeri Kelantan. Kerjasama KTD-UTM ini telah memulakan sesi pertama pengajiannya iaitu bermula bulan Julai 1997 untuk pengajian semester pertamanya sehinggalah ke hari ini KTD terus maju dalam dunia pendidikan.

Apabila saya meneliti kepada visi KTD ini, besar harapan untuk melihat KTD ini menyerlah namanya sehingga ke peringkat antarabangsa sebagaimana yang dinyatakan iaitu menjadikan KTD sebuah institusi pengajian tinggi yang unggul, berdaya saing dan bertaraf dunia yang berlandaskan pengabdian kepada Pencipta. Manakala misinya pula ialah menyediakan peluang pendidikan tinggi bersepadu dan terancang melalui perkhidmatan warga kerja berkualiti bagi melahirkan individu yang berilmu, berketerampilan dan berakhlak untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dan profesional negara.

Falsafah pendidikan KTD adalah berpandukan ayat al-Quran yang bermaksud, “....Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan di kalangan kamu dengan beberapa darjat.” Surah al-Mujadilah (58:11)

Pengurusan kolej yakin dan percaya bahawa pendidikan bersepadu adalah proses berterusan yang berteraskan tauhid bagi menghasilkan insan kamil yang dilengkapi dengan kepakaran dan kemahiran terkini, mampu menangani cabaran, memberi sumbangan serta membina ummah yang cemerlang.

Visi, misi dan falsafah KTD ditunjangi oleh nilai-nilai teras yang merangkumi keimanan dan ketakwaan sebagai tunjang, akauntabiliti dan integriti dalam menjalankan tugas, sentiasa proaktif, kreatif dan inovatif dalam menangani cabaran dan peluang, kebersamaan, kemesraan dan kesanggupan berkorban dalam mewujudkan persekitaran yang harmonis dan keprihatinan dan keutamaan kepada pelanggan.

Kolej Teknologi Darulnaim menawarkan 5 kursus peringkat diploma dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia di bawah Unit Pengurusan Program Kerjasama (UPPK UTM). Kursus-kursus tersebut ialah Diploma Kejuruteraan Elektronik, Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat), Diploma Sains Komputer (Multimedia), Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan) dan Diploma Pengurusan Teknologi.

Selain daripada kursus-kursus ini, Kolej Teknologi Darulnaim juga menawarkan kursus-kursusnya sendiri seperti Diploma Pengurusan Perniagaan, Diploma Multimedia dan Diploma Perakaunan.

Sejarah kecemerlangan KTD penuh dengan cabaran. Pada 2004, bilangan pelajar adalah 193 orang, menjadikannya berada pada kedudukan yang tidak stabil kerana kos operasi yang tinggi. Kerja kuat pihak pensyarah dan pengurusan, KTD dapat meningkatkan jumlah kemasukan pelajar kepada sekitar 450 orang pada 2007.

Ketika memberi perutusan tahun baru 2008 Masihi dan 1429 Hijrah di sebuah hotel di Kota Bharu baru-baru ini, ketua eksekutif, Dr. Abdullah Sudin mendedahkan resepi kejayaan Kolej Teknologi Darulnaim yang bangkit daripada peratusan tahap kegagalan pelajar yang tinggi iaitu 20.89 peratus empat tahun lalu kepada 0 peratus pada 2006. Seterusnya bagi tahun 2007, bidang pengajian akaun dan multimedia mencatat 100 peratus kelulusan. Di kalangan kolej pengajian yang mengadakan kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia, KTD berada pada kedudukan ke-5 daripada lebih 20 buah institusi pengajian tinggi swasta dari segi kedudukan CPA.

Kejayaan ini merupakan petanda jelas kepada kesungguhan pelaksanaan konsep pendidikan bersepadu iaitu kecemerlangan akademik dan pembinaan sahsiah terpuji. Pencapaian yang memberangsangkan ini adalah kesan daripada program pembangunan akademik dan pelajar seperti Pembangunan Sahsiah Terpuji (Pesat) yang menyediakan modul lengkap pembangunan pelajar supaya lebih berdisiplin, rajin belajar dan pada masa yang sama membina *soft skills* sebagai persediaan menjadi pemimpin pada masa depan.

Pencapaian akademik sebelum ini banyak digugat oleh masalah disiplin, cenderung mengabaikan pelajaran dan tidak menghargai peluang yang diberikan untuk belajar di KTD.

Dr. Abdullah Sudin dalam ucapannya melahirkan rasa sukacita ke atas pencapaian besar KTD sehingga kini. Keputusan peperiksaan semester yang sentiasa ada peningkatan adalah petanda jelas komitmen pihak pensyarah dan semua kakitangan untuk melihat KTD sebagai sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang unggul di Kelantan.

Di samping itu, enam program pengajian dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Selangor akan dilaksanakan di samping menghantar pelajar cemerlang

ke United Kingdom dalam bidang yang terpilih. KTD juga menjadi pusat pendidikan wilayah bagi Universiti Islam Antarabangsa dan Unisel.

Rancangan KTD dalam masa lima tahun yang akan datang bermatlamatkan menambah bilangan pelajar dan memberi imbuhan yang lebih baik kepada pensyarah dan kakitangan kolej agar setanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain.

Kebajikan pelajar di KTD terus dipelihara, justeru bantuan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) sangat penting. Kenaikan bantuan kewangan pelajar dari RM 350 ke RM 550 seorang setiap bulan turut membantu pencapaian akademik yang lebih baik.

Hala tuju KTD tidak berdasarkan bisnes semata-mata tetapi lebih kepada memberikan pendidikan kepada semua golongan masyarakat termasuk pelajar-pelajar miskin. Bagi merealisasikan hala tuju, Pengerusi KTD, Prof. Datuk Dr. Abu Azam bin Md Yassin meminta pensyarah dan kakitangan kolej untuk memikirkan “niche” tertentu yang boleh diguna pakai oleh KTD dengan menggunakan pendekatan ABC.

A adalah “associate staffs” iaitu menggunakan potensi kakitangan yang ada untuk menggembleng sumber manusia secara optimum; B adalah “business model” yang mengaplikasi keuntungan dan tanggungjawab sosial, dan C ialah “customers” iaitu pelanggan kolej yang terdiri daripada ibu bapa dan masyarakat.

Pencapaian yang dapat diukur daripada ketiga-tiga elemen ini ialah KTD dapat melahirkan seorang pelajar yang akhlaknya dipuji dan akademiknya cemerlang. KTD boleh berbangga dengan keputusan peperiksaan semester

lepas yang mana 44 orang telah mendapat anugerah dekan dan 127 orang mendapat kepujian kelas dua atas.

Pembentukan akhlak terpuji harus melalui proses atau kurikulum yang terancang. Di dalamnya ada diterangkan cara pelaksanaan, proses menilai dan hasil akhirnya. Membina akhlak bukannya seperti mengambil makanan untuk keperluan fizikal sebaliknya berkembang dengan ilmu. Kurikulum yang dibangunkan di KTD adalah untuk pembinaan akhlak pelajar yang lebih baik.

Resepi kejayaan KTD ialah pencapaian akademik dan sahsiah diri yang terpuji. Dengan dua pendekatan ini, pelajar mampu menghadapi cabaran-cabaran perkembangan semasa yang boleh menggugat pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar yang lengkap dengan profesionalisme yang disempurnakan dengan kekuatan iman adalah idaman pensyarah dan kakitangan Kolej Teknologi Darulnaim. Pembinaan peribadi pelajar yang beginilah akan dilahirkan oleh KTD. Untuk mengharap orang lain menjaga nasib bangsa sendiri tentulah sukar.

Aspek pendidikan adalah teras pembangunan modal insan yang boleh dijelmakan melalui konsep al-Falah iaitu kejayaan peribadi dan masyarakat di dunia dan akhirat. Peribadi al-Falah katanya akan mencetuskan budaya mengkaji, memerhati dan memberi kesejahteraan kepada ummah. Dan bentuk insan seperti inilah yang beliau mahukan dalam pembinaan modal insan di KTD.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya bersama-sama meraikan kecemerlangan pelajar-pelajar KTD. Tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar bagi sesi 1 2014/15 pada hari ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada semua pihak yang saling menggembleng tenaga untuk

mencapai kecemerlangan yang diimpikan. Alhamdulillah! Saya amat yakin! Hasil kerjasama, usaha yang maksimum dan pergantungan terus-menerus kepada Allah SWT pastinya mendapat keberkatan dan tidak akan dipersia-siakan oleh Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

إن الله يحب إذا عمل أحدكم عملاً أن يتقنه

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyukai apabila seseorang melakukan pekerjaan, ia melakukannya dengan itqan (bersungguh-sungguh).*” (Riwayat Tabrani)

Itqan yang dimaksudkan di sini adalah tekun, teliti dan bersungguh-sungguh tidak kiralah dalam apa jua pekerjaan termasuklah dalam proses pendidikan. Sama ada yang mendidik atau yang dididik. Juga sesiapa sahaja yang terlibat secara tidak langsung bagi memastikan proses pendidikan yang ingin dilakukan itu dapat berjalan lancar dan mencapai objektif yang diletakkan.

Allah suka kepada sikap *itqan* kerana ia adalah cerminan kepada sikap kesungguhan dan keseriusan seorang Muslim. Namun begitu, kesungguhan ini seharusnya selari dengan matlamat ubudiyah dan tanggungjawab kita sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini seperti mana yang digariskan dalam Dasar Pengurusan Kerajaan Kelantan iaitu:

‘Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan’

suasana proses pendidikan tanpa mengabaikan pembinaan ruh Islam yang berjalan di institusi KTD ini, adalah suatu yang terbaik untuk diteruskan. Program pembangunan insan yang berjalan di KTD menggambarkan bahawa KTD bukan sahaja mengambil berat aspek akademik bahkan pembangunan sahsiah pelajar sehingga mampu melahirkan graduan yang boleh berkhidmat kepada masyarakat.

Bahkan proses pendidikan yang bukan sahaja melibatkan pelajar, tetapi juga seluruh warga kerja KTD iaitu staf dan pensyarah ini, adalah seiring dengan kehendak Kerajaan Kelantan. KTD sewajarnya menjadi lubuk bagi menghasilkan generasi yang berkualiti agar mampu menyumbang kepada kemajuan dan ketamadunan Islam yang diimpikan.

Ini tidak dapat tidak memerlukan proses pendidikan yang holistik merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ia juga perlu berjalan secara berterusan dan berorganisasi bagi memastikan proses ini mampu membuahkan hasil kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Kita perlu bersama-sama mewujudkan suasana dan budaya cintakan ilmu di negeri ini. Majlis yang diadakan pada hari ini adalah suatu manifestasi kecaknaan kita semua terhadap ilmu Allah yang sangat luas.

Semoga KTD akan terus konsisten dengan segala usaha untuk meningkatkan tahap ilmunan dalam masyarakat melalui sokongan dan dokongan semua pihak. Ketahuilah bahawa masyarakat yang berilmu bukan sahaja lambang kepada ketamadunan dan ketinggian sesuatu bangsa seperti mana kejayaan tamadun Islam Andalusia suatu masa dahulu, bahkan ia juga sangat penting untuk kecemerlangan hidup kita yang kekal di akhirat sana.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmaanirrahim*, dengan ini saya merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar KTD sesi 1 2014/2015.

**MAJLIS ADILFITRI YAB MENTERI BESAR BERSAMA
MAHASISWA KELANTAN 2015**

6 Syawal 1436H / 22 Julai 2015

Firman Allah SWT:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا
تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Maksudnya: *Allah meninggikan kedudukan orang-orang yang beriman di antara kamu dan juga orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama, (ingatlah) Allah Maha Mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan. (Al-Mujadilah: 11)*

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah kerana diberi keizinan masa untuk bersama-sama para mahasiswa serta mahasiswi Kelantan daripada seluruh universiti dalam dan luar negara pada hari ini sempena Aidilfitri 1436 Hijriyah. Saya ucapkan selamat berhari raya, walaupun Aidilfitri hanya raya sehari sahaja tetapi masyarakat kita raya sebulan. Maaf zahir dan batin.

Peringkat mahasiswa ini adalah peringkat umur yang perlu diisi dengan ilmu serta thaqafah yang banyak. Semasa mahasiswa inilah kita membina kepakaran kita dalam bidang yang diceburi. Pembinaan keintelektualan serta keprofesionalan perlu diseirinkan dengan penguasaan terhadap agama. Agama perlu didahulukan lebih daripada perkara lain. Mereka yang mempunyai fikrah jelas tentang tuntutan Islam akan jelas hala tuju dalam medan yang diceburi nanti apabila berada dalam dunia kerjaya.

Dalam al-Quran persoalan mahasiswa ini adalah persoalan yang penting. Mahasiswa digolongkan sebagai golongan yang menuntut ilmu. Lantaran itu, di dalam membicarakan persoalan jihad dan perjuangan Islam, al-Quran turut menekankan peranan dan tanggungjawab mahasiswa sebagaimana firman Allah :

فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Maksudnya: *Hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah). (Al-Taubah: 122)*

Imam al-Qurtubi di dalam kitab tafsirnya menyatakan bahawa ayat ini menegaskan tentang kewajiban menuntut ilmu di samping menunjukkan ketinggian martabat golongan yang menuntut ilmu. Selain itu, ayat ini juga sebenarnya telah meletakkan dengan jelas bentuk menuntut ilmu yang disarankan oleh Islam dengan kalimah ‘tafaqquh’. Imam Jamaluddin al-Qasimi di dalam kitab tafsirnya menjelaskan makna tafaqquh sebagai : “ Ilmu yang berbekas di hati, bersehati pada jiwanya dan tertera kesannya pada tingkah laku, sehingga tidak mungkin bagi yang memilikinya melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ilmu tersebut. Jika tidak, maka sudah tentu dia tidak dianggap berilmu”

Di zaman mahasiswa hendaklah juga tekankan elemen tarbiyyah islamiah untuk memberikan kefahaman yang benar dan jitu tentang tuntutan Islam. Ini

adalah kerana Islam yang dianuti dan diyakini ini sepatutnya difahami dengan fahaman yang syumul dan disertakan dengan pentarbiyahan yang bersepadu meliputi tarbiyah luaran dan dalaman.

Mahasiswa Islam mesti jelas bahawa asas pembangunan insan yang mantap adalah melalui proses tarbiyah. Dalam membangunkan pendidikan, ekonomi, politik Islam, masyarakat Islam itu tidak boleh terasing daripada tarbiyah. Tarbiyah yang dijalankan mesti syumul dan bersepadu, tidak hanya tertumpu kepada tarbiyah dari sudut rohani sahaja bahkan tarbiah akhlak, fikrah, thaqafah dan siasah mesti difahami semasa menuntut di universiti lagi.

Jika kita mengamati sekitar kebangkitan gerakan mahasiswa di Malaysia pada sekitar tahun 1960 an adalah berteraskan nilai keintelektualan. Jolokan mahasiswa sebagai jurubicara masyarakat adalah suatu yang signifikan dengan tradisi mahasiswa zaman itu sejak penubuhan universiti-universiti di Eropah iaitu untuk menggerakkan masyarakat melalui peningkatan taraf pemikiran masyarakat. Masyarakat dievolusikan melalui peningkatan taraf pemikiran generasi muda iaitu melalui penekanan pendidikan kepada sebahagian segmen masyarakat iaitu generasi mahasiswa.

Pada masa kini, kita melihat taraf mentaliti masyarakat melayu menjadi kritis dengan kehadiran beberapa ramai generasi mahasiswa yang mendapat tempat di universiti yang dalam masa yang sama menerima kebanjiran pemikiran luar yang luas, anti kebekuan pemikiran serta adil dalam membuat apa-apa sintesis keilmuan. Mahasiswa era ini gemar berseminar, berdiskusi serta berbahasan secara adil mana-mana topik terutamanya berkaitan dengan masyarakat. Dengan kurangnya organisasi NGO yang memperjuangkan isu masyarakat menyebabkan mahasiswa dijadikan kayu terakhir untuk dipaut serta menjadi indikator kepada aras kemakmuran masyarakat.

Pada ketika ini buku-buku yang baru terbit akan diperbahaskan dengan terperinci, dikritik walaupun oleh mahasiswa tahun 1. Pensyarah yang mengarang tesis dan buku atau makalah akan membuka ruang untuk kritikan membina daripada mahasiswa. Namun budaya ini mulai lesu selepas beberapa siri pengekangan terhadap kebangkitan pemikiran mahasiswa sekitar pasca 1971 dan ke atas. Penurunan graf ini tidak terlalu mendadak sehinggakan mahasiswa kini tidak menyedari perubahan nilai ini serta menyebabkan mereka kini terlarut dalam dunia kegersangan intelek dan ada di kalangan mereka walaupun penggerak gerakan mahasiswa tetapi sebenarnya memerangi budaya ini. Penghasilan AUKU, penubuhan kolej-kolej universiti semakin menggersangkan lagi keadaan ini.

Jika kita soroti perjuangan mahasiswa sejak dahulu, mereka terlalu peka terhadap isu-isu semasa dan sentiasa berada bersama masyarakat, antara isu-isu penting dalam negara yang telah diperjuangkan oleh mahasiswa setakat yang saya ingat ialah :

- Pada 3 Disember 1974 : Demonstrasi paling besar melibatkan kesatuan mahasiswa seluruh negara diadakan rentetan isu kelaparan, kemiskinan, penyelewengan dan lain-lain yang berlaku dalam negara.

- Pada tahun 1995 : Penubuhan Gabungan Bertindak Mahasiswa Membela Rakyat (GABMRUM) . GABMRUM telah mengeluarkan memorandum bantahan terhadap tindakan pencerobohan rumah penduduk-penduduk di Kampung Taman Aman, Petaling Jaya dan mendesak kerajaan supaya menimbang semula cadangan pembinaan landasan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) di kawasan tersebut yang memaksa penduduk berpindah ke kawasan lain.

Mahasiswa juga bangkit menyuarakan pandangan mereka dalam isu-isu antarabangsa sebagai contoh :-

- Tahun 1966 : Pembantahan pengeboman Hanoi – Hanpong oleh Amerika Syarikat. Seterusnya perarakan menentang sikap Filipina menuntut Sabah dan mengutuk dasar penaklukan Rusia ke atas Czechoslovakia.

- Pada 18 Ogos 1992 : Satu perhimpunan secara aman diadakan di medan letak kereta Fakulti Sains UM bagi membantah keganasan Serbia ke atas rakyat Bosnia di samping mendesak PBB melindungi umat Islam di negara tersebut.

- Tahun 1997 : Mahasiswa bangkit mengecam keputusan kerajaan menjemput Yahudi menyertai pertandingan kriket antarabangsa di negara kita.

Secara ringkasnya, itulah beberapa sorotan perjuangan mahasiswa dalam mendepani isu semasa yang gemilang pada masa itu. Namun gah mahasiswa sebagaimana yang diwar-warkan ini semakin lama semakin goyah lantaran ditekan dengan pelbagai faktor antaranya politik semasa Malaysia, ledakan hiburan dan kelemahan peribadi mahasiswa.

Ringkasnya, mahasiswa dan masyarakat tidak dapat dipisahkan. Hubungan antara keduanya dijalinkan dengan isu-isu yang melanda saban waktu. Semakin banyak isu, semakin dekat mahasiswa dengan masyarakat. Namun, jika mahasiswa menyepikan diri dari membicarakan isu-isu ini, mahasiswa hanya akan tinggal nama sahaja!

Isu semasa yang ingin dibincangkan oleh mahasiswa bukanlah isu-isu yang disensasikan, isu-isu yang tertera di dada akhbar, terpampang di kaca televisyen atau berkumandang di corong radio malah bukan juga isu politik semata. Bahkan, mahasiswa membincangkan semua isu sekelilingnya tanpa mengambil kira aspek bangsa, agama, sempadan geografi, politik antarabangsa dan seumpamanya. Mahasiswa menjadikan kebenaran sebagai

kayu ukur sesuatu isu. Inilah faktor yang menjadikan gerakan mahasiswa sesuatu yang digeruni para diktator dan pemimpin politik negara.

Sikap mahasiswa dalam mendepani isu semasa apabila berlandaskan kepada kebenaran akan menjadikan sesuatu gerakan mahasiswa kuat dan mapan. Mahasiswa tidak perlukan kepada faktor wang atau kuasa untuk menjadikan rakyat mengikutnya, mahasiswa cuma perlu bersuara dan berjuang dalam sesuatu isu dan rakyat akan mendokong perjuangan mereka. Keterlibatan mahasiswa dalam mendepani isu-isu semasa adalah satu usaha mencurah bakti kepada masyarakat. Ilmu yang dipelajari di universiti bukan sekadar untuk mendapatkan segulung ijazah tetapi sebenarnya untuk mempertahankan keadilan rakyat dan negara.

Suara mahasiswa pada pandangan awam bukan seperti bicara ahli politik atau ulasan-ulasan akhbar. Mahasiswa tidak mempunyai kepentingan politik atau dijanjikan imbuhan oleh mana-mana pihak. Mahasiswa bersuara dalam keadaan jiwa yang tulus dan tidak dicemari dengan virus-virus pemikiran yang songsang. Justeru, gerakan mahasiswa adalah gerakan yang paling ideal dalam memperjuangkan hak asasi manusia, keadilan dan kebenaran.

Antara salah faham yang berlaku di kalangan mahasiswa sehingga menyebabkannya bersikap ‘tidak peduli’ terhadap isu-isu semasa yang berlegar di sekelilingnya adalah akibat beberapa faktor berikut:

1. Mahasiswa berada di zon selesa

Mahasiswa kadangkala ketinggalan dengan isu-isu dalam negara meletakkan alasan mereka sibuk belajar. Namun sebenarnya ini adalah alasan yang tidak munasabah terutamanya dalam zaman IT seperti sekarang.

Hakikatnya mereka meletakkan diri mereka di dalam zon selesa atau dalam kata lain mementingkan diri sendiri. Bahkan lebih menyedihkan apabila

perkara ini dilakukan mahasiswa dalam suasana pengajian. Mereka lebih berminat menghabiskan masa di depan kaca TV berbanding bermasyarakat dengan komuniti mahasiswa. Kadangkala mereka menyepikan diri dari dunia persatuan walaupun untuk kerja-kerja kebajikan, dengan alasan persatuan melekakan dan merugikan belajar. Namun apa yang dikesali, mereka boleh pula mengisi masa dengan berhibur.

2. Tenggelam dengan hiburan

Hiburan kini umpama barah atau wabak yang boleh menyerang sesiapa. Lebih parah lagi jika yang diserang itu adalah golongan agamawan. Apabila mahasiswa leka dengan hiburan, musnahlah harapan ummah. Hiburan sebenarnya menutup mahasiswa dari berfikir secara waras, matang dan rasional. Hiburan menjadikan mahasiswa memandang isu-isu semasa hanyalah perkara normal, yang akan berlalu dan berputar mengikut edaran zaman, tanpa menyedari isu-isu itu juga sebenarnya akan mencorakkan diri dan keperibadiannya.

Mahasiswa IPTA, IPTS dan luar negara perlu bergabung dan bersatu dalam menyuarakan pandangan bersama mereka terhadap isu-isu semasa sama ada di peringkat mahasiswa, peringkat negara mahupun di peringkat antarabangsa. Gabungan ini sudah tentu akan memberi impak yang hebat kepada masyarakat di negeri Kelantan khususnya dan Malaysia amnya. Kita juga yakin isu-isu yang diutarakan mahasiswa melalui gabungan ini pasti akan mencelikkan mata rakyat dan membangkitkan mereka dari lena.

Semoga seluruh mahasiswa/mahasiswi Kelantan ini berupaya membawa harapan yang saya utarakan tadi dan akan menjadi generasi yang memimpin masyarakat nanti dengan acuan agama melalui telunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Setakat itu sahaja

من العائدين والفائزين كل عام وأنتم بخير

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PENGETUA-
PENGETUA YIK**

10 Syawal 1436H / 26 Julai 2015
Dewan Teratai SUK

قال الله تعالى :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا

اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah tiap-tiap diri kamu melihat dan memerhatikan apa yang telah disediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (iaitu hari Akhirat). Bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan. (Al-Hasyr: 18)*

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berada di bulan Syawal ini dengan pelbagai nikmat yang Allah kurniakan kepada kita khususnya nikmat kesihatan untuk kita meneruskan agenda sebagai khalifah Allah di atas muka bumi.

Kedatangan Ramadhan lepas adalah untuk membersihkan rohani manusia supaya menjadi manusia yang taat dan tidak lupa kepada Allah. Bila kita sentiasa mengingati Allah dan taat kepada segala perintahnya maka sudah tentu kita akan merancang hari-hari hadapan dengan memenuhi tuntutan Allah. Inilah beberapa penelitian daripada ayat yang telah saya baca di awal tadi. Jangan pula kita berada di Syawal, usaha sebagaimana Ramadhan sudah hilang, maka kita akan lahir sebagai Muslim yang tidak produktif dan malas

untuk membangunkan agenda diri termasuklah agenda pendidikan dan lain-lain.

Alhamdulillah kita di YIK, kita telah tanamkan falsafah pendidikan Islam berdasarkan acuan al-Quran dan al-Sunnah. Namun, suka saya ingatkan di sini bahawa tugas YIK khasnya kita sebagai pengetua, bukan hanya menyediakan pendidikan dan agenda kecemerlangan sahaja di sekolah tetapi wajib memastikan ruh Islam ini hidup di dalam jiwa para pelajar. YIK perlu berperanan ke arah membentuk generasi yang bukan hanya sekadar Muslim tetapi mukmin bila sudah mukmin dengan sendiri kita boleh melahirkan pelajar yang muttaqin dan muslihin iaitu yang bertaqwa dan menjadi agen perubahan serta penegak kebenaran dalam masyarakat.

Kita sudah berbelanja begitu banyak untuk YIK, kerajaan negeri telah memperuntukkan dalam bajet 2015 lepas sebanyak RM 72 juta bagi melaksanakan program-program pendidikan, di samping RM 4 juta lagi bagi projek pembangunan baru, menaiktaraf dan menyelenggara bangunan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan. Sesuai dengan perbelanjaan yang banyak ini, pihak pengetua kena sepakat dalam membangunkan pendidikan negeri ini selaras dengan target kerajaan Membangun Bersama Islam.

Maka pendidikan rohani yang seimbang perlu sentiasa diberi pemantauan inilah yang akan melahirkan generasi yang terdidik yang memiliki perasaan gerun dan takut kepada Allah SWT. Kalau kita lihat dalam masyarakat pada hari ini, masalah dan gejala mungkar yang berlaku bukanlah kerana masyarakat tidak berkelulusan tinggi atau tidak tahu, tetapi kerana masyarakat tidak dibekalkan dengan tarbiah rohani yang sempurna yang menyebabkan hilang ketakutan kepada ancaman neraka. Jadi pendidikan tarbawi ini perlu ditekankan di sekolah-sekolah YIK. Jangan ada pelajar yang fikrah celaru dan pelik lahir dari YIK. Biarlah mereka jadi kepimpinan

mahasiswa apabila berada di universiti nanti, memimpin dan bukan dipimpin. Barulah kita dapat lahirkan generasi pemimpin kepada kerajaan yang tidak berputusan. Ini harapan saya kepada para pengetua semua.

Kita mahu lahirkan dari setiap sekolah YIK seorang ulamak atau pakar yang dijadikan rujukan ummah dalam bidang tertentu suatu hari nanti. Kita bina mereka dari sekarang dan kita ingin melihat hasil setelah mereka keluar dari universiti satu hari nanti. Perancangan ini mesti ada dalam pemikiran setiap pendidik YIK. Persediaan untuk melahirkan generasi pelapis ini kita sudah buat, YIK sudah pun ada prasarananya, kita sudah ada sekolah tahfiz, tahfiz sains, pembelajaran Bahasa Arab dengan manhaj yang baik dan subjek agama yang sudah mampu untuk lahirkan daie. Tetapi jika pendidikan ini hanya tertumpu kepada melatih pelajar hanya untuk mereka cemerlang di gelanggang sekolah sahaja, kita masih belum berjaya.

Kerajaan negeri pada hakikatnya telah menjadikan agenda pendidikan sebagai keutamaan bagi membangunkan sebuah masyarakat berilmu yang mampu membangun diri dan menggerakkan aktiviti harian selari dengan panduan yang telah diturunkan oleh Allah kepada semua manusia. Dalam menjulang semangat masyarakat berilmu ini, kerajaan negeri melalui Yayasan Islam Kelantan, melaksanakan tanggungjawab pendidikan berteraskan Pengajian Islam dan Bahasa Arab peringkat menengah. Alhamdulillah kita berjaya terapkan di semua sekolah iaitu sebanyak 89 buah sekolah dengan bilangan murid yang berjumlah 37,626 ribu orang.

Kerajaan negeri sentiasa komited bagi merealisasikan falsafah pendidikannya yang dapat mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu sehingga dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, aqliah, aqidah, emosi dan jasmani dan akhirnya layak berkhidmat untuk

membangun keluarga, masyarakat, negeri dan ummah. Ini semua adalah berkat daripada kesungguhan kita semua, Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh pengetua YIK, warga pendidik YIK yang telah mendidik anak-anak pelajar untuk sentiasa cemerlang dalam pelajaran dan keluar sebagai pelajar berakhlak yang menjadi qudwah kepada masyarakat. Semoga segala usaha kita ini diganjar oleh Allah SWT nanti.

Akhirnya saya rasmikan Mesyuarat Agung Pengetua-pengetua YIK kali ini dengan lafaz:

Bismillahir Rahmanir Rahim

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERASMIAN BANGUNAN AKADEMIK MAAHAD
MUHAMMADI RANTAU PANJANG**

14 Syawal 1436H / 30 Julai 2015
Dewan Terbuka Maahad Muhammadiyah Rantau Panjang

Firman Allah Taala:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ
لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: Allah menyaksikan bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu mengakui dan menegaskan juga yang demikian bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Al-Imran: 18)

Alhamdulillah, dapat hadir ke majlis Perasmian Bangunan Akademik baru Maahad Muhammadiyah Rantau Panjang dan terima kasih atas jemputan ini, mudahan dengan adanya bangunan akademik ini akan melengkapkan lagi urusan pengajaran dan pembelajaran di sini.

Saya ucapkan tahniah juga kepada sekolah dan YIK yang telah merangka pelan kecemerlangan bagi sekolah ini dan sekolah-sekolah YIK serta menerapkan falsafah-falsafah pendidikan Islam sesuai dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam yang menjadi tonggak pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam hal ini sukalah saya ingatkan bahawa falsafah pendidikan Islam ialah falsafah yang berteraskan wahyu sebagai sumber berbeza dengan falsafah pendidikan yang lain. Manakala tujuan pendidikan pula ialah untuk mencari keredhaan Allah SWT.

Di tanah air kita, diperkenalkan falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Akan tetapi penerapan nilai-nilai yang telah dianjurkan oleh al-Quran agak suram dalam falsafah pendidikan hari ini. Suka saya mencadangkan agar kembali kepada Islam yang telah menggariskan falsafah pendidikannya yang tersendiri iaitu menuntut ilmu dengan menerapkan segala suruhan Allah dalam segenap aspek.

Berlandaskan di atas hasrat melaksanakan falsafah pendidikan Islam inilah, sukalah saya mengingatkan bahawa tugas guru-guru di sekolah YIK bukan hanya menyediakan pendidikan sahaja, tetapi memastikan ruh Islam ini hidup di dalam jiwa para pelajar. Para guru dan ibu bapa perlu berperanan ke arah membentuk generasi yang bukan hanya sekadar Muslim tetapi mukmin. Alhamdulillah, sehingga ke hari ini, sekolah-sekolah YIK telah menjadi contoh kepada sekolah lain dan pelajar yang keluar dari sekolah YIK ramai lahir sebagai pelapis kepimpinan di peringkat negeri dan negara.

Oleh sebab itulah, pihak kerajaan negeri sentiasa peka dan mengambil berat terhadap medium pendidikan agama, malah menjadi agenda utama kerajaan melalui program-program pengemaskinian dan pengukuhan kurikulum, peningkatan pengetahuan dan kemahiran Agama Islam di bawah Yayasan Islam Kelantan. Kerajaan negeri semasa pembentangan bajet 2015 baru-baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM 72 juta ringgit kepada Yayasan Islam Kelantan bagi melaksanakan program-program pendidikan, di samping RM 4 juta ringgit lagi bagi projek pembangunan baru, menaiktaraf dan menyelenggara bangunan sekolah-sekolah YIK. Kerajaan juga telah memperuntuk RM5.18 juta ringgit bagi pendidikan pra sekolah, aktiviti pelajaran, bantuan pelajaran, dana pendidikan guru YIK dan program

pengajian tinggi. Ini adalah usaha kerajaan negeri memartabatkan keunggulan pendidikan di negeri Kelantan.

Saya juga amat berharap agar pihak sekolah memainkan peranan lebih aktif ke arah membentuk generasi ulama yang mampu muncul sebagai pemimpin masyarakat. Dengan adanya bangunan baru ini, akan memudahkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pelajar-pelajar dapat melaksanakan aktiviti serta gerak kerja berpersatuan dengan baik. Aktiviti berpersatuan ini sangat membantu meningkatkan keupayaan seorang pelajar yang bakal terjun ke tengah masyarakat. Alhamdulillah, kepercayaan masyarakat semakin tinggi terhadap golongan ulama yang berpengetahuan agama di dalam bidang urus tadbir.

Kerajaan negeri sangat menitik beratkan tentang kecemerlangan akademik dan memperuntukkan sejumlah kewangan bagi tujuan tersebut. Apa yang penting ialah lahirnya di negeri ini para pelapis yang sentiasa cemerlang dan menyumbang untuk pembangunan Kelantan suatu hari nanti. Saya sarankan anak-anak pelajar yang cemerlang ini agar sentiasa membina budaya membaca dan menulis. Budaya membaca ini perlu dikuasai dan menjadi amalan seharian para pelajar, bahkan suatu hari nanti mesti anak-anak letak azam untuk mengeluarkan karya sendiri.

Pihak kerajaan negeri amat yakin bahawa Maahad Muhammadi Rantau Panjang akan terus cemerlang dalam bidang akademik dan syakhsiah sehingga mendapat pengiktirafan daripada masyarakat dari masa ke semasa. Bukti pengiktirafan ini dapat dilihat apabila terdapat pelajar dari luar negeri Kelantan yang memohon untuk belajar di sekolah bawah pengurusan Yayasan Islam Kelantan. Kerajaan negeri sentiasa peka dan memberi perhatian akan kemajuan dan perkembangan pendidikan agar visi untuk melahirkan pelajar yang berkaliber dan bertaqwa dapat diwujudkan. Kita

juga berharap dengan pembinaan bangunan baru ini dapat memberi motivasi kepada pentadbir, tenaga akademik dan pelajar Maahad Muhammadi Rantau Panjang untuk mencipta kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai bidang.

Dengan lafaz : *Bismillahir Rahmanir Rahim*

Saya merasmikan bangunan akademik ini, semoga diberkati oleh Allah SWT.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN DAN BERBUKA PUASA
WARGA KELAINAN UPAYA (OKU) KELANTAN BERSAMA
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

14 Ramadhan 1436H / 1 Julai 2015
Dewan Besar Balai Islam Lundang

Rasulullah SAW bersabda :

اِبْغُونِي الضُّعْفَاءَ فَإِنَّمَا تُرَزَقُونَ وَتُنصَرُونَ بِضِعْفَائِكُمْ

Yang bermaksud : *“Tolonglah bagi pihakku golongan yang lemah, kerana sesungguhnya kamu ditolong dengan keberkatan orang-orang dhoif di kalangan kamu..”* (Riwayat Abu Daud, Tirmizi dan al-Nasa’i)

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah SWT yang telah memberikan keizinan kepada kita untuk sama-sama berada di dalam penyampaian bantuan dan berbuka puasa bersama Warga Kelainan Upaya (OKU) Kelantan pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat kerana telah menjayakan majlis ini dan turut menjemput saya untuk bersama-sama di majlis pada hari ini.

Di antara perkara yang telah ditentukan Allah SWT ialah kesihatan dan kesempurnaan tubuh badan. Di atas nikmat ini, menjadi satu kewajipan kepada mana-mana individu yang sempurna, dikurniakan pula dengan kesihatan yang baik untuk sentiasa bersyukur kepada Allah SWT. Ini tidak bermakna orang yang diberi kekurangan pada anggota badannya tidak perlu mensyukuri nikmat Allah, kesemuanya adalah anugerah Allah yang mempunyai hikmah tertentu. Mensyukuri nikmat tersebut bukan sekadar pengucapan di lidah, sebaliknya disertakan dengan perlakuan amal dan ibadat

hanya untuk Allah. Seterusnya menjaga dengan baik segala anugerah dan nikmat yang telah dimiliki.

Hakikatnya, apabila seseorang yang sempurna tubuh badannya serta baik pula kesihatannya sebenarnya memikul beban tanggungjawab lebih besar daripada orang-orang yang ditakdirkan menerima keadaan tidak sempurna. Oleh yang demikian, menjadi kewajipan ke atas orang-orang sempurna tubuh badan mengerah tenaga membantu golongan yang kurang upaya sebaik mungkin. Ini kerana setiap nikmat yang diberikan Allah SWT pastinya akan ditanya di akhirat kelak.

Dari perspektif Islam, setiap manusia yang lahir itu adalah kurniaan Allah kepada kedua ibu bapanya, baik anak itu dilahirkan sempurna, mahupun sebaliknya. Kurniaan ini pula bukanlah diberi begitu sahaja, sebaliknya dengan segala tanggungjawab dan amanah yakni untuk membesarkan anak itu agar menjadi manusia yang berguna kepada keluarga, agama dan masyarakat. Jadi, sama ada anak itu sempurna mahupun tidak, tanggungjawab membesar dan mendidik mereka masih terletak di bahu kedua ibubapa.

Ibu bapa yang dikurniakan anak yang kurang upaya hendaklah redha dengan kurniaan tersebut. Dengan adanya sifat redha ini, akan lebih mudahlah bagi mereka untuk menerima hakikat tersebut dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membantu anak itu. Tanggungjawab terhadap anak itu perlu dilaksanakan sama seperti anak-anak lain dengan memberi makan minum, pakai dan tempat tinggal yang selesa, memberi perhatian yang sewajarnya, pendidikan serta bimbingan. Satu perkara yang perlu diingat ialah anak kurang upaya memerlukan perhatian yang lebih dari anak normal kerana jiwa mereka yang lebih sensitif. Mereka juga perlu diberi pendidikan agama kerana walaupun cacat, mereka tetap perlu menjadi seorang Muslim yang baik. Tambahan pula, ilmu agama ini akan memudahkan mereka

menerima hakikat kelahiran yang sedemikian rupa. Ibu bapa juga perlu memberikan motivasi kepada anak-anak ini agar tidak berputus asa dalam menghadapi hidup.

Sebenarnya, orang yang dilahirkan kelainan upaya, walaupun kurang dari satu aspek, ia tentu mempunyai kelebihan dalam aspek yang lain. Sebagai contoh, orang yang cacat penglihatan biasanya terang mata hatinya. Orang yang cacat pendengarannya, Tuhan akan bagi mata dan hatinya sangat tajam memahami dan mentafsirkan dengan tangkas percakapan orang lain. Ini adalah kelebihan yang hanya dirasai oleh orang kelainan upaya.

Tentu ada sebabnya mengapa Allah lahirkan atau tentukan hidup mereka begitu. Apa yang penting kita dapat terima hakikat itu dan tabah menghadapi segala cabaran yang melanda. Perlunya kuat semangat dan cekalkan hati kerana dengan kekurangan-kekurangan itu, sebenarnya akan menambahkan usaha untuk lebih berjaya daripada orang lain. Dengan itu, wajib masyarakat melihat dan berinteraksi dengan orang kelainan upaya ini dengan memberi perhatian yang sepenuhnya. Dalam sejarah nabi, pernah terjadi peristiwa orang kelainan upaya yang datang bertemu nabi. Diriwayatkan bahawa pada suatu hari Rasulullah SAW telah didatangi oleh Ummu Maktum iaitu seorang yang cacat penglihatan. Pada ketika itu Rasulullah SAW sedang sibuk melayani pemuka-pemuka Quraish dan mendakwah mereka kepada agama Islam. Melihat kehadiran Ummu Maktum, Baginda SAW hanya memandang dan tidak menjawab kehendaknya kerana pada masa itu sedang menumpukan perhatian kepada pemuka-pemuka Quraish tadi. Dengan kejadian itu, Allah pun menurunkan ayat 1-11, surah Abasa, antara lain Allah berfirman:

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۖ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَىٰ ﴿٢﴾ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَكَّىٰ ﴿٣﴾
 أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَىٰ ﴿٤﴾

Maksudnya: *Dia (iaitu Rasulullah) memasamkan muka serta berpaling, kerana dia didatangi orang buta. Apakah engkau tahu (tujuannya Wahai Muhammad) boleh jadi mahu membersihkan hatinya? Ataupun dia mahu mendapat peringatan, supaya peringatan itu dapat memberi manfaat kepadaNya. (Abasa: 1-4)*

Diriwayatkan bahawa setelah turunnya ayat-ayat itu, Rasulullah SAW pun mengalihkan perhatiannya kepada Ummu Maktum. Peristiwa tersebut adalah suatu teguran Allah kepada Rasul-Nya menunjukkan bahawa walaupun seseorang itu ada kecacatan tertentu, maka kita harus melayaninya seperti orang lain, terutama jika mereka mendekati kita bagi tujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan agama. Oleh itu, sebagai ahli masyarakat yang akan sentiasa berdepan dengan orang kelainan upaya, kita perlulah mengamalkan sikap-sikap yang terbuka dan mesra agar kebajikan serta hak-hak mereka terpelihara.

Alhamdulillah dalam masyarakat kita pada hari ini, memang ada banyak pertubuhan kebajikan yang berbuat kebajikan untuk orang susah. Namun saya lihat banyak juga yang tertumpu kepada menjaga kebajikan anak yatim dan sedikit kurang yang berkebajikan kepada orang kelainan upaya. Jadi, mudah-mudahan dengan berkat Ramadhan ini, ramai penyumbang dan yang ingin berbuat kebajikan menumpukan perhatian kepada pihak orang kelainan upaya ini. InsyaAllah kerajaan negeri sentiasa bersama dengan agenda orang kelainan upaya dan turut merasai bebanan mereka dan kerajaan negeri turut berbangga kerana ramai di kalangan orang kelainan upaya ini yang berjaya

dalam bidang yang diceburi dan memegang jawatan dalam pelbagai sektor pekerjaan.

Dengan adanya pula majlis-majlis seperti hari ini, saya berharap ia dapat membantu menjayakan hasrat kerajaan di dalam memastikan golongan kelainan upaya sentiasa mendapat perhatian dan bantuan yang sewajarnya. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran tuan-puan sekalian. Tahniah saya rakamkan kepada Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat yang telah mengambil inisiatif mengadakan majlis pada hari ini. Semoga usaha kita mendapat ganjaran dari Allah SWT. Dengan lafaz :

Bismillahir Rahmanir Rahim

Saya rasmikan Majlis Berbuka Puasa Kerajaan Negeri Kelantan Bersama Orang Kelainan Upaya.

MAJLIS MESRA AIDILFITRI 1436H/2015M

13 Syawal 1436H / 29 Julai 2015
Perkarangan Jameiah Al-Asriah, Jalan Tengku Petra,
Kota Bharu, Kelantan

Firman Allah Taala:

رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Maksudnya: "Ya Tuhan-ku, jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki berupa buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian." (Al-Baqarah: 126).

Pertamanya marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keiznannya jua kita dapat berhimpun di perkarangan Jameiah al-Asriah ini untuk menghadiri majlis yang begitu bermakna, iaitu majlis Ramah Mesra Aidilfitri 1436H pada petang yang indah ini.

Islam amat mementingkan prinsip kesederhanaan dan keadilan dalam kehidupan beragama. Sekiranya setiap penganut agama mengambil pendekatan sederhana dan bersikap adil terhadap penganut agama lain, insyaAllah, saya percaya perpaduan dan keamanan dapat dikekalkan di negara kita. Memelihara keamanan adalah suatu yang dituntut dalam kehidupan tanpa mengira agama, bangsa, atau keturunan.

Nabi Ibrahim pada awal baginda memijak kakinya di kota Makkah, beliau berdoa kepada Allah sebagaimana dalam ayat yang telah dibacakan tadi. betapa nikmat keamanan itu amat penting dalam kehidupan, turut sama dirasai oleh Nabi Ibrahim bila baginda memulakan doanya dengan memohon keamanan untuk kota Makkah. baginda Nabi Ibrahim tahu keamanan adalah lambang kebahagiaan masyarakat, bangsa dan negara dan dengan keamanan akan tercapai segala kemaslahatan dan kebaikan yang diimpikan oleh manusia.

Allah SWT memperkenankan doa Nabi Ibrahim bila Makkah dijadikan kota yang aman seperti firman Allah :

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا ءَامِنًا

Maksudnya: *"Dan apakah mereka tidak memperhatikan, bahawa sesungguhnya Kami menjadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman."* (Al-'ankabut: 67).

Nilai keamanan dan kemakmuran yang dibawa Islam adalah sesuai dengan setiap masa dan zaman. Rasulullah SAW ketika menyelesaikan masalah masyarakat Islam pada zamannya, sentiasa menjuruskan kepada keamanan dan kesejahteraan. Demikian juga yang baginda lakukan ketika berdepan musuh baginda. Tindakan baginda Rasulullah SAW dalam berdakwah umpamanya, baginda mendahulukan mendidik, daripada menghukum.

Rasulullah SAW juga mementingkan aspek kemanusiaan dan tidak mendahului nafsu dan amarah dalam tindakan baginda. Sewajarnya umat Islam menanamkan sikap bertolak-ansur, hormat menghormati serta toleransi yang tinggi sesama manusia dan sekeliling mereka. Orang yang beriman dan

bertakwa pastinya akan mengamalkan sikap toleransi, bekerjasama dan tolong menolong sesama insan tanpa mengira batasan agama, bangsa dan sebagainya.

Akhir kata, pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada para pengunjung yang hadir serta setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga kerja dan semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program ini terutamanya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan dan ahli jawatankuasa Jameiah al-Asriah sebagai urusetia program.

Semoga segala usaha dan gerak kerja yang telah dilakukan akan diberi keberkatan dan ganjaran pahala yang tidak terhingga daripada Allah SWT. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin daripada saya dan keluarga kepada semua tetamu-tetamu jemputan dan para hadirin serta wakil-wakil media. Dengan lafaz ‘بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ’ saya merasmikan majlis Ramah Mesra Aidilfitri 1436H pada kali ini.

**PERASMIAN PAMERAN DAN PERTANDINGAN SENI KHAT
KELANTAN 2015**

4 Ramadhan 1436 / 1 Julai 2015
Madinah Ramadhan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Firman Allah SWT:

ن وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ

Maksudnya: *Nuun. Demi pena dan apa yang mereka tuliskan.* (Al-Qalam: 1)

Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita mengucapkan kalimat syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama menjayakan Perasmian Pameran dan Pertandingan Seni Khat pada petang ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Muzium Kelantan yang telah menjayakan pameran khat bersempenakan Madinah Ramadhan tahun ini khasnya dalam menghidupkan suasana kegemilangan seni kaligrafi dalam Islam.

Al-Quran telah menjadi panduan utama dalam perkembangan tulisan Arab termasuk jawi. Setelah Rasulullah SAW wafat, tiada lagi penurunan wahyu dan penyebaran ayat-ayat al-Quran mula disebarikan melalui para huffaz al-Quran ketika itu. Setelah ramai para huffaz syahid dalam peperangan, Saidina Abu Bakar Al-Siddiq telah memberi pandangan agar dihimpunkan ayat-ayat al-Quran dan ternyata ia disempurnakan pengumpulannya pada zaman Saidina Usman Ibnu Affan.

Penulisan dan penyusunan ayat-ayat atau kaligrafi ini banyak ditulis di atas kulit dan juga pelepah tamar. Penyusunan ini disalin semula ke dalam empat

atau lima edisi yang serupa dan dikirim ke wilayah-wilayah Islam untuk digunakan sebagai naskah kitab al-Quran. Dengan adanya naskah yang bertulis ini memudahkan umat Islam ketika itu untuk membuat rujukan kembali kepada ayat-ayat al-Quran khususnya dalam agenda pendidikan al-Quran yang dijadikan sebagai pengajian utama dalam sistem pemerintahan khilafah di masa itu.

Seni khat merupakan khazanah tertua di dunia yang masih dimiliki oleh umat Islam. Penulisan khat yang pertama di dunia dipercayai dihasilkan di Kufah, Iraq pada kurun ke tujuh Masihi. Pada kurun kesepuluh, seni khat telah tersebar ke Parsi dengan gabungan-gabungan huruf yang lebih seni. Tulisan khat ini terdiri daripada beberapa jenis iaitu khat Kufi, khat Nasakh, khat Diwani, khat Thuluth, khat Farisi dan khat Riq'ah. Tulisan khat dari jenis Nasakh dijadikan asas dalam mempelajari sistem tulisan Arab di negara Arab dan menjadi penulisan utama dalam hal-hal kerasmian.

Sementara khat Kufi dikatakan sebagai khat yang paling popular di dunia. Ia digunakan sebagai tulisan dalam al-Quran selama tiga kurun lamanya. Sistem khat Kufi yang tidak mengalami banyak perubahan semasa, menjadi asas untuk dikekalkan sebagai tulisan di dalam naskah al-Quran. Pada kurun ke-16 dan 17, seni khat ini juga pernah menjadi medium komunikasi terpenting dalam menyampaikan mesej diplomatik.

Pada awal perkembangan seni khat, sejenis pokok yang dikerat serong hujungnya dan dicelup dengan cecair dakwat, ditulis pada kepingan kulit-kulit tamar, kulit kambing yang dikeringkan dan daun-daun *papyrus* yang dijadikan kertas. Kini, seni khat bukan sahaja terlakar pada kepingan kertas malahan menjadi hiasan bercorak islamik apabila ia ditulis pada kepingan cermin, diukir pada mimbar-mimbar masjid dan turut dijadikan cendera mata untuk kenangan. Nafas baru dalam penghasilan seni khat ini secara tidak

langsung meningkatkan martabat seni khat sebagai unsur seni yang cukup tinggi sehinggalah ke hari ini.

Kita di Kelantan ini, sangat mengutamakan tulisan jawi walaupun penggunaan tulisan jawi pada hari ini sudah mulai berkurangan. Kita telah menguatkuasakan di peringkat MPKB-BRI supaya hanya memberi pelepasan untuk *banner* atau *backdrop* yang terdapat tulisan jawi padanya. Jika papan-papan tanda dan penunjuk arah di jalan raya dapat kita sertakan bersama beberapa tulisan jawi adalah sangat wajar bagi memartabatkan khat untuk bertapak dengan kukuh di bumi Kelantan ini. Seterusnya dengan kalimah:

Bismillahirrahmanirahim

Saya merasmikan pameran dan Pertandingan Khat Kelantan 2015 ini, semoga berjalan dengan lancar.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**SEMPENA PERASMIAN PERSIDANGAN GEOSAINS
KEBANGSAAN 2015**

31 Julai – 1 Ogos 2015
Hotel Perdana Kota Bharu, Kelantan

فرمان الله تعالى:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ
بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: *Telah berlaku kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab kerja yang telah dilakukan oleh tangan manusia, kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk yang telah mereka lakukan supaya mereka kembali kepada Allah. (Al-Rum: 41)*

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan taufik dan limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berhimpun dalam sebuah majlis tahunan anjuran bersama Persatuan Geologi Malaysia (GSM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) Negeri Kelantan, Universiti Malaysia Kelantan dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) iaitu Persidangan Geologi Kebangsaan yang membawa tema "Geosains Untuk Manfaat umum Dan Pembangunan Nasional".

Bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan, saya mengucapkan selamat datang ke Kelantan Darulnaim dan terima kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan persidangan kebangsaan ini. Saya juga, bagi pihak kerajaan negeri amat berterima kasih kerana Persatuan Geologi Malaysia telah memilih Kelantan Darulnaim sebagai tempat mengadakan persidangan geologi tahunan ini.

Saya difahamkan bahawa Persidangan Geologi yang pertama telah diadakan lebih 25 tahun yang lalu di Universiti Malaya iaitu pada tahun 1986. Setelah itu pada tahun 1988 dan 1989, 'Persidangan Geologi Kebangsaan' telah diadakan di Cameron Highland dan Fraser Hill dianjurkan bersama Persatuan Geologi Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia yang pada ketika itu dikenali sebagai Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia. Bermula dari itu persidangan ini telah menjadi acara persidangan tahunan.

Saya percaya persidangan seumpama ini amatlah penting di mana para ahli geologi, saintis dan penyelidik dapat berkumpul dan berbincang bagi menjana idea dan strategi baru ke arah tahap kehidupan yang lebih baik di masa hadapan sesuai dengan perubahan iklim yang sedang melanda dunia sekarang ini.

Melihat kepada tema persidangan kali ini yang bertujuan untuk memberikan kesedaran pada diri kita betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh geosains dalam kehidupan seharian kita. Bumi yang kita diami ini ternyata banyak membekalkan khazanahnya kepada kita dan kita pun sewajarnya membalas balik jasa yang diberikan itu dengan penjagaan bumi yang kita diami sementara waktu ini melalui ilmu pengetahuan geosains.

Saya percaya persidangan ini akan dapat menterjemah segala penemuan baru dalam bidang geosains yang akan dapat melahirkan pakar-pakar yang mempunyai anjakan paradigma yang tinggi dan memandang ke hadapan, yang bukan sahaja kepada pengguna teknologi tinggi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa memberi sokongan kepada sebarang usaha dari komuniti profesional dan akademik dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dalam usaha menjadikan negeri Kelantan ini sebagai

kawasan yang selamat, yang selesa diduduki dan yang menarik untuk dikunjungi. Para ahli geologi terutamanya dari Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kelantan, banyak terlibat dalam memberikan ulasan rancangan pembangunan lombong dan kuari termasuk juga pembangunan seperti ulasan kebenaran merancang dan pelan kerja tanah. Ini untuk memastikan semua rancangan pembangunan yang dirancang bukan sahaja dapat memberikan impak maksimum dari sudut ekonomi tetapi juga untuk menjamin kelestarian alam sekitar terpelihara untuk generasi akan datang.

Dalam masa dunia sedang dilanda isu seperti perubahan iklim global dan bencana alam, negeri Kelantan juga tidak terkecuali di mana Allah menguji kita dengan banjir besar pada akhir tahun 2014. Justeru itu peranan ahli geologi dan pakar-pakar berkaitan mestilah ditingkatkan, supaya kesan kejadian bencana seperti ini dapat diminimumkan, melalui proses merakyatkan pengetahuan agar bukan saja pakar, malah rakyat juga dapat terlibat memberikan pandangan bagi tindakan-tindakan pencegahan dapat dilakukan.

Saya dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Kelantan ada menawarkan pengajian dalam bidang berkaitan sains bumi yang saya percaya ianya merupakan suatu ilmu yang berkaitan dengan apa yang akan dibincangkan dalam persidangan ini. Dengan lokasi universiti berada di negeri Kelantan saya amat mengharapkan agar pihak UMK dapat membantu pihak agensi Kerajaan Negeri Kelantan yang terlibat dalam industri mineral. Saya percaya dengan kepakaran dan kecanggihan teknologi yang dimiliki oleh UMK akan dapat menyumbang terhadap hasrat kami tersebut.

Saya mendoakan agar persidangan ini dapat menghasilkan keputusan dan impak yang cemerlang sebagaimana diharapkan. Dengan lebih seratus kertas kerja saintifik pelbagai topik berkaitan tema persidangan yang dibentangkan

sama ada pembentangan lisan atau poster, saya percaya mesej yang mahu diketengahkan boleh dipanjangkan kepada masyarakat. Syabas dan tahniah kepada Persatuan Geologi Malaysia, Jabatan Mineral Geosains, Universiti Malaysia Kelantan dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan di atas penganjuran persidangan ini dan sokongan berterusan daripada semua pihak khususnya ahli akademik di institusi pengajian tinggi.

Mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur persidangan yang telah memilih negeri Kelantan sebagai lokasi penganjuran persidangan kali ini. Selamat bersidang dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan 'Persidangan Geologi Kebangsaan 2015' dengan tema "Geosains Untuk Manfaat Umum Dan Pembangunan Nasional". Semoga diberkati Allah.

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH KEKAL PASCA
BANJIR**

9 Julai 2015
Kg Belian, Sg Pinang, Tumpat

Firman Allah Taala:

أَنَا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾ ثُمَّ شَقَقْنَا الْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan. Kemudian Kami belah-belahkan bumi dengan belahan yang sesuai dengan tumbuh-tumbuhan.* ('Abasa: 25-26)

Alhamdulillah, syukur kepada Allah pada pagi ini dapat bersama-sama kita menjayakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Pasca Banjir dalam rangka menyempurnakan urusan penginapan mangsa-mangsa banjir di negeri ini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang menjayakan serta berusaha bersungguh-sungguh dalam membantu mempermudah penginapan mangsa-mangsa banjir di sini khususnya kepada pihak pertubuhan Buddist Tzu-Chi Malaysia dan juga Tesco yang bertungkus-lumus menyiapkan rumah ini.

Setakat hari ini, pembinaan bantuan rumah kekal kepada mangsa-mangsa banjir yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan berjalan sebagaimana yang telah dirancang. Kita di peringkat kerajaan telah menyelaraskan pembinaan ini dan melalui Tabung Amanah Bencana Negeri, sebanyak 171 unit rumah kekal mangsa banjir dalam tindakan sedang dibina oleh pihak pejabat-pejabat tanah di beberapa jajahan antaranya di Jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah dan Tumpat.

Jika diteliti pada semua komitmen kerajaan negeri sama ada melalui Tabung Amanah Bencana Negeri tadi termasuklah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan sumbangan Kerajaan Negeri Selangor, sebanyak 452 unit telah diambil tindakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 44 unit rumah telah siap sepenuhnya dan 237 unit sedang dalam pra pembinaan.

Peranan NGO dalam membantu pembinaan rumah kekal termasuklah rumah transit di Kelantan ini cukup besar. Pihak kerajaan telah melantik YABhg. Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Muhamad Tahir bagi menyelia urusan pembinaan ini. Terkini, 60 unit rumah akan dibina di Kg. Telekung Kuala Krai dan kita telah menyediakan seluas 30 ekar tanah kerajaan untuk tujuan tersebut, kerja-kerja tanah telahpun dimulakan. NGO sehingga kini telah siapkan rumah kekal sebanyak 47 unit di Gua Musang, 3 di Tanah Merah, 3 di Machang dan 83 di Kuala Krai. Baki yang lain adalah dalam tindakan dan sedang dibina. Untuk rumah-rumah transit telah banyak dibina dan mangsa-mangsa telahpun berpindah mendiami rumah transit yang dibina tersebut. Umpamanya di Kuala Krai sahaja pihak NGO telah membina sebanyak 341 rumah transit dan kesemuanya telah didiami.

Sedikit sebanyak masalah dalam menyiapkan rumah bantuan kekal bagi mangsa-mangsa banjir ini kita harapkan dapat diatasi dengan baik oleh semua pihak. Beberapa sebab antaranya status tanah di samping masalah tapak-tapak yang dicadangkan untuk pembinaan rumah kekal memerlukan kerja-kerja perataan tanah dahulu. Di Kg Belian ini, Alhamdulillah, pihak yang mengusahakan pembinaan rumah kekal telah berjaya menyiapkan 30 unit rumah ini termasuklah yang saya difahamkan daripada Pertubuhan Buddist sebanyak 22 unit, Kelkon 5 unit dan Tesco 3 unit. Saya amat berharap mereka yang akan berada di taman perumahan yang kita akan masyhurkan sebagai

‘Taman Firdaus’ ini dapat membina hubungan erat dan hidup sepakat di bawah payungan rahmat Allah insyaAllah.

Semoga usaha kerajaan ini difahami dan mendapat sokongan dari semua pihak. Saya sangat berterima kasih kepada NGO dan semua pihak termasuk orang perseorangan yang sehingga kini terus menerus menyumbang dan tidak dilupakan kepada pihak ketua jajahan, wakil rakyat, penghulu dan semua yang sampai sekarang masih tidak berehat dalam memikirkan urusan rakyat yang menjadi mangsa banjir baru-baru ini. Terima kasih sekali lagi.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS SAMBUTAN 25 TAHUN MEMBANGUN BERSAMA
ISLAM
(ZON SELATAN)**

11 Syawal 1436H / 27 Julai 2015
Padang Pusat SiviK Gua Musang

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

Firman Allah SWT :

يَا دَاوُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ
فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا
يَوْمَ الْحِسَابِ

Yang bermaksud: “Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu khalifah di bumi, maka jalankanlah tadbir urus dan penghakiman di antara manusia dengan yang kebenaran dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan jalan Allah itu.” (Ar-Ruum: 42)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya, dapat bersama-sama kita berada di dalam Majlis Sambutan Jubli Perak Membangun Bersama Islam Peringkat Zon Selatan hari ini yang melibatkan kawasan Gua Musang, Kuala Krai dan Lojing. Saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua hadirin hadirat yang memberikan komitmen yang tinggi untuk hadir

ke majlis yang penuh bermakna ini. Tidak dilupakan kepada pihak urusetia yang menjayakan sambutan ini.

Pada tarikh 6 Mei 2015 yang lalu, genaplah dua tahun saya diamanahkan sebagai menteri besar untuk memikul amanat besar rakyat. Saya merakamkan penghargaan kepada semua jentera di semua peringkat yang telah membantu dan memberi sokongan penuh dalam usaha kita menjadikan Kelantan ke arah negeri berkeadilan yang diredhai Allah SWT. Konsep negeri berkeadilan yang kita bangunkan ini adalah berteraskan wahyu Allah sebagaimana tuntutan Allah kepada Nabi Allah Daud Alaihissalam agar mentadbir kerajaan dengan al-Haq iaitu menegakkan kebenaran dan keadilan dalam semua aspek sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat tadi.

Kemenangan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan dalam pilihan raya umum tahun 1990 dan perlantikan Allahyarham Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz sebagai Menteri Besar merupakan peristiwa yang penting dalam sejarah politik tanah air. Sosok ulama telah mentadbir kerajaan negeri dengan jayanya dengan dasar Membangun Bersama Islam. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran dengan segala kesusahan dan kepayahan yang terpaksa ditempuh, terpaksa melakukan pelbagai usaha untuk mencapainya, namun pencapaiannya dapat dilihat satu demi satu, peringkat demi peringkat pada hari ini, Alhamdulillah.

Usaha untuk membangunkan negeri Serambi Mekah ini sejak dahulu hingga ke zaman pentadbiran saya adalah merupakan usaha yang bersepadu untuk mencapai pembangunan yang bersepadu; iaitu pembangunan untuk kepentingan dunia dan kepentingan akhirat. Di samping itu, pencapaian juga dapat dilihat atas kejayaan bekerja secara berpasukan dalam kalangan pimpinan kerajaan dan pegawai-pegawainya.

Alhamdulillah, kini kerajaan kita sudah genap umur 25 tahun, kerajaan negeri terus membangun dengan dasar Islamnya dan Kelantan telah menjadi bahan perhatian di seluruh negara kerana keunikan dasar ini apabila diterapkan ianya mendapat dokongan dan sokongan semua rakyat, orang-orang Islam mahupun non Muslim. Dasar kita tidak menekan, ianya adalah dasar kesejahteraan dan keadilan dan hal ini telah dirasai sendiri oleh rakyat sepanjang mereka bernaung di bawah pentadbiran Islam. Oleh itulah, saya sendiri hendak melihat dasar Islam ini bertapak di hati-hati seluruh rakyat dan tidak hanya menjadi dasar kerajaan sahaja maka dengan itu kita telah membuat beberapa penambahbaikan dengan menjenamakan 'Merakyatkan Membangun Bersama Islam' sebagai dasar bersama kerajaan negeri dan rakyat.

Apabila kita teliti kepada sejarah pentadbiran Rasulullah SAW, baginda adalah Perdana Menteri Negara Islam pertama yang berjaya memimpin sebuah negara yang masyarakatnya pelbagai kaum. Rasulullah SAW telah mentadbir dengan asas-asas Islam yang kukuh dengan merakyatkan segala tuntutan Islam agar terpahat dalam hati penduduk Negara Madinah. Mengambil pendekatan Rasulullah inilah, Kerajaan Kelantan sejak 1990 memperkenalkan dasar Membangun Bersama Islam apabila diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah. Kini, dengan nama Merakyatkan Membangun Bersama Islam yang membawa maksud kita akan terus memacu pembangunan negeri dan masyarakat selari dengan landasan yang ditentukan oleh Allah SWT. Urus tadbir dalam semua hal akan diteruskan secara selari dengan kehendak Allah kerana dunia ini dijadikan oleh Allah SWT untuk manusia megimarhkannya dengan pelaksanaan tuntutan Allah dalam semua aspek.

Untuk mencapai hasrat itu, telah disusun beberapa pelan 'merakyatkan' yang kita jenamakan sebagai satu perancangan program bersepadu untuk memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama di mana kita memfokuskan beberapa strategik tertentu bagi mencapai matlamat misi 'Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan'. Dalam hal ini, kerajaan negeri sangat memberi tumpuan kepada penerapan amalan Kebersihan, Solat, Pendidikan, Kebudayaan, Pembangunan Ekonomi, Penyelidikan dan Menangani Gejala Mungkar.

Di dalam proses merakyatkan dasar Membangun Bersama Islam, kerajaan telah turun ke bawah bertemu dengan akar umbi bagi merasai sendiri denyut nadi rakyat. Oleh itu, kerajaan negeri telah memperkenalkan program Jalinan Mesra Menteri Besar bersama rakyat di setiap jajahan di mana sehingga kini kita telah adakan hampir kesemua jajahan. Saya sendiri telah bersama rakyat non muslim, menyelami keadaan kehidupan mereka dan mengadakan juga perbincangan dengan pimpinan setempat berkaitan permasalahan yang timbul dan mencari jalan penyelesaian bersama. Matlamat daripada program ini ialah untuk memberikan peluang kepada rakyat bertemu mata bersua muka dengan pihak pimpinan kerajaan negeri di dalam program-program yang telah diatur khusus oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Makna kata hubungan pemimpin dengan rakyat akar umbi tidak boleh dipisahkan dan mesti ada jadual bersama.

Dalam proses melaksanakan dasar-dasar yang telah kita tetapkan, aspek pelaksanaan dasar di jajahan-jajahan masih lagi dilihat ada yang kurang jelas terhadap usaha kerajaan negeri. Jadi saya menyeru kepada semua, agar menjadikan penerangan kepada dasar kerajaan ini secara meluas di semua peringkat dengan pelbagai cara yang sesuai. Selain pihak kerajaan negeri melalui Urusetia Penerangan memainkan peranan ini, pihak jajahan, mukim

juga perlu mengambil inisiatif untuk menjayakan hasrat kerajaan negeri ini secara bersama dengan kemampuan yang ada.

Alhamdulillah, sehingga kini, kita tetap memelihara semua hak asasi rakyat dengan baik dan kita sentiasa menjamin hak kebebasan beragama kepada non muslim, di mana mereka diberikan hak untuk beribadat menurut ajaran agama masing-masing. Hak pendidikan dan hak untuk mengamalkan adat dan kebudayaan masing-masing diberikan sebaiknya. Inilah keunikan yang ada pada dasar Islam di mana Islam sentiasa menyeru sekalian manusia agar saling membantu dan hidup bertoleransi walaupun agama dan anutan pemikiran berbeza.

Dalam aspek kebajikan kerajaan negeri terus bersungguh-sungguh melaksanakan konsep Negeri Berkeadilan. Ini termasuklah langkah kita telah mewujudkan Tabung Amanah Darulnaim atau dikenali sebagai Tabung Serambi Mekah pada tahun 1991. Tabung tersebut digunakan bagi membantu rakyat yang ditimpa kesusahan dalam sesuatu musibah seperti kebakaran, ribut atau banjir. Dana bagi menggerakkan tabung ini adalah sumbangan daripada orang ramai dan juga syarikat-syarikat korporat.

Selain itu kerajaan negeri juga telah mewujudkan Tabung Amanah Tok Kenali bagi melaksanakan program pembangunan insan dan saya telah nyatakan dalam ucap terna yang Kelantan Mendepani Cabaran baru-baru ini bahawa kita turut menyediakan dana khas melalui kerusi Tok Kenali untuk menanggung kos pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang yang ditentukan oleh kerajaan kepada mana-mana pihak yang layak. Hal ini adalah sebagai menjamin masa depan kepimpinan pelapis di masa akan datang yang akan menerajui masa depan kerajaan Membangun Bersama Islam ini. Alhamdulillah, pada hari ini kerajaan negeri melalui Tabung Amanah Tok Kenali telah menguruskan 60 lot tanah termasuklah diberikan kepada

masyarakat orang asli. Segala kos pengurusan, premium, upah, ukur dan lain-lain berjumlah RM 77,230.00. Tahniah kepada Tabung Amanah Tok Kenali di atas tanggungjawab yang dilaksanakan.

Kita juga meneruskan usaha dasar kecaknaan kerajaan negeri terhadap golongan warga emas dengan jayanya dan ini terbukti apabila dilaksanakan program Skim Takaful Kifalaah bagi mereka yang berusia 60 tahun ke atas. Setiap warga emas didaftarkan dalam polisi takaful tersebut sebagai perlindungan kepada mereka apabila meninggal dunia dan dibayar pampasan sebanyak RM 1,500. Keluarga warga emas yang meninggal dunia akan menerima pendahuluan sebanyak RM 500 pada hari kematian. Hal ini Alhamdulillah berjalan dengan baik di semua jajahan.

Kerajaan negeri juga membina rumah secara percuma kepada penduduk miskin yang mempunyai bilangan anak ramai. Program ini dikenali sebagai bantuan rumah dhuafa'. Rumah dhuafa' ini dibina di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri. Selain itu, bantuan kepada para pesakit kronik, skim bantuan armalah, meningkatkan lagi peruntukan untuk membaiki rumah golongan dhaif dan miskin, mempertingkatkan sumber pendapatan menerusi skim dividen Ladang Rakyat dilaksanakan dengan jayanya.

Dasar berkebajikan ini merentasi pemikiran berkebajikan mengikut anutan barat iaitu dinamakan kebajikan apabila rakyat atau orang yang memerlukan mendapat perhatian serta sumbangan daripada pemimpin atau kerajaan. Dalam Islam, kebajikan ini sangat meluas bahkan asas kebajikan ini ialah membentuk iman yang kukuh, menyempurnakan solat, dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan sekalian perintah Allah yang termaktub dalam nas al-Quran. Allah SWT berfirman:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ

Maksudnya: *Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian nabi.* (Al-Baqarah: 177)

Maka usaha kerajaan negeri sejak daripada dahulu lagi sehingga ke saat ini untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah adalah kerana melaksanakan dasar kebajikan yang telah tersurat dalam nas al-Quran. Melalui pelaksanaan hudud, qisas dan taazir ini, masyarakat akan selamat daripada gangguan jenayah serta pelbagai kejahatan manusia yang tidak bertanggungjawab. Inilah kebajikan yang sangat perlu diutamakan tambah-tambah lagi pada hari ini kes jenayah semakin menjadi-jadi. Sama-samalah kita mendoakan agar usaha kerajaan untuk meminda Akta 355 akta Mahkamah Syariah yang akan di bawa ke persidangan Dewan Rakyat pada Oktober ini berjaya sebagaimana dirancang, insyaAllah.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan secara bersama hasrat murni kerajaan negeri dan terima kasih kepada semua pihak urusetia yang telah menjayakan Sambutan Jubli Perak Membangun Bersama Islam peringkat zon selatan pada hari ini.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ بِالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**MAJLIS PERASMIAN WACANA SUNNAH NABI SEMPENA
PROGRAM IHYA' RAMADHAN 1436H**

15 Ramadhan 1436H / 2 Julai 2015
Madinah Ramadhan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Firman Allah SWT:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا^ج وَاتَّقُوا اللَّهَ^ط إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: *Dan apa sahaja yang dibawa oleh Rasulullah, maka hendaklah kamu terimalah serta amalkan, dan apa yang dilarang hendaklah kamu jauhinya. Bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amat keras azab seksaNya. (Al-Hasyr: 7)*

Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita mengucapkan kalimat syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama menjayakan Perasmian Wacana Sunnah Nabi pada petang ini. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penganjur yang telah menjayakan wacana ini bersempenanakan Madinah Ramadhan tahun ini khasnya dalam menghidupkan suasana pegamalan sunnah secara tepat.

Sebagai Muslim, kita sentiasa dianjurkan supaya sentiasa menjadikan sunnah Rasulullah sebagai pegangan. Oleh kerana Rasulullah adalah uswah bagi setiap warga Islam, maka sekaligus sunnahnya hendaklah dijadikan pegangan. Ia merupakan panduan bagi umat Islam bersama al-Quran. Umat Islam tidak boleh mencari sendiri landasan hidupnya. Betapa hebatpun

manusia, dia tetap memerlukan bimbingan wahyu, justeru ilmu yang dikurniakan untuk manusia pada hakikatnya sangat sedikit dan terbatas dan tidak dapat menjangkau alam metafizik dan rohani. Hadith Nabawi bersama-sama al-Quranlah merupakan sumber utama Islam sekaligus merupakan asasnya yang padu.

Berpegang dengan sunnah dan merujuk kepadanya merupakan perkara yang sudah menjadi ijmak sepanjang zaman, walaupun ada suara-suara sumbang dan pendapat yang songsang terhadap sunnah, namun sudah diketahui bahawa golongan yang menentang ini adalah di kalangan manusia yang jahil tentang Islam bahkan ada di kalangan mereka yang suka mengguna pakai pendapat bukan dari pendapat ahli sunnah waljamaah.

Para sahabat nabi benar-benar berpegang teguh kepada pengamalan setiap agenda yang disuruh oleh Rasulullah SAW. Begitulah perihal sahabat-sahabat besar, Abu Bakar dan Umar semasa mereka menjadi khalifah apabila ada aduan dan kemusykilan, kedua-duanya akan merujuk kepada hadith apabila tidak terdapat jawapan dalam al-Quran. Al-Darimi ada meriwayatkan dari Maimun bin Mahran, katanya:

(Saidina Abu Bakar apabila ada pertikaian, beliau akan melihat kepada Kitab Allah, apabila terdapat sesuatu yang boleh diputuskan dengan al-Quran beliau akan terus laksanakan, jika tidak terdapat dalam Kitab Allah, dilihat apakah ada dari Rasulullah sesuatu mengenainya, jika diketahui ada maka terus dilaksanakan, jika tidak diketahui beliau akan keluar kepada orang ramai dengan katanya: "Datang kepada saya sekian...sekian, telah saya lihat dalam Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah namun saya tidak mendapati sesuatu mengenainya, adakah kamu mengetahui yang Rasulullah telah memutuskan apa-apa keputusan mengenainya"?) Mungkin ada yang

berdiri dan berkata: Ya! Lalu diputuskan dengan apa yang diputuskan oleh Rasulullah).

Sementara Saidina Umar juga turut berbuat demikian, jika tidak terdapat dalam al-Kitab dan al-Sunnah, baharu diteliti apakah ada keputusan mengenainya telah dibuat oleh Abu Bakar, jika tidak, beliau akan mengumpulkan pimpinan kaum dan ulama mereka dan diminta pandangan mereka, bila ada kata sepakat mengenainya, maka akan dibuat ketetapan. Beliau pernah menulis kepada Suraih semasa dilantik menjadi qadi di Kufah, antara lain dinyatakan:

“Telitilah apa yang jelas bagi kamu dari Kitab Allah, dan janganlah bertanya kepada seorangpun, jika tidak nyata bagimu, ikutlah dalam perkara tersebut Sunnah Rasulullah, jika tiada berjihadlah dan berbincanglah dengan ahli ilmu dan orang yang baik-baik”

Demikianlah terus menerus para sahabat dan tabi`in merujuk kepada sunnah di zaman mereka dalam segala urusan, sama ada ibadat, penentuan halal haram, muamalat dan selainnya. Para imam-imam besar mempunyai pandangan yang cukup jelas mengenai sunnah Rasulullah SAW, malah menganjurkan supaya pendapat dan pandangan mereka hendaklah dipadankan dengan hadith Rasulullah selepas al-Quran.

Imam Abu Hanifah pernah berkata:

“Apabila pandanganku menyalahi Kitab Allah dan Hadith Rasulullah maka tinggalkan pandanganku itu”

begitu juga Imam Malik ada berkata:

“Setiap orang boleh diterima pandangan mereka dan ditolak kecuali Rasulullah SAW.”

Ancaman dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini, tekanan yang ditimpakan ke atas umat Islam, penghinaan ke atas agama, nabi, Quranul Karim dan sunnah nabi semakin banyak berlaku sama ada dalam masyarakat barat atau masyarakat Islam. Umat Islam mesti dan wajib berperanan dalam mempertahankan kecaman dan penghinaan terhadap sunnah termasuk penghinaan ke atas batang tubuh mulia Rasulullah SAW. Jika tidak, kita akan terus dipermainkan oleh musuh sunnah kerana kelemahan kita sendiri. Nabi SAW telah menyatakan kepada kita keadaan umat Islam akhir zaman, sabdanya:

يُوشِكُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ الْأُمَمُ مِنْ كُلِّ أَفُقٍ كَمَا تَتَدَاعَى الْأَكْلَةُ عَلَى قَصْعَتِهَا ، قُلْنَا
 مِنْ قَلَّةٍ بِنَا يَوْمَئِذٍ؟ قَالَ : لا ، أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ ، وَلَكِنَّكُمْ غُنَاءٌ كَغُنَاءِ السَّيْلِ ، يَنْزِعُ
 اللَّهُ الْمَهَابَةَ مِنْ قُلُوبِ عَدُوِّكُمْ وَيَجْعَلُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ ، قِيلَ : وَمَا الْوَهْنُ؟ قَالَ :
 حُبُّ الْحَيَاةِ وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ

Maksudnya: *Hampir sahaja manusia ini akan diserang oleh golongan kuffar yang membenci Islam sama seperti orang yang lapar menuju kepada pinggan yang dihidangi dengan makanan. Sahabat Nabi bertanya, “Adakah kami pada ketika itu berada dalam kelompok yang kecil sehingga kami diserang sedemikian rupa?” Jawab Nabi SAW : “Tidak, bahkan kalian ramai jumlahnya tetapi kalian ibarat buih di lautan. Pada hari itu Allah tanggalkan dari hati musuh-musuh-Nya perasaan gerun kepada kalian dan Allah campakkan ke dalam hati kalian penyakit al-wahn”. Sahabat bertanya, Apakah itu al-wahn? Kata Nabi, “Cintakan kehidupan dunia dan takut mati”. (Riwayat Abu Dawud)*

Kita mengharapkan kebangkitan Islam dan perjuangan menegakkan syariat Islam ini menjadi agenda penting masyarakat Islam hari ini. Kesungguhan umat Islam dalam mempertahankan sunnah nabi dan menjadikan sunnah nabi

sebagai amalan teras dalam masyarakat wajib dihidupkan dan memandangkan zaman hari ini sudah banyak aspek sunnah mulai luntur di hati umat Islam, maka proses untuk membangunkan sunnah ini perlu dilakukan secara bertahap dan berhikmah demi memberi kefahaman secara terperinci dan dapat difahami dengan baik terhadap sunnah nabi.

Kita di Kelantan ini, Alhamdulillah sangat menitik beratkan soal pembangunan Islam termasuklah tuntutan sunnah nabi dalam pentadbiran negeri dan masyarakat. Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam yang diterapkan sejak sekian lama ini Alhamdulillah memberi kesan yang sangat baik kepada pembangunan masyarakat yang cintakan al-Quran dan al-Sunnah, semoga dasar ini terus mendapat perhatian dan sokongan penuh daripada seluruh rakyat Kelantan.

Akhirnya, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada semua panelis yang sudi mengisi program wacana hari ini khasnya kepada Sohibu Al-Samahah Dato Mufti Negeri Perlis, Dr Mohd Asri Zainal Abidin yang datang daripada jauh bagi mengupas tajuk yang akan disampaikan sebentar nanti. Seterusnya dengan kalimah:

Bismillahirrahmanirahim

Saya merasmikan Wacana Sunnah Nabi sempena Ihya' Ramadhan 1436, semoga berjalan dengan lancar.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN SEMPENA PROGRAM
IHYA' RAMADHAN**

25 Ramadhan 1436H / 12 Julai 2015
Masjid Kota Darulnaim

Firman Allah Taala:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ
الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَبِيدِينَ

Maksudnya: *Dan Kami jadikan mereka sebagai pemimpin yang memimpin manusia ke jalan yang benar dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka untuk mengerjakan kebaikan, mendirikan solat, serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada kami. (Al-Anbiya': 73)*

Syukur kepada Allah kerana masih lagi dikurniakan nikmat yang banyak untuk mengabdikan diri di bulan Ramadhan ini. Ramadhan, selain dikenali sebagai *syahru siyam* atau bulan berpuasa, Ramadhan juga digelar dengan *syahru muwaasah* iaitu bulan bersimpati dan berkebajikan.

Bagi kerajaan negeri, tugas berkebajikan dan kesejahteraan adalah agenda utama kepada rakyat dan ini adalah tuntutan Islam. Berkebajikan ini bukan hanya bantuan kewangan dan kebendaan. Tetapi pada hakikatnya ia merangkumi keadilan, kesejahteraan dan kemaslahatan untuk rakyat dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Terangkum di dalamnya soal kebersamaan antara kerajaan dan rakyat. Bagaimana sebuah kerajaan mampu menyelami

kesusahan dan kesukaran begitulah juga rakyat memastikan kerajaan sentiasa kuat dengan memberi sokongan padu.

Saya mahu sarankan beberapa konsep yang seharusnya seiring antara kita sebagai sebuah masyarakat, iaitu :

Pertama: Hendaklah menyebarkan konsep *ta'awun* (tolong-menolong) dan mengelakkan permusuhan dalam masyarakat.

Kedua: Menggalakkan sikap berlumba-lumba berbuat kebajikan dalam masyarakat.

Ketiga: Mewajibkan berlaku baik dan ehsan terhadap ibu bapa, keluarga, anggota masyarakat dan alam sekitar.

Dan Keempat: Membela dan membangun golongan *dhu'afaa'* (lemah), OKU dan fakir miskin.

Saya mengambil contoh kes penderaan yang masih baru berlaku kepada adik Nur Zuliana yang patah 13 tulang termasuk tulang-tulang rusuk dan tulang belakang dan mengakibatkan kecacatan kekal. Saya sempat menziarahi mangsa yang malang ini di Hospital Sultanah Zainab sebelum ini dan dikhabarkan dalam keadaan yang semakin pulih. Ia pada saya, tragedi yang tidak sepatutnya berlaku, jika masyarakat sekeliling berperanan menjadi penyeimbang antara satu sama lain.

Pada bulan yang mulia ini, sama-samalah kita berlumba-lumba untuk melakukan kebajikan seperti membanyakkan bersedekah kerana balasan di atas setiap satu kebajikan itu adalah amat besar di sisi Allah.

Dalam Islam konsep bersedekah bukan hanya dengan memberikan wang, tetapi termasuk di dalamnya mengajak berbuka puasa kepada fakir miskin dan orang-orang yang berpuasa. Atau dengan hanya memberikan ketenangan seperti nasihat kepada orang lain sudah memperoleh pahala bersedekah.

Ramadhan juga adalah bulan di mana Allah melimpahkan kebaikan kepada para hamba-Nya dengan mencurahkan rahmat, maghfirah, dan pembebasan dari neraka, juga dirahmati umat Islam dengan Lailatul Qadar. Allah SWT akan kasih kepada hamba-Nya yang mengasihi orang lain. Sabda Nabi SAW:

إِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مَنْ عِبَادِهِ الرَّحَمَاءَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah akan merahmati para hamba-Nya yang ruhamah' iaitu suka mengasihi orang lain.* (Riwayat Bukhari)

Maka siapa yang memberikan sumbangan kepada hamba-Nya yang lain yang memerlukan, Allah akan mengasihinya dengan rahmat kurnia yang berlipat kali ganda dan membantu setiap kesusahannya.

Majlis yang kita adakan hari ini adalah acara tahunan yang menghimpunkan asnaf dan termasuk penerima bukan Islam yang terpilih mengikut dun-dun dalam parlimen yang berdekatan dengan Masjid Kota Darulnaim ini. Saya juga difahamkan seramai 100 orang penerima hadir pada majlis ini.

Selaku Pengerusi Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan, saya rakamkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada urusetia Jawatankuasa Pembangunan Aktiviti Masjid Kota Darulnaim atas kesungguhan menjayakan majlis pada hari ini. Saya juga ucap terima kasih banyak-banyak atas usaha menyusun aktiviti tazkirah harian bermula jam 12 tengahari sempena Ihya' Ramadhan 1436H. Program tazkirah yang dirangka berorientasikan ilmu pengetahuan kepada seluruh kakitangan ini adalah satu

pendekatan yang amat baik sesuai dengan hasrat kerajaan kita yang Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

Akhirnya selamat berpuasa dan kita masih berbaki 4 atau 5 hari lagi untuk mengejar malam Lailatul Qadar dan merasai nikmat puasa. Kepada yang bukan Islam juga saya ucapkan selamat sejahtera dengan kehidupan mendatang yang lebih baik.

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN BANJIR KELANTAN

14 Julai 2015
Dewan Teratai, SUK

Firman Allah Taala :

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ
اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; Sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Al-Zumar: 53)*

Alhamdulillah, syukur kepada Allah pada pagi ini dapat bersama-sama kita menjayakan majlis penyerahan sumbangan bantuan banjir daripada Petronas dalam rangka menyempurnakan urusan penginapan mangsa-mangsa banjir di negeri ini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Petronas dan semua yang menjayakan serta berusaha bersungguh-sungguh dalam membantu mempermudah penginapan mangsa-mangsa banjir di Kelantan ini. Sebelum ini, semasa musibah banjir masih melanda saya difahamkan pihak Petronas telah salurkan bantuan berjumlah RM 2.3 juta untuk bagi membantu mangsa banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Tahniah di atas keprihatinan pihak Petronas ini dan kita mengharapkan usaha-usaha berkebakikan ini diteruskan di Kelantan ini.

Musibah banjir ini adalah ujian dan merupakan sunatullah, ia datang untuk menguji keimanan seseorang. Dan tidak akan luput seseorang dari ujian Allah ini, dalam bentuk apapun ujian tersebut, manusia kena sedari bahawa tidak dapat tidak mereka harus hadapinya. Firman Allah dalam hal ini:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ

Maksudnya: *Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan sambil mengatakan: "Kami telah beriman", sedang mereka tidak diuji?* (Al-Ankabut: 2)

Setakat hari ini, pembinaan bantuan rumah kekal kepada mangsa-mangsa banjir yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan berjalan sebagaimana yang telah dirancang. Kita di peringkat kerajaan telah menyelaraskan pembinaan ini dan melalui Tabung Amanah Bencana Negeri, dengan kerjasama pejabat-pejabat tanah di jajahan-jajahan terjejas.

Peranan NGO dalam membantu pembinaan rumah kekal termasuklah rumah transit di Kelantan ini cukup besar. Pihak kerajaan telah melantik YABhg. Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Muhamad Tahir bagi menyelia urusan pembinaan ini. NGO sehingga kini telah siapkan rumah kekal sebanyak 47 unit di Gua Musang, 3 di Tanah Merah, 3 di Machang dan 83 di Kuala Krai. Baki yang lain adalah dalam tindakan dan sedang dibina. Untuk rumah-rumah transit telah banyak dibina dan mangsa-mangsa telahpun berpindah mendiami rumah transit yang dibina tersebut. Umpamanya di Kuala Krai sahaja pihak NGO telah membina sebanyak 341 rumah transit dan kesemuanya telah didiami.

Sedikit sebanyak masalah dalam menyiapkan rumah bantuan kekal bagi mangsa-mangsa banjir ini kita harapkan dapat diatasi dengan baik oleh semua pihak, beberapa sebab antaranya status tanah di samping masalah tapak-tapak

yang dicadangkan untuk pembinaan rumah kekal memerlukan kerja-kerja perataan tanah dahulu. Saya ambil kesempatan di sini bagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu mangsa-mangsa banjir bermula daripada orang perseorangan, agensi-agensi kerajaan, NGO-NGO, ahli-ahli korporat, sukarelawan dari dalam negara dan luar negara. Semoga usaha kerajaan ini difahami dan mendapat sokongan dari semua pihak.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KUIH RAYA
AIDILFITRI OLEH
KERAJAAN NEGERI KELANTAN KEPADA PASUKAN
KESELAMATAN**

21 Ramadhan 1436 H / 8 Julai 2015
Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim

السلام عليكم ورحمة الله وبرماته دان سلام سجهترا

Rasulullah SAW bersabda :

عَيْنَانِ لَا تَمَسُّهُمَا النَّارُ عَيْنٌ بَكَتْ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَعَيْنٌ بَاتَتْ تَحْرُسُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Yang bermaksud: *“Dua mata yang tidak akan disentuh oleh api neraka: (pertama) mata yang menangis kerana takut kepada Allah, (kedua) mata yang pada malam hari berseking kerana mengawasi keamanan Fisabilillah”*. (Riwayat Imam al-Tirmizi)

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya membolehkan kita untuk sama-sama berkumpul di dalam majlis penyerahan sumbangan kuih-muih Hari Raya Aidilfitri oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada pasukan keselamatan pada pagi ini. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua warga keselamatan yang sudi hadir memenuhi jemputan kami pada pagi ini. Terima kasih di atas pengorbanan dan komitmen terhadap tugas yang ditunjukkan oleh seluruh warga keselamatan demi memastikan keamanan dan keharmonian yang dikecapi pada hari ini terus berkekalan Insya-Allah.

Keselamatan adalah merupakan perkara yang menjadi keperluan asas bagi setiap insan untuk hidup bahagia di dunia ini. Setiap agama mementingkan

aspek keselamatan ini apatah lagi dalam agama Islam ianya menjadi suatu perkara teras dalam membangunkan negara. Ini sesuai dengan pengertian yang terangkum di dalam istilah "الاسلام" itu sendiri yang bermaksud "selamat dan sejahtera".

Islam menganggap tugas menjaga keamanan dan ketenteraman awam sebagai tugas yang amat mulia. Walau seadil mana pun undang-undang yang diperuntukkan namun tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa adanya penguatkuasaan oleh anggota keselamatan. Sebagai anggota keselamatan, mereka mempunyai tanggungjawab yang amat besar terhadap agama, bangsa dan negara. Di samping menjaga keselamatan negara, keselamatan dari sudut agama juga tidak harus kita lupakan. Islam telah menetapkan senarai keutamaan dalam menjaga keselamatan. Keselamatan yang menjadi keutamaan yang tertinggi adalah keselamatan agama itu sendiri. Keselamatan agama bukan sahaja perlu dijaga oleh anggota keselamatan sahaja tetapi mesti dijaga oleh setiap Muslim. Penekanan terhadap penjagaan aqidah mesti menjadi keutamaan setiap kita. Sebarang pencemaran dan penjejasan terhadap aqidah umat perlu disekat dan dicegah. Anggota keselamatan yang beragama Islam perlu membantu pihak berkuasa agama dalam menjaga keselamatan aqidah di kalangan umat Islam.

Keutamaan kedua yang menjadi tanggungjawab kita adalah menjaga nyawa. Allah berfirman:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. (Al-Isra': 33)*

Allah bukan sahaja mengharamkan perbuatan membunuh orang lain tetapi juga mengharamkan juga perbuatan membunuh diri sendiri. Lebih jauh dari itu Islam juga mengharamkan perbuatan mencederakan orang lain atau mencederakan diri sendiri yang mana Allah memberikan jalan penyelesaiannya dengan hukum qisas. Oleh yang demikian peranan anggota keselamatan dalam memastikan keselamatan nyawa dan jiwa dalam masyarakat adalah amat penting.

Keutamaan ketiga selepas agama dan nyawa adalah menjaga akal. Hanya dengan generasi yang mempunyai akal yang waras dan rasional sahaja negara akan mencapai kemajuan. Oleh yang demikian sebarang unsur yang boleh menjejaskan potensi akal perlu dihapuskan daripada masyarakat dan negara. Penguatkuasaan secara tegas terhadap penyalahgunaan dadah dan pengambilan arak mestilah dilaksanakan secara terancang. Rasulullah SAW bersabda :

لَعَنَ اللَّهُ الْخَمْرَ وَشَارِبَهَا وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا وَمُتَبَاعَهَا وَعَا صِرَهَا وَمُعَصِّرَهَا
وَحَامِلَهَا وَمَحْمُولَةً إِلَيْهَا.

Maksudnya: *Allah melaknat arak, peminumnya, pemberi minum, penjual, pembeli, pengusaha arak, orang yang dibuat arak untuknya, pembawa arak dan orang yang dibawa arak untuknya.* (Hadis riwayat Abu Daud)

Keutamaan keempat adalah untuk menjaga keselamatan keturunan dan maruah masyarakat. Sebarang pencabulan terhadap kesucian keturunan manusia dan pencabulan terhadap maruah manusia mesti disekat secara bersungguh-sungguh. Islam bukan sahaja mengharamkan penzinaan malah turut mengharamkan tuduhan zina dibuat sewenang-wenangnya terhadap seorang Islam.

Keutamaan yang kelima adalah menjaga harta benda. Islam mewajibkan kita mempertahankan harta benda kita daripada dirosakkan atau diambil oleh orang lain dengan cara yang salah. Islam mengharamkan perbuatan mencuri malah meletakkan hukuman yang lebih berat jika sampai ke peringkat merompak. Allah ada berfirman:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خِلَافٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya: *Sesungguhnya balasan bagi orang yang memerangi Allah dan Rasulnya serta melakukan kerosakan di muka bumi. Mereka akan dibunuh dan disalib atau dipotong tangan dan kaki bertimbal balik atau dibuang negeri.* (Al-Maidah: 33)

Tugas sebagai anggota keselamatan adalah satu tugas yang cukup penting bagi negara. Islam juga memandang tinggi dan menganggapnya sebagai satu tugas yang amat mulia. Lebih jauh dari itu ianya boleh dianggap sebagai satu cabang jihad dan menjadi ibadat yang diberi pahala di sisi Allah. Walau bagaimanapun kemuliaan dan kepentingan tugas ini akan tercemar dan dipandang serong jika disalahgunakan. Atas dasar inilah menurut pandangan Islam tugas sebagai anggota keselamatan ini akan dianggap sebagai ibadah sekiranya memenuhi ketetapan yang ditetapkan oleh agama.

Jika sekiranya pihak keselamatan termasuk semua rakyat bersama-sama memikul tanggungjawab menjaga keamanan dalam negeri dan negara ini, insyaAllah kita akan dapat melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera yang akan mengundang keberkatan Allah. Ciri-ciri ini wajar dijadikan contoh bagi sebuah kerajaan yang ingin mewujudkan elemen kesejahteraan dalam kehidupan rakyatnya dan ini telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW yang telah berjaya membawa keamanan sejagat semasa memerintah Negara

Madinah. Keamanan yang dibawa oleh Rasulullah SAW dibuktikan apabila kita melihat masyarakat Arab jahiliyyah yang sebelum ini hidup dalam bermusuhan tampil membina tamadun insaniah yang sungguh mengkagumkan. Kehebatan dan kemasyhuran bangsa Arab ini kemudiannya tersebar di bawah panji Islam ke kawasan-kawasan lain di muka bumi ini. Ketika bumi Eropah masih hidup dalam zaman kegelapan bangsa Arab telah mencipta tamadun yang meliputi pelbagai bidang seperti astronomi, ilmu sains, perubatan, ekonomi dan sebagainya.

Inilah sebenarnya wajah Islam iaitu agama yang mementingkan keamanan dan keharmonian dan sama sekali tidak membenarkan pembunuhan dan pertumpahan darah melainkan kerana sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan akibat daripada serangan pengganas dan ingin mempertahankan negara daripada diserang serta dihancurkan. Sayangnya, wajah damai Islam ini diperburukkan dengan propaganda daripada pihak musuh yang melabel Islam dengan tuduhan pengganas dan sebagainya. Musuh Islam yang mengganas tidak pula diambil tindakan oleh pihak berkuasa dunia. Lihat sahaja serangan yang tidak berperikemanusiaan Israel terhadap rakyat Gaza sehingga ke hari ini termasuk di bulan Ramadhan ini.

Jadi tugas menjaga keselamatan yang dipikul oleh tuan-tuan sekalian merupakan satu ibadah yang pastinya akan dinilai oleh Allah SWT sekiranya ia dilakukan dengan ikhlas dan bertetapan dengan syarak. Berdasarkan hadis yang saya bacakan di awal tadi, agama sangat memandangi tinggi isu keselamatan termasuklah mengangkat golongan yang menjaga keselamatan demi kesejahteraan manusia dan negera. Boleh jadi, pada Hari Raya pun tuan-tuan terpaksa berkhidmat di kala orang lain sedang seronok bersama keluarga masing-masing. Hakikatnya, berpisah dengan kaum keluarga dan sanak saudara demi kerana tugas yang telah diamanahkan bukannya satu perkara yang mudah. Apatah lagi pada saat di mana orang lain sedang riang gembira

menyambut hari raya bersama keluarga masing-masing. Tentu sekali jika tidak didorong oleh semangat dan komitmen yang kuat, tugas tersebut tidak akan mampu dilaksanakan.

Menyedari hakikat inilah, Kerajaan Negeri Kelantan setiap tahun mengambil inisiatif sebagaimana tahun-tahun yang lepas untuk bersama-sama berkongsi tanggungjawab dengan membekalkan sedikit cendera mata kuih-muih untuk warga keselamatan yang terpaksa menjalankan tugas di hari raya. Sekalipun pemberian ini tidak seberapa, anggaplah ia sebagai tanda ingatan dan penghargaan daripada kami Kerajaan Negeri Kelantan di atas bakti yang ditabur oleh tuan-tuan sekalian.

Akhir kata saya sekali lagi merakamkan terima kasih kepada semua wakil agensi keselamatan yang sudi hadir pada pagi ini. Semoga Allah SWT menjadikan tugas yang dilaksanakan oleh seluruh warga keselamatan sebagai amalan yang akan dikira sebagai pahala disisiNya kelak.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS MENTERI BESAR BERSAMA PELAJAR-PELAJAR KE
TIMUR TENGAH 2015**

13 Julai 2015
Dewan YIK

Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ

طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ

يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Maksudnya: *Tidak wajar semua orang yang beriman keluar untuk menyertai berperang, sebaliknya hendaklah ada sebahagian di kalangan mereka supaya mendalami agama hingga ke akar umbinya supaya kelak mereka memberi peringatan tegas buat kaum mereka apabila mereka kembali ke pangkuan kaum mereka, mudah-mudahan mereka berwaspada. (At Taubah: 122)*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah yang masih mengurniakan kepada kita nikmat Islam dan iman yang begitu besar buat kita dan anugerah kepada anak-anak sekalian yang berpeluang untuk belajar ilmu Allah yang terlalu luas di Mesir dan Jordan nanti.

Tujuan kita mempelajari dan mendalami ilmu Allah adalah untuk menjadi hambaNya yang diredhai dan sentiasa diberi petunjuk dalam kehidupan di dunia. Bila Allah kasih dan sayang seseorang itu, Allah pasti akan memberi kefahaman kepadanya tentang ilmu agama supaya dia faham ajaran dan

tuntutan Allah yang perlu dilaksanakan. Dalam hal ini Nabi SAW ada bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ وَيُلْهَمْهُ رُشْدَهُ

Maksudnya: *Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah akan kebaikan pada hidupnya, maka Allah akan meluaskannya faham agama dan akan diilhamkan petunjuk kepada hambanya itu.* (Riwayat Muslim)

Orang yang bersungguh-sungguh meredah jalan dan berusaha untuk mendapatkan ilmu di hadapan dia ada jalan yang besar untuk ke syurga Allah. Semua kita yang ada ini tidak mahu ke tempat lain, yang kita tuju kelak hanyalah syurga. Jadi berusaha dalam menuntut ilmu ini adalah jalan yang Allah berikan kepada hambanya untuk memperolehi syurga. Sabda Nabi SAW dalam hal ini:

مَنْ سَأَلَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya: *Barangsiapa yang menjalani satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan melorongkan baginya jalan ke syurga.* (Riwayat Muslim)

Oleh itu, menjadi kewajipan kita semua, para guru mengajar dan membentuk akhlak yang baik dan anak-anak pelajar juga ketika belajar mesti menjaga tuntutan dan adab-adab syariat yang dikehendaki oleh Allah SWT. Yang paling utama ialah membetulkan niat ketika mula melangkah untuk menuntut ilmu. Titik permulaan yang betul, dengan pasakan niat yang lurus dan tulus kepada Allah, pasti akan menganugerahkan pengakhiran yang berkat dan diterima Allah.

Imam Al-Ghazali sendiri menegaskan dalam muqaddimah kitabnya 'Bidaayatul Hidayah' katanya "*Jika niat dan maksudmu dalam mencari ilmu, hanya kerana mencari petunjuk, bukan hanya sekadar menerima keterangan*

ilmu, maka gembirakanlah hatimu. Kerana di mana pun kamu berjalan ke tempat ilmu itu, malaikat akan mengembangkan sayapnya kepadamu, malah ikan-ikan di laut pun memohonkan pengampunan buatmu, agar niat sucimu terkabul sebagaimana yang kamu kehendaki". Jadi niat ikhlas ini mesti diperbaharui setiap kali kita menjejaki kaki kita ke universiti.

Kita mesti lawan hasutan syaitan yang kadang-kadang masuk dalam hati kita bahawa tujuan kita belajar ini kerana semata-mata ingin mendapatkan sijil, ingin dapat pujian orang sahaja, supaya mudah dapat kerja nanti dan lain-lain. Hal ini kita sentiasa kena awasi. Imam Al-Ghazali memberi ingatan lagi dalam Bidaayatul Hidayah (dan kitab ini dicadangkan anak-anak pelajar dapat membacanya dengan teliti kerana kandungan nasihatnya amat bermakna kepada penuntut ilmu khususnya dan ia mudah didapati di kedai-kedai buku di tempat kita dalam versi Arab dan Melayu).

Kata Imam Al-Ghazali "Ketahuilah wahai pelajar yang sedang dahagakan ilmu pengetahuan, janganlah sampai terjadi, menuntut ilmu ini dengan niat untuk berbangga dan angkuh. Jika anda bermaksud mencari ilmu untuk berbangga dan angkuh terhadap teman sejawatmu, untuk menarik perhatian orang lain terhadap dirimu, apalagi untuk mengumpulkan pelbagai nikmat duniawi, itu bererti anda sedang berusaha meruntuhkan agamamu, dan menghancurkan dirimu sendiri, serta menjual akhiratmu yang abadi itu dengan dunia yang bersifat sementara ini, perniagaanmu akan rugi dan perdaganganmu akan bankrap."

Apabila di universiti, anak-anak akan bergelar mahasiswa dan mahasiswi. Mahasiswa mahasiswi ini adalah golongan muda yang amat sesuai dianggap sebagai sebahagian daripada aset penting khususnya di negeri kita ini. Ini kerana mahasiswa inilah apabila tamat nanti, mereka akan meneruskan kesinambungan sesebuah pentadbiran bagi sesebuah negeri/negara.

Mahasiswa yang beriman dan bertakwa akan mampu membawa negara menjadi sebuah negara yang dipenuhi barakah dan redha Allah. Merekalah yang akan menentukan masa depan ummah sama ada menjadi satu ummah yang bertakwa dan meneruskan hidup berlandaskan peraturan yang telah ditetapkan atau sebaliknya.

Beberapa cadangan kepada mahasiswa:

1. Menanam minat berdiskusi

Budaya ini semakin malap dalam arus mahasiswa, diskusi ilmiah dan wacana ilmu ini amat penting bagi membina intelek mahasiswa.

2. Kuasai bidang ilmu sehingga menjadi pakar

Kepakaran boleh diusahakan melalui penguasaan bidang yang diceburi dengan baik. Mahasiswa dicadangkan agar menekuni bidang yang diambil dan tanamkan minat untuk menjadi pakar dalam bidangnya. Kepakaran ini untuk kita membantu masyarakat serta negeri apabila kita tamat nanti.

3. Membina budaya menulis dan membaca

Budaya membaca ini perlu dikuasai dan menjadi amalan seharian mahasiswa, bahkan mahasiswa mesti ada azam untuk mengeluarkan penulisan karyanya sendiri. Kewibawaan ilmu boleh diukur dengan penulisan dan apabila banyak membaca.

4. Bina kebangkitan rohani/dalaman

Soal pembentukan hati dan rohani ini mesti dibina di peringkat mahasiswa secara serius. Tarbiah mesti didahulukan. Program yang melibatkan tarbiah ini dijadikan agenda utama. Intelek atau pakar tahap yang hebat sekalipun tanpa ada tarbiah maka akan rosak juga.

Ilmu yang dipelajari kena dijaga dengan baik kerana ilmu itu adalah cahaya dan cahaya dengan kegelapan maksiat ini tidak boleh sekali. Bila maksiat dibuat, ilmu susah untuk dipelajari apa lagi jika kita hendak hafaz dan amalkannya. Imam Syafie ada berpesan kepada penuntut ilmu katanya:

العلم نور و نور الله لا يهدى لعاصي

Maksudnya: *Ilmu itu adalah cahaya dan cahaya Allah tidak disampaikan kepada orang yang buat maksiat.*

Di akhir ucapan ini, saya menyeru anak-anak agar tunjuk tauladan yang baik di negara orang nanti, ambil peluang sebaik mungkin berinteraksi dengan bahasa Arab di sana dan disiplin ilmu mesti dijaga, selamat berangkat ke Timur Tengah dan selamat pulang nanti dengan kecemerlangan dan kepakaran masing-masing.

**MAJLIS BUBUR ASYURA KARANGKRAF BERSAMA ANAK
KELANTAN DI PERANTAUAN**

6 Disember 2014

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وأصحابه
أجمعين

Marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT atas keizinanNya dapat kita berkumpul pada hari yang berbahagia ini. Di kesempatan ini saya mewakili Kerajaan Negeri Kelantan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin khusus kepada warga-warga Kelantan yang berada di perantauan.

Setiap tahun pimpinan kerajaan negeri berhimpun pada setiap 2 Syawal bagi bertemu mata dan beramah mesra dengan warga-warga Kelantan di perantauan yang pulang ke kampung halaman masing-masing untuk berhari raya. Ini merupakan peluang keemasan bagi pihak kerajaan negeri untuk bersama-sama dengan warga Kelantan di perantauan yang jarang-jarang peluang sebegini diperolehi.

Seperti yang kita sedia maklum usia kerajaan negeri yang didasarkan dengan Membangun Bersama Islam ini telah genap usianya 25 tahun. Dengan pelbagai perubahan yang pihak kerajaan negeri lakukan semenjak dari pemerintahan Al-Marhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat lagi hingga pada hari ini meletakkan Kelantan sebagai negeri yang dijadikan contoh dan dihormati sama ada dalam atau luar negeri. Kita meletakkan tema tahun ini yang telah saya bentangkan dalam dua ucaptama

iaitu “Kelantan Mendepani Cabaran” dan “Kelantan Melangkah Ke Hadapan”.

Kerajaan negeri menyedari bahawa sokongan berterusan warga Kelantan di perantauan dalam pelbagai lapangan sama ada sokongan berbentuk material atau spiritual amat penting. Oleh itu kerajaan negeri sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap warga Kelantan di luar. Sebagai contoh, di dalam bulan Ramadhan baru-baru ini pihak kerajaan telah bersama-sama dengan warga Kelantan di perantauan melalui Perakan dalam majlis Ttemu Mato dan Iftar Perdana hampir di 30 cawangan seluruh negara.

Oleh sebab itu, pihak kerajaan negeri terus mengharapkan agar usia kerajaan negeri ini dapat berpanjangan agar kita dapat meneruskan perjuangan Al-marhum Tuan Guru yang kita sayangi dengan melaksanakan syariat Allah SWT seperti mana impian beliau sewaktu hayatnya. Oleh sebab itu kita masih bersabar usaha yang kita lakukan untuk membawa usul persendirian bagi dibenteng dalam Dewan Rakyat bagi meminda Akta 355. Kanun Jenayah Syariah yang kita kanunkan sejak tahun 1993 akan terus diperjuangkan hingga berjaya.

Kerajaan negeri juga menghargai sumbangan dan bantuan warga Kelantan di luar termasuk Perakan yang begitu aktif yang kita dapat lihat dalam membangunkan negeri selepas kejadian banjir bah kuning yang melanda negeri kita akhir tahun lalu. Usaha-usaha yang dilakukan sama ada melalui individu atau pertubuhan dalam memberikan bantuan dalam apa jua bentuk kepada mangsa-mangsa banjir amat dihargai oleh pihak kerajaan. Selain itu kerajaan negeri akan terus komited dalam menyelesaikan masalah tanah bagi didirikan rumah oleh mangsa-mangsa banjir.

Apa yang kita kesalkan ialah laporan berkaitan isu banjir ini kurang tepat yang memberi gambar seolah-olah kerajaan negeri tidak melakukan apa-apa

untuk menyelesaikan masalah penempatan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan banjir. Untuk makluman kita semua, sehingga kini sebanyak 787 unit sedang dalam tindakan dan 74 unit telah siap sepenuhnya dengan komitmen dari kerajaan negeri melalui Tabung Amanah Bencana Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), PKINK, sumbangan Kerajaan Negeri Selangor dan pelbagai NGO.

Pihak kerajaan negeri amat mengharapkan kepada warga Kelantan di luar agar menjadi mata dan telinga kerajaan bagi menyebarkan berita yang sahih dan benar. Maka institusi tertentu seperti Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri (UPKN) harus dirujuk dalam isu-isu yang melibatkan kerajaan negeri. Kerajaan negeri cukup memandang serius jika terdapat suara-suara mutakhir ini untuk meminta warga Kelantan di luar tidak pulang bagi menunaikan tanggungjawab dalam pilihanraya umum akan datang.

Kerajaan negeri mengharapkan agar warga Kelantan di perantauan mampu untuk bersatu dan mempertahankan kerajaan negeri seperti mana yang telah kita lakukan sejak 25 tahun yang lalu.

Dalam melaksanakan amanah Allah SWT sebagai pentadbir kepada negeri ini, pimpinan kerajaan negeri sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat Kelantan. Yang lebih penting ialah kita di peringkat kerajaan membangunkan aspek rohani supaya pembangunan fizikal tidak rosak. Dengan rosaknya pembangunan rohani dan fizikal ini maka rosaklah masyarakat dan negeri.

Setelah 24 tahun Kelantan ditadbir dengan dasar ini, kini saya bersama dengan kepimpinan kerajaan meneruskan dasar ini lagi dan kita telah memasuki fasa kedua dasar Membangun Bersama Islam, maka kita ingin jadikan dasar ini sentiasa disebut dan sampai ke setiap rumah-rumah rakyat negeri ini, dengan itu kita mahu dasar ini digerakkan oleh seluruh kepimpinan

dan rakyat demi memperolehi keberkatan dan kemakmuran dalam negeri kita. Kita telah memperkenalkan motto bagi gerak kerja kita kali ini iaitu “Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan” sebagai langkah fasa kedua iaitu Merakyatkan Membangun Bersama Islam.

Kerajaan negeri juga telah menggubal satu wawasan jauh untuk tempoh penggal ini, bermula tahun 2013 lagi di awal pentadbiran saya, sehinggalah tahun 2018, iaitu; “Menjadikan Kelantan negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan urus tadbir kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan visi, misi dan objektif dasar Membangun Bersama Islam”.

Usaha-usaha kerajaan untuk memastikan ‘kesejahteraan rakyat’ agar tercapai sepenuhnya tidak pernah diabaikan, sebab itu tema Belanjawan Kerajaan 2015 adalah ‘Kesejahteraan Rakyat Keutamaan Negeri’ ini sesuai dengan hasrat kerajaan yang mengutamakan kebajikan ketika menaungi rakyat negeri ini. Strategi untuk mencapai hasrat ini antaranya kerajaan mengenalpasti dan memberi tumpuan khusus kepada program dan projek yang dapat membangunkan ekonomi rakyat. Oleh itu, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh mengadakan aktiviti ekonomi ke arah memaksimumkan pendapatan negeri. Kita menumpukan juga untuk mendapat punca-punca hasil dalam aspek pengurusan dan pemajuan khazanah asli yang ada seperti mineral, tanah dan hutan.

Komitmen Kerajaan Kelantan untuk mendaulatkan syariat Allah SWT sebagai perundangan negeri belum lagi terlaksana dan kita berusaha ke arah itu. Pelaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (Hudud) 1993 telah terbantut sekian lama akibat halangan kerajaan pusat. Sekarang bila dah lampu hijau kita teruskan pecutan kita untuk bawa perkara ini ke Dewan Rakyat. setakat ini pihak kerajaan telah membuat persiapan yang teliti dan

boleh dikatakan hampir siap sepenuhnya deraf yang bakal dibentangkan nanti di parlimen.

Untuk akhirnya, sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Karangkrif yang menganjurkan majlis yang sangat bermakna ini juga kepada seluruh anak-anak Kelantan di perantauan yang sentiasa memberi komitmen yang padu kepada kerajaan negeri. Semoga hubungan pemimpin kerajaan negeri dan seluruh rakyat Kelantan walau di mana jua mereka berada sentiasa terjalin dengan penuh mesra.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS MOU PENEMPATAN RUMAH TERES DI KG BELIAN
ANTARA PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TUMPAT
DENGAN PERTUBUHAN BUDDHIST TZU-CHI MERITS
MALAYSIA**

3 Jun 2015
JKR 10

Firman Allah Taala:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu tolong-menolong untuk membuat kebajikan dan ketakwaan, dan janganlah kamu sekali-kali menolong pada melakukan dosa dan pencerobohan.* (Surah Al-Maidah: 2)

Alhamdulillah, pada tengahari ini dapat saya hadir ke Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman untuk membina rumah teres di atas tanah kerajaan iaitu di Kg Belian, Mukim Kok Keli Sungai Pinang Tumpat di antara Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat dengan Pertubuhan Buddhist Malaysia. Saya mengalu-alukan kehadiran semua dan terima kasih kerana menjayakan MoU ini.

Kesan daripada banjir di Kelantan ini masih lagi terasa sampai sekarang dan proses-proses pemulihan sedang berjalan termasuklah pembinaan rumah-rumah kekal dan rumah transit yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan juga pihak NGO-NGO. Usaha pemulihan jalan-jalan dan infrastruktur asas juga mengambil masa dan kos-kos yang tinggi, namun dengan pelbagai sumbangan dan bantuan orang ramai Alhamdulillah kita dapat jayakan juga.

Saya memberi penghargaan sepenuhnya kepada pelbagai NGO yang bertungkus lumus dalam membantu kerajaan negeri sehingga sekarang. Peranan NGO dalam membantu pembinaan rumah kekal termasuklah rumah transit di Kelantan ini cukup besar. NGO sehingga kini telah siapkan rumah kekal sebanyak 9 unit di Gua Musang, 3 di Tanah Merah, 2 di Machang dan 40 di Kuala Krai. Baki yang lain adalah dalam tindakan dan sedang dibina. Untuk rumah-rumah transit selain rumah kekal telah banyak dibina sebaik sahaja banjir surut dan mangsa-mangsa telahpun berpindah mendiami rumah transit yang dibina tersebut.

Alhamdulillah, hari ini kami bersama-sama dengan Pertubuhan Buddhist Malaysia dan kami di peringkat Kerajaan Negeri Kelantan, sangat menitik berat jalinan hubungan erat antara pelbagai kaum yang ada dan kita mengalu-alukan sebarang bantuan dan kerjasama yang memberi manfaat untuk rakyat negeri ini. Dalam konteks kepelbagaian kaum dan agama di Kelantan termasuklah di negara kita, masyarakat bukan Islam diberi perhatian dan dijaga hal ehwal kebajikan mereka. Malah agama Islam mengarahkan agar setiap tindak tanduk kita hidup bermasyarakat hendaklah tidak menimbulkan rasa tidak selesa hingga menjejaskan ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat. Keupayaan pelbagai kaum untuk duduk semeja dalam merancang pembangunan negeri dan negara adalah satu langkah yang memberi manfaat dan faedah kepada pembangunan negeri serta negara.

Islam menyeru semua agar sikap hormat menghormati dan rasa kasih sayang disemai dengan subur walaupun berlainan agama. Nabi Muhammad SAW telah banyak menunjukkan contoh teladan yang memberi pedoman kepada umat manusia. Antaranya umat Islam dilarang mencemuh dan menghina sembahsan serta ritual agama yang lain, kerana dibimbangi tindakan sebegitu akan mencetuskan reaksi balas yang negatif, seterusnya membawa kepada

persengketaan dan permusuhan yang berpanjangan. Yang penting hidup saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab sebagai salah seorang anggota masyarakat, susah dan senang dipikul bersama. Ini adalah amalan yang kami terapkan di Kelantan ini.

Terima kasih saya rakamkan kepada pihak Pertubuhan Buddhist Merits Malaysia yang bersama-sama membantu memudahkan urusan mangsa-mangsa banjir yang masih lagi sehingga sekarang terasa bebanannya. Semoga Mou ini menghasilkan manfaat yang sangat baik khasnya kepada rakyat yang menjadi mangsa bah kuning baru-baru ini. Terima kasih sekali lagi.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**RAMAH MESRA DENGAN ANGGOTA PENTADBIRAN
NEGERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI TADBIR NEGERI**

25 Syaaban 1436 / 12 Jun 2015
Kediaman Ketua Jajahan Pasir Mas

Firman Allah SWT:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى
عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): Bekerjalah kamu sekalian, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu lakukan; dan kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Mengetahui perkara-perkara ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan. (Al-Taubah: 105)*

Dalam ayat yang dibacakan tadi telah jelas dinyatakan bahawa seruan etika kerja yang telah diperintahkan oleh Allah SWT yang mahukan kita sebagai hamba hendaklah bekerja dengan cara orang yang beriman yakni bekerja dengan ikhlas sebagai salah satu cara pengabdian diri kepada Allah SWT.

Saya yakin dan percaya pihak pegawai tadbir semua telah melakukan gerak kerja ini dan telah memilih kakitangan yang telah dinilai dengan telus untuk melakukan amanah kerajaan negeri. Saya dari pihak kerajaan negeri sangat menghargai para pegawai yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang kerana secara tidak langsung ia mengetengahkan imej kerajaan negeri itu sendiri.

Kehadiran para anggota pentadbiran dan para pegawai tadbir yang bermutu sangatlah ditagih bagi memenuhi dasar dan tanggungjawab Kelantan; Merakyatkan Membangun Bersama Islam. Dasar budaya kerja yang diterapkan melalui konsep Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan sangat perlu dihadami bagi meningkatkan prestasi para pegawai.

Melalui dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam, kita tanamkan keyakinan di kalangan pegawai tadbir dan juga rakyat jelata keseluruhannya bahawa tidak hanya jasmani perlu dibangunkan, bahkan rohani juga perlu dibangunkan. Inilah bezanya manusia dibandingkan makhluk yang lain. Kita meyakini bahawa jika dibangunkan bangunan 100 tingkat sekalipun, tanpa pembangunan rohani, ia tidak akan sampai ke mana. Lebih jauh dari itu lagi, pembangunan yang dibuat di dunia ini sebenarnya hanyalah satu jambatan untuk menuju ke akhirat. Seluruh saff kepimpinan negeri bermula daripada saya selaku Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan semua kakitangan kerajaan adalah penjaga amanah negeri ini. Di sebalik amanah, para pegawai tadbir ini, iaitu kita semua adalah kekuatan bagi kerajaan negeri dalam menyumbang idea kepada kerajaan ke arah memajukan negeri ini.

Sekalipun, kita mempunyai kepakaran yang berbeza, namun pihak kerajaan tetap mengharapkan agar pengalaman dan kepakaran yang berbeza-beza dapat digembeleng ke arah memberikan khidmat yang terbaik. Pengembelengan ini penting dalam memastikan jabatan dan unit masing-masing dapat menyediakan kemudahan yang paling selesa kepada rakyat. Hakikatnya kesemua kita merupakan pengemudi amanah Allah SWT untuk mentadbir dan mengurus mandat rakyat dengan kehendak-Nya.

Perlu saya nyatakan juga khususnya dalam melaksanakan tanggungjawab, sebarang keputusan yang bakal dibuat, haruslah didahului dengan dua peringkat. Pertama, dibincangkan semua fakta dengan teliti secara mesyuarat

dan keduanya, dilaksanakan dengan berhemah. Semasa melaksanakan keputusan, sudah pasti kita berdepan dengan banyak situasi yang perlu kadang-kadang kita raikan.

Ada keadaan yang memerlukan kita bertindak segera, ada juga keadaan yang memerlukan perbincangan lebih lanjut malah adakalanya memerlukan pertimbangan politik. Pengalaman kita di dalam mentadbir negeri Kelantan banyak mengajar kita, apa yang penting kita perlu bersikap bijak di dalam melaksanakan keputusan.

Selama 25 tahun kita telah mentadbir Kelantan, sudah tentu banyak perkara yang telah melalui proses membuat keputusan dalam perkara dasar, ada yang telah sempurna dilaksanakan dan ada yang tertangguh serta ada yang masih belum terlaksana seumpama pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah. Apapun kita tetap berazam dan berusaha sedaya upaya agar setiap langkah yang dilakukan adalah langkah yang berhemah dan tidak memberikan ruang kepada pihak musuh untuk melakukan manipulasi fakta.

Inilah hakikatnya tugas yang kita pikul. Melaksanakannya tidak semudah sebutan di bibir. Justeru, jawatan yang dipikulkan di atas bahu kita bukanlah satu kemegahan, bukan juga satu kebanggaan. Ia adalah amanah yang perlu dilaksanakan. Saya dan semua pegawai akan berdiri di hadapan Allah SWT satu hari nanti untuk menjawab setiap persoalan yang timbul. Oleh yang demikian, jagalah amanah yang digalas pada hari ini sebaik mungkin.

Kita ingin membangunkan negeri ini di atas cita-cita untuk meraih hasanah di dunia dan hasanah di akhirat. Kita berusaha sedaya mungkin untuk menerapkan budaya Ubudiah, Masuliyah dan Itqan bagi memandu setiap warga kerja untuk meyakini bahawa setiap gerak kerja ini akan dinilai oleh Allah SWT. Justeru, kita mentadbir berdasarkan petunjuk wahyu dari Allah

dan bukan berkiblatkan nafsu semata-mata. Apa yang halal kita halalkan, apa yang haram tidak akan kita lesenkan sebagai halal.

Semoga sejarah kegemilangan Kerajaan Saba' di negeri Yaman yang dicatatkan dalam surah Saba' dapat diulangi kecemerlangannya di negeri Kelantan kita di bawah prinsip kecekapan tadbir urus dan kebijaksanaan anggota pentadbiran negeri dan para pegawai tadbir. Selamat bertugas dan menjadikan negeri Kelantan sebagai 'Baladun Tayyibatun' dan seterusnya Allah mengampuni kepimpinan dan rakyatnya.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**MAJLIS SAMBUTAN AMBANG RAMADHAN
PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 1436H/2015M**

26 Syaaban 1436H / 13 Jun 2015M
Masjid Sultan Yahya Petra, Machang, Kelantan.

Firman Allah Taala:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ
الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ
مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا
يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا
هَدَانَكُمُ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: Bulan Ramadan yang diturunkan padanya al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk serta membezakan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan maka hendaklah dia berpuasa; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka) dan digantikan sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa seraya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur. (Al-Baqarah: 185)

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama kita bersyukur kepada Allah SWT yang telah mengizinkan kita berada di penghujung bulan Syaaban dan dalam tempoh tiga hari sahaja lagi akan masuk bulan Ramadhan bagi tahun 1436 Hijriyah. Mudah-mudahan Allah memberi kesempatan kepada kita semua untuk sempat melakukan ibadat dengan pelbagai nikmat yang Allah kurniakan kepada kita khususnya nikmat kesihatan untuk kita meneruskan puasa dan terawih dengan sempurna serta dapat kita mengikuti program tadarus yang telah disusun sepanjang sebulan Ramadhan nanti.

Kedatangan Ramadhan setiap tahun adalah untuk membersihkan rohani manusia supaya menjadi manusia yang taat dan tidak lupa kepada Allah. Bila kita sentiasa mengingati Allah dan taat kepada segala perintahnya maka sudah tentu kita akan merancang hari-hari hadapan dengan memenuhi segala perintah Allah. Ramadhan merupakan bulan yang paling istimewa kepada sekalian umat Islam di seluruh dunia. Ibarat seorang tetamu agung yang datang berkunjung setahun sekali, ia merupakan bulan yang paling ditunggu-tunggu lantaran terlalu banyak keistimewaan dan kelebihan berbanding sekalian bulan-bulan yang lain. Sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran, Ramadhan adalah bulan yang diturunkan padanya al-Quran. Ramadhan juga dipilih oleh Allah SWT sebagai bulan terjadinya peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah kebangkitan Islam, seperti Perang Badar dan *Fathu Makkah*. Selain itu, keutamaan Ramadhan yang sangat penting kepada kita ialah kewajipan berpuasa dan tuntutan untuk merebut kelebihan malam *al-Qadar*, iaitu malam yang lebih baik dari seribu bulan.

Al-Quran yang menjadi sumber perundangan kita yang diturunkan pada bulan Ramadhan mesti diutamakan dan sentiasa dibaca setiap hari. Al-Quran yang diturunkan pada bulan Ramadhan ini antara sifatnya ialah *hudan linnas* atau memberi petunjuk kepada manusia, maka kita kena merujuk dalam apa jua

perkara yang kita lakukan kepada tuntutan al-Quran ini. Kita kena bina aqidah yang sejahtera dan kuat dalam menghadapi cabaran *ghazwatul fikri* yang dahsyat pada hari ini. Peningkatan amal ibadah juga mesti dijadikan agenda penting dengan menjaga roh puasa agar tidak sia-sia amalan yang dilakukan sepanjang kita berpuasa. Sabda Rasulullah SAW:

رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ

Yang bermaksud: “*Berapa ramai orang yang berpuasa tapi tidak mendapat apa-apa daripada puasanya kecuali lapar sahaja*” (Riwayat Ibnu Majah)

Ramadhan juga adalah bulan tarbiyyah, jihad, penghayatan al-Quran dan rapatkan ukhuwwah. Justeru, untuk memastikan segala tuntutan Ramadhan tersebut dipenuhi, adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan kepada kita semua untuk mempersiapkan diri sebaik mungkin. Kita amat berharap dengan penuh rasa kehambaan dan *tawadhu*, agar kita dapat melaksanakan ibadah di sepanjang bulan Ramadhan dengan penghayatan yang paling sempurna dan berkualiti.

Di Ramadhan nanti, perbanyakkanlah bersedekah, berkebajikan untuk mereka yang memerlukan, insyaAllah akan diperluaskan lagi rezeki kita kerana setiap pemberian yang diberikan tidak akan berkurangan bahkan sentiasa bertambah sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

Maksudnya: *Tidak akan berkurang sedikitpun setiap sedekah yang dikeluarkan dari harta.* (Riwayat Muslim)

Kita sering mendengar fadhilat dan keistimewaan bulan Ramadhan, namun sejauh mana kefahaman kita tentang peranan dan fungsi ibadah puasa itu sendiri dalam membina keunggulan rohani dan jasmani umat Islam? Secara

umumnya, terdapat empat faktor pengajaran yang boleh mengubah dan membentuk diri seseorang itu untuk menjadi insan soleh dan bertaqwa hasil daripada pendidikan tarbiah bulan Ramadhan, iaitu:

Pertama : Ibadah puasa menjadikan seseorang Muslim semakin tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Ini sekaligus merupakan suatu dorongan untuk beristiqamah melakukan setiap aspek pekerjaan seharian dengan mematuhi garis panduan dan kehendak syara' di samping mendapat keredhaan dari Allah SWT.

Kedua : Mensyukuri nikmat makanan dan minuman. Ramadan juga menjadikan kita umat yang tahu bersyukur atas nikmat rezeki makan dan minum. Dengan nikmat ini kita rajin beribadah, banyak bersedekah dan suka menghulurkan bantuan kepada golongan yang lemah dan yang memerlukan.

Ketiga : Tabah hati dalam menghadapi pelbagai ujian, cabaran dan dugaan. Asas penting untuk memperoleh sifat ini ialah sifat sabar di sepanjang bulan Ramadan. Sifat sabar tersebut mampu meningkatkan mutu ibadah, menyemai akhlak terpuji, semangat tolong-menolong dalam perkara kebaikan, melahirkan pemimpin yang berkualiti, pekerja yang produktif dan seumpamanya.

Keempat : Ketekunan dalam mengerjakan ibadah. Sifat tekun ini sebahagiannya datang daripada kesungguhan kita melakukan solat taraweh dan amalan tadarus al-Quran. Natijah daripada amalan-amalan tersebut melahirkan modal insan yang bertanggungjawab, adil, berintegriti tinggi, amanah dan mempunyai *haibah* (kehebatan) dalam apa jua lapangan yang diamanahkan.

Dalam menelusuri perjalanan ibadah di sepanjang bulan Ramadhan nanti, suatu perkara yang tidak harus kita lupakan ialah penghayatan ibadah puasa

sebagai suatu konsep pengabdian yang menyeluruh kepada Tuhan sekalian alam. Untuk mencapai maksud tersebut, ibadah puasa tidak sewajarnya dilihat dari sudut luaran sahaja, iaitu sekadar menahan makan minum, bersahur dan bertaraweh. Tetapi tuntutan agar kita turut merasai penderitaan saudara kita yang lain serta menghayati kesusahan yang dialami oleh mereka seumpama saudara kita di Rohingya yang dizalimi, umat Islam di Yaman, di Syiria yang diperangi termasuklah di Palestin penderitaan yang tidak berkesudahan. Wajib kita membantu mereka dengan keupayaan yang kita ada dan apabila masuk bulan Ramadhan, sumbangan kita kepada mereka hendaklah juga dipertingkatkan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan majlis ini, Semoga segala usaha dan gerak kerja yang telah dilakukan akan diberi keberkatan dan ganjaran pahala yang tidak terhingga daripada Allah SWT. Sama-samalah kita turut bermunajat, memohon daripada Allah agar dipermudahkan usaha kerajaan negeri ke arah pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah, semoga segala urusan mendapat rahmat dan diberkati Allah SWT.

Akhirnya, dengan lafaz yang mulia, *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan ini merasmikan Majlis Sambutan Ambang Ramadhan Peringkat Negeri Kelantan dan pelancaran program Tadarus Al-Quran bagi tahun 1436H/2015M di mana teks tadarus pada tahun ini ialah surah al-Nur bermula ayat 46 hingga ayat 52. Semoga kita diberi kekuatan dalam meneruskan kesinambungan perjuangan Islam, dan semoga segala usaha murni yang dilakukan akan mendapat keredhaan dan keberkatan Allah SWT.

**PERASMIAN MESYUARAT AGUNG JAWATANKUASA
PENGELOLA KEMAJUAN SEKOLAH (JPKS) CHERANG
RUKU**

14 Syaaban 1436 / 1 Jun 2015
SMU (A) Nurul Falah Cherang Ruku, Pasir Puteh

Firman Allah Taala:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ
وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ بإِذْنِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ

Yang bermaksud: *Kemudian Kami jadikan al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri, dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului dalam berbuat kebaikan. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar daripada Allah. (Fatir: 32)*

Alhamdulillah, dapat hadir ke majlis perasmian Mesyuarat Agung Jawatankuasa Pengelola Kemajuan Sekolah (JPKS) kali ke-12 pagi ini dan terima kasih atas jemputan merasmikan mesyuarat agung ini sekaligus untuk meraikan anak-anak pelajar bagi menambahkan lagi semangat mereka dan insyaAllah tidak mustahil SMU (A) Cherang Ruku ini akan menjadi salah satu sekolah yang terbaik di bawah YIK.

Saya ucapkan tahniah juga kepada YIK yang telah merangka pelan kecemerlangan bagi sekolah-sekolah YIK dan menerapkan falsafah falsafah pendidikan Islam sesuai dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam yang menjadi tonggak pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam

hal ini sukalah saya ingatkan bahawa falsafah pendidikan Islam ialah falsafah yang berteraskan wahyu sebagai sumber berbeza dengan falsafah pendidikan yang lain. Manakala tujuan pendidikan pula ialah untuk mencari keredhaan Allah SWT.

Ayat yang saya baca tadi berkait dengan kita membangunkan falsafah pendidikan ini dimulai dengan penerapan al-Quran dan pengamalan dengan tuntutananya. Inilah sebenarnya yang menjadi tunjang asas kepada falsafah pendidikan yang telah kita bina di negeri ini iaitu selalu berlumba-lumba untuk mengerjakan kebaikan dan kebajikan.

Di tanah air kita, diperkenalkan falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Akan tetapi penerapan nilai-nilai yang telah dianjurkan oleh al-Quran agak suram dalam falsafah pendidikan hari ini. Suka saya mencadangkan agar kembali kepada Islam yang telah menggariskan falsafah pendidikannya yang tersendiri iaitu menuntut ilmu dengan menerapkan segala suruhan Allah dalam segenap aspek.

Berlandaskan di atas hasrat melaksanakan falsafah pendidikan Islam inilah, sukalah saya mengingatkan bahawa tugas guru-guru di sekolah YIK bukan hanya menyediakan pendidikan sahaja, tetapi memastikan ruh Islam ini hidup di dalam jiwa para pelajar. Para guru dan ibu bapa perlu berperanan ke arah membentuk generasi yang bukan hanya sekadar Muslim tetapi mukmin. Alhamdulillah, sehingga ke hari ini, sekolah-sekolah YIK telah menjadi contoh kepada sekolah lain dan pelajar yang keluar dari sekolah YIK ramai lahir sebagai pelapis kepimpinan di peringkat negeri dan negara.

Oleh sebab itulah, pihak kerajaan negeri sentiasa peka dan mengambil berat terhadap medium pendidikan agama, malah menjadi agenda utama kerajaan

melalui program-program pengemaskinian dan pengukuhan kurikulum, peningkatan pengetahuan dan kemahiran Agama Islam di bawah Yayasan Islam Kelantan. Kerajaan negeri semasa pembentangan bajet 2015 baru-baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM 72 juta ringgit kepada Yayasan Islam Kelantan bagi melaksanakan program-program pendidikan, di samping RM 4 juta ringgit lagi bagi projek pembangunan baru, menaiktaraf dan menyelenggara bangunan sekolah-sekolah YIK. Kerajaan juga telah memperuntuk RM 5.18 juta ringgit bagi pendidikan pra sekolah, aktiviti pelajaran, bantuan pelajaran, dana pendidikan guru YIK dan program pengajian tinggi. Ini adalah usaha kerajaan negeri memertabatkan keunggulan pendidikan di negeri Kelantan.

Saya juga amat berharap agar pihak sekolah memainkan peranan lebih aktif ke arah membentuk generasi ulama yang mampu muncul sebagai pemimpin masyarakat. Pelajar-pelajar perlu dilatih terus menerus di dalam aktiviti gerak kerja berpersatuan kerana ini amat membantu meningkatkan keupayaan seorang pelajar yang bakal terjun ke tengah masyarakat. Alhamdulillah, kepercayaan masyarakat semakin tinggi terhadap golongan ulama yang berpengetahuan agama di dalam bidang urus tadbir.

Para ibu bapa juga sewajibnya memainkan peranan yang penting dalam pembentukan generasi pelapis ini. Guru membimbing di sekolah dan ibu bapa akan terus mendidiknya di rumah dari sudut akhlak, ilmu, ibadat dan lain-lain agar mereka lahir sebagai manusia yang bertaqwa. Ibu bapa perlu bersikap proaktif untuk menyumbang ke arah usaha kejayaan anak-anak mereka selain daripada membantu dalam kebajikan pelajar, guru dan juga pembangunan sekolah.

Kerajaan negeri sangat menitik beratkan tentang kecemerlangan akademik dan memperuntukkan sejumlah kewangan bagi tujuan tersebut. Apa yang

penting ialah lahirnya di negeri ini para pelapis yang sentiasa cemerlang dan menyumbang untuk pembangunan Kelantan suatu hari nanti. Saya sarankan anak-anak pelajar yang cemerlang ini agar sentiasa membina budaya membaca dan menulis. Budaya membaca ini perlu dikuasai dan menjadi amalan seharian para pelajar, bahkan suatu hari nanti mesti anak-anak letak azam untuk mengeluarkan karya sendiri.

Sempena kehadiran saya di sini hari ini, saya ambil kesempatan berpesan kepada anak-anak pelajar agar, pasakkan niat dalam diri bahawa belajar bukan untuk manfaat diri sendiri, akan tetapi untuk masyarakat. Jaga adab dan disiplin dengan guru, hormati mereka dan jadikan mereka sebagai tempat kita berdiskusi dalam pelbagai thaqafah ilmu yang pelbagai di zaman canggih pada hari ini.

Dengan lafaz : *Bismillahir Rahmanir Rahim*

Saya merasmikan Mesyuarat Agung Jawatankuasa Pengelola Kemajuan Sekolah (JPKS) Nurul Falah Cherang Ruku kali ke-12 pada pagi ini.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KOPERASI TENGGU
MUHAMMAD FARIS PETRA 2015**

24 Syaaban 1436 / 11 Jun 2015
Pentas Utama Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV

Assalamualaikum Warahmatullah Dan Salam Sejahtera

Firman Allah Taala:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ وَاتَّقُوا
اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya: *Hendaklah kamu tolong-menolong di atas perkara kebajikan dan ketakwaan, dan janganlah kamu saling tolong-menolong dalam perkara kemungkaran dan permusuhan. Bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya. (Al-Maidah: 2)*

Syukur kepada Allah kerana dapat juga saya menghadiri ke Majlis Perasmian Koperasi Tengku Mohammad Faris Petra pada petang ini, semoga majlis yang diadakan ini dapat mempertautkan jalinan antara keluarga alumni Sekolah Menengah Sains Tengku Muhamad Faris Petra di samping memperkenalkan model perniagaan yang diusahakan oleh alumni sekolah ini. Saya juga mengalu-alukan kehadiran para tetamu daripada luar khususnya dari Thailand, Vietnam, Kemboja serta Indonesia yang turut sama mempromosikan produk-produk ASEAN kepada masyarakat tempatan.

Asas dan matlamat penubuhan koperasi ini adalah menjurus ke arah bantu-membantu dalam meringankan beban rakan koperasi serta ke arah memperluas dan memperkukuhkan semangat saling membantu dan

seterusnya semangat kerjasama ini akan mempunyai kesan positif terhadap sistem ekonomi secara keseluruhan.

Gerakan koperasi bukan sahaja berperanan untuk meningkatkan taraf ekonomi anggota sahaja tetapi juga bersama-sama membantu kerajaan dalam merealisasi pembangunan negeri terutama dalam agenda transformasi ekonomi. Sehubungan dengan itu, gerakan koperasi tidak lagi boleh beroperasi secara konvensional tetapi perlu lebih kreatif dan berinovasi untuk bersaing dalam dunia yang semakin kompetitif. Saya mengharapkan agar koperasi dapat menjalankan aktiviti-aktivitinya secara global, berdaya saing dan dapat merebut peluang dalam pasaran yang semakin kompleks.

Kebanyakan orang, apabila disebut sahaja koperasi, mungkin hanya mengaitkannya dengan aktiviti pinjam-meminjam, memberi perkhidmatan semata-mata kepada anggota koperasi dan masyarakat melalui jualan produk dengan harga yang murah. Walhal, koperasi kini telah jauh melangkah ke hadapan dengan menceburi pelbagai sektor ekonomi berskala seperti pertanian dan industri asas tani, pelancongan, pemborongan dan peruncitan serta perladangan.

Koperasi juga boleh dilihat melalui kebajikan yang diberikan kepada anggota koperasi dan masyarakat. Keuntungan yang diperoleh oleh koperasi digunakan untuk pembahagian tabung kebajikan seperti tabung pendidikan, bantuan kecemasan, biasiswa dan sebagainya. Inilah yang dikatakan koperasi membina kesejahteraan sejagat iaitu dapat membantu masyarakat yang memerlukan bantuan.

Keyakinan masyarakat kita terhadap operasi koperasi sehingga ke hari ini masih lagi ditahap yang tidak boleh dibanggakan. Masyarakat kita tidak sama seperti di Jepun, Korea dan negara-negara maju lain apabila koperasinya menyumbang sebanyak 30 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK). Berbanding di Malaysia, sektor koperasi hanya menyumbang sekitar dua peratus kepada KDNK.

Kita mengharapkan dengan situasi koperasi yang telah melalui evolusi institusi secara beransur-ansur daripada bersifat tradisional kepada moden dan kompleks sama ada melalui proses perundangan, prosedur, tadbir urus dan cara bekerja. Termasuklah dengan sokongan penuh pihak kerajaan, maka koperasi dapat menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan perkembangan semasa untuk memberi manfaat kepada anggota koperasi dan kepada negeri serta negara secara umumnya.

Sejarah gerakan koperasi di negara ini bermula dengan penubuhan The Federated Malay States Posts and Telegraphs Co-operative Thrift and Loan Society Limited yang merupakan koperasi pertama ditubuhkan pada 21 Julai 1922. Kini dikenali dengan nama Koperasi Kakitangan Telekom Malaysia (KOTAMAS). Satu bil perlembagaan dan penguatkuasaan koperasi telah diluluskan pada 1922 yang dinamakan “Co-operative Enactment”. Ia merupakan undang-undang yang diambil daripada undang-undang koperasi yang diluluskan dan diguna pakai di India semenjak 1912. Hasil daripada kewujudan enakmen tersebut, kerajaan telah menubuhkan sebuah badan yang mengawal selia urusan koperasi iaitu Jabatan Kemajuan Kerjasama dan kemudiannya ditukar nama sebagai Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) pada tahun 1922 lagi.

Apapun, matlamat daripada penubuhan koperasi ini adalah sangat baik dalam membangunkan proses ‘ta’awun’ dalam masyarakat. Saya juga mengharapkan dengan adanya pelbagai koperasi Islam pada hari ini, menjadikan penyertaan masyarakat bukan sekadar mampu menyelesaikan masalah secara kolektif, malahan boleh mendekati kaedah muamalat yang lebih Islamik sifatnya.

Sekiranya penyertaan umat Islam dapat digembleng melalui koperasi, umat Islam mampu mempengaruhi pasaran, pengeluaran dan perdagangan bahkan mampu membina kekuatan para pengguna Islam di peringkat antarabangsa. Selain itu, gerakan koperasi Islam sebenarnya mampu meneroka jaringan global antara koperasi-koperasi Islam yang terdapat di negara-negara Islam bagi membina kekuatan pengguna Muslim yang berkesan.

Gerakan koperasi Islam ini juga perlu membuka cawangan-cawangan dengan lebih banyak dan menawarkan produk-produk baru bagi mempertingkatkan sambutan pengguna terhadap gerakan koperasi. Selain itu, koperasi juga hendaklah berperanan lebih jauh, tidak hanya pada anggotanya dan masyarakat setempat malah perlu mengembangkan faedah dan manfaatnya kepada umat Islam sejagat di tempat dan negara lain. Koperasi Islam sewajarnya juga mengatur agenda menolong dan membantu umat Islam yang tertindas di negara-negara lain seperti umat Islam di Palestin, Rohingya sekarang ini.

Sekali lagi saya merakamkan terima kasih di atas usaha pihak alumni Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra ini dan semua pihak yang menjayakan majlis yang diadakan pada petang ini. Dengan lafaz : *Bismillahir Rahmanir Rahim*

Saya merasmikan Pembukaan Koperasi Tengku Muhammad Faris Petra, semoga diberkati oleh Allah SWT .

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**PERASMIAN SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK
KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN, TASIK PERGAU**

15 Jun 2015
Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan

Firman Allah SWT:

رَزَقًا لِلْعِبَادِ وَأَحْيَيْنَا بِهِ بَلَدَةً مَيِّتًا كَذَلِكَ الْخُرُوجُ

Maksudnya: *Semuanya nikmat itu sebagai rezeki bagi hamba-hamba Kami dan Kami telah hidupkan dengan air itu bumi yang mati; Demikianlah juga Kami keluarkan orang-orang yang telah mati dari kubur untuk dibangkitkan hidup semula.* (Qaf: 11)

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita sama-sama kita menjayakan Majlis Perasmian Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Tasik Pergau untuk kali ini.

Saya bagi pihak tuan rumah, khususnya Kerajaan Negeri Kelantan ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan kerana telah berjaya menganjurkan satu ekspedisi saintifik Tasik Pergau yang disertai oleh para penyelidik dan pensyarah daripada pelbagai universiti. Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk mengalakkan apa jua bentuk program yang dianjurkan bagi tujuan memajukan negeri ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa yang bertungkus lumus untuk menjayakan majlis seminar ini.

Saya difahamkan bahawa penganjuran seminar ini adalah lanjutan daripada Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Tasik Pergau 2012 yang

telah diadakan pada 8 hingga 14 Disember 2012 di Hutan Simpan Gunung Basor dan Tasik Pergau. Di mana seminar ini diadakan bertujuan untuk membincangkan hasil penemuan yang telah dikumpul bagi tujuan mendokumentasi dan menjalankan kajian saintifik yang lebih mendalam ke atas kepelbagaian biologi dan ekosistem Tasik Pergau.

Saya membacakan ayat tentang status kehidupan muka bumi ini dengan elemen utama iaitu air. Istilah biologi itu sendiri membawa maksud kehidupan atau *bio* dan dalam bahasa Arab disebut sebagai ilmu *al-Hayat*. Dalam Quran perkataan hayat disebut sebanyak 216 kali dan kebanyakannya disandarkan kepada penurunan air yang menghidupkan muka bumi ini. Daripada ilmu biologi ini sebenarnya Allah ingin mengajar makhluk manusia agar merancang masa depan mereka kerana mereka akan menemui suatu kehidupan selepas mereka mati. Sebagaimana tanah gersang boleh subur, bumi yang kontang boleh ditumbuhi pelbagai tumbuhan maka begitulah juga dengan kita, walaupun jasad kita telah hancur dalam bumi namun benih kita akan tumbuh balik dan kita pasti hidup semula untuk hari pembalasan.

Kita telah sedia maklum bahawa hutan merupakan salah satu khazanah alam yang sungguh menakjubkan dan kaya dengan sumber-sumber semula jadi dengan kepelbagaian biologi. Hutan juga merupakan penyumbang yang besar kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Di samping itu juga, hutan turut menyumbangkan faedah-faedah lain yang tidak ternilai seperti pemeliharaan tanah, kestabilan iklim, pemeliharaan kepelbagaian biologi dan pengwujudan kawasan-kawasan rekreasi serta menjadi punca atau sumber kepada air bersih.

Sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan secara mendadak kesedaran masyarakat setempat dan antarabangsa mengenai kepentingan hutan untuk diuruskan secara lebih cekap lagi dalam menjamin kesejahteraan kehidupan

manusia sejagat. Hutan tidak lagi dilihat sebagai sumber utama untuk pengeluaran kayu balak sahaja. Sebaliknya, permintaan terhadap hutan untuk tujuan perlindungan, pemeliharaan, rekreasi dan juga sebagai gedung ilmu pelbagai bidang yang berasaskan ekologi hutan semakin mendesak dan bertambah penting. Perubahan ini amat ketara sekali dan bertepatan dengan perkembangan globalisasi masa kini.

Kerajaan negeri insyaAllah, berusaha sedaya upaya untuk mewujudkan keseimbangan peranan hutan terhadap pembangunan sosio-ekonomi, pengendalian kestabilan alam sekitar dan pengendalian budaya masyarakat seiring dengan pertumbuhan penduduk negara di masa hadapan. Kita harus bersyukur kerana negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang masih lagi mempunyai kawasan berhutan yang luas. Negeri Kelantan sehingga ke hari ini masih diliputi oleh 862,735 hektar kawasan berhutan atau 54% daripada keluasan tanah negeri ini. Daripada jumlah ini, seluas 623,848 hektar dari kawasan berhutan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di mana 477,508 hektar adalah terdiri dari kawasan hutan pengeluaran dan bakinya seluas 146,341 hektar adalah sebagai kawasan hutan perlindungan.

Beberapa rangkaian kawasan perlindungan telah ditubuhkan bagi tujuan pemuliharaan, penyelidikan, pendidikan dan pengumpulan maklumat. Beberapa buah Hutan Lipur, Hutan Taman Negeri, dan Hutan Perlindungan Hidupan Liar juga telah ditubuhkan di bawah akta yang sama. Selain itu, menyedari keunikan dengan kepelbagaian biologi serta landskap semula jadi yang menarik yang terdapat di negeri ini, kerajaan negeri dalam usaha menjadikan kawasan-kawasan semula jadi ini sebagai produk dan destinasi pelancongan utama negeri. Contohnya seperti Taman Negeri Gunung Stong, Rafflesia di Tanah Tinggi Lojing, flora dan fauna serta panorama yang indah yang mempunyai kecantikan semulajadi dan mempunyai nilai-nilai estatika

yang tidak ternilai harganya. Kerajaan Negeri Kelantan telah komited untuk membangunkan kawasan-kawasan yang mempunyai nilai tambah seperti mewartakan Gunung Stong sebagai Hutan Taman Negeri dan menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan untuk mewujudkan Pusat Rafflesia Lojing.

Saya berharap dengan adanya penglibatan daripada penyelidik-penyelidik ini, adalah diharapkan dapat membantu mengetengahkan beberapa penemuan yang diperoleh daripada ekspedisi yang telah dijalankan supaya dapat menarik lebih ramai lagi pelancong ke Kelantan, sekali gus meningkatkan tahap ekonomi rakyat terutama penduduk di kawasan terbabit.

Di sini suka saya mengingatkan kepada semua, untuk sama-sama menjaga khazanah warisan hutan negara kita agar dapat dinikmati bukan sahaja oleh generasi sekarang tetapi oleh anak cucu kita. Kerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, institusi-institusi penyelidikan, universiti, NGO dan masyarakat tempatan diperlukan bagi mengekalkan dan memelihara khazanah sumber hutan di negara kita.

Saya mengharapkan agar hasil ekspedisi ini dapat digunakan sebagai input tambahan kepada perancangan pengurusan sumber kepelbagaian biologi secara mapan di masa hadapan secara amnya dan di Hutan Tasik Pergau khususnya. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan kedatangan semua peserta seminar ke negeri ini dan seterusnya menikmati keindahan alam sekitar dan keunikan budaya serta penerapan nilai Islam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam. Semoga kunjungan ini dapat memberikan kenangan manis yang sangat bermakna kepada semua.

Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan Tasik Pergau pada kali ini. Semoga diberkati.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**MAJLIS PENYELARASAN PROGRAM KERJAYA DAN
TEMUDUGA TERBUKA SKIM LATIHAN 1 MALAYSIA (SLIM)
PERINGKAT ZON PANTAI TIMUR**

14 Jun 2015
Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu (ILP)

Firman Allah SWT:

وَأَبْتَغِ فِي مَا آتَيْنَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ^ط وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ
الدُّنْيَا ^ط وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ^ط

Maksudnya: *Dan tuntutlah dengan apa yang telah dikurniakan Allah akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu daripada kesenangan dunia; dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu. (Al-Qashas: 77)*

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat juga saya hadir ke majlis sempena Mesyuarat Penyelarasan Program Kerjaya Dan Temuduga Terbuka SLIM Peringkat Zon Pantai Timur ini, mudah-mudahan diberkati.

Pertamanya saya mengalu-alukan kehadiran semua khasnya para tetamu daripada luar Kelantan dan saya rakamkan ucapan terima kasih di atas jemputan untuk saya menyampaikan sepatah dua kata dalam majlis yang sangat bermakna pada pagi ini. Sedar tidak sedar, kita sudah menghampiri bulan Ramadhan yang mulia, akhir minggu ini insyaAllah kita akan memulakan puasa dan sudah tentulah bagi umat Islam, bulan Ramadhan ini adalah bulan yang ditunggu-tunggu bagi meraih keampunan dari Allah.

Program SLIM yang dianjurkan ini adalah merupakan hasil pandangan YAB Perdana Menteri bagi menangani isu graduan yang menganggur atau sukar mendapat pekerjaan setelah menamatkan pengajian. Usaha ini berjalan sehingga sekarang dan ianya adalah langkah baik demi untuk memastikan tiada graduan yang menganggur. Program-program yang disusun khas untuk graduan perlu diagendakan dengan tersusun sebagai langkah bagi meningkatkan kebolehsasaran graduan satu masa kelak.

Bagi mengelakkan kadar pengangguran kepada graduan ini, maka program yang sesuai sama ada dengan penyediaan latihan berbentuk *soft-skill* dan *internship* atau penyediaan modul-modul kerja dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu diadakan secara terancang dan bersistematik.

Saya difahamkan bahawa program SLIM fasa pertama telahpun dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Jun tahun 2011 lagi dan ianya telah disertai dan diberi kerjasama oleh 26 syarikat kerajaan seperti Telekom, TNB, Sime Darby dan juga Bank Negara. Kerjasama sebegini amat diharapkan berterusan demi untuk kita pastikan nilai dan keupayaan kerjaya anak bangsa kita bermutu.

Untuk itu, usaha pihak kepimpinan kerajaan mestilah dipertingkatkan bagi menyediakan modal insan yang berkualiti melalui usaha pemerksaan semua peringkat pengajian iaitu bermula daripada peringkat prasekolah hinggalah kepada peringkat pengajian tinggi dan alam pekerjaan. Pengukuhan di peringkat persekolahan lagi mesti diambil perhatian oleh semua pihak seperti memastikan pihak pengurusan sekolah benar-benar bertanggungjawab ke atas prestasi pelajar, membangun kepimpinan unggul di setiap sekolah dan meningkatkan daya tarikan profesion perguruan bagi menghasilkan guru terbaik.

Dengan adanya penyediaan modal insan dan pengukuhan terhadap pentarbiyahan mereka sebenarnya akan dapat memenuhi keperluan industri dan boleh memperoleh tahap pendapatan yang lebih baik pada masa akan datang. Jadi, melalui program SLIM ini akan melengkapkan lagi usaha pihak kerajaan untuk mewujudkan modal insan yang berkualiti.

Pada hakikatnya, pelaburan generasi muda adalah satu usaha yang amat bernilai kepada pembangunan negara. Graduan muda yang memasuki pasaran pekerjaan adalah aset penting negara. Mereka perlu dididik dan dipupuk untuk menyerlahkan potensi yang terbaik. Dengan menyediakan peluang latihan seumpama ini, terutama bagi peserta dari latar belakang keluarga yang kurang bernasib baik, inilah suatu sumbangan yang sangat penting khasnya bagi membuka jalan kepada graduan-graduan untuk meneruskan kehidupan ke arah yang lebih baik.

Di kesempatan ini, saya ucapkan tahniah kepada graduan yang terpilih untuk menyertai skim ini dan harapan saya agar saudara saudari semua dapat melakukan yang terbaik serta dapat mengambil pengalaman dan ilmu daripada program sepanjang berada dalam program kali ini. Untuk akhirnya, sekali lagi saya rakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang menjayakan program ini, dengan itu, saya dengan rasminya melancarkan SLIM bagi fasa ini, semoga berjaya.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**MAJLIS TADARUS RAMADHAN 1436H BERSAMA WARGA
YIK**

8 Ramadhan 1435H / 25 Jun 2015
Dewan Besar YIK

الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين ولا عدوان إلا على الظالمين والصلاة والسلام على
رسوله الأمين وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين وبعد :
قال الله تعالى :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا
اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ
فَأَنسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ ؕ أُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (yaitu hari Akhirat). Dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan. Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah melupakan Allah, lalu Allah menjadikan mereka itu melupakan diri mereka sendiri (dalam mengerjakan amalan kebaikan). Mereka itulah orang-orang yang derhaka. (Al-Hasyr: 18-19)*

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk sempat beribadat pada bulan Ramadhan tahun ini dengan pelbagai nikmat yang Allah kurniakan kepada kita khususnya

nikmat kesihatan untuk kita meneruskan puasa dan terawih dengan sempurna serta dapat kita mengikuti program tadarus yang telah disusun sepanjang sebulan Ramadhan ini.

Kedatangan Ramadhan setiap tahun adalah untuk membersihkan rohani manusia supaya menjadi manusia yang taat dan tidak lupa kepada Allah. Bila kita sentiasa mengingati Allah dan taat kepada segala perintahnya maka sudah tentu kita akan merancang hari-hari hadapan dengan memenuhi tuntutan Allah. Inilah beberapa penelitian dari ayat yang telah saya baca di awal tadi.

Di Ramadhan ini, perbanyakkanlah bersedekah, berkebajikan untuk mereka yang memerlukan, insyaAllah akan diperluaskan lagi rezeki kita kerana setiap pemberian yang diberikan tidak akan berkurangan bahkan sentiasa bertambah sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

Maksudnya: *Tidak akan berkurang sedikitpun setiap sedekah yang dikeluarkan dari harta.* (Riwayat Muslim)

Al-Quran yang menjadi sumber perundangan kita mesti diutamakan dan sentiasa dibaca setiap hari. Memperingati al-Quran yang diturunkan pada bulan Ramadhan ini antara sifatnya ialah *hudan linnas* atau memberi petunjuk kepada manusia, maka kita kena merujuk dalam apa perkara yang kita lakukan kepada tuntutan al-Quran ini. Kita kena bina aqidah yang sejahtera dan kuat dalam menghadapi cabaran *ghazwul fikri* yang dahsyat pada hari ini. Peningkatan amal ibadah juga mesti dijadikan agenda penting dengan menjaga roh puasa agar tidak sia-sia amalan yang dilakukan sepanjang kita berpuasa. Sabda Rasulullah SAW:

رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ

Yang bermaksud: “Berapa ramai orang yang berpuasa tapi tidak mendapat apa-apa daripada puasanya kecuali lapar sahaja” (Riwayat Ibnu Majah)

Panduan al-Quran ini kita mahu terapkan dalam falsafah pendidikan di negeri kita sepenuhnya iaitu secara syumul. Falsafah pendidikan Islam ini bermaksud falsafah yang berteraskan wahyu sebagai sumber dan penerapannya adalah dengan apa yang dituntut oleh al-Quran itu. Ini berbeza dengan falsafah pendidikan barat. Di Barat, falsafah pendidikan yang diperkenalkan ialah falsafah yang berteraskan fakta semata-mata. Akal fikiran semata-mata dijadikan rujukan teras tanpa sebarang bimbingan wahyu yang menjadikan masyarakat Barat mungkin maju dari sudut pembangunan fizikalnya tetapi hancur dari sudut moral dan akhlak.

Islam telah menggariskan falsafahnya tersendiri dalam pendidikan iaitu mesti dimulai dengan kebesaran Allah. Oleh sebab itu apabila malaikat Jibril ingin mendidik nabi agar membaca disebut dengan nama Allah dahulu sebagaimana dalam surah Al-Alaq:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Maksudnya: *Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan*

Di atas hasrat melaksanakan falsafah pendidikan Islam inilah, suka saya ingatkan bahawa tugas YIK bukan hanya menyediakan pendidikan tetapi memastikan ruh Islam ini hidup di dalam jiwa para pelajar. YIK perlu berperanan ke arah membentuk generasi yang bukan hanya sekadar Muslim tetapi mukmin bila sudah mukmin dengan sendiri kita boleh melahirkan pelajar yang muttaqin dan muslihin iaitu yang bertaqwa dan menjadi agen perubahan serta penegak kebenaran dalam masyarakat.

Pendidikan rohani yang seimbang dan sentiasa diberi pemantauan inilah yang akan melahirkan generasi yang terdidik yang memiliki perasaan gerun dan takut kepada Allah SWT. Kalau kita lihat dalam masyarakat pada hari ini, masalah dan gejala mungkar yang berlaku bukanlah kerana masyarakat tidak berkelulusan tinggi atau tidak tahu, tetapi kerana masyarakat tidak dibekalkan dengan tarbiah rohani yang sempurna yang menyebabkan hilang ketakutan kepada ancaman neraka. Jadi pendidikan tarbawi ini perlu ditekankan di sekolah sekolah YIK.

Kita mesti bina generasi pelapis di YIK dari sekarang dan kita ingin melihat hasil setelah mereka keluar dari universiti satu hari nanti mereka dapat memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat. Perancangan membina generasi pelapis ini mesti ada dalam pemikiran setiap pendidik YIK, barulah kita di peringkat kerajaan sentiasa mempunyai pelapis di masa hadapan. InsyaAllah dengan sentiasa adanya pelapis ini kita berupaya untuk memimpin masyarakat nanti dengan acuan membangun bersama Islam dalam jangka tempoh yang lama dan negeri kita sentiasa diberkati di bawah kepimpinan ulamak.

Setakat itu sahaja, Ramadhan Karim! Wa Ja'alana Minal Maqbuulin

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN PECAH TANAH BANGUNAN BARU 3
TINGKAT SYARIKAT ROHM-WAKO ELECTRONIC SDN BHD**

26 Syaaban 1436 / 13 Jun 2015
Lobi Utama Syarikat Rohm-Wako, Kawasan Perindustrian, Padang
Tembak Pengkalan Chepa

Firman Allah Taala:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya tiadalah bagi seseorang itu melainkan dia memperolehi apa yang diusahakannya”* (Al-Najmu: 39)

Saya bersyukur kerana pada pagi ini dapat kita menjayakan majlis perasmian dan Pecah Tanah Bangunan Baharu 3 Tingkat bagi Syarikat Rohm-Wako ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Rohm-Wako di atas penganjuran majlis ini yang bagi saya sangat bermakna khususnya di dalam membangunkan pertumbuhan ekonomi di negeri Kelantan.

Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang kepada semua hadirin khasnya Duta Jepun di Malaysia yang sebelum ini telah mengadakan kunjung hormat ke pejabat saya, juga kepada YB Dato’ Sri Mustapa Mohamed yang meluangkan masa hadir di majlis pada hari ini seterusnya kepada seluruh urusetia yang merealisasikan acara majlis yang sangat bermakna ini.

Tahniah, di atas kejayaan Rohm-Wako khasnya dalam mengemudi industri elektronik di Kelantan seterusnya di Malaysia. Kilang Rohm-Wako ni antara yang terbesar di Kelantan dan memang cukup terkenal di kalangan masyarakat di sini. Boleh saya katakan majunya kedai-kedai berdekatan

kerana tempias kilang ini yang sangat dikenali di Kelantan. Selain Rohm-Wako dapat melebarkan produk ekonominya ke Kelantan, dalam masa yang sama ia memberi saham dalam pembangunan negeri ini ke arah menjadi negeri yang semakin membangun.

Model ekonomi dan pelaburan yang berteraskan konsep langit terbuka pada hari ini perlu disantuni dengan lebih telus dan gigih. Dari sudut pembangunan ekonomi, Kelantan insyaAllah sedang berusaha menjalinkan hubungan perdagangan yang lebih mantap dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa. Kerajaan negeri sebenarnya serius dengan pelbagai usaha untuk menarik pelabur bagi melabur di Kelantan sama ada pelabur dari dalam atau luar negara.

Kerajaan negeri telah memperuntukan sejumlah peruntukan untuk misi pelaburan luar negara bagi menarik lebih banyak pelaburan asing langsung ke Kelantan dan kerajaan negeri mengunjurkan nilai pelaburan yang dapat dijana sekitar RM 12 billion bagi tempoh 3 tahun bermula tahun lepas.

Menyentuh berkaitan projek ekonomi dan pelaburan seperti nilai, buruh, sistem harga, penggunaan dan pengeluaran, wang dan modal ini, saya tertarik kepada idea dan pemikiran seorang tokoh cendekiawan Islam yang digelar Ibnu Khaldun. Beliau merupakan seorang tokoh ekonomi yang banyak mengengahkan teori ekonomi penting yang mendahului Adam Smith, tokoh ekonomi barat dengan jarak waktu 400 tahun.

Di antara perkara asas yang dinyatakan oleh beliau dalam bukunya yang masyhur iaitu *al-Muqaddimah* ialah beberapa prinsip dan falsafah ekonomi seperti fairness (keadilan), hardworking (kesungguhan), cooperation (kerjasama) dan kesederhanaan dalam mengurus kewangan. Justeru, amalan ekonomi yang tidak bertunjangan diskriminasi perlu menjadi amalan di dalam merancang dan membentuk model ekonomi dan urusniaga yang

berkesan. Perkara inilah yang menjadi pegangan serta yang diamalkan di negeri ini.

Seperkara yang saya ingin kongsi, saya sangat tertarik dengan budaya kerja dan pengurusan ekonomi orang Jepun. Masyarakat Jepun pada hakikatnya sangat terkenal dengan masyarakat yang bekerja secara bersungguh-sungguh dan tekun. Jika diukur pada kerja pejabat, masyarakat Jepun akan bekerja mengikut masa yang ditetapkan dan menjadi perkara yang tersangat aib atau memalukan jika ada di kalangan pekerja yang pulang kerja lebih awal.

Saya difahamkan ketangkasan dan ketekunan orang Jepun bekerja, di mana seorang pekerja di Jepun dapat menghasilkan sebuah kereta dalam masa 9 hari sahaja, sedangkan pekerja di negara lain memerlukan masa 47 hari untuk membuat kereta yang bernilai sama. Seorang pekerja Jepun boleh dikatakan boleh melakukan pekerjaan yang biasanya dikerjakan oleh 5-6 orang yang lain. Perkara ini amat dipuji dan boleh menjadi contoh kepada masyarakat lain. Boleh dikatakan di mana sahaja orang Jepun pergi, mereka akan mengusahakan sesuatu yang bernilai dan dapat memberi manfaat kepada orang lain. Boleh jadi semangat inilah yang membina keupayaan mereka dalam mengurus perniagaan dan lain-lain.

Maka, dengan adanya kilang Rohm Wako yang beroperasi di Pengkalan Chepa ini ditambah dengan bangunan baharu 3 tingkat yang dijangka siap sebelum Ogos tahun depan, akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan dan turut memberi kesan yang baik kepada pembangunan ekonomi di bandar Kota Bharu. Setakat ini saya difahamkan lebih 1,800 orang pekerja warganegara yang bekerja di sini. Ini adalah suatu peluang yang sangat baik khasnya bagi rakyat negeri Kelantan memberi

khidmat di kilang ini serta belajar pengalaman pengurusan daripada teknologi Jepun.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Rohm-Wako yang telah berjaya membina bangunan baru dan memajukan industri elektronik pada hakikatnya ia turut sama memberi imej yang baik dari sudut pembangunan ekonomi negeri ini. Sekian.

**MAJLIS PERASMIAN KOLOKSIUM DASAR BERKEBAJIKAN
DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI KELANTAN**

8 Ramadhan 1436 / 25 Jun 2015
Dewan Konvensyen Kelantan Trade Centre

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا
عَنِ الْمُنْكَرِ وَرَبُّهُمُ الْعَلِيِّمُ

Maksudnya: *Orang-orang yang Kami teguhkan kedudukan serta diberi kekuasaan di muka bumi nescaya mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar; dan kepada Allahlah kembali segala urusan. (Al-Haj: 41).*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini dapat sama-sama kita menjayakan Kolokium Dasar Berkebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan yang telah menjadi nadi perjuangan kerajaan negeri dalam menaungi rakyat negeri ini. Saya rakamkan ucapan tahniah kepada pihak Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Kelantan yang dipengerusikan oleh YB Hajah Mumtaz Mohd Nawawi kerana telah berjaya menyiapkan dasar ini dan serta menganjurkan kolokium yang sangat bermakna ini. Saya turut mengalu-alukan kehadiran pembentang kertas kerja dan para pengulas yang sangat berpengalaman dan *takhsassus* dalam bidang masing-masing untuk lebih menyempurnakan lagi kandungan dasar tersebut.

Apabila kita bercakap soal kebajikan dan kesejahteraan, maka harus difahami bahawa kebajikan menurut al-Quran meliputi kemaslahatan dunia dan akhirat. Ini bermakna sesebuah negeri atau negara yang berkebajikan ialah

negeri yang patuh kepada segala perintah Allah SWT dan dalam masa yang sama mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai agenda utama dalam pembangunan negeri.

Apabila kita mengungkapkan istilah kebajikan berpandukan al-Quran, ianya dibicarakan dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh, iaitu meliputi kemaslahatan dunia dan akhirat. Terdapat beberapa kalimah yang menunjukkan kepada makna ‘kebajikan’ seperti ‘*al-khair*’, ‘*al-hasanah*’, ‘*al-birr*’, ‘*al-ma’ruf*’ dan ‘*al-thoibiyib*’. Dalam bahasa Melayu kalimah-kalimah ini semuanya diterjemahkan dengan makna ‘kebaikan’ dan ia juga memberi makna kebajikan.

Bertepatan dengan tema yang ditetapkan pada dasar ini iaitu, “Negeri Berkebajikan, Membangun Bersama Islam” maka ianya tidak lari daripada matlamat kebajikan yang dikehendaki oleh al-Quran.

Allah SWT apabila menyebut tentang kebajikan, maka akan dinyatakan kesan atau hasil dari kebajikan tersebut. Hasil dari berkebajikan sudah tentulah akan membuahkan kejayaan sama ada kepada individu atau kepada masyarakat.

Firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang berjaya.* (Al-Imran: 104).

Kesimpulannya, ‘Dasar berkebajikan dan kesejahteraan’ ini apabila ingin diterap dalam pentadbiran negeri dan masyarakat ianya membawa maksud:

“Sebuah masyarakat dan negeri yang patuh terhadap segala perintah Allah SWT dan dalam masa yang sama mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai agenda utama dalam pembangunan negeri di samping tidak melupakan tugas amar makruf dan nahi mungkar.”

Secara asasnya, syariah Islam dibina atas dasar membawa kebaikan dan menolak keburukan: atau ia disebut:

(Jalbul-Masolih wa dar'ul-Mafaasid) - (جلب المصالح ودرء المفساد).

Iaitu mendapatkan kebaikan dan menolak keburukan.

Satu pandangan yang menarik dikemukakan oleh Imam Ibnu Hazm terhadap konsep berkebakjikan ini sebagaimana dinyatakan dalam kitab beliau ‘Al-Muhalla’ untuk mencapai asas kebajikan dan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat itu, perlunya ada penerapan beberapa perkara. Antaranya:

1. Memastikan masyarakat dalam sesebuah negeri atau negara mendapat makanan, pakaian dan minuman yang sempurna.
2. Memastikan masyarakat mendapat pendidikan yang sempurna.
3. Menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat dengan meluas.
4. Memelihara keselamatan nyawa, harta dan kehormatan masyarakat.
5. Menyediakan kemudahan pengangkutan kepada masyarakat.

Pada hakikatnya, ‘Dasar berkebakjikan dan kesejahteraan’ ini telah wujud semenjak wujudnya negara Islam Madinah lagi, bahkan ianya telah dipraktikkan sendiri di zaman para anbiya’ sebelum Rasulullah SAW. Konsep ‘Berkebakjikan dalam pemerintahan’ juga sebenarnya selaras dengan konsep sebuah negara Islam yang telah dilaksanakan di zaman kegemilangan Islam dahulu. Keadilan dan kesaksamaan yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW,

Khulafa' al-Rasyidin, Khalifah Umar Abdul Aziz dan lainnya menjadi bukti sejarah bahawa negara Islam adalah merupakan negara yang berlandaskan 'Negara Berkebajikan Dan Memacu Kesejahteraan'. Konsep mengenai 'Berkebajikan' ini telah lama dijelas secara terperinci dalam al-Quran. Berkebajikan itu sendiri tidak hanya tertumpu kepada kerja, malah orang (iaitu pemimpin dan rakyat) juga mesti membangunkan diri masing-masing untuk menjadi manusia yang baik atau berkebajikan kepada diri sendiri. Firman Allah SWT:

❦ لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ.... إِلَى آخِرِ
الآيَةِ..

Maksudnya: *Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, hari akhirat, para malaikat, al-kitab, dan sekalian para Nabi...(Al-Baqarah: 177)*

Asas utama dalam berkebajikan itu ialah kita memastikan diri kita beriman kepada Allah, apabila kita telah berkebajikan dan melakukan kebaikan kepada diri kita sendiri maka amat mudah untuk diterapkan kebaikan ini ke dalam masyarakat. Ini juga menunjukkan bahawa objektif dan konsep daripada penerapan dasar berkebajikan dan kesejahteraan itu sendiri mesti berkait dengan pemimpin yang beriman dan berbudi. Konsep kebajikan juga berkait dengan hak Tuhan, adanya perhitungan dosa dan pahala dalam setiap tindak tanduk sama ada ibadat, muamalat, munakahat dan jinayat. Dalam erti kata lain, berkebajikan juga tidak boleh dipisahkan antara elemen syariat tersebut. Sebagaimana kita berkebajikan dalam rumahtangga dan muamalat

seharian maka begitulah juga kita mesti berkebijakan dalam berpolitik menerajui negeri dan negara ini.

Islam meletakkan politik sebahagian daripada agama. Mereka yang memerintah negeri dan negara akan disoal di akhirat kelak. Bukan sahaja kerana sembahyangnya tetapi termasuk urusan negeri dan negaranya. Pemimpin akan ditanya tentang hak terhadap rakyatnya. Begitulah juga rakyat akan ditanya hak ke atas pemimpinnya. Kita tidak mahu menerapkan konsep berkebijakan mengikut taarif sekular Barat iaitu agama terpisah daripada politik. Dengan memasuki politik kita mesti buat apa sahaja. Pemimpin yang selamat di mahkamah Allah ialah yang berkebijakan mengikut kaca mata Islam dan buka menipu serta menindas rakyat.

Di peringkat Kerajaan Negeri Kelantan, dasar berkebijakan ini telah diterap khasnya kepada golongan wanita. Pada tahun 2005, Dasar Wanita Negeri Kelantan telah dibukukan bersama dengan dasar-dasar kerajaan yang lain sebagai dokumen rasmi kerajaan. Dokumen tersebut dikenali sebagai Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim. Melalui beberapa mesyuarat dan seminar, draf Dasar Wanita telah dimantapkan untuk menjadi garis panduan kepada kerajaan negeri melaksanakan program pembangunan wanita dan langkah-langkah perlindungan bagi menjamin kepentingan golongan wanita di negeri ini. Kerajaan negeri telah menubuhkan Unit Pembangunan Wanita Kelantan (UPWK) bagi merancang, menyusun dan mengawal program pembangunan wanita melalui usaha yang distrukturkan di bawah kerajaan negeri. Alhamdulillah sehingga kini, kerajaan sentiasa berikhtiar untuk memastikan kaum wanita di Kelantan akan terus maju dalam semua bidang. Sehubungan itulah kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM 4.75 juta di bawah Program Pembangunan Keluarga dan Wanita yang antaranya meliputi program kebajikan keluarga dan masyarakat, majlis perundingan wanita, bantuan bagi orang kelainan upaya (OKU), pendidikan awal kanak-

kanak, latihan wanita, rumah perlindungan sinar harapan termasuklah program pembangunan jati diri dan kesejahteraan rakyat. Untuk membela golongan *armalah*, kerajaan negeri terus berkebijakan dengan mengekalkan peruntukan sebanyak RM 2.5 juta bagi tahun 2015 ini.

Kita menyedari bahawa untuk meyempurnakan Dasar Berkebijakan dan Kesejahteraan ini memerlukan gabungan tenaga padu antara golongan lelaki dan wanita. Firman Allah S.W.T ;

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.* (Al-Taubah: 71)

Alhamdulillah, sehingga kini Allah memanjangkan usia Kelantan dengan Dasar Membangun Bersama Islam atau MBI yang sejak sekian lama diterapkan dalam pentadbiran negeri. Kini, dasar ini telah memasuki fasa kedua dengan kita masyhurkan sebagai 'Merakyatkan Membangun Bersama Islam' atau MMBI sebagai suatu perancangan program bersepadu untuk memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama di mana kita memfokuskan beberapa strategik tertentu bagi mencapai matlamat misi 'Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan' iaitu dengan memberi tumpuan kepada tujuh nilai teras Merakyatkan Membangun Bersama Islam iaitu:

- 1) Amalan Kebersihan;
- 2) Menyempurnakan Solat;
- 3) Pembangunan Pendidikan;
- 4) Menyuburkan Kebudayaan dan Kesenian;
- 5) Menangani Gejala Sosial;
- 6) Menerajui Pembangunan Ekonomi; dan
- 7) Penyelidikan dan Penilaian.

Dalam arus pendidikan negeri umpamanya, kerajaan negeri melalui Yayasan Islam Kelantan telah menubuhkan beberapa Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat dan Maahad Tahfiz Sains yang melahirkan ramai para huffaz dan ingin memastikan setiap jajahan memiliki sekolah tahfiz al-Quran. Apa yang penting ialah produk maahad tahfiz termasuk maahad tahfiz sains telah berjaya melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang sains dan teknologi yang dalam masa yang sama mempunyai kemahiran tentang al-Quran. Kesejahteraan masyarakat di negeri ini dapat dijayakan melalui acuan pendidikan sama ada di peringkat YIK atau melalui pendidikan pondok. Kita boleh berbangga dengan pencapaian anak-anak pelajar daripada sekolah YIK dan hal ini meletakkan pendidikan Islam Kelantan menjadi rujukan kepada negeri-negeri lain, terutama dari segi sukatan pengajian serta keberkesannya. Sehingga kini, kurikulum YIK dipakai di beberapa sekolah agama di Johor, Selangor dan Sarawak. Malah YIK turut mengeksport kepakarannya sampai ke Kampuchea bagi mendidik masyarakat Islam di sana.

Meneruskan dasar kesejahteraan rakyat ini, umpamanya dalam sektor pertanian yang menjadi punca rezeki utama kepada rakyat negeri ini, kita juga menerapkan aspek kebajikan dan kesejahteraan, dengan itu, pada tahun 2009 kerajaan negeri telah melancarkan kempen “Bertani Satu Ibadah.” Secara tersirat kempen ini adalah satu mesej kerohanian pihak kerajaan negeri

kepada para petani, betapa segala usaha titik peluh para petani, peladang, penternak dan nelayan adalah sebahagian daripada amal ibadat yang menjadi suruhan agama dan inilah asas kebajikan yang perlu dititikberatkan.

Usaha-usaha kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat tidak pernah diabaikan, sebab itu tema Belanjawan 2015 kerajaan negeri adalah ‘Kesejahteraan Rakyat Keutamaan Negeri’ ini sesuai dengan hasrat kerajaan yang mengutamakan kebajikan ketika menaungi rakyat negeri ini. Strategi untuk mencapai hasrat ini antaranya kerajaan mengenalpasti dan memberi tumpuan khusus kepada program dan projek yang dapat membangunkan ekonomi rakyat. Oleh itu, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh mengadakan aktiviti ekonomi ke arah memaksimumkan pendapatan negeri. Kita menumpukan juga untuk mendapat punca-punca hasil dalam aspek pengurusan dan pemajuan khazanah asli yang ada.

InsyaAllah, untuk wawasan yang lebih jauh lagi kita mendoakan negeri Kelantan dilimpahi keberkatan, kemakmuran serta kebajikan hasil daripada pemantapan pegangan agama dan kepelbagaian gerakan dakwah serta diperkukuhkan dengan kecekapan jentera pentadbiran awam beraras tinggi. Negeri dan rakyat Kelantan turut dilimpahi kemakmuran hasil daripada pengukuhan kewangan negeri dan peningkatan sosio-ekonomi rakyat. Semoga rakyat dan negeri bersama-sama dalam menerajui proses urbanisasi bernilai tambah yang penuh ciri-ciri keislaman. Untuk akhirnya tahniah sekali lagi di atas penganjuran kolokium ini dan terima kasih kepada pembentang termasuklah pengulas dan moderator yang sudi mengembangkan idea serta pandangan dalam kolokium hari ini. Dengan lafaz: *Bismillahir Rahmanir Rahim*

Saya rasmikan Kolokium Dasar Berkebajikan Dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan.

**MAJLIS PERASMIAN DAN PENYERAHAN KUNCI RUMAH
BANTUAN BANJIR DESA DARUL EHSAN**

17 Jun 2015
Simpang Tiga, Manek Urai Kuala Krai Kelantan

Firman Allah SWT:

أَنَا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾ ثُمَّ شَقَقْنَا الْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾

Yang Bermaksud: *Sesungguhnya Kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan. Kemudian Kami belah-belahkan bumi dengan belahan yang sesuai dengan tumbuh-tumbuhan.* ('Abasa: 25 dan 26)

Alhamdulillah, syukur kepada Allah kerana pada pagi ini dapat bersama-sama kita turun ke Kuala Krai dalam rangka menyempurnakan urusan penginapan mangsa-mangsa banjir. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada YAB Menteri Besar Selangor beserta rombongan di atas keprihatinan terhadap mangsa banjir di negeri ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang menjayakan serta berusaha bersungguh-sungguh dalam membantu mempermudah penginapan mangsa-mangsa banjir di sini khususnya.

Pasca banjir besar baru-baru ini, masih lagi meninggalkan satu kesan trauma kepada ramai penduduk di negeri ini, namun Alhamdulillah, dengan nikmat kurniaan Allah, rezeki kepada negeri Kelantan datang mencurah-curah dan Allah yang menurunkan hujan serta menumbuhkan tumbuhan, Dialah juga yang memulihkan semula lokasi-lokasi banjir dengan memudahkan urusan pemulihan semula khasnya untuk dalam pembinaan penempatan kepada mangsa banjir. Bantuan yang datang tidak putus-putus ini adalah suatu anugerah Allah kepada kita, dan saya mewakili kerajaan negeri merakamkan

penghargaan dan jazakumullah khairal jaza' kepada YAB Tuan Azmin Ali yang menunjukkan keprihatinan beliau sejak awal banjir lagi. Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan sumbangan RM 1 juta yang telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Selangor sendiri pada tarikh 26 Disember 2014 lalu di Pusat Operasi Banjir Masjid Telipot setelah bilik gerakan banjir di SUK dinaiki air.

Setakat hari ini, pembinaan bantuan rumah kekal kepada mangsa-mangsa banjir yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan berjalan sebagaimana yang telah dirancang. Kami di peringkat kerajaan telah menyelaraskan pembinaan ini dan melalui Tabung Amanah Bencana Negeri, sebanyak 134 unit rumah kekal mangsa banjir dalam tindakan sedang dibina oleh pihak pejabat-pejabat tanah di beberapa jajahan antaranya di jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Tumpat, Kota Bharu dan Pasir Mas.

Komitmen yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri sama ada melalui Tabung Amanah Bencana Negeri, termasuklah melalui dana sumbangan oleh Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, sebanyak 450 unit telah diambil tindakan. Alhamdulillah, sehingga kini, sebanyak 785 unit sedang dalam tindakan dengan 76 unit telah siap sepenuhnya sementara 440 unit sedang dalam pembinaan. Adapun untuk pembinaan rumah-rumah transit telah dan sedang dipersiapkan oleh NGO juga kerajaan di semua lokasi banjir dan insyaAllah kita akan selesaikan masalah mangsa banjir yang masih berada di khemah-khemah secara terbaik.

Khusus di Kuala Krai sahaja, sebanyak 1,257 rumah daripada keseluruhan jumlah rumah *total loss* iaitu 1,823 telah dikenal pasti daripada jumlah tersebut, 789 orang berpindah dan menetap di rumah saudara mara mereka,

338 yang dipindahkan ke rumah transit dan juga rumah sewa dan setakat awal Jun baru-baru ini seramai 130 yang masih berada di khemah. Baru-baru ini kerajaan negeri telah menyediakan seluas 30 ekar tanah di Telekung dan kita telahpun memulakan proses pembinaan rumah kekal di sana melalui sumbangan Lembaga Zakat Selangor.

Setakat ini di beberapa lokasi seperti di Batu Jong Mengkebang, 8 unit telah siap, Kg Tualang, Kg Pahi, Kg Tok Bok sebanyak 10 unit dalam pembinaan, di Laloh Manek Urai 4 daripada 10 unit telahpun siap. Yang telah siap ini kita harapkan dapat diusahakan urusan letrik dan air dengan cepat bagi memudahkan mangsa banjir mengurus kehidupan mereka di Ramadhan dan seterusnya menjelang hari raya nanti. Alhamdulillah, sehingga kini, sebanyak 785 unit sedang dalam tindakan dengan 76 unit telah siap sepenuhnya, 440 unit sedang dalam pembinaan dan 269 unit telah dikenalpasti untuk dilaksanakan segera.

Saya mengambil kesempatan di sini merakamkan berbilang penghargaan dan terima kasih kepada YAB. Menteri Besar Selangor di atas penyempurnaan majlis serah kunci pada pagi ini. Terima kasih juga kepada semua NGO dan semua pihak termasuk orang perseorangan yang sehingga kini terus menerus menyumbang dan tidak dilupakan kepada pihak ketua jajahan di sini, wakil rakyat, penghulu dan semua yang sampai sekarang masih tidak berehat dalam memikirkan urusan rakyat yang menjadi mangsa banjir baru-baru ini.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**MAJLIS PERASMIAN TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT
NEGERI KELANTAN KALI KE-58**

29 Mac 2015
Pekarangan Masjid Ibrahim, Pasir Puteh, Kelantan

Firman Allah SWT:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ
يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya al-Quran ini memberi hidayah ke arah jalan yang paling lurus dan memberi berita gembira kepada orang mukmin yang mengerjakan amal kebaikan, bahawa bagi mereka ganjaran yang besar.* (Al-Isra': 9)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran di panjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin, taufik dan inayah-Nya maka Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan Kali Ke-58 berjaya dilangsungkan dalam suasana yang sangat baik ini, di bawah limpahan rahmat Allah SWT insyaAllah.

Tema penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran pada kali ini ialah “**Al-Quran Asas Kekuatan Ummah**”. Tema ini bersesuaian dengan kitab al-Quranul Karim sebagai sumber kekuatan ummah. Hari ini, umat Islam keseluruhannya seakan-akan mencari-cari sumber kekuatan yang boleh dijadikan inspirasi ke arah mencapai misi dan visi dalam kehidupan, sama ada di peringkat individu, organisasi, masyarakat atau negara.

Hakikatnya, ramai yang terlupa bahawa sumber kekuatan utama kepada sekalian umat Islam sudah sedia terhidang di hadapan mata mereka. Apa yang perlu dilakukan, tidak lain dan tidak bukan adalah kembali kepada ajaran dan

hidayah al-Quran. Justeru, semua pihak perlu menghayati al-Quran sebagai panduan dan tatacara untuk menjalani kehidupan sejahtera.

Kita sangat mengharapkan agar pengajian-pengajian ilmu al-Quran digerakkan secara aktif di masjid-masjid dengan menggunakan pelbagai jenis kitab yang telah disusun oleh para ulama. Saya mencadangkan agar para tenaga pengajar di masjid dan surau seperti guru Halaqat turut sama didedahkan dengan metodologi penafsiran al-Quran untuk memudahkan mereka menyebarkan kefahaman al-Quran apabila berada di tengah-tengah masyarakat. Kita sangat berharap lahirnya lebih ramai tokoh-tokoh dari negeri Kelantan yang dapat berhujah dengan menggunakan al-Quran dalam pelbagai aspek. Kita sering mendengar nama-nama seperti almarhum Ahmad Deedat, Dr Yusof Al-Qaradhawi, dan nama-nama lain yang terkenal sebagai tokoh-tokoh yang berhujah dan menulis dengan menggunakan al-Quran. Diharapkan negeri Kelantan dapat mengeluarkan tokoh seperti itu dengan lebih ramai.

Di negeri Kelantan ini, kita telah berusaha setakat ruang kuasa yang kita mampu untuk mendaulatkan al-Quran di dalam pentadbiran. Terkini kita telah meluluskan Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II (1993) Pindaan 2015 pada 19 Mac lepas dan insyaAllah kita akan meneruskan usaha membawa rang undang-undang persendirian ke sidang parlimen bagi mendapat kebenaran untuk Kelantan melaksanakan Kanun Jenayah Syariah.

Harapan saya agar semua pihak dapat memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Usaha ini bukan untuk kepentingan politik mana-mana pihak, tetapi ia merupakan kewajipan kita semua terhadap al-Quran. Sebagaimana wajib untuk kita bersolat dan berpuasa, demikianlah wajibnya kita berusaha untuk menegakkan undang-undang Allah SWT di muka bumi ini khasnya di negeri Kelantan yang kita kasihi.

Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri bagi Kali Ke-58 yang diadakan ini juga menggambarkan usaha yang serius dan berterusan pihak kerajaan negeri khususnya untuk mendaulatkan al-Quran sebagai asas kekuatan ummah. Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga sentiasa memberi penekanan yang serius terhadap usaha membangunkan insan yang berjiwa al-Quran di kalangan masyarakat, selaras dengan slogan “Merakyatkan Membangun Bersama Islam”.

Kita bukan sahaja menganjurkan program-program yang menyentuh soal-soal pembangunan material, tetapi lebih penting lagi, adalah program dan aktiviti yang boleh menggilap potensi kecemerlangan diri dan keunggulan syakhsiiyah. Sejak dari awal tempoh pentadbiran kerajaan lagi, kita sentiasa sedar dan insaf bahawa matlamat untuk mewujudkan ‘khairal ummah’ memerlukan penekanan yang seimbang antara tuntutan duniawi dan ukhrawi.

Pada kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada sekalian yang hadir agar melakukan proses muhasabah diri berkenaan amalan dan penghayatan al-Quran di dalam diri dan keluarga masing-masing. Sebagai ketua keluarga, suami atau bapa merupakan orang yang paling utama untuk memulakan langkah ke arah membudayakan amalan membaca, mempelajari, mengkaji dan menghafaz al-Quran serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Kunci kejayaan sesebuah keluarga, begitu juga rahsia kecemerlangan ummah adalah bergantung kepada sejauh mana kita berpegang kepada ajaran dan petunjuk al-Quranul Karim.

Justeru, bersempena dengan majlis tilawah al-Quran yang mulia ini, marilah kita semua sama-sama kembali kepada kitab suci al-Quran sebagai asas kekuatan, dalam usaha mencapai kejayaan yang seimbang di dunia dan akhirat.

Tidak lupa juga, saya bagi pihak kerajaan negeri merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh serta semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan majlis yang sangat bermakna ini.

Akhirnya, dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya dengan ini merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Kelantan Kali Ke-58 Bagi Tahun 1436H/ 2015M. Semoga segala usaha murni dan curahan tenaga yang telah diberikan untuk menjayakan majlis ini akan mendapat keredhaan dan keberkatan Allah S.W.T.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS SAMBUTAN JUBLI PERAK MEMBANGUN BERSAMA
ISLAM**

14 Mac 2015
Stadium Sultan Mohd IV

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ الْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya, dapat bersama-sama kita berada di dalam Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak Membangun Bersama Islam Peringkat Negeri Kelantan. Saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua hadirin hadirat yang memberikan komitmen yang tinggi untuk hadir ke majlis yang penuh bermakna ini. Tidak dilupakan kepada pihak urusetia yang menjayakan sambutan kali ini. Semoga dengan segala sumbangan yang kita berikan diberi ganjaran yang berlipat ganda di sisi Allah SWT.

Kemenangan Angkatan Perpaduan Ummah di Kelantan dalam pilihan raya umum tahun 1990 dan perlantikan Allahyarham Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar merupakan peristiwa yang penting dalam sejarah politik tanah air. Sosok ulama telah mentadbir kerajaan negeri dengan jayanya dengan dasar Membangun Bersama Islam. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, namun pencapaiannya dapat dilihat peringkat demi peringkat dengan jayanya.

Allahyarham Tok Guru telah meletakkan asas yang bersepadu dalam pembangunan negeri iaitu pembangunan untuk kepentingan dunia dan kepentingan akhirat. Kini, setelah 25 tahun kerajaan negeri ini membangun

dengan dasar Islamnya dan Kelantan telah mendapat perhatian bukan sahaja di seluruh negeri bahkan di negara luar.

Apabila diteliti kepada sejarah pentadbiran Rasulullah SAW, Baginda adalah Perdana Menteri Negara Islam pertama yang berjaya memimpin sebuah negara bermasyarakatkan pelbagai kaum. Rasulullah pernah membuat perjanjian bertulis dengan musuh tradisi iaitu Yahudi di Madinah. Baginda juga turut mengirim surat-surat kepada raja-raja yang ada di sekitar Semenanjung Arab serta mempunyai cap mohornya sendiri. Ini menunjukkan asas-asas pentadbiran negara telah diletakkan oleh baginda sendiri.

Rasulullah telah mentadbir dengan asas-asas Islam yang kukuh dengan merakyatkan segala tuntutan Islam agar terpahat dalam hati penduduk Negara Madinah. Menyedari hakikat itulah, Kerajaan Kelantan juga memperkenalkan dasar Membangun Bersama Islam dengan berpaksikan Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI) apabila diberikan mandat oleh rakyat pada tahun 1990. Membangun Bersama Islam dengan maksud kita akan terus memacu pembangunan selari dengan landasan yang ditentukan oleh Allah.

Kesan amalan melalui 3 teras ini menjadikan pentadbiran kerajaan negeri telah mencetuskan perubahan dan transformasi Islamik yang mengikut lunas-lunas Islam serta melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab dan rakyat yang sentiasa memberi ketaatan kepada pemimpin mereka.

Zaman kegemilangan Kelantan sebagai serambi mekah dengan tradisi keilmuan telah cuba diulang kembali oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar. Tok Guru telah cuba menzahirkan bahawa pemikiran sekular penjajah yang berakar umbi di tengah-tengah tamadun bangsa kita adalah palsu. Akhirnya beliau berjaya

membuka mata dan minda rakyat, serta meyakinkan banyak pihak bahawa “Islam Boleh” dan hanya Islam yang layak diterima dan dipakai.

Tok Guru amat memahami, bahawa tanggungjawab sebagai ketua kerajaan bukan setakat menjaga masalah rakyat di dunia ini sahaja, malah akhirnya sekali. Pemahaman yang mendalam beliau terhadap ilmu Islam, keikhlasan dalam perjuangan dan komitmen yang tinggi untuk mewujudkan sebuah “Daulah Islam” serta dihiasi dengan akhlak terpuji, merupakan aset utama yang ada pada Tok Guru, sehingga beliau tampil sebagai seorang tokoh pemimpin yang unik serta digeruni.

Tok Guru pernah menjelaskan bahawa, ketika rakyat memberi amanah kepada sebuah parti Islam untuk memerintah dan mengurus tadbir negeri Kelantan pada tahun 1990 dahulu, sukar bagi beliau untuk mengambil sebuah negara Islam di dunia ini, untuk ditiru dan dirujuk. Oleh itu beliau bersama dengan saf pimpinan kerajaan dan parti terpaksa mereka cipta sebuah bentuk pemerintahan Islam dengan mengambil kira latar belakang masyarakat dan budaya setempat.

Oleh kerana kita dianugerahkan Allah dengan al-Quran dan berpandukan al-Sunnah, di bawah pimpinan beliau, kita berjaya mengurus tadbir negeri Kelantan sampai ke suku abad, sebagaimana yang kita saksikan pada hari ini. Kekuatan yang diyakini oleh Tok Guru, dahulu, kini dan selama-lamanya ialah kebergantungan yang tinggi kepada Allah, berpegang kepada sumber syarak dalam setiap tindakan dan perancangan yang diatur dan dilaksanakan. Inilah juga yang menjadi pegangan saya dan kita semua pada hari ini. Saya amat berbangga dan merasa beruntung sekali dapat mempelajari ilmu serta pengalaman selama mana bersamanya dalam mengurus tadbir negeri ini.

Apabila Kelantan ditadbir oleh kepimpinan ulama dengan pelbagai agenda yang membangunkan negeri, pelbagai agenda islamik turut digerakkan. Sebagai contohnya, di permulaan kita mentadbir, kerajaan negeri pada 1992 memperkenalkan sistem gadaian Islam (Al- Rahn). Ekoran langkah tersebut pajak-pajak gadaai konvensional-riba tidak lagi mendapat sambutan sehingga banyak yang terpaksa menutup operasi. Al-Rahn kemudian diperkembangkan ke seluruh Kelantan dan negeri-negeri lain. Malah sistem yang dipelopori oleh kita inilah menjadi perintis kepada pelbagai agensi kewangan di bawah kawalan kerajaan pusat.

Pada fasa kedua menjayakan dasar Membangun Bersama Islam, kita telah masyhurkan dengan pelan 'merakyatkan' sebagai suatu perancangan program bersepadu untuk memastikan persoalan teras cara hidup warga Kelantan bertambah mantap berpandukan prinsip hidup beragama di mana kita memfokuskan beberapa strategik tertentu bagi mencapai matlamat misi 'Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan' iaitu dengan memberi tumpuan kepada tujuh nilai teras Merakyatkan Membangun Bersama Islam:

- 1) Amalan Kebersihan;
- 2) Menyempurnakan Solat;
- 3) Pembangunan Pendidikan;
- 4) Menyuburkan Kebudayaan dan Kesenian;
- 5) Menangani Gejala Sosial;
- 6) Menerajui Pembangunan Ekonomi; dan
- 7) Penyelidikan dan Penilaian.

Agenda yang menjadi keutamaan saya ketika ini ialah menegakkan Kanun Jenayah Islam di Kelantan yang telah kita gerakkan semenjak tahun 1993 lagi. Kita terus komited untuk memastikan tahun 2015 sebagai tahun pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Pelaksanaan Kanun Jenayah

Syariah yang kita tumpukan ini adalah semata-mata kita inginkan keredhaan Allah dan kita ingin didik seluruh rakyat khususnya yang beragama Islam agar dapat menerima sepenuhnya pelaksanaan hukum Allah yang sudah lama tersembunyi di sebalik kuasa penjajah. Sama-sama kita mendoakan agar hasrat murni ini berjaya apabila rang undang-undang persendirian dibawa ke persidangan Dewan Rakyat terdekat.

Kerajaan negeri melalui Yayasan Islam Kelantan setelah menubuhkan beberapa Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat dan Maahad Tahfiz Sains yang melahirkan ramai para huffaz. Malah menjadi keutamaan kerajaan negeri untuk memastikan setiap jajahan memiliki sekolah tahfiz al-Quran. Kini, kita sedang membina sebuah lagi Maahad Tahfiz Tok Guru di Pengkalan Chepa dan insyaAllah akan beroperasi apabila siap sepenuhnya nanti. Apa yang penting ialah produk maahad tahfiz termasuk maahad tahfiz sains telah berjaya melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang sains dan teknologi yang dalam masa yang sama mempunyai kemahiran tentang al-Quran.

Kita boleh berbangga dengan pencapaian anak-anak pelajar daripada sekolah YIK dan hal ini meletakkan pendidikan Islam Kelantan menjadi rujukan kepada negeri-negeri lain, terutama dari segi sukatan pengajian serta keberkesanannya. Sehingga kini, kurikulum YIK dipakai di beberapa sekolah agama di Johor, Selangor dan Sarawak. Malah YIK turut mengeksport kepakarannya sampai ke Kampuchea bagi mendidik masyarakat Islam di sana.

Kerajaan negeri di bawah dasar Membangun Bersama Islam turut memperkasa sektor pertanian sebagai bidang utama yang menjadi punca rezeki kepada rakyat. Oleh itu, pada tahun 2009 kerajaan negeri telah melancarkan kempen “Bertani Satu Ibadah.” Secara tersirat kempen ini adalah satu mesej kerohanian pihak kerajaan negeri kepada para petani,

betapa segala usaha titik peluh para petani, peladang, penternak dan nelayan adalah sebahagian daripada amal ibadat yang menjadi suruhan agama.

Selain itu kerajaan negeri juga meletak harapan untuk menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Sehingga kini usaha ke arah itu sedikit sebanyak membuahkan hasil apabila beberapa sektor pengeluaran pertanian terutamanya buah-buahan sehingga kini memasuki pasaran di luar Kelantan. Ia diikuti dengan usaha pertanian tanah tinggi Lojing bagi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran melalui cadangan pembinaan pusat pengumpulan hasil berasaskan teknologi penyimpanan bilik sejuk.

Kerajaan negeri telahpun menyusun program-program untuk membangunkan sektor ini seperti program pembangunan industri padi, program pembangunan industri pelbagai komoditi, pembangunan industri sayuran dan buah-buahan serta program pembangunan usahawan. Menyedari kepentingan produk halal untuk keperluan umat Islam pada masa ini. Kita menggalakkan usahawan tani mendapatkan persijilan halal bagi produk-produk keluaran mereka khasnya dalam membantu usahawan-usahawan tani dalam menaik taraf bengkel premis bagi memenuhi kriteria persijilan halal.

Meneliti corak kehidupan anak muda negeri ini, kerajaan negeri mengambil *ihtimam* termasuk dalam aspek hiburan. Aktiviti membangun dan mengembangkan permainan rakyat, seni warisan agar serasi dengan budaya rakyat yang beragama juga memartabatkan seni budaya sedia ada agar mesra syariah digerakkan dengan baik. Saya telah menyebut berkali-kali bahawa para artis, pelakon dan selebriti ini perlu kita urus dengan baik dan kadang-kadang kita terlepas pandang dalam mendidik mereka ke arah memahami kesenian yang sudah ada dalam Islam. Saya ingin melihat usaha ke arah meletakkan mereka di bawah payungan kerajaan negeri ini dapat dicapai dan dijayakan sepenuhnya.

Usaha-usaha kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat tidak pernah diabaikan, sebab itu tema Belanjawan 2015 adalah ‘Kesejahteraan Rakyat Keutamaan Negeri’ ini sesuai dengan hasrat kerajaan yang mengutamakan kebajikan ketika menaungi rakyat negeri ini. Strategi untuk mencapai hasrat ini antaranya kerajaan mengenalpasti dan memberi tumpuan khusus kepada program dan projek yang dapat membangunkan ekonomi rakyat. Oleh itu, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh mengadakan aktiviti ekonomi ke arah memaksimumkan pendapatan negeri. Kita menumpukan juga untuk mendapat punca-punca hasil dalam aspek pengurusan dan pemajuan khazanah asli yang ada seperti mineral, tanah dan hutan.

Oleh yang demikian, dalam strategi bajet 2015 lalu, saya menggariskan beberapa langkah dalam mengurus perbelanjaan negeri ini antaranya dengan mengenalpasti serta memilih program dan projek yang betul-betul dapat merancakkan ekonomi dan taraf hidup rakyat. Ini juga termasuk merancang dasar perbelanjaan berhemah supaya setiap perbelanjaan disalurkan mengikut keperluan dan keutamaan sebenar untuk manfaat rakyat. Setiap program dan projek yang bakal dilaksanakan dinilai dengan terperinci bagi memastikan ia benar-benar perlu, bermanfaat dan terelak dari berlaku ketirisan perbelanjaan.

Dalam memastikan kestabilan dan merancakkan pembangunan negeri ini, saya sebelum ini telah menubuhkan Majlis Penasihat Ekonomi Negeri (MPEN) yang dianggotai oleh pakar-pakar ekonomi, ilmuwan dan ahli teknokrat yang berperanan untuk mencadang serta menasihati Kerajaan Kelantan khususnya dalam aspek pembangunan dan kemajuan ekonomi negeri. Kita juga telahpun mewujudkan Unit Pelaksanaan dan Pemantauan Strategik Negeri Kelantan di bawah Pejabat Menteri Besar bertujuan memantau pelaksanaan plan strategik dan pencapaian program-program kerajaan. Begitu juga dengan tertubuhnya Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) sebagai sebuah institusi rujukan, latihan dan pengembangan dasar

Membangun Bersama Islam yang bertidak sebagai pusat penyelidikan dan pengembangan (R&D) bagi pentadbiran negeri Kelantan.

Kini, penggunaan media baru agak berleluasa dan kerajaan negeri juga mengambil langkah dalam mempertingkatkan kemudahan jalur-lebar Internet agar ianya turut dimanfaatkan oleh jabatan/agensi dan badan berkanun kerajaan. Akses media baru ini adalah antara media terpenting tersebarnya maklumat kepada kumpulan sasar golongan pertengahan juga golongan muda. Hal ini mesti diberi perhatian yang serius oleh pihak yang bertanggungjawab. Kerajaan negeri melalui Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri mesti memainkan peranan secara lebih aktif dalam menangani keadaan ini dan menjadi lidah rasmi kerajaan di setiap pelusuk kawasan di negeri ini khususnya dalam memberi penerangan terhadap agenda-agenda utama kerajaan negeri.

Saya juga ingin menyatakan wawasan untuk 25 tahun akan datang bagi negeri Kelantan yang insyaAllah dilimpahi keberkatan, kemakmuran serta kebajikan. Kelantan pada tahun 2040 nanti insyaAllah dilimpahi keberkatan hasil daripada pemantapan pegangan agama dan kepelbagaian gerakan dakwah serta diperkukuhkan dengan kecekapan jentera pentadbiran awam beraras tinggi. Negeri dan rakyat Kelantan turut dilimpahi kemakmuran hasil daripada pengukuhan kewangan negeri dan peningkatan sosio-ekonomi rakyat. Kemakmuran di negeri ini terserlah melalui pembangunan ekonomi dan pelaburan serta kerancangan pembangunan infastruktur dan fizikal di samping sikap penyatuan yang padu ditunjukkan oleh rakyat Kelantan. Untuk jangka masa tersebut, insyaAllah kita ingin melihat satu peradaban yang tinggi rakyat Kelantan terserlah melalui tahap kebersihan yang sangat membanggakan. Rakyat yang sihat, negeri yang sejahtera, kebajikan yang terpelihara akan tercapai. Semoga rakyat dan negeri bersama-sama dalam menerajui proses urbanisasi bernilai tambah yang penuh ciri-ciri keislaman. Saya sangat menaruh harapan kepada semua yang hadir, pimpinan dan

seluruh rakyat dapat menjayakan wawasan 2040 dengan langkah sederap dan kerjasama sepakat.

Untuk akhirnya, saya rasmikan Sambutan Jubli Perak Kelantan Membangun Bersama Islam dengan tiga kali takbir;

*ALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR, ALLAHU AKBAR ! WALILLAHIL
HAMD*

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**MAJLIS JALINAN MESRA PENGGIAT SUKAN NEGERI
KELANTAN**

12 Jamadil Awwal 1436 / 3 Mac 2015
Perdana Resort, PCB

Firman Allah Taala:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَفِي كُلِّ خَيْرٍ إِحْرَاصٌ
عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِينُ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزُ

Maksudnya: *Orang mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih disukai oleh Allah daripada mukmin yang lemah, namun kedua-duanya semua baik. Pastikan kamu hanya melakukan perkara yang manfaat, mintalah pertolongan hanya dengan Allah dan jangan kamu jadi lemah serta mudah mengalah.* (Hadis Riwayat Muslim)

Alhamdulillah, syukur kepada Allah kerana telah mengizinkan kita semua untuk hadir ke Majlis Jalinan Mesra Penggiat Sukan Kelantan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Exco Belia dan Sukan serta penganjur kerana mempertemukan saya dengan seluruh penggiat sukan negeri ini.

Islam merupakan agama yang sempurna, sangat menitikberatkan soal duniawi dan ukhrawi. Segala yang dilakukan oleh kita dikira ibadah sekiranya diniatkan kerana Allah. Justeru, untuk melakukan ibadah yang sempurna, kita memerlukan kesihatan yang mantap sama ada dari segi jasmani, emosi dan rohani. Maka perlulah kita melakukan aktiviti sukan dan riadah untuk mencapai ibadah yang sempurna.

Islam sangat menggalakkan seseorang itu memiliki badan yang kuat dengan bersukan. Sebagaimana hadis nabi yang saya bacakan di awal tadi, bahawa

Islam sendiri amat menekankan aspek fizikal yang sihat dan kuat. Penekanan kepada memiliki fizikal yang sentiasa segar dan kuat diperakui oleh kebanyakan ulamak muktabar sebagai contoh seorang ulamak, Imam Ibnul Qayyim menulis dalam kitab beliau Zaad Al-Ma'ad tentang bersukan:

“Sukan membantu badan membuang sisa makanan dengan cara tabie. Ia menjadikan badan aktif, meningkatkan immuniti badan dan melindungi badan daripada penyakit. Setiap organ ada jenis sukan yang sesuai dengannya. Bagi menunggang kuda, memanah, bergusti dan berlumba lari, merupakan sukan yang memberi manfaat kepada seluruh badan”.

Semasa zaman Rasulullah SAW, Nabi juga tidak terlepas menceburi sukan sebagaimana dinyatakan dalam banyak hadis bahawa Baginda SAW pernah menceburi sukan gusti dengan ahli bina badan yang kuat di zaman itu yang bernama Rukanah dan ternyata Rasulullah memenangi gusti tersebut dan Rukanah sangat menghormati adab dan akhlak nabi walaupun Rukanah pernah mencabarnya dengan penuh takabur dan menganggap Rasulullah akan kalah. Selain itu, Rasulullah gemar memanah dan kerap kali menyertai para sahabatnya dalam aktiviti memanah bersama mereka.

Jika kita terlibat dengan perlawanan, sama ada bola sepak, gusti lengan, hoki, badminton atau apa jua sukan, kita mesti mengelakkan keganasan dan memperlekeh pihak lawan. Menang dalam pertandingan atau perlawanan tidak bermakna halal untuk kita menghina lawan yang kalah. Islam memandang sukan sebagai jalan untuk meningkatkan kasih dan kerjasama antara manusia, bukan jalan melukakan perasaan.

Inilah sebab si pemenang tidak sepatutnya terbawa-bawa dengan kegembiraan sampai menghina lawan, dan yang kalah tidak boleh dihantui oleh cemburu terhadap kelebihan pihak lawan. Mereka mesti ingat bahawa

kekalahan hari ini akan membuka jalan untuk kemenangan pada masa depan, jika mereka bersabar dan cuba menambahbaik mutu diri mereka.

Semasa kita bersukan, beberapa tanggungjawab tidak boleh dilupakan iaitu:

1-Kita tidak sepatutnya lalai dengan sukan sehingga mendorong meninggalkan tugas-tugas agama dan kerja yang lain.

2- Kita tidak dibenarkan bersikap tidak peduli dalam bersukan dengan cara menimbulkan kecederaan kepada yang lain.

3-Sikap terlalu fanatik dalam menyokong atau menentang satu-satu pasukan, tiada kaitan dengan ajaran agama, kerana ini benar-benar bercanggah dengan ajaran agama yang menyeru kepada memupuk semangat kasih-sayang.

4-Islam menolak semua permainan dan sukan yang mendorong rangsangan seksual dan menggalakkan kejatuhan moral seperti wanita berlatih menari dan ditonton oleh orang lelaki. Lelaki hendaklah mengamalkan sukan yang sesuai dengan sifat mereka.

Pembabitan wanita khususnya dalam kegiatan riadah atau sukan hendaklah dijaga tata tertib dan ia dibatasi dengan tata cara yang telah digariskan oleh agama bertujuan menjaga kehormatan mereka juga. Oleh itu ada beberapa tata cara yang perlu dijaga oleh kaum wanita ketika bersukan iaitu:

- Wanita dilarang memperagakan diri mereka dengan tujuan menarik perhatian kaum lelaki;
- Wanita dilarang mendedahkan aurat mereka ketika aktiviti sukan yang ada golongan lelaki;

- Wanita dilarang bergaul mesra dengan lelaki sehingga melanggar batas pergaulan yang dibenarkan.

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa prihatin dan mementingkan masa depan sukan di negeri ini. InsyaAllah, Exco Belia dan Sukan akan memantau segala pergerakan sukan dan kebajikan para penggiatnya khususnya yang telah memajukan sukan dan mengharumkan nama Kelantan di persada nasional. Saya lihat, antara punca utama para atlet tidak bergiat lama dalam bidang ini kerana kadang-kadang tiada jaminan masa depan kepada mereka.

Oleh itu, suatu usaha harus dilakukan untuk menjamin masa depan mereka ini. Terutama peluang pekerjaan jika berlaku kecederaan kepada mereka. Selain itu, elaun dan pencen harus diberikan kepada mereka yang bergiat aktif dalam mewakili Kelantan khasnya juga Malaysia, tidak kira sama ada atlet tersebut menang ataupun kalah.

Saya sekali lagi rakamkan terima kasih kepada semua yang menjayakan kegiatan sukan di negeri ini dan sama-samalah kita meneruskan usaha bagi menaikkan imej sukan serta sentiasa disanjung dalam setiap aktiviti sukan yang diceburi. Sekali lagi terima kasih kepada semua.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS PERASMIAN LAMAN PERSAHABATAN BANDAR
KOTA BHARU-KASOKA CITY (LAMAN KABUTOGANI)**

15 Jamadil Awwal 1436 / 6 Mac 2015
Laman Kabutogani, Penjuru Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu

Firman Allah Taala:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Maksudnya: *Dan sesungguhnya tiadalah bagi seseorang itu melainkan dia memperoleh apa yang diusahakannya.* (Al-Najmu: 39)

Alhamdulillah, pada malam ini dapat saya hadir ke Majlis Perasmian Menara Jam Jepun atau Laman Kabutogani, semoga usaha ini berjaya dan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dato' Yoshioka yang telah membuat usaha yang begitu baik di negeri ini dan semoga persahabatan antara negeri Kelantan dan Jepun berkekalan.

Pada hakikatnya, menara jam Jepun ini telah dibina pada tahun 2005 yang telah diusahakan oleh Dato' Yoshioka selaku Pengerusi Rohm Wako Foundation Japan. Menara ini terpaksa dirobohkan bagi memberi laluan untuk pembukaan jalan awam dan pada malam ini kita akan membuat perasmian pembinaan semula Laman Kabutogani sebagai ketandaan hubungan persahabatan yang berkekalan di antara Bandar Kota Bharu dan Jepun.

Sesuai dengan adanya laman belangkas yang merupakan simbol persahabatan antara Bandar Kota Bharu dengan Bandar Kasaoka di Jepun ini, saya juga mengharapkan banyak idea-idea serta teknologi dari Jepun dapat dimanfaatkan di sini. Sebenarnya, persahabatan antara Kota Bharu dengan

Kasaoka, Jepun ini telah terjalin sejak tahun 1999 lagi dan telah banyak memberi faedah kepada warga Kota Bharu. Manfaat tersebut terutamanya dalam program pertukaran pelajar, program latihan pegawai dan juga hubungan ekonomi dengan wujudnya syarikat elektronik Rohm Wako di Pengkalan Chepa.

Saya difahamkan Rohm Wako Elektronik Sdn Bhd di Pengkalan Chepa akan membina bangunan baru tambahan di sebuah kilang yang sedia ada sekarang. Kerajaan negeri amat mengalu-alukan langkah ini dan akan memberi kerjasama bagi mencapai hasrat ini. Dengan pembesaran kilang ini maka sekaligus peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan akan bertambah serta memberi kesan yang baik kepada pembangunan ekonomi di Kota Bharu. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yoshioka di atas segala usaha untuk membesarkan lagi Rohm Wako di negeri ini.

Masyarakat Jepun pada hakikatnya sangat terkenal dengan masyarakat yang bekerja secara bersungguh-sungguh dan tekun. Jika diukur pada kerja pejabat, masyarakat Jepun akan bekerja mengikut masa yang ditetapkan dan menjadi perkara yang tersangat aib atau memalukan jika ada di kalangan pekerja yang pulang kerja lebih awal.

Saya difahamkan ketangkasan dan ketekunan orang Jepun bekerja, di mana seorang pekerja di Jepun dapat menghasilkan sebuah kereta dalam masa 9 hari sahaja, sedangkan pekerja di negara lain memerlukan masa 47 hari untuk membuat kereta yang bernilai sama. Seorang pekerja Jepun boleh dikatakan boleh melakukan pekerjaan yang biasanya dikerjakan oleh 5-6 orang yang lain. Perkara ini amat dipuji dan boleh menjadi contoh kepada masyarakat lain.

Kerajaan Negeri Kelantan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada Dato' Yoshioka selaku Pengerusi Rohm Wako Japan di atas segala

kerjasama, bantuan yang telah diberikan kepada negeri Kelantan. Hubungan baik antara kedua-dua Bandar Kota Bharu dan Kasaoka dapat kita saksikan pada malam ini dengan terasminya Laman Kabutogani yang terdapat juga menara jam persahabatan yang tersergam indah di hadapan kita ini.

Semoga dengan persahabatan ini akan memberi lebih banyak kebaikan kepada kedua-dua bandar pada masa akan datang. Dengan lafaz '*Bismillahir Rahmanir Rahim*' saya rasmikan Laman Kabutogani ini semoga kekal indah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**KELANTAN MELANGKAH KE HADAPAN:
“KEBERKATAN, KEMAKMURAN, KEBAJIKAN”**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله الذي فَرَضَ علينا أَدَاءَ الأمانةِ وحَرَّمَ علينا المُنْكَرَ والخيانةَ
والصلاةَ والسلامَ على رسولِهِ الذي خَتَمَ به الرسالةَ
وعلى آلِهِ وأصحابِهِ المَوْصُوفِينَ بِالْعَدالةِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إلى يومِ القِيامةِ
أعوذُ باللهِ مِنَ الشيطانِ الرجيمِ

وَعَدَ اللهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الأَرْضِ كَمَا
اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ
خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: *Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu serta mengerjakan amal-amal yang soleh, bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi ini, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa. Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhaiNya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar keadaan mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan, menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun denganKu. Barangsiapa yang tetap kufur sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.* (An-Nur: 55)

Marilah sama-sama kita aturkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas anugerah rahmat dan nikmatNya kepada kita sekalian. Dalam suasana yang aman dan harmoni, kita diberi hidayah dan taufiq untuk terus berkhidmat kepada negeri dan rakyat di bumi Kelantan ini, untuk menjulang dasar Membangun Bersama Islam setelah melewati tempoh suku abad. Dalam

suasana syukur menyambut perayaan Jubli Perak Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan, marilah kita memanjat setinggi doa ke hadrat Allah, semoga terus memberi pertolongan, kekuatan dan kemudahan dalam menjalankan khidmat bakti kepada rakyat dan negeri.

Kerajaan Membangun Bersama Islam telah diterokai dan diasaskan oleh mantan Menteri Besar, al-Marhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Kini usia kerajaan ini sudah 25 tahun. Sejarah telah menyaksikan bahawa kegigihan beliau mengharungi pelbagai halangan dan tribulasi telah berjaya meletakkan asas yang kukuh dan destinasi yang jelas dalam membawa rakyat membangun mengikut acuan Islam. Kejayaan beliau diukur mengikut neraca al-Qur'an dan al-Sunnah, bukan dari kaca mata pemikiran sekular.

Asas yang unggul peninggalan beliau itu menjadi rujukan keramat kepada kita selaku generasi penyambung untuk membawa negeri warisan ini Melangkah Kehadapan, mencari "Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

Kini tugas saya bersama barisan pimpinan kerajaan ialah, meneruskan perjalanan di atas landasan Membangun Bersama Islam, menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang terlaksananya nilai-nilai hidup Islam bagi mendapat keredhaan Allah, dengan melaksanakan agenda pembangunan negeri dan ummah, berdasarkan ajaran Islam yang syumul melalui pembangunan insan dan perancangan yang strategik.

Saya suka mengulangi apa yang pernah disebut terdahulu; bagi memastikan segala legasi, misi dan visi dapat dicapai, kerajaan negeri telah menggubal satu wawasan untuk tempoh 5 tahun, penggal 2013 hingga 2018, iaitu;

Menjadikan Kelantan negeri yang rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan kebajikan, penuh bermaklumat dan

**hidup yang sejahtera, dengan mengoptimumkan hasil menerusi amalan
urus tadbir kerajaan yang cekap, telus dan berintegriti selari dengan
visi, misi dan objektif dasar Membangun Bersama Islam.**

Wawasan ini akan menggerakkan Kelantan Melangkah Ke Hadapan, berpaksikan tiga tonggak utama iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan. Tiga tonggak ini adalah saling berkaitan bahkan setiap satunya merupakan prasyarat kepada kewujudan antara satu sama lain.

Barakah atau keberkatan merupakan istilah yang tidak boleh difahami dan di mengerti oleh pemikiran yang selain dari Islam. *Barakah* bukan hanya membawa makna الزيادة, bertambah dan berkembang, tetapi perkembangan dan pembangunan yang perlu disepadukan dengan السعادة, kebahagiaan dan ketenangan, yang membawa kepada pengertian kemakmuran kerana mendapat rahmat dari Allah. Negeri yang berkat dan makmur akan membawa kebajikan kepada rakyatnya.

Oleh itu setiap perancangan dan pelaksanaan di setiap jabatan dan agensi kerajaan hendaklah dibangunkan berlandaskan hukum Islam yang sentiasa mengambil kira pandangan syariat sebelum diluluskan dan dilaksanakan. Inilah saluran yang boleh menjamin *barakah* dalam kehidupan, yang pernah ditempa oleh Nabi Isa AS, seperti mana disebut dalam surah Maryam ayat 31;

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ

Maksudnya: *Dia Allah menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada.*

Kunci *barakah* ada pada iman dan taqwa. Keimanan terhadap Islam yang meyakinkan akan membentuk peribadi taat dan patuh kepada Allah, yang dimanifestasikan oleh amalan soleh. Ketaqwaan pula membentuk satu

keperibadian yang mengisi hari-hari kehidupan dengan penjagaan hukum syariat, tindakan dan pelaksanaan tugas secara berhati-hati dan berakhlak, supaya manfaatnya merangkumi dunia dan akhirat. Inilah kunci seorang Muslim yang boleh membuka pintu *barakah*, seperti mana janji Allah dalam surah al-A'raf ayat 96;

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: *Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan bukakan kepada mereka pintu keberkatan yang melimpah ruah dari langit dan bumi. Namun mereka mendustakannya, lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang telah mereka lakukan.*

Oleh kerana itu terjawab persoalan yang popular mutakhir ini. Kenapa kerajaan negeri Kelantan begitu tinggi iltizam, untuk membawa Rang Undang-Undang Persendirian Ahli Parlimen bagi meminda Akta 355 di bawah Peruntukan 76A1 Perlembagaan Persekutuan, bagi membolehkan Kelantan melaksanakan Kanun Jenayah Syariah. Ada pihak yang melihat usaha ini lebih bersifat politik, kerana mereka tidak memahami erti amanah dan tanggung jawab yang terletak di bahu pemerintah. Kita tidak mempunyai pilihan selain dari berusaha sedaya mungkin, bagi menjunjung perintah Allah untuk menegakkan Islam sehingga menjadi perundangan yang dikanunkan.

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ
أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya: *Tiada hak bagi seorang mukmin lelaki dan perempuan, bila mana Allah dan RasulNya telah menetapkan sesuatu perintah atau urusan, untuk ia membuat pilihan dalam urusan mereka itu. Barangsiapa yang*

engkar kepada Allah dan RasulNya, sesungguhnya ia berada dalam kesesatan yang nyata. (Al-ahzab: 36)

Menolak hukum Islam bererti menempah kemurkaan Allah. Jauh sekali mendapat rahmat dan keberkatan, bahkan berada dalam kesesatan. Inilah yang tidak difahami oleh pemikiran sekular dan bukan Islam.

Kerajaan negeri ingin menggariskan tiga bidang teras bagi mencapai matlamat keberkatan ini. Pertama ialah **Agama dan Dakwah**. Kedua; **Pendidikan dan Pembangunan Insan**. Dan Ketiga ialah **Pentadbiran Awam**.

Dalam memainkan peranan di **Bidang Agama dan Dakwah**, agensi-agensi yang terlibat seperti Majlis Agama Islam Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan yang selainnya hendaklah berperanan secara lebih aktif. Agama dan dakwah bukan hanya dilihat dari aspek *ta`lim*, sekadar memberi ilmu kepada rakyat, tetapi merangkumi aspek *tarbiyyah* dan *ta`dib*, mendidik, mengasuh dan mengawal sehingga terbentuk satu penghayatan Islam yang syumul, dan terbina satu peradaban warisan yang unggul.

Oleh kerana itu, agensi-agensi yang disebutkan itu, harus bergerak secara sistematik, pro-aktif dan kompetatif serta membuat kajian keberkesanan dan penilaian terhadap kerja-kerja dakwah dan penyebaran ilmu yang dibuat selama ini, supaya mencapai matlamat dan tujuannya. Kita akui bahawa kegiatan dakwah dalam bentuk *ta`lim* iaitu penyebaran ilmu agama memang banyak dan membanggakan di seluruh negeri, namun aspek *tarbiyah* dan *ta`dib* yang terjelma dalam bentuk penghayatan nilai-nilai Islam, akhlak dan taqwa yang ada pada rakyat kita masih boleh dipertikaikan. Untuk itu, gerak kerja kita seharusnya juga menggembelengkan tenaga-tenaga sukarelawan yang bergerak di bawah NGO-NGO dakwah yang ada dalam negeri ini.

Ketika kita menjalankan kerja-kerja membantu mangsa banjir baru-baru ini, banyak perkara berlaku untuk kita dapat memahami sejauh mana penghayatan umat Islam kita terhadap pemahaman dan pegangan agama. Akhlak, sikap, budi pekerti, penjagaan solat dan pematuhan hukum syariat mereka boleh diukur, sehingga saya merasa agak kecewa, seolah-olah majlis ilmu dan kerja-kerja dakwah yang bertapak sekian lama di bumi Serambi Mekah ini tidak mendatangkan hasil yang memuaskan. Kemanakah perginya didikan dan tarbiyyah para ulamak selama ini. Inilah fenomena yang menuntut satu muhasabah, penilaian semula dan reformasi terhadap pendekatan dan teknik dakwah kita serta penyebaran ilmu agama kepada masyarakat Islam. Agensi-agensi yang berkaitan dengannya, sepertimana yang saya sebutkan tadi perlu duduk membuat kajian semula dari semua aspek, untuk menggerakkan kerja-kerja penyampaian ilmu dan tarbiyyah ummah secara yang lebih efektif.

Bidang **Pendidikan dan Pembangunan Insan** juga turut menyumbang ke arah kehidupan yang *barakah*. Kerajaan negeri memiliki sistem pendidikan yang tersendiri dan unik, di bawah Yayasan Islam Kelantan, yang dipertahankan hingga ke hari ini. Institusi ini dipertahankan kerana ia merupakan aset bernilai dan unik untuk membina generasi ummah mengikut acuan Membangun Bersama Islam. Kita sedar bahawa kerajaan negeri terpaksa menyediakan perbelanjaan yang besar setiap tahun dalam sektor pendidikan. Namun kita amat memahami bahawa hasilnya bukan sekadar diukur secara fizikal dan material, tetapi ia merupakan khazanah yang berharga terhadap tamadun ummah dan penyediaan modal insan. Falsafah pembangunan kita bukanlah dilihat hanya dari bentuk fizikal, pertumbuhan ekonomi dan seumpamanya, tetapi membangunkan manusia, melahirkan modal insan adalah perkara asas bagi pembinaan sesuatu tamadun ummah. Instrumen untuk melahirkan modal insan ini ialah melalui medium ilmu dan

pendidikan. Dalam bajet 2015 ini, Yayasan Islam Kelantan telah diperuntukkan sejumlah RM 72 juta ringgit, tidak termasuk institusi-institusi pendidikan tinggi seperti Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Sehubungan itu, bagi Melangkah Ke Hadapan, saya menyeru kepada pihak-pihak yang memikul amanah dalam sektor pendidikan untuk bertindak lebih efisien, menampilkan sistem pendidikan Islam di mata dunia sebagai sistem pendidikan yang sebenar. Produk yang terhasil dari pendidikan Islam bukan hanya aset untuk penyebaran ilmu Islam, tetapi ia mampu menjadi pengurus, pentadbir dan pemimpin yang terpilih dalam semua aspek, dipercayai dan berwibawa. Sehubungan itu kerajaan negeri juga telah merangka ke arah penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi yang baru, pembinaan kompleks pendidikan Islam, penubuhan Institut Latihan Darul Naim, penubuhan International School dan membangun serta memperkasakan pusat pendidikan pra sekolah di setiap jajahan.

Matlamat dan hasrat kerajaan tidak akan menjadi realiti tanpa dijana oleh jentera pentadbiran awam yang kuat dan sehaluan. Bila Kerajaan telah meletakkan dasar Membangun Bersama Islam, anggota perkhidmatan awam negeri dibekalkan dengan tiga prinsip *'Ubudiyyah, Mas'uliyah* dan *Itqan*. Persoalan yang ingin saya utarakan ialah, sejauh mana anggota perkhidmatan awam kita memahami dan menghayati prinsip tersebut, setelah hampir 25 tahun prinsip tersebut menjadi satu ungkapan yang lazim.

Pihak yang diberi amanah untuk memperkukuhkan prinsip ini kepada anggota perkhidmatan ialah Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Kita yakin dan percaya, Bahagian ini telah pun melaksanakan pelbagai program latihan untuk memantapkan para penjawat awam, namun yang perlu menjadi asas ialah setiap program tersebut haruslah tidak terpisah

dengan dasar dan prinsip yang kita dokongi ini. Konsep kerja sebagai ibadah ataupun *Ubudiyah* seharusnya telah sebat di dalam diri penjawat awam sebagaimana berlarinya darah di dalam tubuh badan masing-masing. Konsep integriti misalnya, bukan sekadar untuk mematuhi nilai-nilai murni ciptaan falsafah barat, tetapi diukur dari neraca *Mas`uliyah* yang melibatkan kepertanggungjawaban dan soal jawab di akhirat nanti. Begitu juga dalam kita berlumba meningkatkan kecekapan, kualiti kerja dan produktiviti, ia hendaklah berasaskan kepada prinsip *Itqan* yang merangkumi segenap aspek kecemerlangan dunia dan akhirat.

Sehubungan ini, kerajaan memberi amanah kepada Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk memainkan peranan yang bijaksana dalam membina sumber manusia di kalangan penjawat awam, memenuhi dasar dan objektif kerajaan negeri. Amanah juga diberi kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN), untuk mengatur dan menempatkan para pegawai dan kakitangan di setiap jabatan secara munasabah dan berdasarkan kemampuan untuk melaksanakan perancangan dan dasar kerajaan. Pejabat Setiausaha Kerajaan telah berjaya menerima anugerah 5 bintang dalam pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang atau *Star Rating* oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2014 yang lalu. Tahniah diucapkan, semoga 5 bintang mengikut ukuran manusia ini turut melambangkan 5 bintang mengikut ukuran Allah SWT.

Tonggak kedua yang saya sebutkan tadi ialah Kemakmuran. Sudah menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan untuk menjamin sebuah negeri yang makmur, di mana rakyat dapat menjalani kehidupan yang sejahtera. Bagi mencapai matlamat kemakmuran, empat bidang utama hendaklah diberi tumpuan, iaitu; pertamanya; **Pengukuhan Kewangan Negeri**. Kedua, **Peningkatan Sosio-ekonomi rakyat**. Ketiga, **Pembangunan Ekonomi dan**

Pelaburan. Dan yang keempat ialah, **Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal.**

Aspek **Pengukuhan Kewangan Negeri** adalah penting dalam menjayakan sesebuah kerajaan. Kerajaan perlu membuat pertimbangan bijak setiap masa, untuk menjaga kewangan yang mencukupi seterusnya memperguna dan menyalurkan kewangan itu, agar segala tuntutan dan keperluan dapat disempurnakan. Oleh kerana itu pengurusan kewangan hendaklah bijak. Apa yang perlu ialah setiap jabatan dan agensi hendaklah meningkatkan pemantauan dan memastikan pengurusan hasil yang cekap dan mengamalkan perbelanjaan berhemah. Berhemah bukan bermakna jimat semata-mata, tetapi membawa erti perbelanjaan yang kena pada tempat, perlu, sesuai dan munasabah.

Islam telah menggariskan satu kaedah dalam perbelanjaan untuk bersederhana antara boros dan bakhil. Dalam surah al-Furqan ayat 67, Allah SWT berfirman;

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Maksudnya: *Mereka (yang diredhai Allah) ialah, yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tidak pula bakhil. Tetapi perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua itu.*

Oleh itu saya meggesa semua jabatan di semua peringkat, agensi-agensi dan anak-anak syarikat kerajaan negeri, supaya menghayati prinsip pengurusan hasil yang cekap dan kesederhanaan dalam perbelanjaan, terutama ketika dunia mutakhir ini berdepan dengan kemelut ekonomi. Kunci utama yang perlu ada dalam pemikiran ialah, kita adalah pegawai-pegawai yang diamanahkan Allah untuk menjaga harta rakyat. Rakyat memberi mandat kepada kita untuk mengurus harta kerajaan, bukan secara wenangan dan

berbelanja sesuka hati, tetapi untuk *masalah* dan kebajikan mereka. Kita akan berdepan dengan soal jawab mereka di akhirat nanti.

Bagi menjamin kemakmuran ekonomi, kerajaan memerlukan perolehan hasil negeri secara optima. Usaha ini bukan sekadar tertumpu kepada peranan pemungutan cukai oleh pejabat tanah, atau cukai-cukai yang dipungut oleh pihak berkuasa tempatan, malah melibatkan semua agensi, badan-badan berkanun dan anak syarikat. Agensi-agensi tersebut telah diberikan aset yang banyak dan besar oleh kerajaan untuk dibangunkan bagi menjana hasil dan pulangan. Agensi-agensi dan anak syarikat telah diberi milik kawasan pembalakan, tanah pertanian, kawasan lombong dan seumpamanya, yang memerlukan usaha yang intensif, ketelitian, kepakaran, kesungguhan dan profesionalisme bagi mengurus dan memproses aset-aset tersebut. Namun, jika disemak dan diteliti, banyak agensi dan anak syarikat yang begitu lama memperolehi aset kerajaan, masih tidak memperolehi hasil atau hasil yang diperolehi adalah tidak memuaskan kerana mengalami pelbagai masalah sama ada masalah itu boleh dijangka atau tidak boleh dijangka. Dalam keadaan sebegini, kerajaan amat mengharapkan agensi-agensi berkenaan supaya melangkah ke hadapan untuk menyelesaikan permasalahan ini secara lebih efektif.

Memperolehi hasil optima dari sesuatu sumber hasil atau aset adalah bergantung kepada dua faktor, iaitu faktor pengurusan yang betul dan cekap, dan faktor penguatkuasaan yang berkesan. Kadang-kadang kelambatan pulangan hasil berlaku berpunca dari sistem yang kita pakai itu *out dated*, tidak dikemaskini atau pengurusan yang diamalkan tidak cekap dan tidak memberi kemudahan kepada pelanggan. Lemah dalam penguatkuasaan pula menyebabkan harta benda yang sepatutnya mendatangkan hasil, sebaliknya diceroboh dan dicuri oleh pihak lain. Semua ini memerlukan semakan,

pembaharuan dan cadangan mekanisme baru, agar hasil yang optima diperolehi.

Boleh dikatakan setiap tahun Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku ketika Istiadat Pembukaan Dewan Negeri menggesa pihak kerajaan meneroka dan mencari punca hasil yang baru bagi menambah pendapatan dan menjaga ekonomi negeri. Ini ialah kerana aset dan punca hasil yang sedia ada sudah tentu tidak mampu menampung keperluan negeri yang meningkat dari masa ke masa. Hasil hutan dan lombong bukan boleh bertahan zaman berzaman. Ia akan kehabisan suatu ketika nanti.

Oleh itu kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah merangka Halatuju Pembangunan Negeri bagi tempoh 10 tahun, bermula dari tahun 2015 hingga 2025. Kerajaan amat menaruh harapan yang tinggi kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dalam hal ini dan ia semestinya turut didokong oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan dalam penambahan hasil. Segala perancangan hendaklah berlaku dalam kerangka “Dasar Pembangunan Negeri” yang telah digubal, iaitu;

Pembangunan Ekonomi dan Kerohanian yang Seimbang dan Bersepadu Untuk Menjadikan Negeri Kelantan Sebuah Negeri yang Maju dan Makmur Dengan Keberkatan dan Keredhaan Allah SWT

Dasar Pembangunan Negeri ini akan dipacu oleh 5 teras utama, iaitu; pertama, peranan kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif ; kedua, penglibatan sektor swasta yang berdaya saing sebagai peneraju pertumbuhan; ketiga, penerokaan bidang ekonomi baru yang terdiri daripada K-Ekonomi, bio-ekonomi dan green-ekonomi; keempat, modal insan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran; dan kelima, pemacuan ekonomi menerusi pelestarian sumber alam sekitar.

Dalam aspek **Peningkatan Sosio-ekonomi Rakyat**, sebagai tanggungjawab sebuah negeri dan kerajaan berkeadilan, kerajaan amat sedar tentang bilangan rakyat yang masih belum memiliki tapak untuk tempat tinggal. Tugas dan tanggungjawab kerajaan, jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan hendaklah ditumpukan dalam mencari jalan penyelesaian yang mudah dalam memproses permohonan milik tanah oleh rakyat, khusus kepada golongan yang amat memerlukannya. Pejabat PTG dan Pejabat Tanah Jajahan amat diperlukan untuk memberi tumpuan dan berinovasi serta proaktif dalam menyelesaikan masalah permohonan milik tapak kediaman untuk golongan yang memerlukannya. Saya suka mengulangi slogan yang pernah saya sebutkan ketika mula memegang jawatan Menteri Besar pada tahun 2013 dahulu, iaitu; “**satu keluarga satu rumah**”. Bagi menjayakan hasrat ini, antaranya ialah melalui program rumah mampu milik. Alhamdulillah, usaha ke arah ini sedang berjalan, dan kerajaan sangat mengharapkan agensi-agensi yang berkaitan, seperti Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan dapat memainkan peranan yang optimum. Agensi-agensi lain yang diberi tanggungjawab ini seperti PKINK dan PMBK, hendaklah melipatgandakan usaha untuk merancang dan menjayakan program “**Satu Keluarga Satu Rumah**”.

Kita juga harus menerima hakikat bilangan rakyat yang ramai, tergolong dalam miskin tegar di negeri Kelantan. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan bagi tahun 2012, jumlah penduduk negeri Kelantan yang tergolong di kalangan miskin tegar ialah seramai 4,920 manakala yang miskin berjumlah 44,280.

Justeru, kerajaan bertanggung jawab untuk menyediakan saluran kepada rakyat bagi menjana pendapatan, dan berusaha sedapat mungkin untuk mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan. Matlamat ini tidak boleh dicapai

sekadar menyalurkan bantuan sara hidup yang hanya memberi nafas sementara, tetapi hendaklah disertai dengan usaha bagi menyediakan pelbagai peluang-peluang pekerjaan dan infrastruktur yang boleh menjadi tempat mereka mencari rezeki. Agensi utama yang terlibat dengan perancangan ini ialah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Agensi-agensi lain seperti PKINK, PMBK, Jabatan Pertanian dan seumpamanya boleh memainkan peranan untuk mengutarakan program-program latihan, kemudahan dan prasarana yang memberi input kepada sosio ekonomi rakyat.

Dalam aspek **Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan**, kerajaan telah mengenalpasti sektor-sektor yang boleh diberi tumpuan. Pertama ialah sektor perkhidmatan seperti bidang pelancongan yang harus digerak dan dimajukan agar negeri ini berjaya menjadi destinasi pilihan pertama pelancongan domestik, di samping meningkatkan kemasukan pelancong antara bangsa berasaskan penampilan negeri Kelantan sebagai “hab-pelancongan Islam, warisan, budaya, kesenian dan eko-pelancongan. Kita hendaklah mengeksploitasikan sumber alam semulajadi, khazanah budaya dan warisan Islam sebagai produk pelancongan negeri. Program dan projek yang berkaitan hendaklah dirancang secara sistematik dan efektif yang melibatkan pembangunan eko-pelancongan di kawasan-kawasan semula jadi seperti Taman Negara Gunong Stong, Taman Konservasi Rafflesia Lojing, Taman Negara Kuala Koh dan Gunung Chamah, serta lain-lain lagi.

Kelantan juga boleh menjadi pusat aktiviti pemborongan dan rangkaian peruncitan moden melalui program transformasi perniagaan yang efisien, khususnya di pusat-pusat pertumbuhan ekonomi. Usaha ini boleh dijayakan melalui perluasan zon bebas cukai di Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang serta mewujudkan zon bebas cukai baru di Bukit Bunga.

Sektor kedua ialah pertanian, iaitu dengan menggerak dan memesatkan pembangunan dan pertumbuhan sektor pertanian komersial dan industri berasaskan teknologi moden dan bioteknologi, ke arah menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan. Agensi-agensi yang terlibat seperti jabatan pertanian boleh membantu dalam inisiatif bio-ekonomi, menjadikan Kelantan sebagai Lembah Agro-Bio.

Dalam persaingan bidang pertanian ini, kita perlu menggalakkan pertumbuhan berasaskan inovasi dan proses pengeluaran yang menggunakan teknologi perladangan moden dan ICT. Ia perlu mengutamakan *R and D* untuk melonjak inovasi dalam proses pengeluaran.

Sektor pembuatan pula boleh dikembangkan dengan penyediaan kawasan-kawasan perindustrian baru dan prasarana moden yang komprehensif dan kondusif bagi menarik pelabur dari dalam dan luar negara. Impian kita ialah untuk menjadikan Kelantan sebagai hab industri halal utama Malaysia. Namun kemudahan infrastruktur hendaklah disediakan bagi menghubungkan kawasan industri dengan lokasi sumber bahan mentah dan lokasi pemasaran.

Sektor Perlombongan juga menjadi sumber penjana ekonomi dan pelaburan negeri. Kita hendaklah menggalakkan pelaburan dalam sektor ini, khususnya industri hiliran yang mempunyai nilai tinggi. Ia juga memerlukan kecekapan dalam tadbir urus industri perlombongan, bagi tujuan mendatangkan hasil yang maksima. Kerajaan juga menggesa agensi-agensi yang terlibat untuk meneroka dan mengeksplorasi sumber-sumber mineral baru yang bernilai tinggi, supaya dapat dimajukan secara optima dan mampan.

Kemakmuran juga dilihat dari aspek kemudahan asas rakyat yang melibatkan **Pembangunan Infrastruktur dan Fizikal**, seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, kemudahan ICT dan seumpamanya. Rakyat kita baru sahaja

terkesan dengan ujian banjir di penghujung tahun lalu. Banyak harta benda dan rumah kediaman milik mereka hilang dan musnah, termasuk juga kemudahan-kemudahan awam yang terpaksa dibina dan disediakan semula oleh kerajaan. Rakyat yang terlibat perlu dibangunkan semangat mereka untuk menerima ujian Allah secara redha, dan diperingatkan tentang akhlak Islam ketika diuji dengan bencana, seperti mana sebuah hadith riwayat al-Tirmizi;

إِنَّ عِظَمَ الْجَزَاءِ مَعَ عِظَمِ الْبَلَاءِ، وَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْتَلَاهُمْ، فَمَنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَا، وَمَنْ سَخِطَ فَلَهُ السَّخَطُ

Maksudnya: *Sesungguhnya besar sesuatu ganjaran pahala bergantung kepada besarnya ujian. Apabila Allah kasih kepada sesuatu kaum, maka mereka diuji dengan kesusahan. Sesiapa yang redha dengan ujian itu ia mendapat keredhaan Allah. Sebaliknya sesiapa yang tidak redha dengan ujian itu, ia mendapat kemurkaan Allah.*

Dalam masa yang sama kerajaan juga mesti memulihkan fizikal mereka secara bersungguh-sungguh mengikut kemampuan sebuah kerajaan negeri yang mempunyai sumber kewangan yang terhad. Tumpuan utama kita adalah kepada pembinaan rumah-rumah kediaman kepada rakyat yang amat memerlukan dan terdesak. Di samping itu kerajaan perlu membaiki jalan-jalan dan jambatan yang rosak akibat banjir tersebut.

Dari sudut pandang makro pula, Kelantan amat memerlukan jalan-jalan dan lebuhraya bagi kemudahan perhubungan rakyat, antaranya Lebuhraya Kota Bharu Kuala Krai, *Central Spine Road*, Kuala Krai-Mentera iaitu di sempadan Kelantan-Pahang, Pelebaran Lebuhraya Jeli-Gerik dan Jalan Pesisiran Pantai Pengkalan Kubor-Tok Bali. Kelantan juga memerlukan beberapa jambatan utama seperti jambatan Palekbang-Kg. China dan Jambatan Pengkalan Kubor-Takbai.

Dari segi kemudahan bekalan air, kerajaan mengharapkan usaha intensif dari Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB), supaya target membekalkan air bersih sebanyak 85 peratus kepada penduduk Kelantan menjelang tahun 2020 menjadi kenyataan. Bagi menjayakan hasrat tersebut, ia memerlukan penerokaan baru dalam pengurusan air seperti telaga jejari serta teknologi nano ozon. Segala teknik baru harus diterokai dan dipergunakan sepenuhnya dalam pengurusan air terawat dan sumber air mentah.

Tonggak yang ketiga ialah **Kebajikan**, selaras dengan usaha menjadikan Kelantan sebagai Negeri Berkebjajikan. Kebajikan ini didokong oleh tiga bidang, iaitu **Kebersihan dan Kesihatan Rakyat**, Bidang kedua ialah **Khidmat Kebajikan** manakala yang ketiga ialah **Khidmat Perbandaran**.

Dalam Aspek **Kebersihan**, secara zahir, kita terpaksa mengakui bahawa masyarakat Kelantan agak terkebelakang dari segi menjaga kebersihan, berbanding dengan penduduk luar Kelantan. Seolah-olah tiada keseimbangan dengan nama negeri Serambi Mekah. Negeri Kelantan dikenali sebagai negeri ilmu, ramai alim ulamak dan tokoh agama. Tetapi penghayatan sesetengah nilai tidak kemana, terutama dalam amalan kebersihan. Seolah-olah sudah menjadi budaya warisan masyarakat Kelantan yang tidak memandang penting aspek kebersihan. Bagi mengubah budaya ini, ia memerlukan perubahan sikap melalui didikan dan tarbiyyah, serta peraturan dan penguatkuasaan.

Para pendakwah dan guru-guru agama kita sebenarnya hampir tiada yang menyentuh aspek kebersihan dalam kuliah-kuliah mereka. Topik kebersihan tiada dalam sukatan pengajian. Hasilnya masyarakat melihat ia persoalan peribadi yang tidak berkaitan dengan hukum dan ibadat, sedangkan penjagaan kebersihan itu bertolak atas asas kesucian yang dituntut seperti mana sebuah hadith Muslim yang diriwayatkan berbunyi;

الطَّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Kerjasama adalah perlu daripada para pendakwah dan guru-guru agama untuk terpanggil memikul tugas mendidik dan mentarbiyyah rakyat kita untuk menghayati Islam secara *syumul* termasuk amalan kebersihan. Pihak berkuasa tempatan juga perlu mengadakan mekanisma penguatkuasaan yang berkesan, serta memberi tumpuan kepada kawasan masing-masing.

Kesihatan rakyat dapat digolongkan kepada dua jenis iaitu kesihatan mental yang dicernakan menerusi program kesenian dan kebudayaan dan kesihatan fizikal yang dicernakan menerusi program sukan. Kerajaan telah menggubal dasar kebudayaan dan kesenian melalui falsafah; *Kebudayaan dan Kesenian Islam Menjana Masyarakat Rabbani*. Begitu juga dengan aktiviti sukan yang terkawal secara pematuhan syariat. Agensi-agensi yang terlibat seperti Urusetia Belia dan Sukan serta Pusat Penerangan Pelancongan telah dan hendaklah terus memainkan peranan yang serasi dengan falsafah dan dasar ini. Tinggal lagi perlu diperluaskan agar ia benar-benar menjadi program kebajikan yang dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat.

Khidmat Kebajikan sememangnya mendasari setiap program kerajaan seperti Tabung Serambi Mekah, Takaful Warga Emas, Takaful Armalah, Program Pembangunan Wanita, Program Ladang Rakyat, az-Ziwaaj, al-It'aam, Bantuan Penyakit Kronik dan banyak lagi program yang menepati konsep negeri berkebajikan. Tinggal lagi perlu dibuat penambahbaikan dari aspek kualiti, kuantiti dan kepelbagaiannya.

Masyarakat kita juga perlu kepada **Khidmat Perbandaran** yang baik dalam rangka menjaga kebajikan mereka. Ini memerlukan perancangan bandar dan desa yang mengambil kira kawalan penggunaan tanah dan reka bentuk persekitaran bandar, termasuk jaringan pengangkutan, bagi memandu dan memastikan agar pembangunan petempatan dan masyarakat dalam keadaan

yang terancang. Ia memerlukan usaha penyelidikan dan analisa, pemikiran strategik, seni bina, reka bentuk bandar, perbincangan dengan awam, cadangan polisi, pelaksanaan dan pentadbiran. Negeri Kelantan memiliki 12 pihak berkuasa tempatan termasuk satu Majlis Perbandaran. Bagi mencapai tahap khidmat perbandaran yang baik, ia memerlukan perancangan dalam pelbagai bentuk termasuk rancangan strategik, pelan menyeluruh, pelan kejranaan, strategi peraturan dan insentif atau rancangan pengekalan sejarah.

Istilah yang sering digunakan ialah bandar lestari. Ia disebut sebagai bandar lestari bila mana wujudnya kemudahan dan prasarana dari segi penggunaan sumber tenaga, bekalan air dan pelupusan sisa yang efisien, sistem pengangkutan yang canggih, reka bentuk bangunan dan prasarana mesra alam dengan dikelilingi kehijauan pelbagai flora dan fauna. Nilai tambah ke atas kelestarian ini ialah dengan adanya pelbagai aktiviti martabat tinggi dari segi keilmuan, penyegaran minda, penyuburan rohani, hubungan sosial dan kegiatan perdagangan. Saya yakin dan percaya, jika wujud penyelarasan dan usaha bersungguh-sungguh, impian untuk melihat bandar lestari Islam di setiap PBT kita menjadi kenyataan.

Peranan kerajaan adalah membuat dasar, halatuju dan peraturan, merangka program dan perancangan. Sementara kejayaannya terletak di tangan pegawai dan kakitangan di setiap jabatan dan agensi. Dalam hubungan ini sekali lagi saya ingin menggesa pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk memberi latihan kecekapan yang secukupnya kepada pegawai dan kakitangan kerajaan. Begitu juga jentera yang berada di badan-badan berkanun dan anak syarikat. Kita ingin melahirkan sumber manusia yang kompetatif dan berdaya saing untuk membawa **Kelantan Melangkah Ke Hadapan**.

Untuk melangkah ke hadapan saya ingin mengajak jentera kerajaan di segenap peringkat, bekerja secara berpasukan, menuju destinasi yang sama.

Ia bukan hanya untuk manfaat kepada negeri dan ummah, malah untuk diri kita sendiri, kerana sumbangan kerja yang baik tentunya mendapat pahala di akhirat nanti.

Saya sangat berharap, agar apa yang dihasratkan dalam ucapan dasar ini dapat sama-sama diterjemahkan hingga ke peringkat bawahan, untuk dijayakan ke dalam bentuk pelaksanaan.

Sekian.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم

**MAJLIS PELANCARAN DANA MASJID DAN PERLUASAN
TAPAK SEKOLAH**

15 Jamadil Awwal 1436 / 6 Mac 2015
SMU(A) Hamidiah Padang Lepai Kadok

Firman Allah SWT:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَفُورُ (٢)

Yang bermaksud: *Yang menjadikan mati dan hidup, supaya dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.* (Al-Mulk: 2)

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah yang masih mengurniakan kepada kita nikmat Islam dan iman yang begitu besar buat kita untuk terus mengabdikan diri kepada Allah selepas rakyat di negeri kita ini ramai yang ditimpa musibah banjir besar pada akhir tahun 2014 lalu.

Saya berterima kasih kepada pihak Jawatankuasa Pengelola Kemajuan Sekolah yang telah menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Pelancaran Masjid dan Perluasan Tapak Sekolah pada hari ini.

Harapan saya sekolah Agama Padang Lepai ini tetap sebaris dengan sekolah-sekolah YIK yang lain dalam mengeluarkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan qudwah kepada masyarakat. Institusi sekolah perlu berperanan bersungguh-sungguh ke arah membentuk generasi yang bukan hanya sekadar Muslim tetapi mukmin.

Suasana hari ini dengan budaya hedonisma umpamanya, merupakan gejala yang sangat mempengaruhi remaja masa kini. Semuanya mahu menjadi bintang, mahu menjadi popular dan mengejar populariti semata-mata. Laman

sosial yang seakan-akan tidak ada penamatnya pula menjadi kemuncak kepada permasalahan sosial yang berlaku.

Saya juga amat berharap agar YIK dan para ibu bapa, guru dapat memainkan peranan lebih aktif ke arah membentuk generasi ulama yang mempunyai pengetahuan dalam semua aspek yang mampu muncul sebagai pemimpin masyarakat. Alhamdulillah, kepercayaan masyarakat semakin tinggi terhadap golongan ulama apabila mereka terlibat dalam dalam bidang urus tadbir.

Kita di Kelantan, sangat menekankan aspek pembangunan yang berteraskan Islam dan aqidah Islamiah yang menaungi seluruh aspek perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri ini. Bagi saya, melalui kefahaman aqidah Islamiah ini, ia berupaya membawa ke arah pengukuhan dasar pentadbiran yang berteraskan syariat Islam di Kelantan. Ini kerana pendekatan aqidah adalah pra-syarat utama dalam membangunkan diri dan masyarakat, sudah tentulah masyarakat yang berjaya ialah masyarakat yang berjaya pasakkan aqidah yang kukuh dalam jiwa dan pemikiran mereka.

Kerajaan terus komited untuk memastikan tahun ini sebagai tahun pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Pelaksanaan Kanun jenayah Syariah yang kita tumpukan ini adalah semata-mata kita inginkan keredhaan Allah dan kita ingin didik seluruh rakyat agar menerima serta mengemblengkan tenaga untuk menjayakan pelaksanaannya.

Pelaksanaan hukum Islam ini bukan kita baru nak gubal dan bukannya perkara baru dalam negara kita. Undang-undang Islam telah lama diperkenalkan di Tanah Melayu iaitu sejak tahun 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi lagi. Di Terengganu undang-undang jenayah Islam telah dilaksanakan khususnya semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin (III) iaitu antara tahun 1881-1918. Pada masa itu sudah terdapat mahkamah yang menjatuhkan hukuman menurut undang-undang Islam.

Pada hakikatnya Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang berkait dengan hudud dan qisas telah diluluskan secara rasminya di persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 November 1993. Usaha Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan kanun jenayah syariah ini sudah agak lama, namun kerana ia dianggap sesuatu yang bercanggah dengan perlembagaan persekutuan pada masa itu maka ia ditolak. Setelah ruang untuk melaksanakan hudud dibuka kembali, maka kita di peringkat kerajaan negeri menyahut peluang ini untuk mengangkat rang undang-undang persendirian ke persidangan Dewan Rakyat pada 18 Mac terdekat ini.

Kerajaan negeri amat bertegas dalam pelaksanaan undang-undang Islam ini kerana menyakini sabdaan Rasulullah SAW yang menyebut:

لَحْدٌ يُقَامُ فِي الْأَرْضِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَنْ يُمَطَّرُوا ثَلَاثِينَ صَبَاحًا

Maksudnya: *Satu sahaja hukuman berteras Islam yang dilaksanakan di muka bumi adalah lebih baik bagi penduduk bumi dari mereka diturunkan hujan rahmat tiga puluh pagi. (Riwayat al-Nasaie)*

Kita telah ziarah Brunei pada 16 hingga 20 Disember 2013 lepas sebaik sahaja mereka isytihar untuk laksana Kanun Jenayah Syariah atau istilah di sana Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Sistem di Brunei berbeza dengan Malaysia di mana kuasa tertinggi terletak pada Sultan sendiri dan negara tersebut mengamalkan pemerintahan secara monarki. Oleh yang demikian, Sultan berhak menitahkan sebarang arahan kepada kerajaannya sama ada mahu dilaksanakan undang-undang Islam atau sebaliknya.

Brunei laksana Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah secara berperingkat-peringkat dalam TIGA FASA :

Fasa Pertama: Setelah enam (6) bulan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 diwartakan;

Peruntukan-peruntukan yang akan dikuatkuasakan ialah semua kesalahan am kecuali kesalahan-kesalahan yang membawa kepada hukuman mati atau sebat dijalankan.

Fasa Kedua: Setelah dua belas(12) bulan dari tarikh Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah diwartakan; Peruntukan-peruntukan yang akan dikuatkuasakan termasuk kesalahan-kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *hadd*, *qisas*, *diyat* atau *arsy* kecuali kesalahan yang membawa kepada hukuman mati.

Dan di Fasa Ketiga: Setelah dua puluh empat (24) bulan dari tarikh Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah diwartakan; Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dikuatkuasakan sepenuhnya termasuk pelaksanaan hukuman mati.

Insyallah, kita di Kelantan juga akan laksanakan Kanun Jenayah secara berfasa dan kepada orang Islam sahaja.

Sempena majlis hari ini, saya rakamkan tahniah di atas usaha pihak Pengelola Kemajuan Sekolah yang bertungkus lumus untuk meluaskan kawasan sekolah ini untuk lebih selesa dan boleh menempatkan pengajian pelajar dengan baik. Pihak kerajaan negeri luluskan dahulu di peringkat permulaan untuk tabung dana masjid dan gerak kerja kemajuan sekolah sebanyak RM 10 ribu.

Dengan lafaz “ *Bismillahir Rahmanir Rahim*” Saya lancarkan dana masjid dan usaha memperluaskan tapak sekolah ini berjaya sepenuhnya.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

MAJLIS PEMBUKAAN THAI FESTIVAL 2015

25 Mac 2015
Stadium Sultan Muhammad IV

Assalamualaikum Warahmatullah Dan Salam Sejahtera

Firman Allah Taala:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan antara satu sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya iaitu yang paling baik di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha mendalam pengetahuannya. (Al-Hujurat: 13)*

Pertamanya, saya bersyukur kepada Allah dapat juga saya menghadiri ke Majlis Pembukaan Thai Festival yang diadakan selama 6 hari ini, semoga program ini berjaya dan mendapat sambutan yang amat baik dari rakyat negeri ini. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Royal Thai Consulate yang telah berjaya menganjurkan program yang sangat bermakna ini.

Saya mengharapkan daripada festival ini, banyak produk-produk termasuk makanan juga buah-buahan dari Thailand dapat dipromosikan dan sememangnya produk Thailand sangat digemari oleh rakyat negeri ini

khasnya dalam produk kecantikan dan selain itu jenis masakan Thailand yang sangat enak dan menyelerakan.

Saya berharap selain daripada program untuk mempromosi barangan dan produk dari sana, Kerajaan Kelantan dapat membina hubungan yang erat dengan Kerajaan Thailand. Dalam Islam, hubungan erat ini mesti dibina dengan semua bangsa dan kaum tidak terhad hubungan di peringkat nasional, bahkan hingga ke peringkat antarabangsa. Tidak ada kelebihan antara manusia, negeri juga negara melainkan diukur dengan ‘takwa’ atau sikap yang baik dan bertolak-ansur.

Di Kelantan ini selain daripada mempunyai produk-produk yang boleh dikongsi bersama dengan pihak Thai, kita sangat mengutamakan juga industri pelancongan dan negeri Kelantan sentiasa berusaha dari masa ke semasa ke arah memperkasakan industri pelancongan ini.

Di Kelantan, sektor pelancongan masih kekal sebagai sektor utama dalam menjanakan ekonomi negeri Kelantan serta memberi peluang pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat tempatan. Sebagai contoh, pada tahun 2013, seramai 4.84 juta orang pelancong telah mengunjungi negeri ini yang menyumbang sebanyak RM 1.69 bilion kepada ekonomi negeri. Sehingga bulan Julai 2014, seramai 2.96 juta pelancong telah melawat Kelantan termasuk 770,816 orang pelancong antarabangsa.

Pada hakikatnya “Kebudayaan” rakyat Kelantan itulah produk utama bagi rakyat Kelantan. Pelancong datang ke sini kerana mahu melihat masyarakat yang melahirkan permainan atau seni yang cukup indah. Justeru, budaya ini dihidupkan dan diwariskan kepada generasi yang akan datang melalui usaha sistematik kerajaan. Bagi tahun 2015 kerajaan negeri menyediakan peruntukan sejumlah RM 2.2 juta bagi Program Pembangunan Pelancongan, Pembangunan Seni dan Budaya dan Galakan Kebudayaan, Kesenian dan

Pelancongan serta RM 800 ribu bagi Pembangunan Infrastruktur Pelancongan. Ini bermakna kerajaan negeri amat mementingkan soal promosi negeri Kelantan bagi pelawat-pelawat negara luar. Kita juga telah mempromosi pelbagai produk makanan, barangan untuk dijual di pasaran luar.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Royal Thai Consulate di atas penganjuran yang sangat baik ini, saya akhiri dengan

Assalamualaikum dan selamat berfestival.

**MAJLIS PERASMIAN PERKAMPUNGAN BICARA MUSIBAH
(MENGENANG JASA SUKARELAWAN MEMBANTU MANGSA
BANJIR)**

26 Mac 2015

Perkarangan Masjid Al-Hasyimi, Kg Tualang, Kuala Krai

Firman Allah Taala :

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ
اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): Wahai hamba-hambaKu yang telah melakukan dosa terhadap diri sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; Sesungguhnya Dialah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*
(Al-Zumar: 53)

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kerana kita semua dapat berhimpun untuk mengadakan suatu perkampungan bagi mengenang jasa-jasa para sukarelawan yang membantu mangsa banjir yang lepas termasuk hari ini kita meraikan mangsa-mangsa banjir di Kuala Krai. Tahniah dan terima kasih kepada pihak penganjur program selama dua hari yang sangat baik ini, semoga Allah mengganjari semua pihak yang terlibat, insyaAllah.

Allah telah mendatangkan rahmat ke atas hambaNya tidak berputusan, Para Nabi dan Rasul juga adalah rahmat yang besar kepada umat manusia. Apabila Allah mengutuskan Nabi SAW sebagai Rasul dan Nabi akhir zaman, ia diertikan sebagai perutusan rahmat kepada manusia. Rahmat kita umat akhir

zaman ini berada di bawah payungan Nabi Muhammad adalah suatu kemuliaan kepada kita sebagaimana juga Allah kurniakan pelbagai rezeki, itu juga rahmat Allah. Namun ramai yang tidak merasai bahawa cubaan dan ujian Allah juga sebagai rahmat. Imam Ghazali menyatakan bahawa “Apabila ujian dan musibah menghempap kehidupan seseorang, ketahuilah ia adalah pembukaan kepada rahmat Allah”.

Musibah/bencana banjir ini adalah ujian dan merupakan sunnatullah, ia datang untuk menguji keimanan seseorang. Dan tidak akan luput seseorang dari ujian Allah ini, dalam bentuk apapun ujian tersebut, manusia kena sedari bahawa tidak dapat tidak mereka harus hadapinya. Firman Allah dalam hal ini:

أَحْسِبِ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ. وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ

Maksudnya: *Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan sambil mengatakan: "Kami telah beriman", sedang mereka tidak diuji? Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta. (Al-Ankabut : 2-3)*

Allah juga menyatakan bahawa kita akan sentiasa diuji dengan rasa takut, takut akan kelaparan, kehilangan harta benda yang kita miliki dan takut terhadap bencana yang menimpa. Ini juga adalah rencana Allah menguji kadar kesabaran seseorang khasnya dalam banjir besar yang memusnahkan kediaman, ramai yang kelaparan, kesedihan, rasa takut dan sebagainya. Firman Allah:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالتَّمْرَاتِ وَبَشْرٍ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: *Dan pasti Kami akan uji kamu, dengan ujian ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan hasil mahsul kamu. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.* (Al-Baqarah: 155)

Musibah banjir yang melanda boleh juga dilihat sebagai teguran. Hal ini bertujuan untuk mengingatkan orang-orang yang beriman agar mereka kembali atau bertaubat dari segala kelalaiannya atau dosa-dosanya serta mengingatkan yang alpa dan lalai agar terus kembali kepada Allah dan jangan pandang remeh kekuasaan Allah. Firman Allah:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ

Maksudnya: *Dan apa saja musibah yang menimpa kamu maka adalah disebabkan oleh perbuatan tanganmu sendiri, dan Allah memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan-kesalahanmu).* (Syura: 30)

Jadi, kita hendaklah bersegera mengerjakan ketaatan di peringkat diri sendiri, keluarga, dan seterusnya peringkat kerajaan. Apa yang berlaku di negeri kita pada kali ini dengan banjir yang banyak memusnahkan harta benda serta kediaman, adalah suatu peringatan dari Allah, ujian agar kita semua kembali sepenuhnya kepada tuntutan Allah dan ujian mengangkat darjat kesabaran serta ketakwaan kepada hambaNya.

Allah ingin menganugerahkan sesuatu yang terbaik selepas ini, insya-Allah. Lihat di Aceh suatu ketika bila Allah takdirkan berlaku tsunami besar yang mengorbankan ratusan jiwa, selepas itu Aceh bangun sebagai wilayah yang melaksanakan hukum Islam. Kita harapkan perkara yang sama di Kelantan, walaupun ujian kita tidak sebesar Aceh, tapi bagi rakyat Kelantan ini sejarah banjir besar yang mencemaskan dan banyak sekali kerosakan berlaku walaupun angka kematian sedikit sahaja. InsyaAllah kita doakan Allah juga

beri suatu kurniaan rahmatNya untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri yang dapat melaksanakan undang-undang Islam.

Usaha Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan undang-undang Islam atau kita namakan Kanun Jenayah Syariah ini sudah agak lama, namun ianya terbantut kerana ia telah dinafikan oleh beberapa pihak sebagai bercanggah dengan perlembagaan persekutuan pada masa itu.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang berkait dengan hudud dan qisas telah diluluskan secara rasminya di Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 November 1993 lagi. Ianya telah dibentangkan sendiri oleh Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan pada masa itu dan telah mendapat sokongan sebulat suara ahli-ahli dewan.

Maka atas dasar itulah, Kerajaan Negeri Kelantan pada sidang Dewan Undangan Negeri lepas telah membawa kembali Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 ke sidang Dun untuk membuat beberapa pindaan dan penambahbaikan supaya ianya lebih kemas, mantap dan selari dengan pelbagai aspek perundangan negara sebelum ianya dapat dilaksanakan. Doakan lah agar usaha kerajaan negeri ini berjaya dan Kelantan kita dapat melaksanakan Kanun Jenayah Syariah secara berperingkat insyaAllah.

Insyallah pihak kerajaan negeri sedang dalam pembinaan rumah-rumah kekal di semua lokasi yang dilanda banjir, ada yang telah menetap dalam rumah kekal tersebut dan yang masih belum siap lagi diharap bersabar kerana pihak kita perlu meneliti lokasi selamat di atas tanah kerajaan negeri atau tanah pemilik yang asal.

Apapun bersabarlah, musibah banjir ini akan menyucikan semua dosa-dosa kita yang lalu dan insyaAllah Allah akan mempermudah urusan jika dan kesan musibah akan dirasai lebih ringan dan dengan mudah akan dapat diatasi jika semua kita sentiasa bersabar. Sabda Rasulullah SAW:

مَا يُصِيبُ الْمُؤْمِنَ مِنْ وَصَبٍ ، وَلَا نَصَبٍ ، وَلَا سَقَمٍ وَلَا حَزَنٍ وَلَا أَدَى حَتَّىٰ آلِهِمْ
يُهْمُهُ إِلَّا يُكْفَرُ بِهِ عَنْهُ مِنْ سَيِّئَاتِهِ.

Maksudnya: Tidaklah menimpa seseorang mukmin berupa keletihan, kesakitan, bebanan, dukacita dan keperitan hidup hinggalah kerungsingan yang dihadapinya melainkan akan dihapuskan dengan demikian itu segala dosa-dosanya.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Semoga dengan ujian yang dihadapi ini bukan untuk kita bersedih dan menyalahkan sesiapa, akan tetapi untuk kita perteguhkan tekad meneruskan kehidupan dengan anugerah iman dan kebaikan yang datang mencurah-curah selepas ini.

Saya ambil kesempatan di sini bagi merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu mangsa-mangsa banjir lepas bermula daripada orang perseorangan, agensi-agensi kerajaan, NGO-NGO, ahli-ahli korporat, sukarelawan dari dalam negara dan luar negara. Saya juga terharu kerana saudara kita dari negara luar seperti Thailand, Singapura, Palestin dan lain-lain juga turut memberi bantuan dan datang membersihkan rumah-rumah yang dilanda banjir. Ini adalah suatu penghormatan dan tanda keprihatinan masyarakat antarabangsa kepada tragedi yang melanda negeri kita. Juga penghargaan khas saya kepada wira-wira rakyat, hero-hero kita di Kuala Krai ini yang sanggup mengorbankan nyawa demi menyelamatkan penduduk semasa berpindah dan menghantar makanan, *jazakumullah* kepada semua.

Akhir sekali, saya rasmikan program perkampungan mengenang jasa sukarelawan dan Bicara Musibah ini dengan lafaz mulia:

Bismillahir Rahmanir Rahim

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**SEMPENA PERASMIAN MAJLIS FESTIVAL GENDANG
ANTARABANGSA NEGERI KELANTAN 2015**

24 Jamadil Awwal 1436 / 15 Mac 2015
Dataran Stadium

Firman Allah Taala:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan antara satu sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya iaitu yang paling baik di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha mendalam pengetahuannya.* (Al-Hujurat: 13)

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah, dengan keizininannya dapat kita sama-sama merayakan 'Festival Gendang Antarabangsa Kelantan 2015' bersempena sambutan 'Malaysia Year Of Festival' atau lebih dikenali sebagai 'Myfest 2015'. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia kerana telah memberikan peluang dan ruang kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk menganjurkan festival yang berprestij ini.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para peserta antarabangsa yang datang dari Korea Selatan, Thailand, Jepun, Sri Lanka dan Indonesia di atas kesediaan tuan-tuan dan puan-puan untuk turut serta mengambil bahagian dalam acara ini yang julung-julung kali diadakan di negeri Kelantan Darulnaim. Suka juga untuk saya mengucapkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada peserta tuan rumah dan peserta negara ini dari negeri Sabah dan Sarawak. Tanpa kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, saya percaya festival ini kurang mendapat sambutan yang sebegini meriah.

Saya dimaklumkan bahawa pada tahun 2015 ini merupakan tahun sambutan Malaysia Year Of Festival 2015 rentetan dari sambutan Tahun Melawat Malaysia 2014, dan satu majlis pelancaran telah diadakan pada bulan Januari baru-baru ini di 'Malaysia Tourism Information Center' (MATIC), Kuala Lumpur. Sekali lagi saya rakamkan ribuan tahniah kepada pihak Kementerian Malaysia di atas usaha dan dedikasi mereka bagi menjayakan sambutan tahun ini dan tahun-tahun sebelumnya.

Penghujung tahun 2014 telah menyaksikan satu tragedi yang jarang sekali kita dengar melanda tanah air Malaysia yang tercinta. Negeri Kelantan dan beberapa negeri lain di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak telah diuji dengan ujian banjir besar yang merupakan antara yang terburuk yang pernah menimpa sejarah negeri Kelantan dalam tempoh seratus tahun.

Walau bagaimana pun syukur Alhamdulillah, pihak kerajaan negeri dengan kerjasama dari kerajaan persekutuan, Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan dan badan-badan bukan kerajaan yang lain yang telah bersama-sama rakyat negeri ini menghadapi proses pasca banjir dengan pelbagai bantuan. Jutaan terima kasih saya ucapkan di atas kesudian semua membantu memulihkan sosio-ekonomi rakyat Kelantan yang telah terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Semoga Allah SWT membalas jasa dan budi baik tuan-tuan dan puan-puan dengan yang lebih baik di dunia dan akhirat.

Sepintas lalu mengenai negeri bertuah ini, negeri Kelantan dikenali dengan pelbagai gelaran dan jolokan. Di antaranya, negeri Serambi Mekah, negeri Cik Siti Wan Kembang, negeri Gedung Budaya Melayu, negeri Tadahan Wahyu dan banyak lagi. Jolokan dan gelaran yang diberikan ini sememangnya menggambarkan dan mencerminkan apa yang terkandung dalam negeri ini. Negeri Kelantan dianugerahkan dengan kekayaan dari segi budaya, alam semula jadi, warisan dan khazanah yang masih lagi terpelihara rapi hingga ke hari ini.

Kepada para tetamu dari luar negeri dan negara, saya mengalu-alukan untuk meninjau di sekitar bandar Kota Bharu merasai suasana dan pelbagai juadah hidangan rakyat tempatan. Tuan-tuan dan Puan-puan bolehlah berkunjung ke Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan dan Tourism Malaysia Negeri Kelantan untuk mendapatkan khidmat pandangan professional khususnya bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang lokasi menarik untuk dilawati.

Selain itu, budaya masyarakat Kelantan sendiri yang unik dengan jalinan hubungan mesra antara kaum. Masyarakat Cina, India misalnya yang tinggal di kampung Melayu di Kelantan tolong-menolong demi kepentingan bersama. Mereka juga menghayati budaya Melayu dalam kehidupan harian mereka. Ini jelas menunjukkan masyarakat Cina, India dan Melayu di Kelantan pandai menyesuaikan diri dengan persekitarannya tanpa paksaan. Asas sosial inilah yang dimanfaatkan menjadi asas ekonomi, politik dan pendidikan yang bersepadu. Perasaan muhibah yang terjalin antara orang Kelantan dalam masyarakat Melayu, Cina dan India juga telah melahirkan pelbagai seni budaya dan warisan yang diabadikan hingga sekarang.

Alhamdulillah, suasana seperti ini terus kita pelihara di Kelantan dan insyaAllah akan terus terjaga di bawah dasar Membangun Bersama Islam yang telah memasuki tahun ke-25 dan kita telah membuat sambutan Jubli Perak semalam juga di sini. Di Kelantan ini, kita laksanakan polisi hubungan antara kaum yang lebih memberikan keselesaan kepada rakan-rakan daripada bukan Melayu. Bangunan-bangunan yang ingin dibina berasaskan kepada ciri-ciri kaum masing-masing dibenarkan tanpa sebarang sekatan.

Ini termasuklah pihak kerajaan negeri juga telah membina sebuah masjid di Rantau Panjang yang dibina berteraskan seni bina kaum Cina. Masjid ini yang dikenali dengan nama Masjid Beijing sudah lama siap dan sudah digunakan untuk solat sejak beberapa tahun lalu. Imam juga pada awalnya didatangkan dari Yunan, China. Sementara arkitek dan pekerja-pekerja mahir yang membangunkan masjid itu didatangkan khusus dari China dan Uzbekistan. Para tetamu daripada luar Kelantan bolehlah ke Rantau Panjang untuk meneliti sendiri seni bina dan keunikan masjid tersebut.

Sebagai akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan festival yang julung-julung kali diadakan ini. Majlis yang sangat menarik di samping kita boleh melebarluaskan hubungan persaudaraan pelbagai kaum juga bangsa. Hal ini sangat bertepatan dengan anjuran serta galakan agama Islam sendiri yang mengajak penganutnya menjalinkan hubungan ukhuwwah atau persaudaraan yang erat sebagaimana dalam ayat al-Quran yang telah saya baca di awal ucapan tadi. Dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya dengan ini merasmikan Festival Gendang Antarabangsa Kelantan 2015, semoga berjalan dengan lancar dan penuh meriah.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**KARNIVAL PEMAKANAN DAN PERUBATAN SUNNAH NABI
S.A.W**

26 Jamadil Awwal 1436 / 17 Mac 2015
Dewan Jubli Perak, Majlis Perbandaran Kota Bharu-BRI

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ
عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Yang bermaksud: *Hai sekalian manusia, makanlah kamu daripada yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.* (Al-Taubah: 168)

Alhamdulillah, kita panjatkan setinggi-tinggi pujian ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita semua untuk berada di Majlis Perasmian Karnival Pemakanan dan Perubatan Sunnah Nabi pada kali ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak urusetia di atas kejayaan menganjurkan program yang sangat bermakna di dalam mengembalikan pengamalan sunnah nabi di dalam pemakanan seharian dan juga perubatan. Terima kasih juga saya ucapkan kerana diberi peluang untuk untuk menyampaikan ucapan serta merasmikan karnival ini.

Makanan adalah keperluan asas dalam kehidupan manusia. Tanpa makanan, kesihatan manusia akan terjejas. Pengambilan makanan bukan sahaja untuk meneruskan kehidupan tetapi juga untuk memastikan tubuh badan sentiasa sihat sejahtera demi memastikan jasad sentiasa segar untuk beribadat kepada Allah SWT. Justeru, Allah SWT mensyaratkan pengambilan makanan hendaklah berasaskan kepada dua syarat iaitu pertama halal dan yang kedua

baik. Halal bermaksud makanan yang didapati secara syarie, dengan rezeki dan pekerjaan yang diresdungi agama serta merupakan jenis makanan yang diharamkan. Manakala *toyyib* iaitu baik bermaksud makanan yang suci, berzat dan berkhasiat, tidak mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan manusia. Inilah yang ditegaskan di dalam ayat yang saya bacakan di awal ucapan tadi.

Hakikatnya, makanan yang haram merupakan racun yang membarah di dalam jiwa manusia. Sebagaimana racun jika dimakan oleh manusia boleh mengakibatkan kemudharatan kepada tubuh badan sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang, demikianlah juga dengan makanan yang haram boleh mengakibatkan kemudharatan kepada rohani manusia. Justeru, Islam melarang keras umatnya mengamalkan pemakanan yang haram kerana beberapa sebab. Antaranya ialah kerana makanan yang haram akan menghalang doa dari dimakbulkan oleh Allah SWT. Di dalam sebuah hadis, pernah disebut satu pesanan Rasulullah SAW kepada Sa'ad bin Abi Waqash R.A:

يَا سَعْدُ! أَطْبِ مَطْعَمَكَ تَكُنْ مُسْتَجَابَ الدَّعْوَةِ

Maksudnya: *Wahai Sa'ad! Pastikan makanan kamu halal serta suci, nescaya doa kamu diperkenankan Allah SWT.* (Hadis Riwayat Thabarani).

Demikian juga hadis yang pernah menyebut bagaimana kisah seorang lelaki yang berdoa kepada Allah SWT di tengah padang pasir ketika bermusafir tetapi doanya tidak diterima oleh Allah SWT kerana makanan serta pakaiannya dari sumber yang haram. Selain itu, makanan yang haram juga merupakan penyebab seseorang itu dibakar oleh api neraka. Ini dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sabda Baginda:

كُلُّ لَحْمٍ وَدَمٍ نَبْتًا مِنْ سُحْتٍ فَالنَّارُ أَوْلَىٰ بِهِمَا

(رواه الطبراني)

Yang bermaksud: *Tiap-tiap daging dan darah yang tumbuh daripada harta atau makanan yang haram, maka nerakalah tempatnya.* (Riwayat Tabrani).

Karnival yang diadakan ini sangat baik di kala zaman pada hari ini banyak perkara sunnah dari sudut pemakanan juga perubatan diabaikan. Bermacam-macam penyakit dengan pelbagai nama yang pelik zahir hari ini disebabkan antaranya ialah kesan pemakanan yang tidak terkawal dan tidak bersih. Dalam Islam, menjaga kesihatan adalah merupakan perkara yang sangat dituntut. Petua menjaga kesihatan cara Rasulullah turut mengambil kira perjalanan sistem tubuh manusia. Tubuh manusia sebagai mesin, memerlukan bahan bakar iaitu makanan untuk membolehkannya melaksanakan kerja. Dengan itu, kuantiti makanan yang masuk ke perut mesti dikawal. Sebenarnya, menjaga dan mengawal perut daripada makan terlalu banyak adalah kaedah pencegahan penyakit yang berkesan. Sebab itu ramai ilmuwan perubatan dan tabib zaman lampau sering bermadah menyatakan *Al-Juu' Huwa Al-Dawaa'* atau 'lapar itu ubat'.

Mengambil makanan dalam kuantiti banyak adalah amalan buruk kerana ia memberatkan organ dan sistem pencernaan sehingga ia lemah dan tidak mampu mencerna secara teratur dan berkesan. Makanan dalam jumlah yang banyak menyebabkan pelbagai penyakit. Justeru, kaedah rawatan dan pencegahan penyakit yang terbaik sepatutnya bermula dari perut dengan memastikan kuantiti dan jenis makanan yang masuk ke perut agar terkawal.

Jika diteliti kepada sunnah pemakanan, Baginda SAW lebih mengutamakan makanan lembut, terutama jika baru sembuh atau melalui proses pemulihan.

Dalam satu hadis daripada Siti Aisyah Radiyallahu Anha, beliau berkata: *“Jika Rasulullah diberitahu si fulan sakit dan tidak ada selera makan, baginda bersabda: Berikanlah kepadanya ‘talbiinah’ Demi Allah, ia mencuci perut seseorang seperti kamu membersihkan mukamu daripada kotoran”*

Talbiinah ialah sejenis makanan masyarakat Arab menyerupai bubur atau susu. Ia lembut dan tidak membebankan perut. Bagi kita di sini, mungkin sama dengan oat yang dicampur susu dan ia sesuai sebagai makanan yang lembut dan tidak membebankan perut serta fungsi pencernaan. Disiplin pemakanan yang diamalkan Rasulullah biasanya mengelak makanan itu mendatangkan penyakit kepada individu yang sihat, manakala bagi mereka yang mengalami masalah kesihatan, ia dapat membantu untuk rawatan penyakit.

Perkara menarik mengenai kaedah makanan seimbang yang diajarkan Rasulullah ialah baginda tidak membataskan pada satu jenis makanan saja. Contohnya, baginda menyeimbangkan makanan bersifat panas dengan sejuk. Dari segi komposisi makanan, Baginda tidak pernah mengambil susu dan ikan atau susu dan telur atau daging dan susu atau antara makanan yang kedua-duanya mempunyai sifat panas atau sifat dingin serentak. Termasuklah juga Baginda tidak mengambil dua jenis makanan yang mempunyai sifat cepat dicernakan dan lambat dicernakan serentak.

Makanan jenis segera dan minuman berkarbonat, walaupun sedap, tetapi memudaratkan apatah lagi mengandungi perasa tiruan dan sintetik perlu dielakkan. Sepatutnya pemakanan yang dinyatakan dalam hadis lebih digemari dan menjadi tabiat pemakanan kita seperti selalu makan madu, zaafaran, habbatus sauda’, zaitun dan lain-lain. Sebagai contoh madu, Rasulullah mempunyai disiplin pengambilan madu setiap waktu pagi sebelum sarapan. Madu yang dicampurkan dengan air dingin sebelum diminum sangat

bermanfaat dan mampu mencairkan lendir serta membersihkan sistem pencernaan.

Kerajaan Negeri Kelantan amat menitikberatkan persoalan pemakanan halal supaya bertapak diseluruh pelosok negeri ini. Alhamdulillah, pada hari ini kita melihat perkembangan industri halal termasuk di negara kita semakin meningkat. Umat Islam semakin menyedari betapa perlunya mereka memilih makanan yang halal dan ini merupakan satu cabaran besar kepada jabatan agama yang bertanggungjawab untuk memastikan keperluan dan permintaan yang meningkat ini dapat disempurnakan. Hakikatnya, ingin saya tegaskan bahawa persoalan halal haram bukan hanya terhad kepada industri produk yang berasaskan makanan dan minuman sahaja malah ia merangkumi sektor yang lebih besar merangkumi kosmetik, penjagaan kesihatan, pembungkusan, logistik, perbankan, jentera pemprosesan serta pembungkusan makanan, pelancongan dan bidang-bidang lain di dalam ekosistem industri halal. Selain itu, halal haram juga sewajarnya perlu difahami dalam konteks yang lebih luas dan global sehingga menjangkau aspek pemerintahan dan hukum hakam yang dilaksanakan semasa mentadbir negeri atau negara.

Perubatan berasaskan sunnah Rasulullah SAW juga perlu dititik beratkan oleh semua. Jika kita teliti kepada amalan perubatan sunnah ada cara perubatan secara semula jadi melalui pemakanan dan sebagainya. Selain itu, terdapat jenis perubatan secara ruqyah atau jampi syarie bagi menghilangkan pelbagai penyakit termasuk penyakit kerohanian. Maka dengan adanya karnival seumpama ini dan saya difahamkan ada pembentangan-pembentangan perubatan gaya Rasulullah dan juga aspek pemakanan sihat yang dianjurkan oleh Islam yang akan diberi pengisian oleh pakar-pakar yang tidak asing lagi di tanah air kita seperti Prof. Dr Rohaya Mohammad, Ustaz

Fauzi Mustafa, Ustaz Syarhan Al-Tobibi dan lain-lain. Semoga karnival ini dapat memberi ilmu baru kepada pengunjung dan pendengar nanti.

Sebelum saya merasmikan karnival ini, izinkan saya untuk berpantun:

*Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan,
Amalan sunnah kian tampak,
Pemakanan, perubatan bergerak sehaluan.*

*Tenang-tenang air laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung,
Sunnah dikenang mulut menyebut,
Suruhan Nabi wajib dijunjung.*

Dengan lafaz yang mulia:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya rasmikan Karnival Pemakanan Halal dan Perubatan Sunnah Nabi pada hari ini, semoga dilimpahi keberkatan daripada Allah hendaknya. Saya sudahi dengan :

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PEPERIKSAAN
TAHUN 2015**

29 Rejab 1436H / 18 Mei 2015
Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK)

Firman Allah SWT:

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا
عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ ۖ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن
قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٦٤﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah telah mengurniakan rahmatNya kepada orang-orang beriman setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah yang membuktikan keesaan Allah serta membersihkan mereka dari i'tiqad yang sesat dan mengajar mereka kitab Allah dan pengetahuan mendalam mengenai hukum syariat. Sesungguhnya mereka sebelum itu berada dalam kesesatan yang nyata. (Al-Imran: 164)*

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita nyatakan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah kurniaNya pada petang ini, dapat kita berada dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan Tahun 2015 di dewan PUTIK ini.

Majlis Anugerah Kecemerlangan ini merupakan antara acara tahunan Kerajaan Negeri Kelantan untuk memberi galakan, penghargaan, suntikan

semangat dan perangsang kepada anak-anak pelajar-pelajar Kelantan yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan yang diadakan pada tahun lepas iaitu 2014 yang lalu.

Kerajaan negeri telah menjadikan agenda pendidikan sebagai keutamaan bagi membangunkan sebuah masyarakat berilmu yang mampu membangun diri dan menggerakkan aktiviti harian selari dengan panduan yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada semua manusia. Sejarah pendidikan di negara kita bermula sebelum dari kedatangan penjajah sehingga telah bertapak kukuh di dalam masyarakat.

Dalam menjulang semangat masyarakat berilmu ini, kerajaan negeri melalui Yayasan Islam Kelantan, melaksanakan tanggungjawab pendidikan berteraskan Pengajian Islam dan Bahasa Arab peringkat menengah. Sehingga kini Yayasan Islam Kelantan mempunyai 89 buah sekolah dengan bilangan murid 37,626 ribu orang. Kerajaan negeri sentiasa komited bagi merealisasikan falsafah pendidikannya yang dapat mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu sehingga dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, aqliah, aqidah, emosi dan jasmani dan akhirnya layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat, negeri dan ummah.

Ilmu merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan manusia, dan Islam mengingatkan tentang hakikat ini menerusi pelbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Penekanan terhadap kepentingan dan keperluan menuntut ilmu membuktikan bahawa Islam adalah agama yang memartabatkan ilmu pengetahuan. Islam telah menempatkan orang-orang berilmu di tempat yang tinggi dan dengan kelebihan-kelebihan sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: Allah mengangkat darjat ketinggian orang yang beriman dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan. (Al-Mujadalah: 11)

Dengan kejituan ilmu juga menjadikan manusia dapat mengenal pencipta dan merasa gerun dengan setiap peringatan yang telah diturunkan di samping mereka yang berilmu ini akan sentiasa mendahulukan wahyu Allah daripada hawa nafsu. Jika hanya berilmu tetapi tidak disandarkan kepada al-Quran dan Sunnah, maka akan binasa juga. Betapa ramai orang yang memiliki sijil tinggi dan ijazah PhD namun mereka tetap menolak hukum Allah dan mempermainkan kehendak agama, ini adalah bahayanya jika ilmu tidak diseragamkan dengan agama.

Sikap berlumba-lumba mencari ilmu adalah sikap yang terpuji yang akhirnya dapat mengangkat martabat agama dan bangsa, dan dalam dunia yang penuh dengan perlumbaan pada hari ini kita melihat betapa saluran-saluran untuk mendapatkan ilmu begitu terbentang luas, melalui alat komunikasi moden dan alat-alat perhubungan yang canggih, capaian maklumat menjadi terlalu mudah. Justeru itu amat malang kepada orang-orang yang tidak merebut peluang ini untuk memahami dan mendekati setiap isu yang hangat diperkatakan. Memahami kehidupan beragama sebagai satu landasan hidup yang amat sesuai dengan fitrah kejadian manusia.

Penganugerahan sumbangan pada kali ini merupakan tanda komitmen kerajaan negeri terhadap usaha menyemarakkan semangat masyarakat berilmu dan menjadikan negeri Kelantan lebih terkenal dengan rakyatnya yang mempunyai berbagai kepakaran dalam cabang-cabang ilmu pengetahuan. Kerajaan negeri sejak tahun 2006 lagi telah mengadakan majlis

anugerah ini dan telah membelanjakan sejumlah RM 4.26 juta sehingga tahun 2014 dengan harapan sumbangan ini akan menjadi pendorong dan pembakar semangat untuk lebih terus gigih berusaha mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa yang akan datang.

Apa yang penting anak-anak pelajar dapat meneruskan usaha pengajian sehingga lahir nanti sebagai ulama mujtahid, pakar dalam bidang masing-masing dan menjadi rujukan masyarakat kelak. Kita mahu di Kelantan ini sentiasa ada pelapis yang hebat dalam memiliki ilmu dan kepakaran serta mereka menggunakannya untuk kemaslahatan ummah dan pembangunan tuntutan agama dalam negeri dan negara kita. Buang segala niat belajar untuk sijil dan hanya mendapat pujian, akan tetapi sematkan dalam hati, ianya untuk khidmat kepada agama, masyarakat dan negara.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih seluruh warga YIK yang telah mendidik anak-anak pelajar untuk sentiasa cemerlang dalam pelajaran. Setinggi-tinggi tahniah kepada semua anak-anak pelajar yang telah mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan lalu dan sudah pasti pencapaian ini amat membanggakan kerajaan.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

UCAPAN DASAR
YAB USTAZ DATO' MENTERI BESAR KELANTAN
KELANTAN MENDEPANI CABARAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله الذي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِأَدَاءِ الْوَاجِبَاتِ وَفَضَّلَنَا بِالْخَيْرِ وَالْيُمْنِ وَالْبِرَكَاتِ
وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى الرَّسُولِ الَّذِي أَدَّى الْأَمَانَاتُ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الْكُرْبَاتِ

قال الله تعالى:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ تَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۗ وَالَّذِي خَبثَ لَا تَخْرُجُ إِلَّا
نَكِدًا ۚ كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: *Dan negeri yang baik, maka tanaman-tanamannya tumbuh subur dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik maka tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan lambat serta layu. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda kekuasaan Kami dengan pelbagai cara bagi orang-orang yang bersyukur. (Al-A'raf: 58)*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, dapat sama-sama kita berada di Majlis Ucaptama Kelantan Mendepani Cabaran ini. Saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua hadirin serta hadirat yang telah memberikan komitmen tinggi untuk hadir ke majlis pada pagi ini. Tidak dilupakan juga kepada pihak urusetia yang menjayakan Majlis Ucaptama Kelantan Mendepani Cabaran pada kali ini.

Saya memulakan ucapan dengan memetik sepotong ayat al-Quran yang menyatakan tentang *muwasofat* negeri yang makmur, berkat serta berkebakikan bahawa ianya akan dilimpahi rahmat dan rezeki yang tidak berputusan daripada Allah SWT. Allah menegaskan bahawa hanya negeri yang *toyyib* iaitu negeri yang baik dari pelbagai aspek, rakyat yang akur perintah Allah, pemimpin yang mentadbir dengan penuh adil dan dasar Islam ditegakkan dalam negeri tersebut maka akan diperluaskan rezekinya melalui hasil bumi, tanaman dan produk keluaran negeri.

Kita sangat mengharapkan negeri Kelantan pada hari ini mencapai *baladutthoyib* sebagaimana yang difirman oleh Allah dalam ayat tadi. Sudah 25 tahun kita telah menerapkan dasar Membangun Bersama Islam dan kini dasar ini kita pasakkan lagi agar sehati dengan rakyat Kelantan. Maka fasa Merakyatkan Membangun Bersama Islam dengan tiga tonggak asasnya iaitu Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan ini sampai bila-bila akan menjadi pegangan dan agenda keutamaan kerajaan negeri dalam semua program-program yang sedang dan bakal dilaksanakan.

Kita sentiasa mendoakan agar Kelantan tidak terhibab daripada *barakaatul ardh* iaitu segala nikmat kemudahan prasarana, infrastruktur dan makanan sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW:

إِنَّ أَكْثَرَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ مَا يُخْرِجُ اللَّهُ لَكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ الْأَرْضِ . فَقِيلَ : مَا بَرَكَاتُ الْأَرْضِ ؟ قَالَ : زَهْرَةُ الدُّنْيَا

Maksudnya: *Sesungguhnya apa yang sangat aku takuti menimpa kamu ialah bila mana Allah mengeluarkan kamu dari menerima keberkatan bumi. Lalu para Sahabat bertanya; Apakah keberkatan bumi itu? Sabda Nabi; iaitulah segala kemudahan dan kesenangan dunia.*

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Di peringkat kerajaan kita telah menubuhkan SPARK sebagai badan perancang dan pemantau pelaksanaan projek dan kita juga telah membuat penambahan kepada dasar Membangun Bersama Islam dengan merangka seterusnya melancarkan Wawasan “Kelantan Melangkah Ke Hadapan: Keberkatan Kemakmuran Kebajikan” dengan menggariskan tiga tonggak utama dan sepuluh strategi bagi mencapai wawasan tersebut. Dokumen strategik yang melibatkan penggembelengan Jabatan dan Agensi Kerajaan bagi mencapai wawasan tersebut telah disiapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dan akan dilancarkan oleh YB Dato’ Setiausaha Kerajaan Negeri dalam masa terdekat.

Sempena ucap-tama Kelantan Mendepani cabaran ini, saya akui bahawa banyak sekali cabaran yang telah dilalui oleh Kerajaan Negeri Kelantan khususnya selepas bah kuning yang melanda negeri ini pada penghujung tahun yang lalu. Sehingga kini sejumlah 1,821 buah rumah yang musnah keseluruhannya telah menjadi keutamaan kerajaan negeri untuk diteliti permasalahan mangsa banjir khususnya di Kuala Krai yang mencatat jumlah paling tinggi iaitu 1,257 buah rumah yang *total loss*. Kerajaan negeri beserta gabungan NGO sehingga kini sedang mengambil tanggungjawab bagi menyiapkan sejumlah rumah kekal yang dalam tindakan ketika ini iaitu sebanyak 747 unit di seluruh lokasi banjir. Kerajaan negeri sedang berusaha sedaya mungkin bagi menyiapkan rumah kekal yang telah dijanjikan sebelum ini iaitu sebanyak 600 unit agar siap pada tempoh waktu yang ditetapkan, insyaAllah.

Begitu juga usaha-usaha kerajaan negeri untuk memastikan kesejahteraan rakyat tidak pernah diabaikan, dengan demikian Belanjawan 2015 diterapkan tema ‘Kesejahteraan Rakyat Keutamaan Negeri’ sesuai dengan hasrat kerajaan negeri yang mengutamakan kebajikan ketika menaungi rakyat negeri ini. Strategi untuk mencapai hasrat tersebut antaranya kerajaan mengenal

pasti dan memberi tumpuan khusus kepada program dan projek yang dapat membangunkan ekonomi rakyat. Oleh itu, kerajaan berusaha bersungguh-sungguh mengadakan aktiviti ekonomi ke arah memaksimumkan pendapatan negeri. Kita menumpukan juga untuk mendapat punca-punca hasil dalam aspek pengurusan dan pemajuan khazanah asli yang ada seperti tanah, hutan dan mineral.

Oleh yang demikian, dalam strategi bajet 2015, saya menggariskan beberapa langkah dalam mengurus perbelanjaan negeri ini antaranya dengan mengenalpasti serta memilih program dan projek yang betul-betul dapat merencanakan ekonomi dan taraf hidup rakyat. Dalam memastikan kestabilan dan merencanakan pembangunan negeri, kerajaan negeri sebelum ini telah menubuhkan Majlis Penasihat Ekonomi Negeri yang dianggotai oleh pakar-pakar ekonomi, ilmuwan dan ahli teknokrat yang berperanan untuk mencadang serta menasihati Kerajaan Kelantan khususnya dalam aspek pembangunan dan kemajuan ekonomi negeri.

Setakat ini kita telah mengenalpasti serta memilih program dan projek yang betul-betul dapat merencanakan ekonomi dan taraf hidup rakyat. Semua aspek pembangunan negeri yang dapat mengurangkan keadaan ketidakseimbangan sosio-ekonomi diberi fokus yang baik. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang sederhana serta kedudukan kewangan yang terhad, kerajaan negeri akan terus memberi penekanan dalam memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran negeri melalui pelbagai program pembangunan yang dirancang.

Kerajaan negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan untuk misi pelaburan ke luar negara bagi menarik lebih banyak pelaburan asing langsung ke negeri kita. Ini termasuklah kita telah adakan misi pelaburan ke China dan Timur Tengah bagi menarik pelabur dalam industri berasaskan sumber mineral yang terdapat dalam negeri seperti industri simen, petroleum, gas dan

juga dalam industri halal. Dalam menjayakan siri-siri pelaburan ini kerajaan mengunjurkan nilai pelaburan yang dapat dijana sekitar RM 12 billion bagi tempoh 3 tahun bermula tahun 2014.

Insyallah, kita mengharapkan selepas ini Kelantan sebagai sebuah negeri di Malaysia yang paling hampir dengan China dari sudut geografinya boleh menjadi pintu masuk kepada pelbagai produk khususnya produk halal yang mempunyai pasaran yang amat berpotensi di Malaysia pada hari ini. Mengambil pengajaran daripada surah Quraisy di mana Allah menyebut:

لَا يَلْفُ قَرَيْشٍ ۖ إِ لِفِهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ ۖ

Maksudnya: *Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy, iaitu kebiasaan aman tenteram dalam perjalanan mereka menjalankan perniagaan pada musim sejuk (ke Negeri Yaman), dan pada musim panas (ke Negeri Syam).* (Quraisy:1-2)

Allah SWT menjelaskan sikap bangsa Quraisy yang sering berulang-alik ke Syam dan Yaman untuk berniaga, begitu juga kita pada hari ini, perlu berusaha lebih serius dalam membuka pintu perdagangan di peringkat antarabangsa. Alhamdulillah, kita telahpun mengadakan MoU dengan Wilayah Linxia China tahun lalu yang mana MoU tersebut berkonsepkan kerjasama atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama, juga untuk menggalakkan hubungan rakyat dan ekonomi perdagangan antara Kelantan dan China, dalam menjalankan kerjasama di bidang industri, pendidikan, kebudayaan dan pelancongan. Antara yang terpenting juga kita telah bersetuju untuk jalankan kerjasama dalam industri halal dan pensijilan dari segi makanan, ubat-ubatan, pakaian, produk biologi dan penternakan. Untuk itu, kita telah capai persetujuan antara Shanghai Al-Amin Biotech dan Golden Triangle Worldwide Sdn Bhd. bagi membina kilang pengeluaran gelatin halal

di negeri Kelantan untuk pasaran tempatan juga luar negara. Kita sangat mengharapkan usaha ini berjalan dengan jayanya.

Kerajaan negeri melalui pejabat pengarah tanah dan galian dan pejabat tanah di semua jajahan telah merangka pelbagai dasar bagi memudahkan urusan pembangunan tanah. Secara kasarnya jumlah sebanyak 90,368 permohonan milik tanah telah diluluskan dari tahun 1990 sehingga Disember 2014. Dalam hal ini, kerajaan negeri sentiasa menerima pakai apa-apa panduan yang diputuskan di peringkat pusat dan diubah suai mengikut keperluan di peringkat negeri.

Khusus dalam bidang pembangunan wilayah, kerajaan negeri telah melakar pelbagai kejayaan dalam memperjuangkan nasib peneroka Kesedar, Felda dan Felcra yg terpinggir. Antaranya ialah pengambil alihan tanah Felcra di Panggung Lalat, Gua Musang yang telah berjaya diletakkan di bawah pengurusan PMBK Sawit. Begitulah juga dengan penubuhan ladang rakyat yang diberi amanah mengurus hartanah rakyat Kelantan di samping memberikan dividen bagi membantu meringankan beban rakyat yang kurang berkemampuan dari sudut kewangan.

Kita juga komited bagi menaiktaraf kehidupan rakyat di luar bandar melalui perancangan pewujudan bandar-bandar baru sebagai katalis pembangunan dan ekonomi di koridor negeri seperti Bandar Baru Sungai Terah seluas 1,000 ekar. Dengan adanya bandar-bandar baru ini diharapkan agar peluang pekerjaan semakin bertambah, pembinaan rumah kediaman semakin rancak dan taraf sosio-ekonomi setempat akan meningkat.

Saya bersama dengan exco-exco kerajaan negeri akan terus memberi perhatian yang utama kepada golongan *dhaif* dan miskin termasuklah warga emas. Oleh sebab itu, kerajaan negeri terus menyediakan peruntukan secukupnya untuk program-program pembelaan rakyat miskin dan mereka

yang memerlukannya. Dalam pembentangan bajet 2015 yang lepas, kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 5.5 juta ringgit khusus bagi program Bantuan Rumah *Dhuafa* yang diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan rumah-rumah dan pembinaan rumah di setiap Dewan Undangan Negeri, termasuk bagi membantu meringankan beban rakyat yang kurang berkeupayaan dengan cara memperbaiki dan mendapatkan rumah sendiri.

Kerajaan negeri akui betapa harga pasaran rumah sentiasa meningkat dari tahun ke tahun khasnya bermula April tahun ini, kerajaan persekutuan telah menetapkan bayaran cukai GST, sudah tentu kos bayaran semakin bertambah namun sebagai sebuah kerajaan yang prihatin akan permasalahan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, golongan yang tidak berkemampuan, kerajaan negeri akan sentiasa memberi tumpuan khusus untuk skim rumah *dhuafa* ini. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: *Siapa yang menghilangkan kesusahan seseorang mukmin dari pelbagai kesusahan dunia, nescaya Allah akan menghilangkan kesusahan semasa di hari kiamat.* (Riwayat Muslim)

Ketika saya mula-mula memegang amanah sebagai menteri besar pada 2013 lalu, saya menyatakan dengan tegas impian saya untuk melihat “satu keluarga satu rumah” berjaya di kelantan. Bagi menjayakan hasrat ini, antaranya ialah melalui program rumah mampu milik. Alhamdulillah, usaha ke arah ini sedang berjalan, dan kerajaan sangat mengharapkan agensi-agensi yang berkaitan, seperti Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, PKINK dan PMBK, hendaklah memainkan peranan yang optimum serta melipat gandakan usaha semaksima mungkin untuk merancang dan menjayakan target yang disasarkan iaitu sejumlah 2,000 hingga 5,000 unit rumah dalam tempoh 5 tahun yang telah ditetapkan.

Dalam mengurus pendidikan negeri pula, kerajaan negeri memiliki sistem pendidikan yang tersendiri dan unik di bawah Yayasan Islam Kelantan. Kita sedar bahawa kerajaan negeri terpaksa menyediakan perbelanjaan yang besar setiap tahun dalam memajukan sektor pendidikan. Namun kita amat memahami bahawa hasilnya bukan sekadar diukur secara fizikal dan material, tetapi ia merupakan khazanah yang berharga terhadap tamadun ummah dan penyediaan modal insan. Kita sangat mengimpikan pemimpin masa hadapan adalah di kalangan anak-anak kita yang pada hari ini mereka adalah hafiz al-Quran dan cemerlang akademik berada ditampuk kepimpinan utama kerajaan suatu masa kelak. Oleh sebab itu, dalam bajet 2015, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 72 juta kepada YIK bagi menguruskan agenda tersebut di samping RM 4 juta lagi bagi projek pembangunan baru, menaiktaraf dan menyelenggara bangunan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Selain kita merangka untuk memajukan sekolah tahfiz, tahfiz sains dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), kita juga telah merangka dan berusaha ke arah penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi yang baru seumpama pembinaan Kompleks Pendidikan Islam dan penubuhan Institut Latihan Darul Naim termasuk membangun serta memperkasakan pusat pendidikan pra sekolah di setiap jajahan. Kerajaan negeri telahpun menubuhkan Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) yang bertujuan untuk memantapkan lagi perjalanan prestasi pendidikan di negeri ini. Semenjak ditubuhkan, ILPK telah berjaya mengendalikan kursus peningkatan profesionalisma guru untuk 180 orang guru Yayasan Islam Kelantan selama 6 hari pada awal Disember 2014 dan turut mengendalikan bengkel kepimpinan pengetua selama 4 hari mulai 7 Mei 2015 baru-baru ini. Selain itu, ILPK telah menyediakan modul kursus yang meliputi pengurusan sekolah, pedagogi, al-Quran dan subjek-subjek teras dan pilihan bagi SPM,

SMU, STAM serta UPSR. Uniknya, setiap modul yg disediakan ini telah diserapkan teras pentadbiran kerajaan negeri iaitu berpandukan Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI). Ini adalah antara hasrat yang telah dipersetujui bagi menjamin kualiti dan mutu pendidikan negeri.

Usaha-usaha pihak kerajaan negeri untuk meluaskan sektor pendidikan ini dijalankan dengan giatnya dan terkini pihak kerajaan negeri telah meninjau lokasi pengajian di Turki termasuklah sebelum ini di Qatar, Dubai, Kuwait dan Maghribi untuk menempatkan pelajar-pelajar dari Kelantan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang perubatan. Adapun di Saudi, kita telah berjaya menambahkan bilangan pelajar dalam Pengajian Islam dan Bahasa Arab di sana. InsyaAllah kerajaan juga melalui Kerusi Tok Kenali akan memperuntukkan sejumlah bajet bagi membiayai pelajar terpilih yang akan menyambung ke peringkat Doktor Falsafah di bidang yang akan ditentukan oleh kerajaan negeri. Ini adalah satu usaha kerajaan negeri bagi mewujudkan pelapis masa hadapan yang berpotensi di samping bantuan pendidikan melalui Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) yang telah disediakan bagi meringankan beban pelajar Kelantan yang belajar di dalam dan luar negara.

Pada tahun 2009 lalu, kerajaan negeri telah melancarkan kempen ‘Bertani Satu Ibadah’. Secara tersirat kempen ini adalah satu mesej kerohanian pihak kerajaan negeri kepada para petani, betapa segala usaha titik peluh para petani, peladang, penternak dan nelayan adalah sebahagian daripada amal ibadat yang menjadi suruhan agama. Dalam mengoptimalkan misi ini, kerajaan negeri telahpun menyusun program-program untuk membangunkan sektor ini seperti program pembangunan industri padi, program pembangunan industri pelbagai komoditi, pembangunan industri sayuran dan buah-buahan serta program pembangunan usahawan. Untuk itu, kerajaan negeri telah meluluskan Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan bagi

menyatakan keseriusan kerajaan dalam membangunkan sektor pertanian serta mengoptimumkan hasil kerajaan negeri.

Dalam persaingan bidang pertanian ini, kita perlu menggalakkan pertumbuhan berasaskan inovasi dan proses pengeluaran yang menggunakan teknologi perladangan moden dan ICT. Khususnya selepas banjir baru-baru ini, banyak kemusnahan berlaku dan kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 2 juta untuk bantuan pasca banjir khas dalam membangunkan sektor pertanian.

Kerajaan negeri akan mengadakan pameran Flora dan Organik Lojing bagi menonjolkan Tanah Tinggi Lojing sebagai pusat pengeluaran makanan dan pertanian. Kita akan mengetengahkan produk pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-bunga yang berjaya dihasilkan melalui kaedah organik di kawasan Tanah Tinggi Lojing ini. Ini adalah salah satu usaha untuk kita mempromosi dan menyemarakkan Lojing sebagai satu daerah atau kawasan pertanian yang berpotensi untuk maju. Kita telah membangunkan satu projek perintis yang dikenali sebagai *Nucleus Green Valley* atau 'Lembah Hijau Nukleus' untuk dijadikan sebagai projek contoh oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad dan diiktiraf oleh jabatan alam sekitar sebagai projek tanaman tanah tinggi yang mesra alam dan menjadi penanda aras pertanian kepada Tanah Tinggi Lojing.

Sektor perlombongan juga menjadi sumber utama dalam penjanaaan ekonomi dan pelaburan negeri. Kita hendaklah menggalakkan pelaburan dalam sektor ini, khususnya industri hiliran yang mempunyai nilai tinggi. Hal ini memerlukan kecekapan dalam tadbir urus industri perlombongan bagi tujuan mendatangkan hasil yang maksima. Kerajaan negeri menggesa agensi-agensinya yang terlibat untuk meneroka dan mengeksploitasi sumber-sumber mineral baru yang bernilai tinggi supaya dapat dimajukan secara lebih mampan.

Sebelum ini, kita telahpun menerima royalti bernilai RM 2.2 juta melalui hasil perlombongan emas di tiga blok berbeza dan dijangka meningkat memandangkan hasil pengeluaran akan bertambah apabila kerja-kerja mencari gali di kawasan lain juga dilaksanakan. Pada tahun 2013 lalu, kerajaan negeri juga telah meluluskan dua kawasan seluas 179.70 hektar (444 ekar) dan 180 hektar (445 ekar) untuk dijalankan kerja-kerja perlombongan bijih besi. Ini adalah beberapa usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam mendapatkan perolehan hasil yang optima.

Manakala dalam sektor pelancongan, kerajaan negeri terus berusaha agar sektor ini digerakkan secara semaksima mungkin bagi melahirkan Kelantan sebagai destinasi pilihan pertama pelancongan domestik, di samping meningkatkan kemasukan pelancong antarabangsa berasaskan penampilan negeri Kelantan sebagai hub-pelancongan Islam, warisan, budaya dan kesenian. Kita hendaklah mengeksploitasikan sumber alam semulajadi, khazanah budaya dan warisan Islam sebagai produk pelancongan negeri.

Program-program penghayatan Islam yang sememangnya menjadi kewajipan, secara tidak langsung mampu menjadi produk pelancongan yang berdaya tinggi. Justeru promosi, pemasaran, pengiklanan dan program pelancongan perlu diperhebatkan lagi. Destinasi dan produk pelancongan sama ada dibangunkan oleh kerajaan atau swasta perlu dilengkapi dengan infrastruktur yang lengkap dan budaya penyenggaraan produk dan kemudahan pelancongan wajar dipupuk sebaiknya. Bagi tahun ini kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM 2.2 juta bagi program Pembangunan Pelancongan, Pembangunan Seni dan Budaya dan Galakan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta RM 800 ribu bagi Pembangunan Infrastruktur Pelancongan seumpama di Kolam Air Panas Tok Bok, Air Terjun Jeram Pasu dan Taman Negara Kuala Koh.

Kita juga mesti memperkenalkan produk-produk pelancongan baharu yang agak unik daripada yang lain seumpama menjadikan lokasi berdekatan Pondok Moden Kandis sebagai Pondok Pelancongan Kandis. Kita mahu melihat pusat-pusat pengajian pondok yang menjadi mercu ilmu di negeri ini juga akan menjadi tarikan utama dalam menarik pelancong luar melihat tradisi pengajian ilmu bertalaqqi yang masih dikekalkan serta mempromosi kepada masyarakat negeri lain untuk turut datang bertalaqqi di Kelantan. Di Kelantan ini, kita mempunyai generasi 'Tok Guru' yang sentiasa kita hidupkan di institusi-institusi pondok dan kerajaan negeri sangat menjaga pertumbuhan institusi ini bagi mengekalkan warisan dan tradisi keilmuan yang dipelajari sejak sekian lama. Selain itu, Pusat Konservasi Reflesia Lojing, Selam Scuba, Bachok dan rangkaian Gua-Gua di Dabong adalah lokasi yang sangat sesuai juga untuk menjadi produk pelancongan baru yang akan menarik lebih ramai pelancong dalam dan luar negara.

Saya juga ingin menyentuh tentang agenda kerajaan negeri dalam menyantuni anak muda. Golongan anak muda atau belia pada hari ini adalah merupakan aset yang penting kepada agama dan negara. Di Malaysia jumlah anak muda ini telalu ramai iaitu 11.9 juta orang daripada 28.3 juta penduduk negara kita. Ini bermakna hampir sebahagian besar penduduk negara terdiri daripada golongan belia. Kebanyakan mereka berada dalam lingkungan umur di antara 15 hingga 39 tahun. Sebagai satu kelompok masyarakat dengan jumlah yang besar, anak muda sekali-kali tidak boleh dipinggirkan apatah lagi anak muda ini sebenarnya berpotensi dalam menuju arus pembangunan negeri dan negara. Malah nilai kepentingan anak muda ini sebenarnya dapat diperhatikan melalui frasa-frasa yang sering dikaitkan dengan mereka seperti belia aset negara, anak muda harapan bangsa dan anak muda tiang negara dan lain-lain lagi.

Jumlah anak muda yang ada ini perlu digembleng supaya mereka menjadi lebih mantap dari pelbagai aspek meliputi syakhsiah dan keperibadian, intelek dan akademik, di samping pembangunan fizikal dan sosial yang cemerlang. Selain itu, dalam mencapai frasa tersebut, golongan belia atau juga dikenali sebagai golongan muda ini perlu dididik dan dibentuk sejajar dengan kehendak agama. Oleh itu, kerajaan negeri melalui Exco Belia dan Urusetia Belia dan Sukan sangat mengharapkan agar anak-anak muda ini disantuni dengan baik dan dapat lahir sebagai aset penting kerajaan negeri dalam pelbagai kemampuan yang mampu mereka sumbangkan. Saya ingin melihat kesan daripada program Anak Muda Kelantan (AMK) dan Program Bina Ummah (PBU) yang telah dilaksanakan dapat meninggalkan kesan yang sangat positif kepada pentarbiyahan anak muda di seluruh kawasan di negeri ini.

Penggunaan media baru pada hari ini agak berleluasa dan kerajaan negeri turut mengambil langkah dalam mempertingkatkan kemudahan jalur lebar Internet agar ianya turut dimanfaatkan oleh jabatan dan badan berkanun kerajaan. Kerajaan negeri melalui Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri mesti berperanan secara lebih aktif dalam menangani isu-isu yang melibatkan kerajaan negeri yang muncul di *faceebook* dan pelbagai media. Urusetia Penerangan mesti menjadi lidah rasmi kerajaan di setiap pelusuk kawasan di negeri ini khasnya dalam memberi penerangan terhadap agenda-agenda utama kerajaan negeri.

Pihak kerajaan negeri juga perlu memainkan peranan yang lebih aktif bagi menggabungkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang aktif dan mesra kerajaan. Penggabungan yang dimaksudkan di sini ialah bagaimana NGO-NGO dapat berperanan secara maksima dalam membantu kerajaaan. Bantuan tidak mengira batas dan sempadan sama ada dalam memberi pandangan, mencetus idea sehingga mampu menjadi suatu *check and balance*

kepada kerajaan yang ada. Untuk itu, saya mencadangkan agar diadakan suatu persidangan besar NGO-NGO ke arah merealisasikan hasrat dan cabaran yang telah saya nyatakan tadi.

Kini, kerajaan negeri sudahpun meluluskan pindaan bagi Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 pada 19 Mac lalu dengan sokongan sebulat suara daripada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. InsyaAllah dalam persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung sekarang, usaha untuk membawa Rang Undang-Undang Persendirian bagi membuat pindaan terhadap Akta 355 Akta Mahkamah Syariah berjalan dengan baik dan semoga pindaan kepada akta tersebut dapat diluluskan di parlimen kali ini. Kita faham bahawa hasrat yang sudah lama ini bukan mudah untuk dicapai dan kemungkinan-kemungkinan mesti diletakkan di hadapan. Namun, kita perlu sedar bahawa *Private Members Bill* yang telah dibawa oleh Ahli Parlimen Marang dalam persidangan lalu telah tersenarai dalam aturan mesyuarat Dewan Rakyat. Begitu juga isu berkaitan Kanun Jenayah Syariah ini telah menjadi isu antarabangsa yang diperbincangkan di semua peringkat. Maka ini adalah kejayaan yang telah dikurniakan Allah dan kita mengharapkan kejayaan yang lebih besar selepas ini, insyaAllah.

Saya juga melihat, betapa perlunya kita menguatkuasakan beberapa undang-undang lain yang bersabit dengan pemakaian dan etika pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan bagi mengelakkan masyarakat di Kelantan terjebak dengan pelbagai kemungkaran. Adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk kita melaksanakan undang-undang pemakaian tidak menjolok mata yang tidak menimbulkan ghairah. Pada hakikatnya, MPKB-BRI pada tahun 1992 telahpun mengambil langkah menetapkan peraturan menutup aurat bagi wanita Islam dan berpakaian sopan kepada bukan Islam. Peraturan aurat dan pakaian sopan ini adalah yang pertama dalam bidang kuasa kerajaan tempatan di Malaysia. Pada 1 Januari 1992, MPKB-BRI telah memulakan

langkah awal menguatkuasakan peraturan menutup aurat bagi wanita Islam dan berpakaian sopan bagi wanita bukan Islam melalui syarat pelesenan.

Namun, peraturan ini dikuatkuasakan hanya ke atas pemegang lesen premis perniagaan sahaja. Dengan itu, kesalahan menampilkan aurat dan pakaian menjolok mata hanya boleh dikenakan ke atas pemegang lesen sahaja. Penguatkuasaan ini sudah amat baik, namun ia tidak boleh untuk dikuatkuasakannya secara menyeluruh di negeri Kelantan. Maka usaha ke arah penguatkuasaan sepenuhnya undang-undang berpakaian yang tidak menimbulkan ghairah ini perlu diambil perhatian serius memandangkan kita sudah ada peruntukan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 Kelantan iaitu pada bahagian dua seksyen lima. Saya berharap usaha ini dapat dijayakan sepenuhnya selain pihak kerajaan terus berusaha memberi penerangan tentang tuntutan dan larangan agama dalam berpakaian sopan.

Semasa berlaku banjir besar akhir tahun 2014 lalu, Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) telah menanggung kerugian kira-kira RM 35.2 juta di mana untuk loji sahaja kerugiannya berjumlah RM 16.1 juta manakala bagi paip-paip agihan termasuk sistem yang dipasang seluruh negeri membabitkan RM 19.1 juta. Daripada 32 loji, 28 darinya terjejas dan sebahagiannya ditenggelami air banjir malah tidak berfungsi disebabkan tiada bekalan elektrik yang terpaksa diputuskan untuk mengelak daripada bahaya. Untuk baik pulih loji terjejas, AKSB telah menerima bantuan luar dari semua operator-operator air dari seluruh negara. Pihak kerajaan negeri tidak mampu untuk membaik pulih 28 loji terjejas tersebut dalam masa segera tanpa bantuan operator air dari seluruh negara dan kosnya juga agak tinggi.

Dalam menangani masalah air ini, insyaAllah melalui proses migrasi penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air yang diusahakan oleh SPAN dalam kaedah Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) yang kini sedang dalam

fasa akhir perjanjian. InsyaAllah migrasi ini akan ditandatangani dalam tempoh terdekat. Manfaat darinya selepas ini segala perbelanjaan kapital akan dibiayai oleh PAAB. Kita juga sangat mengharapkan usaha intensif dari AKSB, supaya target membekalkan air bersih sebanyak 85 peratus kepada penduduk Kelantan menjelang 5 tahun akan datang menjadi kenyataan.

Ekoran banjir tersebut, pihak kerajaan negeri turut mengambil inisiatif menguruskan lebih 100 tan naskhah al-Quran yang rosak dari seluruh Kelantan. Pihak kerajaan telah menerima relau pelupusan daripada pihak MAIK di mana dengan adanya relau ini, kita mampu menjimatkan kos melebihi setengah juta ringgit bagi melupuskan 80 tan al-Quran yang masih ada. Relau pelupusan tersebut mampu melupuskan 200 hingga 300 kilogram al-Quran sehari dan dijangka 80 tan naskhah yang masih berbaki di relau ini akan dilupuskan sepenuhnya dalam tempoh setahun.

Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan Jawatankuasa Galeri Bah Besar Kelantan bagi mengumpul segala data dan dokumentasi yang akan dijadikan sebagai rekod rasmi kerajaan berkenaan bah-bah besar yang melanda negeri ini. Tujuan utama kerajaan menubuhkan galeri ini adalah untuk menyediakan satu tempat bagi menyimpan rekod rasmi banjir atau bah besar yang pernah melanda Kelantan terutamanya bah tahun 2014. Idea ini timbul kerana buat masa ini tiada lagi satu tempat rasmi yang merekodkan kejadian bah besar Kelantan yang pernah berlaku seperti bah merah tahun 1926, bah tahun 1967 dan bah 2004 hingga menimbulkan kesulitan kepada kerajaan dan orang ramai dalam membuat kajian dan perbandingan. Selain menjadi satu tempat untuk rakyat melihat koleksi gambar atau rakaman video berkenaan banjir ini, ia juga boleh digunakan sebagai satu medium untuk menanam kesedaran kepada rakyat untuk bersikap proaktif dalam menghadapi bencana banjir dan juga boleh digunakan oleh kerajaan dalam merangka pembangunan akan datang.

Kerajaan negeri dalam mendasari Merakyatkan Membangun Bersama Islam, turut mengambil berat perihal penduduk yang bukan beragama Islam. Kerajaan negeri telah memberi kebenaran kepada 24 buah wat Siam di Kelantan yang dalam proses digazet untuk diletakkan di bawah Majlis Sangkha Negeri Kelantan. Selain daripada itu, rumah ibadat orang Cina seumpama di Kuala Krai, Kampung Chekok Pasir Mas dan Kampung China PCB turut diberi perhatian. Kerajaan negeri telah memberi kebebasan kepada aktiviti-aktiviti agama lain, ini bermakna dalam usaha kita meningkatkan syiar Islam, kepentingan dan hak kaum-kaum lain tidak pernah diabaikan memandangkan mereka juga adalah rakyat Kelantan.

Saya sangat mengharapkan semua pimpinan di semua peringkat dan rakyat di negeri ini sama ada Islam mahupun bukan Islam agar hidup bertoleransi, kerjasama sepakat langkah sederap dan sama-sama menjaga kemakmuran, keamanan serta keindahan unik negeri Serambi Mekah ini. Semoga Allah sentiasa memelihara kerajaan negeri agar sentiasa berjalan di atas paksi keredhaan-Nya. Terima kasih kepada seluruh jentera kerajaan yang telah memberi khidmat berterusan kepada pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat Kelantan.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd!

KEBERKATAN



KEBERKATAN



KEMAKMURAN



KEMAKMURAN



KEBAJIKAN



KEBAJIKAN



